

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 46

Selasa

11 November 2014

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 2015

Jawatankuasa:-

Jadual:-

Maksud B.10, B.11 & B.12 (Halaman 23)
Maksud B.28 (Halaman 91)
Maksud B.20 (Halaman 156)

USUL-USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada
Peraturan Mesyuarat (Halaman 23)

Usul Anggaran Pembangunan 2015

Jawatankuasa:-

Maksud P.10 & P.70 (Halaman 23)
Maksud P.28 (Halaman 91)
Maksud P.20 (Halaman 156)

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA

Selasa, 11 November 2014

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah usaha berterusan kerajaan dalam memberikan penerangan mengenai GST kepada rakyat sebelum ia dilaksanakan April 2015.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Chua Tee Yong]: Terima kasih Yang Berhormat Baling atas soalan nombor satu. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan melalui pelbagai saluran perhubungan sentiasa mempergiatkan program kesedaran dan latihan GST secara berterusan untuk meningkatkan kesedaran, kefahaman dan kesediaan masyarakat terhadap cukai barang dan perkhidmatan atau GST yang akan dilaksanakan pada 1 April 2015. Pelbagai aktiviti penerangan dan pemakluman GST telah, sedang dan akan terus dilaksanakan untuk memberi kesedaran dan kefahaman mengenai GST kepada pelbagai kumpulan sasar melalui aktiviti-aktiviti *community strategic* iaitu melalui media massa, penjelasan secara bersemuka dan media digital serta sosial.

Melalui pendekatan pelbagai ini, kerajaan secara bersepadu dengan pelbagai agensi kerajaan, badan bukan kerajaan, persatuan-persatuan perniagaan, persatuan-persatuan pengguna dan GLC di seluruh negara melaksanakan program taklimat GST ke seluruh negara, daerah dan juga kumpulan individu mengikut kumpulan sasar masing-masing.

Hasil daripada program-program penerangan dan aktiviti penjelasan, kerajaan telah menangani beberapa isu seperti salah faham mengenai cukai bertindih dengan izin, *double taxation* di samping memudahkan cara proses pendaftaran dari *committee* perniagaan dan meningkatkan komunikasi di peringkat negeri dan luar bandar.

Penjelasan dan kempen GST juga dilaksanakan melalui program wawancara, bual bicara, iklan, pengumuman dan sebagainya di pelbagai saluran stesen televisyen dan radio kerajaan dan swasta. Bahan-bahan sokong seperti buku panduan GST, pengguna dan perniagaan, risalah dan *road show* pameran juga dilaksanakan untuk memberi penjelasan dan penerangan mengenai GST. Bagi strategi komunikasi GST yang lebih cekap dan memberi kesan

yang lebih positif, Kementerian Kewangan juga memberikan fokus untuk menangani isu-isu GST di media sosial memandangkan media tradisional tidak dapat memenuhi impak negatif melalui media sosial terutamanya di kalangan masyarakat yang muda dan profesional.

Tumpuan diberikan kepada pemantauan isu-isu GST di media sosial secara secepat mungkin. Beberapa kajian mengenai kefahaman dan penerangan rakyat telah dijalankan dan hasil kajian menunjukkan bahawa majoriti rakyat telah memahami dan menerima GST. Untuk penjelasan dan keterangan lanjut, orang ramai boleh melayari laman web *gst.customs.gov.my* terima kasih.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri dan saya hendak ucapkan syabas dan tahniah kepada kerajaan melalui Kementerian Kewangan yang telah melakukan pelbagai cara, kaedah dan inisiatif yang telah diambil dalam konteks penjelasan perancangan mengenai GST kepada rakyat melalui TV, radio, iklan dan pelbagai cara kepada rakyat. Soalan saya. Saya dari kampung Baling, contohnya. Pokok Sena pun kampung, jangan cakap banyak.

Saya hendak tanya soalan, bagaimana kaedah-kaedah yang bersesuaian yang akan diguna pakai menyampaikan maklumat kepada sahabat-sahabat kita. Contohnya penarik beca, nelayan, penoreh getah, membawa prebet sapu, pemandu teksi, jururawat-jururawat di dalam kampung-kampung dan sebagainya. Bagaimana pendekatan ini dilakukan. Kerana saya tengok kalau kita melihat cara GST disampaikan, contohnya cukai *output*, cukai *input* dipanggil kredit cukai input, bukan semua orang kampung faham.

Jadi kita kena ada satu pendekatan yang agak kreatif, yang agak bertepatan untuk menyampaikan saluran maklumat ini. Saya yakin dan percaya, 1 April 2015 kita akan melaksanakan GST ini, Baling sokong tidak ada masalah. Akan tetapi saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, bagaimana kaedah luar biasa yang harus kita sampaikan. Sebab ini penting Tuan Yang di-Pertua. Ini amat penting sekali kerana Tuan Yang di-Pertua sendiri pun di Sabah bagaimana kita hendak sampai apa dia *input* dan *output* itu. Kadang-kadang mereka tidak mengerti.

■1010

Jadi pendekatan itu mestilah dihalusi. Kawasan rumah panjang contohnya di kawasan di Sarawak, di Sabah, di kawasan-kawasan Semenanjung pun harus kita mengambil inisiatif. Saya tengok televisyen yang mana Timbalan Menteri keluar *interview* dan sebagainya di televisyen tapi kita mesti lantik duta-duta di kalangan mereka contohnya nelayan, cari duta-duta di kalangan mereka yang kita jadikan tukang jurucakap yang boleh *explain* dengan izin ataupun boleh menyampaikan maklumat yang terperinci. Jadi saya harap kita ada lagi lebih kurang empat hingga lima bulan untuk kita melaksanakan GST ini. Kita tidak mahu mana-mana pihak mengambil satu langkah yang pergi sabotaj ataupun menyampaikan maklumat yang salah, memang dah ada dah pun sehingga rakyat keliru.

Satu lagi saya nak tanya berkaitan dengan pendaftaran RM500,000 ke bawah ini. Jadi contohnya kalau saya ada kedai di kampung, saya pergi beli barang contohnya, saya bukan nak

promote mana-mana. Salah sebuah gedung besar di bandar dan bawa balik. Saya dah bayar GST 6% tadi. Jadi bila saya balik kerana saya tidak boleh ataupun didaftarkan di bawah RM500,000 tersebut perniagaan saya, maknanya bila saya jual balik, saya tidak dapat GST. Jadi sebagai orang kampung, ialah sedikit kerugian dalam konteks 6%. Itu juga harus kita terjemahkan kenapa dan mengapa RM500,000 ke bawah tidak digalakkan mendaftar di bawah GST. Itulah soalan saya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Chua Tee Yong: Terima kasih atas soalan tambahan daripada Yang Berhormat Baling. Daripada segi inisiatif kerajaan untuk meningkatkan daripada segi kesedaran untuk GST, memang kita melihat keperluan nombor satu, daripada segi pihak peniaga, nombor dua, daripada segi rakyat terutamanya dari bandar dan luar bandar. Maka kita menggunakan inisiatif pelbagai dan sedang dan akan dilaksanakan terutamanya nombor satu, kita tengah menggunakan terutamanya melalui saluran TV di mana setiap ahad bermula daripada dua minggu lepas di mana Ahad pukul 9 hingga 10 malam ada di RTM1, itu adalah untuk secara saluran TV yang percuma. Nombor dua, daripada segi laman web memang terdapat supaya maklumat tersebut dapat dimuat turun pada bila-bila masa.

Nombor tiga, kita juga bekerjasama dengan Jabatan Penerangan untuk memastikan daripada segi maklumat ini dapat disampaikan dan kita juga bekerjasama dengan NGO-NGO supaya jikalau terdapat permintaan NGO-NGO sama ada dari kawasan luar bandar atau di negeri-negeri tertentu yang amat aktif dan ingin membuat program-program kesedaran GST, kita juga menolong dan memberi bahan tersebut.

Maka inisiatif kita bukan sahaja melalui agensi kerajaan sahaja tetapi dengan menggunakan NGO-NGO yang terdapat. Maka jikalau terdapat permintaan mungkin dari Parlimen Baling terdapat ada persatuan-persatuan yang ingin membuat program-program kesedaran ini, kita sedia untuk melihat dan juga menolong kerana inisiatif ini dan maklumat ini perlu kita sampaikan kepada semua rakyat di Malaysia ini dan kita juga bekerjasama dengan persatuan-persatuan peniaga dan juga SME Corp. supaya ahli-ahli peniaga juga mendapat tahu mengenai pelaksanaan GST ini.

Daripada segi soalan nombor dua yang ditanya mengenai pendaftaran bagi *business* RM500,000 ke atas jualan dan RM500,000 yang ke bawah, sebenarnya RM500,000 ke bawahnya ada juga yang mendaftar tetapi saya tak adalah maklumat berapa pada masa sekarang tetapi terdapatlah yang mereka mendaftar kerana mereka melihat dan menilai dengan pendaftaran ini mereka boleh mendapat balik input teks tetapi ada terdapat juga yang tidak mendaftar kerana bila mereka melihat nilai jualan mereka adalah RM500,000 ke bawah, daripada segi kos pelaksanaan, daripada segi kos *compliance* dan sebagainya mereka menilai adalah tidak begitu manfaat untuk mendaftar memandangkan *volume business*nya adalah tidak begitu besar.

Maka bagi mereka yang tidak mendaftar, apabila mereka membuat perniagaan-perniagaan kecil, mereka apabila membeli akan dikenakan GST mungkin daripada *wholesaler* atau orang tengah dan kos ini juga akan tertera dalam perniagaan mereka sebagai contoh, ada

yang membeli barang sebagai contoh RM100 daripada *wholesaler* maka dia kena bayar RM106. Maka GST yang dibayar adalah RM6 tetapi kerana dia tidak mendaftar maka dia tidak boleh mengambil balik input teks. Maka kos untuk *businessnya* ialah RM106, maka apabila dia jual sesuatu barang itu dengan *profit* sebanyak RM50, maka dia akan menjual barang itu sebanyak RM156. Ada yang mengatakan dengan ini mereka yang tidak mendaftar akan rugi dan *business* mereka akan merudum tetapi ini bukan benar pun.

Itu ialah contoh yang saya bagi kepada mereka yang tidak mendaftar. Kalau terdapat yang mendaftar, dia membeli sebanyak RM100, dia perlu bayar GST sebanyak RM6, maka ialah RM106 tetapi kos dia adalah RM100 kerana bila dia jual RM150, dia kena jual pada harga RM159 kerana terdapat GST, maka kalau kita membuat perbandingan dengan perbandingan contoh satu, harga yang dia jual untuk kerana tidak mendaftar GST adalah RM156 dan yang mendaftar GST adalah RM159 tapi keuntungan masih kekal RM50 untuk dua-dua contoh tersebut tetapi akhirnya yang cuma nak mendaftar atau tidak mendaftar, terpulang kepada peniaga tersebut. Sekian, terima kasih.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Timbalan Menteri, soalan tambahan. Saya nak tahu, selepas mengimplementasikan GST, saya difahamkan harga-harga barang semestinya akan naik dan apakah polisi yang sedia ada oleh kerajaan untuk mengelak faktor ini berlaku dan berkaitan ialah saya difahamkan juga bahawa daripada *collection total* GST ini sebanyak 80% akan digunakan pakai untuk pengurusan dan apakah ini benar dan jika sedemikian, apa yang dibuat supaya ia dapat dikurangkan.

Datuk Chua Tee Yong: Terima kasih atas soalan tambahan. Nombor satu, daripada segi pelaksanaan GST. Apabila GST akan dilaksanakan, memang daripada CPI yang kita lihat daripada kadar inflasi, dia akan melihat kenaikan sehingga 4% atau 5%, memang tetapi ini bukan bermakna semua barang akan naik atau semua harga barang akan menurun kerana sebenarnya daripada segi inflasi, bukan sahaja GST yang memberi impak, terdapat faktor-faktor yang lain yang memainkan peranan dalam penentuan harga barang dan perkhidmatan. Maka GST ialah salah satu faktor di mana kalau terdapat pergantian dengan *sales tax* atau boleh dikatakan cukai jualan yang tinggi sebanyak 10%, maka terdapatlah daripada segi penjimatan dan maka barang-barang tersebut mungkin turun jikalau faktor-faktor yang lain kekal tetapi kita melihat daripada segi terdapat banyak faktor lain yang boleh menyebabkan kenaikan harga dan bukan GST.

Nombor dua, daripada segi pendapatan yang diterima daripada GST. Sebenarnya kerajaan menganggar sebanyak RM23 bilion tetapi saya tidak faham daripada segi mengatakan bahawa kos implementasi atau kos pengurusan ialah sebanyak 18% kerana kebanyakan kos adalah disebabkan dia merupakan penggantian cukai untuk cukai jualan dan cukai perkhidmatan, *sales tax and service tax* di mana sebanyak RM13.8 bilion yang akan dimansuhkan kerana dengan pelaksanaan GST. Maka 80% daripada kos pengurusan itu saya tidak dapat tahu daripada mana *figure* itu terdapat. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kalabakan.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bila kita bercerita pasal GST, kebanyakan rakyat di luar bandar seperti mana dikatakan oleh Yang Berhormat Baling tadi memang tidak faham. Tadi Timbalan Menteri katakan ada penerangan dalam TV tapi itu kita tidak boleh kira kerana di luar bandar kadang-kadang TV pun tidak ada. Yang ada di kawasan Kalabakan hanya kastam sahaja yang buat penerangan mengenai GST. Kastam ada buat tetapi NGO, Jabatan Penerangan tidak ada sama sekali. Mungkin tidak ada arahan.

Jadi persoalan saya Timbalan Menteri, jika sekiranya peniaga kecil di kampung, dia membeli barang dari gedung seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Baling tadi, dia dikenakan GST tetapi apabila dia jual dia punya barang yang dia beli ini, dia tidak terdaftar jadi dia rugi 6%. Dia tidak boleh jual tambah 6% kerana ada GST dia bayar di gedung. Jadi persoalannya sekarang, penerangan yang dibuat oleh kerajaan bahawa nilai jualan ke atas RM500,000 mesti berdaftar, tak ada kata yang nilai jualan di bawah RM500,000 daftar seperti mana Timbalan Menteri kata tadi. Jadi bolehkah kementerian buat penerangan semua peniaga runcitkah, apakah harus mendaftar kerana mereka tidak mendaftar kerana tahu mereka tidak kena GST. Jadi minta penerangan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

■1020

Datuk Chua Tee Yong: Terima kasih atas soalan tambahan. Pertama, sebenarnya dalam pengumuman yang kita buat, kita sentiasa konsisten dengan mengatakan bahawa *businesses* atau peniaga-peniaga mempunyai nilai jualan RM500,000 ke atas ialah diwajibkan mendaftar, RM500,000 ke bawah adalah boleh mendaftar secara sukarela. Kita tidak membuat secara paksa kerana isunya kalau semua peniaga perlu mendaftar, maka dari segi implementasi ini, kebanyakan *businesses* atau peniaga-peniaga yang mempunyai nilai jualan yang RM500,000 ke bawah mungkin sistem mereka adalah tidak begitu teratur, maka kalau hendak membuat pelaksanaan GST ini, ia boleh membebankan mereka dari segi untuk memastikan sistem mereka boleh mematuhi apa yang diperlukan dalam GST.

Akan tetapi dalam contoh yang tadi saya beri kepada Yang Berhormat Baling tadi, sebenarnya saya hendak memberitahu bahawa sebenarnya GST boleh menolong juga peniaga-peniaga kecil kerana apabila GST dikenakan, sebagai contoh yang tadi diberikan, contoh yang pertama RM156 kerana ia tidak ada GST tetapi *profit* nya masih RM50. Contoh kedua, RM159 kerana ada GST, *profit*nya masih RM50. Maka *business* yang kecil-kecil ini mungkin mendapat manfaat jikalau GST tidak dilaksanakan untuk mereka kerana mereka tidak perlu ambil caj 6% pada peringkat akhir. Maka dengan cara itu, mereka juga boleh dikatakan mendapat nilai jualan yang lebih tinggi.

Maka saya tidak melihatlah pelaksanaan GST akan memudaratkan semua peniaga kecil, malah ada yang boleh membantu. Oleh itu, yang paling penting ialah untuk menilai sama ada untuk perniagaan mereka sesuai untuk mendaftar atau tidak mendaftar.

Sekian, terima kasih.

2. **Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]** minta Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air menyatakan jumlah kos pengurusan dan penyelenggaraan bulanan bangunan berstatus hijau Ibu Pejabat Suruhanjaya Tenaga di Putrajaya dan apakah langkah yang dilakukan bagi memastikan faedah pulangan kepada pelaburan dalam perkara ini dapat dicapai.

Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air [Dato' Seri Mahdzir Khalid]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Hulu Langat yang telah mengemukakan soalan mengenai dengan penggunaan platinum Suruhanjaya Tenaga di Putrajaya dan apakah pulangan kepada pelaburan dalam perkara ini dapat dicapai.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha kerajaan secara berterusan membangunkan teknologi hijau melalui Dasar Teknologi Hijau Negara telah mempelbagaikan subsektor teknologi hijau diperkenalkan dan diperkukuhkan. Salah satu daripada subsektor dalam teknologi hijau ialah yang berkaitan dengan *green building*. *Green building* merujuk kepada *sustainable building*, merujuk kepada struktur bangunan dan juga merujuk kepada, dengan izin, *environmentally responsible and resource efficient throughout the building life cycle*. Jadi salah satu dari dalam memperkenalkan *green building* ini telah dirujuk juga kepada tahap pembinaannya.

Dalam kes soalan Yang Berhormat Hulu Langat mengenai dengan bangunan Suruhanjaya Tenaga, sukalah saya sebut di sini, bangunan Suruhanjaya Tenaga telah mendapat pengiktirafan platinum yang telah siap pada 15 Mac 2010 dengan jumlah kos keseluruhannya ialah RM95 juta. Bangunan ini telah dilengkapi dengan ciri-ciri bangunan tenaga lestari dan direka bentuk memenuhi, dengan izin, *Building Energy Index* pada tahap 85 kilowatt satu jam *per meter square* setahun. Di antara ciri-ciri tenaga lestari yang dibangunkan dan diguna pakai di bangunan ini ialah dengan izin, *PV solar, rainwater harvesting, green water recycling, insulated concrete roof, floor slab cooling, roof light through glass dome, roof top garden*.

Kos selenggaraan bangunan *diamond* ini lebih kurang 60 sen sekaki persegi jika dibandingkan dengan bangunan lain di Lembah Klang yang kebanyakannya dalam lingkungan RM1.00 hingga RM4.00 satu kaki persegi.

Kementerian berpandangan bahawa faedah pulangan kepada pelaburan ini dapat dicapai dan pencapaian akan terus dipertingkatkan berdasarkan kepada prestasi penjimatan penggunaan utiliti seperti tenaga elektrik dan air seperti berikut.

Building Energy Index bangunan *diamond* ini telah mencapai tahap 65 kilowatt satu jam *per meter square* setahun. Satu prestasi yang lebih baik daripada reka bentuk asal iaitu mendapat pada tahap 85 kilowatt satu jam *per meter square* setahun. Malah, adalah jauh lebih baik berbanding dengan *Building Energy Index* pada kebanyakan bangunan yang terdapat di negara ini pada kadar purata 210 kilowatt sejam *per square meter* setahun. Penjimatan penggunaan elektrik dan air bangunan *diamond* ini telah mencapai penjimatan kos bekalan elektrik dan air sebanyak 65% setahun. Berdasarkan kepada pencapaian ini, pulangan modal bagi pembinaan bangunan ini adalah selama lima tahun.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian amat berbangga atas pencapaian berkenaan ini kerana ia telah diberi pengiktirafan sewajarnya oleh masyarakat dalam dan luar negara. Sebagai

makluman, bangunan ini telah mendapat pengiktirafan tertinggi platinum dari *Green Building Index* dan juga bangunan pertama di luar Singapura yang dianugerahkan penarafan *Green Mark Platinum*. Bangunan ini juga telah dianugerahkan *ASEAN Energy Award 2012* di bawah kategori *Energy Efficient Building*, *International Green Apple Award United Kingdom 2013* dan *Malaysia Green Building Confederation* kategori *Leadership in Sustainable Project*.

Terima kasih.

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Berdasarkan jawapan Timbalan Menteri, maka jelas bahawa bangunan Suruhanjaya Tenaga ini menepati *green building* yang jelas tadi kecekapan tenaga yang saya kira mungkin penjimatan sehingga 30% tetapi meningkat sampai 65%. Begitu juga kita berharap bangunan ini juga memberi perlindungan kesihatan pekerja dan juga dapat mengurangkan pencemaran dan juga kerosakan persekitaran.

Soalan tambahan saya, adakah kerajaan bercadang untuk meluaskan lagi konsep ini ke bangunan kerajaan atau bangunan-bangunan lain selaras dengan usaha meningkatkan kesedaran tenaga hijau? Apakah halangan utama dalam pelaksanaannya? Kedua, adakah perubahan mentaliti dan sikap warga kerja di bangunan ini dalam melestarikan persekitarannya?

Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah rumah-rumah kampung yang dibina berdasarkan bumbung atap rumbia, atap nipah dan sebagainya, dinding kayu, buluh dan sebagainya, adakah boleh kita kategorikan sebagai *green building*? Terima kasih.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Terima kasih kepada Yang Berhormat Hulu Langat dengan soalan tambahan yang dikemukakan.

Pertamanya adalah yang berkaitan dengan usaha kerajaan untuk meneruskan program *green building*. Sukacita saya memaklumkan di Dewan yang mulia ini bahawa di seluruh negara, kita telah menjayakan pada bulan lepas, *celebration* 100 juta kaki persegi *Green Building Index* sama ada melibatkan bangunan kerajaan dan juga bangunan di sektor swasta.

■1030

Di sektor swasta termasuklah perhotelan, kondominium dan juga bangunan perniagaan. Manakala di sektor kerajaan termasuklah seperti bangunan-bangunan kementerian, dan juga di bangunan-bangunan agensi. Komponen dalam menentukan bahawa telah mencapai *Green Building Index* ini, sama ada dia telah dianugerahkan dalam kategori *gold* ataupun emas ataupun *silver* ialah tahap pencapaian dari segi penggunaan tenaga yang efisien, penggunaan air yang efisien, dan juga keseluruhan reka bentuk bangunan itu yang membolehkan menerima sejumlah besar cahaya matahari yang dapat masuk ke dalam bangunan. Juga boleh dikatakan bahawa dari segi- *friendly*lah kepada alam sekitar. Kerajaan sedang berusaha untuk menambah jumlah bangunan di Putrajaya untuk memastikan bahawa *energy efficiency*, ataupun keberkesanan penggunaan elektrik dapat dikurangkan. Begitu juga penggunaan bekalan air di beberapa buah bangunan kementerian di Putrajaya. Ditambah pula sekarang ini, dengan ada bangunan kerajaan yang telah membina untuk membuat *collection rain harvesting* ini ataupun tadahan air hujan ini. Itu dari segi sektor kerajaan.

Keduanya Yang Berhormat sebut tadi tentang mentaliti dan juga sikap. Ini kita kena ketengahkan dengan *awareness program*lah- program-program yang boleh masyarakat faham apakah yang dikatakan sebenarnya *green technology* dan juga *green building*. Ini kerana kedua-dua ini akhirnya membawa kepada persekitaran yang baik untuk kehidupan. Sama ada kita-sekarang proses pemahaman itu kita buat. Pihak kementerian sendiri telah menubuhkan sebuah yayasan yang kita kenali sebagai Yayasan Hijau untuk membantu kerajaan untuk membuat, memberi kesedaran kepada masyarakat. Bahawa perlunya kita mencapai satu tahap kehidupan yang lebih baik untuk masa depan dengan teknologi hijau dan khususnya Yang Berhormat Hulu Langat sebut ialah berkaitan dengan *green building* ataupun bangunan hijau.

Saya bersetuju bahawa rumah-rumah kampung yang pada satu masa dahulu dibina berasaskan kepada bahannya dan struktur bangunan dan juga *design*nya, sememangnya banyak bangunan telah melalui proses pembinaan yang berasaskan kepada pemikiran pada waktu itu bahawa itulah yang terbaik untuk masyarakat dari segi penjagaan alam sekitar dan juga kehidupan mereka. Setakat ini Yang Berhormat, saya sebut di sini bahawa dari segi *Green Building Index* itu rumah-rumah ini tidak dimasukkan. Akan tetapi atas cadangan Yang Berhormat itu, boleh kita pertimbangkan dan halusi. Terima kasih.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojgoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Menjurus kepada soalan Yang Berhormat Hulu Langat tadi, jawapan Menteri soal bangunan bestari *Green Building Index* ini telah pun diperkenalkan pada tahun 2005 oleh pihak kerajaan. Akan tetapi setakat ini hanya *G Tower* yang saya lihat dekat dengan KLCC itu, satu kebanggaan kepada kita selain daripada bangunan kementerian sendiri.

Jadi soalan saya, adakah pihak kementerian menjurus kepada soalan Yang Berhormat Hulu Langat tadi, adakah pihak kementerian mendesak kepada semua pemaju perumahan di negara ini, menggalakkan pemaju dengan kerjasama dengan kerajaan tempatan misalnya, supaya ini digalakkan, walaupun mungkin harga kos dia lebih tinggi daripada yang konvensional punya bangunan. Adakah, berapa jumlah sudah rumah-rumah didirikan oleh *private sector* ini yang menjurus kepada hala tuju kerajaan untuk menjadi negara kita sebagai satu negara yang bestari kepada alam sekitar.

Ini kita juga mahu tahu dari tadahan air hujan ini, kepada setiap kawasan perumahan. Adakah pihak kementerian telah membuat satu statistik, air yang digunakan untuk minum, makan? Berapa jumlah air yang dipakai untuk *laundry* misalnya? Cuci piring misalnya, cuci kereta misalnya. Berapa jumlah yang dipakai untuk *gardening*, cuci kereta yang mungkin kalau dikira *consumption* untuk manusia itu sedikit sahaja mungkin tidak sampai 10%? Lain daripada penggunaan air itu adalah air yang boleh digunakan, air yang tidak kena *filter* misalnya air hujan. Adakah pihak kementerian telah membuat satu reka bentuk jenis perumahan yang mana *rain water* itu kita boleh *collect* dan diguna pakai di dalam setiap unit rumah. Adakah juga kementerian melihat perkara yang mana solar ini dibina secara automatik? Berapa jumlah jika dibandingkan dengan harga konvensional? Adakah pihak kementerian ini- kalau betul-betul

kementerian memperkasakan hala tuju kementerian untuk menjadi *green house technology* ini lebih dibanggakan di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Menteri. Sebelum menjawab saya ingin komen sedikit. Nampaknya sudah menjadi budaya kita apabila bertanya soalan tambahan terlampau panjang sangat kerana saya tidak tegur. Beberapa kali juga saya tegur bahawa dalam soalan tambahan itu menurut Peraturan Mesyuarat 24(3)(2) soalan tambahan mesti satu sahaja pertanyaan. Jadi saya ingin sarankan kepada menteri-menteri yang menjawab, lain kali cuma beri perhatian kepada soalan tambahan rangkaian pertama. Rangkaian dua, tiga jangan jawab supaya Ahli-ahli Yang Berhormat berhenti untuk tanya begitu. Sila Menteri.

Kali ini saya serius. Mahu kasi manja lupa peraturan mesyuarat, tidak dikasi manja-bilang kita terlampau *strict*.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Putatan. Jadi saya ambil *queue* daripada Tuan Yang di-Pertua, jadi saya jawab satu sahajalah.

Jadi di sini Yang Berhormat Putatan sebut mengenai dengan *Green Building Index*, apakah usaha-usaha kementerian secara berterusan. Jadi *Green Building Index* ini sebenarnya sudah termasuk di dalamnya bagaimana tadahan air hujan dibuat ataupun *rain water harvesting*, dengan izin, dan juga solar PV termasuk sekali dalam komponen.

Dalam usaha kerajaan seperti yang saya sebut tadi bahawa kita menggalakkan pihak pemaju untuk berusaha membangunkan ataupun membuat rekaan bangunan yang mempunyai ciri-ciri *green building*. Usaha ini kita buat secara berterusan tetapi walau bagaimanapun, kita ada kekangan dari segi—sebab kita tidak sampai kepada *compulsory* dari segi *design*. Maka *design* dibuat itu apabila siap sesebuah *design* itu dia akan hantar kepada Majlis Bandar Raya untuk kebenaran merancang. Kebenaran merancang ini dihantar kepada Majlis Bandar Raya atau Majlis Perbandaran. Ada di kalangan pemaju yang telah menghantar kebenaran merancang kepada Majlis Perbandaran, Majlis Bandar Raya yang di dalamnya ada komponen *green building*.

■1040

Jadi, ini termasuklah *design* terhadap *aircond*, *design* terhadap bagaimana *rain water harvesting* ini ataupun tadahan air hujan ini boleh digunakan di semua tandas dalam bangunan yang dia *design*. Manakala air yang *water treated* ini, air terawat ini hanya digunakan kepada perkara-perkara yang lain. Ada usaha yang seumpama itu.

Jadi, setakat ini macam yang saya sebut di awal tadi Yang Berhormat Putatan, bahawa kita telah mencapai di seluruh Malaysia. Semua negeri sudah ada termasuk di Kota Kinabalu, di Kuching dan juga bandar-bandar yang lain ada bangunan yang telah mencapai pengiktirafan *Green Building Index*. Cuma tahapnya sama ada ianya berada pada *silver* ataupun *gold* dan platinum.

Akan tetapi platinum ini sebenarnya belum banyaklah. Saya boleh memberi jaminan kepada Dewan yang mulia ini Tuan Yang di-Pertua, bahawa kerajaan melalui kementerian akan

terus berusaha untuk mempertingkatkan kemajuan dalam *green building* di negara ini. Terima kasih.

3. Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang] minta Menteri Sumber Manusia menyatakan langkah yang diambil oleh pihak kementerian bagi mengawal pengambilan tenaga mahir yang terdiri daripada warga asing berbanding warga Malaysia dalam sektor perkapalan bagi menjamin anak-anak daripada Akademi Laut Malaysia (ALAM) mendapatkan pekerjaan.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Pasir Gudang atas keprihatinan tentang nasib pekerja tempatan, terutama dalam sektor perkapalan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk awal saya ingin mengucapkan terima kasih banyak kepada kerajaan kerana telah menubuhkan ALAM ini, Akademi Laut Malaysia pada tahun 1977. Kemudian diswastakan pada tahun 1997 yang dikendalikan sekarang ini oleh Petronas, MISC, Klang Port Management dan juga PSC ataupun *Penang Ship Building and Construction*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan dan kementerian sebenarnya amat prihatin tentang masa depan pekerja-pekerja tempatan, bukan sahaja kepada bidang perkapalan tetapi juga kepada sektor-sektor yang lain. Kita mempunyai 14 sektor kerja di negara kita ini. Jadi Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, sebagai mekanisme kawalan Jawatankuasa Expatriate (JKE) yang berfungsi sebagai Pusat Kelulusan Seheniti, *One Stop Approval System*, dengan izin, telah diwujudkan di bawah Kementerian Dalam Negeri bagi mempertimbangkan dan meluluskan jawatan-jawatan *expatriate* dan tenaga mahir serta profesional dalam sektor swasta dan awam. JKE ataupun Jawatankuasa Expatriate ini dianggotai oleh pelbagai agensi kawal selia termasuk Jabatan Tenaga Kerja, Kementerian Sumber Manusia yang mana agensi kawal selia berperanan memberikan pandangan dari segi kesesuaian calon serta keperluan sektor atau industri di bawah kawal selia masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, boleh saya perluaskan sedikit. Antara agensi-agensi kawal selia yang mendapat sokongan daripada kerajaan ialah Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Kesihatan dalam pengambilan doktor dan jururawat dan sebagainya, Persatuan Bola Sepak dalam mengambil jurulatih-jurulatih yang mahir ini. Jabatan Penerbangan Awam, Kementerian Pelancongan, Persatuan Golf Malaysia, Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Multimedia, MITI dan juga jabatan-jabatan yang lain.

Jadi, seperti yang saya sebutkan tadi bahawa kerajaan cukup prihatin dan langkah-langkah diambil oleh kerajaan adalah memastikan supaya pekerja-pekerja asing yang mahir ataupun *expatriate* ini tidak menguasai bidang kerja perkapalan di negara kita ini. Antaranya usaha yang dibuat adalah usaha meningkatkan jumlah tenaga mahir tempatan, 12 program yang diatur oleh kementerian kita, sasaran 33% pekerja mahir pada tahun 2015 dan 50% pada tahun 2020.

Oleh sebab itulah Tuan Yang di-Pertua, antara aktiviti yang telah kita buat termasuklah *ASEAN Skill Competition* yang kita terlibat baru-baru ini di mana negara kita telah mendapat kejayaan 9 emas dengan beberapa pingat yang lain dan kita mendapat tempat yang kedua di negara ASEAN. *Insya-Allah* pada tahun hadapan kita akan terlibat pula dalam *World Skill Competition* yang diadakan di Sao Paolo, Brazil.

Antara langkah lain ialah menubuhkan lebih banyak pusat bertauliah. Buat masa ini kita ada terdapat 1,212 tempat latihan yang menawarkan 6,623 program latihan kemahiran termasuk perkapalan. 401 adalah pusat bertauliah awam dan 811 ialah pusat bertauliah swasta. Jadi, banyak lagi langkah-langkah lain Tuan Yang di-Pertua, termasuklah kita memperketatkan kemasukan pekerja-pekerja asing di negara kita ini. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Pasir Gudang, singkatkan soalan tambahan dan satu lingkaran sahaja. Jangan panjang-panjang lingkaran.

Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Insya-Allah* saya ikut arahan. Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya sedia maklum tentang *JKE Approval System* untuk pekerja-pekerja *expatriate*. Tadi saya bertanyakan soalan, apakah langkah yang diambil oleh pihak kerajaan bagi memastikan anak-anak lepasan ALAM ini mendapat kerja yang sepatutnya mereka dapatkan. Sebagai contoh, di syarikat perkapalan-perkapalan kecil ini, kapten-kapten, *1st Officer, 2nd Officer, 3rd Officer* terdiri daripada warga asing. Sekian, terima kasih.

Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Pasir Gudang. Saya sudah sebutkan tadi bahawa antara langkah yang kita buat ialah kita mewujudkan lebih banyak institut latihan kemahiran untuk kita melatih pekerja-pekerja mahir ini.

Hari ini Tuan Yang di-Pertua, kita ada pegawai dagang yang aktif di negara kita ini. Kita ada 97,841 orang semua sekali dalam 14 sektor. Negara-negara yang terlibat- sebenarnya pegawai dagang ini, *expatriate* ini boleh daripada mana-mana negara kecuali Israel sebab kita tidak ada perhubungan diplomatik dengan Israel. Negara-negara lain boleh tetapi setakat ini negara yang terlibat membekalkan pegawai dagang ataupun *expatriate* ini, pegawai pakar ini ialah 37 negara. Kalau saya sebut Yang Berhormat, mungkin panjang sedikit, sebab Tuan Yang di-Pertua sudah pesan kepada saya, kepada kita, jangan panjang sangat. Saya boleh berikan kemudian.

Tuan Yang di-Pertua, antara usaha yang dibuat oleh kerajaan juga- sebab itulah di negara kita tidak kurang daripada 5 pusat ataupun Akademi Laut yang ditubuhkan oleh kerajaan. Akademi Laut Malaysia Melaka, Netherland Maritime Institute of Technology, dengan izin, ISKANDAR Johor, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Teknikal Malaysia Melaka, Pusat Latihan Maritim Sibul, Sarawak dan lain-lain.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya rasa dengan adanya jawatankuasa yang dibuat ini yang diurusetikan oleh Kementerian Dalam Negeri di mana Jabatan Imigresen yang bertanggungjawab bagi menentukan dan Kementerian Sumber Manusia juga adalah satu agensi

yang terlibat untuk kita memastikan supaya kita *matchkan* pekerja-pekerja, anak-anak kita ini untuk mereka mengisi ruang-ruang yang ada, yang diisi oleh pekerja-pekerja asing mahir ini, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih banyak.

Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya melihat tahap bergantung kerajaan kepada pekerja asing ini sebenarnya masih tinggi. Walaupun pihak kerajaan telah pun memperkenalkan, menguatkuasakan semula levi pekerja asing pada Januari 2013. Kemudian dengan pengumuman pelaksanaan gaji minimum, sebahagian daripada pekerja asing ini mendapat pendapatan sekitar RM300 ke RM500 sebulan. Kita lihat data yang kita peroleh. Kiriman wang keluar oleh pekerja asing yang sah meningkat mendadak. Dari tahun 2009 – RM10.5 bilion kepada RM25.1 bilion pada tahun 2013.

Jadi, saya hendak tanya kepada pihak kementerian, apakah usaha-usaha yang agresif yang boleh dilakukan dalam tempoh yang terdekat selain daripada usaha jangka panjang tadi, yang terdekat dalam tempoh setahun dua ini untuk memastikan kerajaan tidak terlalu bergantung kepada pekerja asing. Terima kasih.

■1050

Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Temerloh. Sebenarnya setakat ini keperluan kepada pekerja asing ini masih ada. Bagi saya kalau tanya peribadi saya memang saya tidak perlukan pekerja asing kerana anak-anak kita masih ramai. Walaupun kadar pengangguran kita hanya 2.8% maknanya lebih kurang 200,000 hingga 300,000 yang tidak ada kerja itu pun atas sebab-sebab tertentu. Oleh sebab itulah antara langkah yang kita buat ialah melaksanakan gaji minimum RM900 di Semenanjung dan RM800 di Sabah dan Sarawak dan juga Labuan.

Jadi, saya kira kerajaan serius sebab itulah kita ada Jawatankuasa Khas Pekerja Asing dan Pendatang Asing Tanpa Izin yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang dianggotai oleh berbagai-bagai kementerian yang saya kira dan Kementerian Sumber Manusia juga terlibat dalam jawatankuasa ini dan kita serius dalam menangani isu. Cuma kita minta sebab itulah saya kadang-kadang bertanya Tuan Yang di-Pertua kenapa kita sering memberikan alasan kepada majikan sebagai mengatakan bila tidak mencari pekerja asing, alasan mereka bahawa pekerja-pekerja tempatan tidak mahu bekerja. Saya beri jawapan mereka mana buktinya pekerja tempatan tidak mahu bekerja. Ini dia.

Oleh sebab itulah marilah kita sama-sama berikan sokongan kepada kerajaan. Dengan pelbagai langkah seperti yang saya sebutkan tadi, mengadakan institut latihan kemahiran dan berbagai-bagai, lebih kurang 200,000 kita sudah menjadikan ruang-ruang kerja kemahiran yang kita sediakan. Maka kita minta supaya semua pihak mengambil peranan menarik anak-anak muda kita tampil ke depan, libatkan diri dalam latihan kemahiran ini. Dengan cara ini *insya-Allah* kita boleh mengambil tempat pekerja-pekerja asing yang ada di negara kita ini. Terima kasih Yang Berhormat.

4. **Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]** minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah status projek perolehan peralatan *Digital Autopsy Diagnostics Station* (DADS).

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin]: Terima kasih Yang Berhormat Pokok Sena atas soalan berkaitan dengan *digital autopsy diagnostics station* (DADS). Tuan Yang di-Pertua, *digital autopsy diagnostics station* dengan izin atau kaedah autopsi mayat merupakan alternatif kepada bedah siasat mayat secara konvensional. Kaedah ini mengguna pakai teknologi pengimejan dalam menyasat kes-kes jenayah yang mana kaedah ini dapat mengurangkan pencemaran kepada bukti. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kementerian Pendidikan pernah menerima cadangan berhubung perolehan peralatan barangan berkenaan.

Walau bagaimanapun, setelah membuat pertimbangan melalui beberapa siri perbincangan yang diadakan bagi meneliti keperluan spesifikasi serta kaedah perolehan yang bersesuaian, Kementerian Pendidikan memutuskan untuk tidak meneruskan perolehan peralatan berkenaan pada ketika ini memandangkan kekangan peruntukan kewangan kerajaan dan hanya satu syarikat sahaja yang berminat untuk membekalkan peralatan tersebut. Terima kasih.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya seronok tengok Tuan Yang di-Pertua ini. Serius-serius tetapi kadang-kadang manja. Itu yang orang mudah berkenan. *[Ketawa]*

Yang Berhormat Timbalan Menteri, terima kasih atas jawapan dan penjelasan yang diberikan. Memang Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan melalui Pusat Perubatan HUKM telah pun cuba untuk melaksanakan projek ini tetapi saya agak tidak dapat menerima atas pertimbangan-pertimbangan yang disebut tadi maka projek ini tidak diteruskan. Pertama kerana ia telah menganiaya syarikat ini Syarikat Srimelan yang telah dan sebut dalam perbincangan saya iaitu milik seorang ibu tunggal yang dia telah pun mendapat projek ini. Kali pertama dia mendapat projek ini, walaupun saya tidak bersetuju dengan kaedah runding terus itu tetapi oleh kerana kerajaan sudah melaksanakan proses ini sepatutnya kerajaan tidak seharusnya membatalkan dengan begitu sahaja yang menyebabkan dia menanggung masalah yang besar.

Pertama, dia telah pun mendapat kali pertama dengan kos RM40 juta tetapi apabila ada pertikaian dengan syarikat InfoValley yang merupakan syarikat pembangunan teknologi ini yang sepatutnya memberikan demonstrasi kepada pihak HUKM tetapi dia gagal. Akhirnya berlaku pertelingkahan dan HUKM telah meminta Srimelan membuat permohonan kali kedua dan diluluskan dengan kos yang lebih daripada RM40 juta iaitu RM64 juta. Akan tetapi akhirnya tiba-tiba HUKM telah membatalkan projek ini dan akhirnya dia di saman oleh InfoValley ini. Dia telah pun disaman oleh InfoValley ini dan menyebabkan dia telah dijatuhkan hukuman sebanyak RM15 juta. *[Dewan riuh]*

Tuan Yang di-Pertua: Soalan. Lebih panjang lagi hujah Yang Berhormat daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ini soalan. Oleh sebab itu saya katakan bahawa kenapa ini boleh berlaku setelah dia *vice chancellor* atau naib canselor mengeluarkan surat tawaran kepada Srimelan sebanyak dua kali. Kenapa ini boleh berlaku?

Tuan Yang di-Pertua: Cukup Yang Berhormat.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Keadaan yang menyebabkan satu syarikat bumiputera milik seorang ibu tunggal. Ini satu penganiayaan bagi saya terhadap syarikat bumiputera ini. Jadi, tahu bising sahaja cakap soal bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua: Sebetulnya Yang Berhormat soalan itu pendek sahaja. Kenapa itu berlaku? Tidak perlu panjang-panjang. Kenapa itu berlaku? Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ya, Tuan Yang di-Pertua pun tidak perlu panjang-panjang ulang. Pendek sahaja. *[Ketawa]*

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Terima kasih Yang Berhormat atas soalan dan rujuk balik kepada jawapan saya. Saya sudah bagi tahu bahawa keputusan kementerian untuk tidak meneruskan perolehan peralatan berkenaan pada ketika ini. Memandangkan pelajaran atau pendidikan ialah satu proses hidup, ini bermakna bahawa cadangan untuk mengadakan *digital autopsy diagnostics station* (DADS) boleh dikaji dengan teliti pada masa yang akan datang. Jadi *this is not the end of it*, dengan izin. Sekian, terima kasih.

Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak panjang-panjang. Saya terus kepada soalan sahaja. Soalan saya ialah adakah kerajaan bercadang menambah hospital pengajar atau *teaching hospital* yang sedia ada? Kalau ada sila senaraikan dan saya juga ingin tahu adakah kerajaan telah mempunyai senarai-senarai universiti selain daripada UKM yang akan memanfaatkan *digital autopsy diagnostics station* dan apakah rasionalnya dan apakah *priority*nya? Terima kasih.

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Terima kasih Yang Berhormat Sik atas soalan yang terdiri daripada sebenarnya tiga perkara dan yang berkaitan pusat perubatan universiti yang sedia ada. Kita ada tiga buah iaitu Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia di PJ, Pusat Perubatan Universiti Malaya di Kuala Lumpur, Hospital Universiti Sains Malaysia di Kubang Kerian, Kelantan dan pusat perubatan yang akan dibina adalah di:

- (i) Hospital Pengajar Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA) di Terengganu;
- (ii) Hospital Pengajar Universiti Putra Malaysia, UPM Serdang Selangor;
- (iii) Hospital Pengajar Universiti Malaysia Sabah (UMS);
- (iv) Hospital Pengajar Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) Kuantan Pahang; dan
- (v) Hospital Pengajar Universiti Teknologi MARA (UiTM) Puncak Alam Selangor.

■1100

Perkara yang kedua yang berkaitan dengan manfaat dan *priority* dan di sini saya hendak sampaikan kepada Yang Berhormat Sik bahawa DADS adalah satu *equipment* atau peralatan

yang memainkan satu peranan yang *complementary*. Setakat ini praktis yang digunakan atau amalan yang digunakan seperti yang sudah sebut dalam jawapan saya adalah dalam bentuk konvensional iaitu *cadaver* dan ini adalah untuk melaksanakan autopsi mayat khasnya autopsi genetik dan *body fluid*, dengan izin. Semasa *digital autopsy diagnostics station* atau DADS dengan izin menjalankan autopsi dalam bentuk *structural* seperti anatomi dan patologi seperti untuk kesan sel kanser.

Mengikut bidang perubatan atau di *teaching hospital* dengan izin, *cadaver* menjadi satu *goal standard* di mana *cadaver* atau amalan konvensional itu tidak boleh diganti oleh *digital autopsy diagnostics station* kerana ini masih memerlukan untuk mengenal pasti *autopsy* mayat khasnya seperti yang saya kata bahawa *body fluid* di mana DADS atau *digital autopsy diagnostics station* tidak boleh kesan.

Jadi, ini bukan ada soal yang berkaitan dengan manfaat kah atau *priority* tetapi macam saya kata bahawa DADS memainkan satu peranan komplementari untuk mempertingkatkan *autopsy*. Sekian, terima kasih.

5. Tuan Masir Kujat [Sri Aman] minta Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi menyatakan adakah MPOB bercadang untuk menubuhkan sebuah kilang sawit untuk menampung pengeluaran buah sawit yang meningkat di kalangan petani kecil di sekitar Parlimen Sri Aman.

Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi [Dato Sri Douglas Uggah Embas]:

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua sehingga Jun 2014, kawasan tanaman sawit matang di sekitar Parlimen Sri Aman adalah dianggarkan seluas 52,000 hektar. Dengan keluasan ini anggaran pengeluaran buah tandan segar ialah sebanyak 800 ribu tan setahun. Pada masa ini BTS yang dikeluarkan dari kawasan ini dihantar ke kilang kelapa sawit di Lubok Antu, Sri Aman dan di Saratok dan juga dihantar kepada kilang-kilang di Kota Samarahan dan di Kuching.

Bagi menampung peningkatan pengeluaran BTS di kalangan pekebun kecil khasnya di kawasan Sri Aman, Lembaga Minyak Sawit Malaysia telah meluluskan permohonan Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Sarawak untuk menggantikan kilangnya yang sedia ada iaitu Kilang Kelapa Sawit Lubok Antu dengan kilang baharu yang berkapasiti 300 ribu tan setahun. Kilang baru ini dijangka akan mula beroperasi bulan Disember 2016.

Lembaga Minyak Sawit Malaysia tidak akan membina kilang kerana aktiviti mengilang sawit ialah aktiviti adalah ekonomi yang boleh diceburi oleh mana-mana pihak swasta yang berminat. Dalam hal ini mana-mana pihak yang berminat dan berkecenderungan boleh mengemukakan permohonan kepada Lembaga Sawit Malaysia. Terima kasih.

Tuan Masir Kujat [Sri Aman]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya adalah, adakah kementerian bercadang untuk mensyaratkan supaya kilang sawit yang mempunyai luas yang besar seperti Ladang Daya Khas, Han Ling, Kim Long diwajibkan membina kilang memproses sawit dan dengan cara begini

dapatlah membantu pekebun kecil sawit untuk menjual hasil tanaman mereka. Minta penjelasan Yang Berhormat Menteri.

Dato Sri Douglas Uggah Embas: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya kementerian tidak boleh mengenakan syarat sebegitu rupa kerana itu adalah *commercial issue*. Bagaimanapun kementerian telah pun membuat keputusan untuk menggalakkan pihak swasta untuk mendirikan *independent mill* di Sarawak sekurang-kurangnya empat. Ini adalah bertujuan untuk memenuhi keperluan pekebun-pekebun kecil. Jadi kita berharap ada pihak swasta yang hendak melabur supaya membantu pekebun kecil ini. Terima kasih.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah ada inisiatif lain daripada kerajaan untuk membantu meningkatkan harga kelapa sawit. Contohnya dalam membantu syarikat-syarikat multinasional ini dalam teknologi berkaitan dengan biodiesel contohnya. Terima kasih.

Dato Sri Douglas Uggah Embas: Walaupun soalan tidak berkaitan tapi kerana rakan dan kawan, kena jawablah. Tuan Yang di-Pertua, memang untuk masa depan industri sawit kita menggalakkan kemajuan dan perkembangan kepada industri hiliran dan untuk industri hiliran ini memang sudah ada program di bawah MKA di mana kita telah dan akan memberi galakan-galakan kepada industri yang cuba hendak menceburi mengeluarkan barang-barang baru misalnya *tocotrienol* dan barang-barang yang lebih, sama ada makanan dan sebagainya kerana bagi kita itulah arah tuju minyak kelapa sawit di industri di negara kita supaya kita dapat menentukan bahawa harganya dapat disokong. Oleh itu baru-baru ini kita telah pun membuat keputusan bahawa kita akan melaksanakan B7 campuran minyak diesel di negara kita dan dengan tambahan itu kita dapat menggunakan tidak kurang dari 600 ribu tan minyak sawit.

Inilah sahaja cara kita untuk menyokong pasaran dan harga minyak sawit di negara kita. Terima kasih.

6. Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star] minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan kesan, perubahan dan faedah untuk negara kita apabila berkuat kuasanya integrasi ekonomi serantau *ASEAN Economic Community (AEC)* pada tahun depan 2015.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Alor Star. Sebagai jawapan, Komuniti Ekonomi ASEAN merupakan pendekatan tersusun dan berperingkat bagi liberalisasi dan dekorasi ekonomi di rantau ASEAN bertujuan untuk meningkatkan daya saing negara-negara anggota ASEAN khususnya untuk menjadikan rantau ini sebagai sebuah pasaran tunggal dan pengeluaran antarabangsa yang kompetitif. Ini dia punya mukadimah dia.

Proses integrasi ekonomi ASEAN telah bermula sejak lebih dua dekad yang lalu dengan termaterinya perjanjian rangka kerja memperkukuhkan kerjasama ekonomi ASEAN pada Januari 1992, lama sudah dan proses integrasi ekonomi ASEAN telah diperkukuhkan lagi melalui Pelan Tindakan Komuniti Ekonomi ASEAN ataupun *ASEAN Economy Community AEC Blue Print* yang

disokong oleh ketua-ketua negara anggota ASEAN pada Sidang Kemuncak ASEAN Ke-13 pada tahun 2007.

AEC Blue Print merupakan pendekatan tersusun dan berperingkat bagi liberalisasi dan integrasi ekonomi ASEAN untuk meningkatkan daya saing negara-negara anggota ASEAN khususnya dalam menjadikan rantau ASEAN sebagai sebuah pasaran tunggal dan pengeluaran antarabangsa yang kompetitif. Tiga, skop utama AEC adalah integrasi perdagangan, perkhidmatan dan pelaburan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan jumlah penduduk di ASEAN berjumlah 620 juta, kerajaan berpandangan bahawa pembentukan AEC akan membawa banyak aspek positif terutamanya membolehkan syarikat-syarikat Malaysia meneroka pasaran ASEAN yang luas serta membolehkan syarikat-syarikat Malaysia untuk melabur di negara-negara anggota ASEAN yang lain, di mana sebagai hasilnya integrasi ekonomi ASEAN telah membawa kesan positif kepada rantau ASEAN amnya dan Malaysia khususnya.

ASEAN kini dilihat sebagai destinasi utama pelaburan langsung ataupun FDI. FDI ke ASEAN pada tahun 2013 meningkat sebanyak 7.1% di mana USD12.3 bilion telah pun dilaburkan di Malaysia iaitu 10% daripada keseluruhan yang dilabur di ASEAN. Kedua, negara-negara anggota ASEAN merupakan rakan dagangan terbesar Malaysia di mana 27.4% daripada jumlah perdagangan global Malaysia adalah daripada atau dengan negara-negara anggota ASEAN.

■1110

Eksport Malaysia ke pasaran ASEAN pada tahun 2013 meningkat sebanyak 7.2% kepada RM201.81 bilion berbanding dengan tahun 2012 dan akhirnya, di bawah AEC, pemansuhan duit import dan halangan-halangan bukan tarif di kalangan negara-negara anggota ASEAN juga akan memberi peluang kepada pengusaha Malaysia untuk mengeksport produk-produk seperti makanan telah diproses, elektrik dan elektrik, hasil kayu, getah dan produk-produk yang dihasilkan oleh PKS dan secara tidak langsung, perwujudan AEC menjelang tahun 2015 akan meningkatkan kualiti dan daya saing para peniaga di Malaysia, di rantau ASEAN seterusnya di pasaran dunia. Sekian, terima kasih.

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih menteri atas jawapan Menteri. Sudah tentunya penubuhan ataupun AEC ini akan membawa faedah yang besar, peluang besar daripada segi ekonomi untuk negara kita tetapi pada masa yang sama, walaupun ada faedah-faedah yang seperti peluang-peluang ekonomi yang akan dibuka untuk negara kita, pada masa yang sama saya percaya juga ada sektor-sektor tertentu yang akan menghadapi cabaran yang besar seperti sektor pertanian di mana sektor pertanian akan terkesan apabila tarif dan *taxes* dan sebagainya dimansuhkan, ini akan membawa kesan buruk yang besar kepada petani-petani.

Jadi persoalan saya adalah apakah langkah-langkah yang dibawa oleh kerajaan untuk membawa penerangan kepada sektor-sektor yang akan menghadapi cabaran yang terbesar apabila AEC ini dilaksanakan khususnya petani-petani sebab sebelum ini pun dalam bulan yang

lalu, dalam satu perjumpaan dengan *civil society* yang dilaporkan, Menteri Kementerian Perdagangan, Antarabangsa dan Industri telah pun mengatakan bahawa *it is a big embarrassment if we keep talking about AEC but many people in Malaysia do not know what ASEAN is all about. So*, ini adalah satu masalah yang cukup besar. Kesedaran dan *knowledge* atas kesan AEC ini, terima kasih.

Ir. Haji Hamim bin Samuri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. terima kasih Yang Berhormat Alor Star. Sebenarnya setakat ini sebanyak 82% kadar purata pelaksanaan langkah-langkah AEC bagi Asian telah pun berjaya dilaksanakan. Ada beberapa perkara lagi yang belum dilaksanakan terutamanya bagi perkara-perkara yang sensitif seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi tetapi saya nak ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat, sekurang-kurangnya Yang Berhormat telah pun sedia maklum dan faham tentang faedah besar yang akan diterima bukan sahaja oleh negara-negara ASEAN tetapi oleh juga Malaysia.

Jadi Malaysia khususnya usahawan tempatan dan semua sektor sedar mengenai kewujudan AEC melalui pelbagai program kesedaran dan program kesedaran ini akan terus ditingkatkan di mana setakat tahun lepas sahaja, 40 sesi taklimat mengenai AEC telah pun dianjurkan pada tahun 2013 dan pada tahun ini sahaja sebanyak 70 program kesedaran AEC telah pun dijalankan bagi tahun 2014.

Ini semua adalah sebagai langkah-langkah bukan sahaja kesedaran tetapi juga persediaan seluruh rakyat Malaysia, semua yang berkepentingan tentang kesan baik dan persediaan untuk membuat langkah-langkah seterusnya sekiranya kemungkinan berlaku kesan tidak baik umpamanya selain daripada sektor pertanian, sektor PKS khususnya di peringkat kecil dan mikro mestilah bersedia untuk mempertingkatkan daya saing pengeluaran produk mereka.

Jadi, dalam sektor pertanian misalnya ada kaitan dengan PKS mestilah bersiap sedia untuk menghasilkan lebih banyak industri hiliran ataupun industri asas tani maka sudah tentu hasil tani dapat ditingkatkan daya saingnya kerana menjurus kepada industri asas tani dan sebagainya. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tahun 2015 akan menyaksikan satu peningkatan integrasi ekonomi negara Asian dengan bermulanya *ASEAN Economic Community* ataupun AEC, dengan izin dan Malaysia juga akan menjadi pengerusi ASEAN pada tahun hadapan. Soalan tambahan saya, apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk memastikan Malaysia mampu memperoleh manfaat yang terbanyak daripada AEC dan apakah sektor-sektor yang berpotensi untuk Malaysia ketengahkan bagi mendapat manfaat ini. Terima kasih Tan Sri.

Ir. Haji Hamim bin Samuri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai dan tahniah kerana Yang Berhormat Bagan Serai amat memahami dan prihatin serta *alert* dengan izin, tentang situasi yang akan berlaku pada tahun depan di mana Malaysia akan menjadi tuan rumah kepada ASEAN dan salah satu *pillar* yang menjadi fokus kepada negara kita sebagai sebuah negara yang mempengerusikan ASEAN adalah ekonomi.

Jadi menjawab soalan tersebut Tuan Yang di-Pertua, kalau kita boleh bayangkan pada satu masa nanti mungkin 100 tahun akan datang tidak mustahil seluruh rantau atau wilayah di ASEAN ini dihubungkan dengan pengangkutan darat umpamanya kerana aktiviti komunikasi dan sebagainya dan sudah tentu ini memberi peluang yang besar kepada Malaysia untuk berada dalam pasaran rantau ini dan pasaran-pasaran lain selain daripada ASEAN yang ada hubung kaitnya.

Justeru sebagai persediaan, Malaysia mestilah berusaha mengambil peluang daripada, maksud saya tahun depan supaya fokus kepada sektor-sektor yang telah pun ada dalam NKEA yang boleh meningkatkan pendapatan negara sebagai sebuah negara berpendapatan tinggi pada tahun depan khususnya PKS, *Aerospace industry*, kita ada berhasrat untuk menjadikan Malaysia sebagai hab MRO ataupun *maintenance repair and overhaul* kepada *aerospace industry* dan sebagainya.

Ini semua adalah berkaitan dengan peluang-peluang yang ada dalam Malaysia yang perlu kita ketengahkan dan tahun depan kita mestilah memasarkan segala produk kita, segala yang kita rancang di kalangan negara-negara pemimpin-pemimpin negara ASEAN kerana mereka akan melihat sendiri suasana dan kemajuan yang telah kita capai dalam negara kita. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

[Soalan No. 7 – Y.B. Tan Sri William Mawan Ikom (Saratok) tidak hadir]

8. Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan status perbincangan dengan Kerajaan Amerika Syarikat untuk mendapat pengecualian Visa untuk pergi ke Amerika Syarikat. Apakah keperluan dan syarat-syarat yang perlu dipenuhi untuk mendapat status “*visa free travel*” ke Amerika Syarikat bagi rakyat Malaysia

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, Malaysia sedang dalam proses perbincangan dengan pihak Amerika Syarikat mengenai penyertaan negara ke program pengecualian visa Amerika Syarikat ataupun *Visa Waiver Program* terutamanya dengan Jabatan Negara Amerika Syarikat dan Jabatan Keselamatan Negara Amerika Syarikat. Program *Visa Waiver Program* ini akan membolehkan rakyat Malaysia masuk ke negara tersebut tanpa perlu memohon *non immigrants US visa* dan tinggal di negara tersebut bagi tempoh maksimum 90 hari setiap kali masuk untuk tujuan pelancongan dan perniagaan.

Ini bermakna Tuan Yang di-Pertua bahawa kalau untuk masuk bekerja dan belajar mesti masih perlukan visa. Delegasi teknikal yang diketuai oleh Kementerian Dalam Negeri telah mengadakan lawatan ke Washington DC Amerika Syarikat pada 25 hingga 29 Ogos 2014 untuk mendapatkan taklimat yang lebih komprehensif mengenai aspek teknikal dan syarat-syarat penyertaan Malaysia ke program *Visa Waiver Program* memandangkan ianya adalah merupakan keperluan statutori yang ditetapkan oleh Kongres Amerika Syarikat.

■1120

Susulan daripada itu, Menteri Dalam Negeri yang juga telah mengadakan lawatan kerja ke Amerika Syarikat dari 24 September hingga 4 Oktober 2014 di mana perbincangan turut diadakan mengenai kerjasama dengan pihak Amerika Syarikat bagi keperluan Malaysia memenuhi syarat-syarat untuk penyertaan negara ke program tersebut.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, bagi melayakkan Malaysia menyertai program *Visa Waiver Programme*, terdapat tujuh syarat yang perlu dipenuhi iaitu:

- (i) Tidak diperlukan visa untuk rakyat Amerika Syarikat masuk ke Malaysia;
- (ii) pengeluaran e-Pasport berdasarkan piawaian Organisasi Penerbangan Awam Antarabangsa (ICAO);
- (iii) penerimaan dan penghantaran pulang ataupun deportasi rakyat Malaysia yang tinggal melebihi masa di Amerika Syarikat;
- (iv) maklumat mengenai kehilangan atau kecurian pasport atau dokumen perjalanan (SLTD) kepada Interpol di dalam tempoh 24 jam;
- (v) memuktamadkan perjanjian mengenai pertukaran maklumat pengganas (HSPD);
- (vi) memuktamadkan perjanjian mengenai membanteras jenayah berat (PCSC); dan
- (vii) kadar penolakan permohonan visa Amerika Syarikat oleh rakyat Malaysia tidak melebihi 3%.

Setelah semua syarat dinyatakan di atas telah dipenuhi, pihak Jabatan Negara Amerika Syarikat dan Jabatan Keselamatan Amerika Syarikat akan melakukan pemeriksaan dan penilaian akhir sebelum mempertimbangkan penyertaan Malaysia ke Program VWP ataupun *Visa Waiver Programme*. Proses penyertaan Malaysia ke Program VWP akan mengambil masa di antara 18 bulan hingga 24 bulan. Walau bagaimanapun, tiada tempoh maksimum ditetapkan oleh pihak Amerika Syarikat.

Selain itu, pihak Amerika Syarikat juga dilihat sangat memberikan penekanan kepada peningkatan dalam tahap penilaian prestasi negara dalam menangani isu pemerdagangan orang dan perkara ini merupakan salah satu elemen penting dalam memastikan pelancaran dalam proses Malaysia untuk menyertai program ini.

Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Baru-baru ini di dalam satu laporan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Amerika Syarikat iaitu *Trafficking in Persons Report 2014*, kedudukan Malaysia di dalam Laporan tersebut telah diturunkan sehingga ke tahap ketiga yang mana menjadikan Malaysia sama taraf seperti negara Zimbabwe dan Saudi Arabia.

Jadi soalan saya adalah, adakah penurunan taraf ini kepada *tier* tiga iaitu tahap ketiga dalam tahap tersebut menjejaskan usaha kerajaan untuk menjadikan Malaysia menyertai

program *pre-visa travel* tersebut kerana kalau masalah tersebut tidak dapat diatasi, isu keselamatan sempadan ialah isu yang amat penting di dalam pertimbangan Kerajaan Amerika Syarikat tersebut.

Sebagaimana yang kami tahu, di Malaysia sekarang masalah pendatang tanpa izin memang satu masalah yang amat serius. Terdapat lebih kurang dua juta PATI di Malaysia sekarang. Jadi apakah langkah Malaysia untuk mengatasi masalah pemerdagangan manusia ini untuk agar boleh kita menyertai *Visa Program* tersebut? Terima kasih.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jawapannya agak panjang dan komprehensif. Izinkan saya untuk membacanya.

Dalam penurunan Malaysia daripada *tier* dua, *watchlist* kepada *tier* tiga adalah secara automatik selepas Malaysia diletakkan di dalam *tier* dua *watchlist* selama empat tahun. Selepas itu dia secara automatik menurun kepada *tier* tiga.

Berhubung dengan penilaian oleh pihak Amerika di bawah perundangan Amerika, *Trafficking Victims Protection Act 2000* yang melibatkan satu tindakan diambil di bawah Konvensyen Bangsa-bangsa Bersatu Mengenai Jenayah Terancang (UNTOC) ataupun *transborder crime*. Jadi ini salah satu menjadi isu yang diambil.

Selepas itu, pihak Amerika selepas menurunkan Malaysia ke *tier* tiga, kita dikehendaki untuk memenuhi 14 syarat yang tertentu, Tuan Yang di-Pertua. Sejumlah 14 syarat-syarat yang tertentu daripada pemindaan undang-undang sampai tindakan-tindakan *prosecution*, *investigation* dan penuduhan kita di mahkamah. Syarat-syarat ini mestilah dipenuhi. Kalau saya hendak baca mungkin panjang sangat Tuan Yang di-Pertua, biarlah saya sebut secara amnya sahaja. Inilah perkara-perkara yang kita dikehendaki untuk memenuhi supaya undang-undang itu boleh dipenuhi dan kita boleh dinaikkan semula ke tahap *tier* dua, mungkin ke tahap yang lebih elok lagi.

Walau bagaimanapun, setelah mendapat penurunan tersebut, Kerajaan Malaysia telah mengambil tindakan khusus sebenarnya. Setakat ini, kementerian telah mengadakan dua kali perbincangan *high-level taskforce*, jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Menteri Dalam Negeri sendiri yang diahlikan oleh Menteri dari Jabatan Perdana Menteri, dua orang Menteri iaitu Yang Berhormat dari Batang Sadong dan juga Yang Berhormat Senator Datuk Paul yang juga saya sendiri menghadiri beberapa mesyuarat berhubung dengan perkara ini.

Kita telah membuat perancangan yang khusus dari sudut pindaan undang-undang daripada tindakan-tindakan pertuduhan, penangkapan dan sebagainya. Salah satu daripadanya iaitu supaya penjagaan orang yang telah ditangkap, disimpan dan *victim* ini di dalam jagaan NGO, bukan di bawah jagaan kerajaan lagi. Ini juga kita rancang dan kita masih berbincang dalam sudut mengenal pasti badan-badan NGO yang boleh bekerjasama dan mampu bekerjasama dengan kita.

Juga, apakah sokongan-sokongan yang perlu kerajaan beri dengan pihak-pihak NGO ini. Soalan pindaan undang-undang ini juga telah dirancang dan penasihat undang-undang kita telah membawa perkara ini kepada Peguam Negara untuk berbincang dan untuk meminda undang-

undang kita. Malangnya, mungkin tidak dapat dibentangkan dalam persidangan kali ini tetapi *insya-Allah*, pada persidangan yang akan datang, kita akan bawa undang-undang tersebut. Apabila undang-undang tersebut kita telah laksanakan, saya cukup yakin ia akan memberi peningkatan yang lebih baik ataupun gambaran yang amat baik kepada pihak Amerika Syarikat.

Dalam masa yang sama, kita juga membuat pendekatan secara berbincang dengan pihak-pihak NGO Amerika supaya mengetahui apa sebenarnya yang kita laksanakan yang menunjukkan bahawa kita serius dalam menangani masalah ini khususnya dalam perdagangan orang.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya mendengar tadi ada 14 kriteria yang telah diberi peruntukan untuk Kerajaan Malaysia memenuhi syarat untuk mendapatkan status *Visa Waiver* oleh Kerajaan Malaysia.

Soalan saya adalah, pertamanya, adakah Kerajaan Malaysia melalui kementerian Yang Berhormat Menteri mempunyai *target* atau tempoh masa tertentu untuk memenuhi segala kriteria tersebut memandangkan Malaysia pada tahun hadapan akan menjadi Pengerusi ASEAN? Itu yang pertama. Kedua, ramai rakyat bertanya kepada saya, apakah impak dan kebaikan terutamanya kepada rakyat Malaysia bila status *visa free travel* ke Amerika Syarikat ini diberikan kepada negara kita? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya sudah buat *ruling* tadi iaitu soalan tambahan cuma satu rantai sahaja. So, jawab sahaja kepada yang pertama.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Terima kasih. Saya memang baru nak beritahu bahawa Tuan Yang di-Pertua telah memberi arahan tadi. Kalau Tuan Yang di-Pertua cakap, kena dengar, akur sikit ya. Menghormati Tuan Yang di-Pertua.

Jadi saya akan menjawab soalan yang pertama iaitu bahawa *time frame* yang kita hendak laksanakan pembaikan pulih untuk menangani masalah pemerdagangan orang ini, kita merancang, *insya-Allah*, sebelum bulan Jun akan datang, semua tindakan yang kita melaksanakan boleh dilaksanakan keseluruhannya. Bukan sahaja daripada tindakan kerajaan tetapi juga pihak-pihak yang lain, pihak NGO dan sebagainya yang perlu kita bawa bersama untuk menangani masalah ini boleh bekerjasama dengan kita dan juga pihak kerajaan boleh menurunkan sumber kewangan yang tertentu untuk membantu pihak NGO yang bakal bekerjasama bersama kita.

■1130

Jadi Yang Berhormat, untuk jawapan yang lebih panjang lagi, Yang Berhormat saya minta notis supaya boleh dijawab secara terperinci dan jawapan yang amat panjang Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawapan lisan berakhir. Yang Berhormat Arau, usul di bawah Peraturan Mesyuarat 12(1).

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat.]

USUL
WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN
DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

11.30 pg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 9.30 malam dan selepas itu Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga pukul 10 pagi, hari Rabu 12 November 2014. Terima kasih.”

Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah: Tuan Yang di-Pertua, Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2015

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 2015

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas “Rang undang-undang Perbekalan 2015 dan Anggaran Pembangunan 2015 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis”. **[Hari Kedua]**

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan* Jawatankuasa]

Maksud B.10, B.11 dan B.12 [Jadual] -
Maksud P.10, P.70 [Anggaran Pembangunan 2015] –

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B.10, B.11 dan B.12, dan Kepala Pembangunan P.10, dan P.70 di bawah Kementerian Kewangan terbuka untuk dibahaskan. Yang Berhormat Kluang.

11.32 pg

Tuan Liew Chin Tong [Kluang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin bangkitkan tentang B.10, 010100 – Pengurusan Am. Saya ingin bangkitkan isu ini tentang jawapan Perdana

Menteri Pekan sebagai Menteri Kewangan sekali. Baru-baru ini Ahli Parlimen Gua Musang dan bekas Menteri Kewangan Tun Daim, dua-dua menyeru Yang Berhormat Pekan supaya tidak lagi memegang jawatan Menteri Kewangan. Saya rasa ini satu saranan yang penting dan *practice* ini di mana amalan ini di mana Perdana Menteri juga menjadi Menteri Kewangan tidak baik untuk sistem demokrasi kita di mana Menteri Kewangan dan Perdana Menteri seharusnya ada *check and balance* dalam Jemaah Menteri.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) **mempengerusikan Jawatankuasa]***

So, saya harap Perdana Menteri boleh melepaskan jawatan Menteri Kewangan supaya melantik seorang Menteri Kewangan *full time*, sepenuh masa untuk menangani cabaran-cabaran ekonomi yang lebih teruk sekarang selepas *quantitative easing*...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Lenggong bangun. Sila Yang Berhormat Lenggong.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat, saya cuba ...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Masa 10 minit sahaja ya.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Hendak dapat penjelasan. Di Pulau Pinang dan di Selangor, Menteri Besar juga menjaga kewangan di Pulau Pinang dan juga Selangor. Apakah itu betul? Apakah DAP boleh, kita tidak boleh?

Tuan Liew Chin Tong [Kluang]: Di Terengganu, di Pahang di negeri-negeri lain pun sama tetapi...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Ya lah, maknanya tiada lah salah.

Tuan Liew Chin Tong [Kluang]: Saya rasa kita mesti ...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Tidak salah kan.

Tuan Liew Chin Tong [Kluang]: Saya rasa kita mesti buat bandingan bersama dengan sistem *Westminster* ...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Maknanya tidak salahlah Yang Berhormat.

Tuan Liew Chin Tong [Kluang]: Sistem *Westminster* yang lain seperti United Kingdom, seperti Australia, seperti India.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Terima kasih.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Sambung nyawa, ada orang tolong jawab. Dia tidak boleh jawab.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Terima kasih. Saya ingat kita kena bezakan di antara kerajaan negeri.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Shah Alam, Yang Berhormat Shah Alam. Ada dua perkara. Yang pertama belum dijemput. Yang kedua menghadap ...

Tuan Liew Chin Tong [Kluang]: Saya jemput Yang Berhormat Shah Alam.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tuan Pengerusi boleh jemput, Tuan Pengerusi boleh jemput.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kluang, saya tengah bercakap ini.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Maaf Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Saya tengah bercakap ini. Dua perkara. Pertama saya belum jemput, kedua menghadap ke Tuan Pengerusi. Terima kasih. Sila.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Baik, terima kasih Tuan Pengerusi. Pandang Tuan Pengerusi ya. Saya ingat kita kena bezakan di antara Kerajaan Pusat dengan kerajaan negeri. Kerajaan negeri Exconya, Menteri hanya sepuluh orang. Kerajaan Pusat berapa ramai? Tak kan dalam seramai itu pun hendak cari seorang yang boleh jadi Menteri Kewangan tidak boleh.

Nombor dua, kita kena lihat juga kuasa yang ada pada Pusat dan kuasa yang ada pada negeri. Tengok juga bajetnya. Kalau di Selangor hanya RM1.6 bilion setahun, bandingkan dengan Kerajaan Pusat yang RM240 bilion setahun. Tak kan lah benda macam ini pun Yang Berhormat Lenggong tidak faham.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Soalnya amalan itu tidak salah.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Terima kasih.

Tuan Liew Chin Tong [Kluang]: Saya rasa ini adalah satu isu ...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Amalan itu tidak salah, tidak salah.

Tuan Liew Chin Tong [Kluang]: Saya rasa ini satu isu yang boleh dibahaskan dalam sidang UMNO, perhimpunan UMNO.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Hello...

Tuan Liew Chin Tong [Kluang]: Saya rasa ini satu agenda ...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Amalan itu tidak salah Yang Berhormat.

Tuan Liew Chin Tong [Kluang]: Okey, saya hendak sambung ke isu lain.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Berani sentuh tidak berani kasi, apa tidak berani?

Tuan Liew Chin Tong [Kluang]: Bincang di Perhimpunan Agung UMNO.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Kalau orang lain buat tidak boleh... [*Dewan riuh*]

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Kalau orang lain buat tidak boleh. DAP buat boleh.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Ini memang kongkalikung punya lah.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Semua kongkalikung punya. Sama sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, ya. Duduk Yang Berhormat Lenggong.

Tuan Liew Chin Tong [Kluang]: Isu kedua yang ingin saya bangkitkan ialah ...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: ...Dia tengok orang sahaja pandai. Cari salah orang sahaja pandai.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Lenggong.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Bagi bantulah Yang Berhormat Shah Alam, bagi paw semua ini.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Keluar lah Yang Berhormat Shah Alam.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Kluang sebentar. Duduk sekejap. Yang Berhormat, pagi tadi sudah ditegur oleh Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Apa boleh buat...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Bintulu, sudah minum kah?... [*Dewan riuh*] Lepas Yang Berhormat Kluang, Yang Berhormat Lenggong boleh berucap dan jawab. Ada peluang. Sila Yang Berhormat Kluang.

Tuan Liew Chin Tong [Kluang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya sebenarnya tidak memulakan isu ini. Isu ini dimulakan oleh Ahli Parlimen Gua Musang dan juga Tun Daim bekas Menteri Kewangan... [*Dewan riuh*]

Saya hendak teruskan ke subjek yang lain. Saya juga hendak sokong cadangan Ahli Parlimen Pulau dan juga *PAC Chairman*, Pengerusi PAC apabila beliau berkata, kita perlukan satu *office of budget assessment* dalam Parlimen. Saya rasa cadangan ini adalah amat penting dan harus ditimbang oleh Tuan Pengerusi.

Butiran 040200 – Perkastaman / GST. Saya hendak minta kementerian untuk menjelaskan kenapa GST ditangani oleh Kastam, dan bukan ditangani oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) kerana di negeri-negeri lain GST biasanya ditangani oleh *income tax*, dan bukan oleh Kastam. Saya juga mintalah, saya bawa permintaan rakyat dari merata tempat, bahawa kerajaan menimbang supaya tangguhkan GST.

Subjek yang lain B.11, Butiran 010100 – Perkhidmatan Penyelidikan Khas yang jumlahnya RM330 juta. Saya minta kementerian menjelaskan apa itu perkhidmatan penyelidikan khas yang berjumlah RM330 juta dan siapa yang dapat kontrak untuk membekalkan atau memberikan penyelidikan khas? Apa makna itu dan adakah ini satu cara untuk memberikan kontrak penyelidikan kepada kawan-kawan atau kroni-kroni?

Butiran 020500 – Subsidi gas Cecair (LPG), Diesel dan Petrol serta Bantuan Tunai. Saya minta kementerian menjelaskan, apa impak penurunan harga minyak secara spesifik walaupun

Timbalan Menteri jawab soalan saya Peringkat Dasar tetapi ia tidak memberikan jawapan yang secara spesifik bahawa, apa impak penurunan harga minyak antarabangsa sebanyak 25% sampai 30% baru-baru ini dan impak penurunan harga minyak mentah antarabangsa terhadap subsidi dan terhadap hasil. Hasil itu penting. Kita perlu tahu apa impak dan apa kesan penurunan harga minyak antarabangsa terhadap hasil kerajaan. Saya rasa ini penting dan ini harus diberikan pertimbangan dan penjelasan di Parlimen.

■1140

Butiran 021000 – Bantuan Kewangan kepada Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. (IWK). Saya tidak faham kenapa kita perlu bayar kepada IWK sampai sekarang. Saya rasa kita mesti ada satu *forward plan*. Hampir 20 tahun IWK diberikan penswastaaan tetapi sampai sekarang tidak ada *forward plan*, tidak ada penyelesaian untuk mengakhiri masalah ini. Untuk saya, saya rasa kita mesti kembalikan asas kepada pendemokrasian tempatan dan IWK sepatutnya tidak harus diwujudkan 20 tahun yang lalu. Kita harus menimbang balik, bolehkah kita serah balik kepada kerajaan tempatan dan kerajaan tempatan kalau boleh kita mesti adakan pilihan raya. Sudah 50 tahun sejak 1 Mac 1965 di mana pilihan raya tempatan dihapuskan, saya rasa sudah 50 tahun kita harus membawa balik.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Minta jalan Kluang, tentang IWK, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Minta jalan keluar?

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Kluang. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak rujuk Yang Berhormat Kluang kepada Laporan Ketua Audit Negara 2013 Siri 3, di mana IWK disenaraikan sebagai syarikat yang ada tunggakan pada akhir tahun 2013 sebanyak RM496.7 juta yang tidak dibayar kepada Kerajaan Pusat. Adakah ini menunjukkan bahawa IWK ini perlu distrukturkan semula atau dikaji semula supaya hutang ini boleh dibayar balik kepada Kerajaan Pusat, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kluang, boleh gulung.

Tuan Liew Chin Tong [Kluang]: Terima kasih Yang Berhormat Serdang. Minta masuk dalam ucapan saya. Saya setuju dengan Yang Berhormat Serdang. Dua lagi subjek saya akan gulung. 021100 - Bayaran untuk Sektor Strategik. Saya tidak faham, kenapa sektor strategik atau bayaran untuk sektor strategik yang berjumlah RM1.1 bilion telah dibayar. Apa makna sektor strategik, siapa yang bermanfaat daripada pembayaran daripada RM1.1 bilion ini? Adakah syarikat-syarikat- saya minta senarai syarikat-syarikat yang dibayarkan bayaran ini. Akhirnya, saya ingin rujuk kepada 021800 – KL International Airport Berhad (KLIAB). KLIAB akan dapat RM2.5 bilion pada tahun 2015. Saya tidak faham kenapa KLIA yang sepatutnya dapat menjanakan keuntungan sendiri tetapi memerlukan subsidi RM2.5 bilion. Ini harus diakhiri secepat mungkin. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Lenggong. Masa Yang Berhormat Lenggong 10 minit.

11.43 pg.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya mengucapkan terima kasih kepada diberi peluang untuk membahar Rang Undang-undang Perbekalan di peringkat Jawatankuasa ini. Saya ingin bercakap B.10, B.28 Perkara 1400, 140200, 1900, 1700. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Barangkali boleh saya sentuh sedikit Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Kluang sebut tadi kerana saya fikir melantik mana-mana Menteri itu hak prerogatif Perdana Menteri. Dia lantik Menteri untuk apa-apa jawatan pun, hak dia. Tentu juga apabila dilantik, berasaskan kewibawaan, keperluan dan kepentingan sama juga sebagaimana amalan di negeri-negeri lain, termasuklah negeri Pulau Pinang, Selangor dan Kelantan. Jadi, kita dapat lihat bahawa ini sebenarnya amalan yang dijalankan sejak dahulu lagi. Kita dapat lihat juga bahawa sejak Yang Berhormat Pekan menjadi Menteri Kewangan,...

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Eh, nantilah dahulu. Melenting cepat sangatlah PJU ni.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Boleh bagi laluan?

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Sabar dahulu. Tunggu dahulu. Yang Berhormat PJU, tunggu dahulu

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: *It's so unparliamentarily. What you mean by mahu gaduhkah?*

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Bagi laluan.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Kejap, kejap saya bagi. Relaks.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Pergi PAC. PAC tidak cukup kuorum, pergi.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Semenjak Yang Berhormat Pekan menjadi Menteri Kewangan, prestasi ekonomi kita membanggakan. KDNK kita tinggi.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: *[Bangun]*

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Sila Yang Berhormat Bintulu, mahu mencelah?

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Tidak.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Jadi, tidak ada masalah.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Bagi laluan. Yang Berhormat Lenggong.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Kita dapat lihat pencapaian-pencapaian ekonominya begitu membanggakan. Itu pandangan daripada Yang Berhormat Gua Musang, tidak semestinya pandangan itu betul dan tepat. Kita boleh bagi pandangan. Akan tetapi hakikat kita boleh lihat hari ialah oleh gambaran prestasi ekonomi, pelaburan asing masuk dalam negara kita dan banyak manfaat diperoleh rakyat. Manfaat ini juga diperoleh oleh rakyat di Pulau Pinang, di Kelantan dan di negeri lain.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: *[Bangun]*

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Sila Yang Berhormat Bintulu.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Lenggong. Yang Berhormat Lenggong bagi peluang, laluan bagi saya. Saya mahu minta pandangan daripada Yang Berhormat Lenggong, kita ada sedar atau tidak, selalu dia pun buat juga tetapi dia pandai *spin*. Apa yang kita buat semua salah, kalau dia buat tidak salah. Akan tetapi katalah Yang Berhormat Gua Musang sentuh perkara ini, kalau kita rasa Barisan Nasional buat salah, sepatutnya dia buat lebih baik. Janganlah dia ikut sama juga. Ketua Menteri pun pegang kewangan juga, Menteri Besar pun pegang juga. Kalau dia pegang, mesti mahu putar balik tengok diri sendiri dulu sebelum menyalahkan orang. Kalau *you* pun lebih kurang sama macam Pokok Sena, apa mahu bising, sama-samalah. Setuju atau tidak Yang Berhormat Lenggong?

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Sangat setuju. Sebab itu hendak mengajar orang, tengoklah diri sendiri dahulu. Ini umpama ketam mengajar anak berjalan, dia pun berjalan senget juga.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: *[Bangun]*

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Sila Yang Berhormat Pokok Sena. Sekejap saja Pokok Sena. Saya pun tidak habis lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila Yang Berhormat Pokok Sena.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Beginilah, itu pandangan masing-masing. Akan tetapi bagi saya bahawa seharusnya pihak kerajaan harus menghormati pendapat dan pandangan bekas-bekas Menteri Kewangan, Tun Daim dan juga Yang Berhormat Gua Musang. Malah pandangan ayahanda Tun. Dr. Mahathir sendiri pun banyak memberikan teguran dan kritikan-kritikan yang menunjukkan kelemahan terhadap kepimpinan kerajaan yang ada pada hari ini. Jadi, saya harap Yang Berhormat Lenggong seharusnya tidak boleh menolak mentah-mentah kerana mereka ini adalah orang-orang yang sangat mempunyai pengalaman yang begitu luas. Tun Dr. Mahathir - 22 tahun, begitu juga Tun Daim dan Yang Berhormat Gua Musang. Jadi, saya fikir bahawa ambil pertimbangan...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Okey.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: ...di mana kelemahan harus kita...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Okey, pendek-pendek. Cukup.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Kalau perlu ada perubahan Menteri Kewangan, pun tukar Menteri Kewangan.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Kita pun tidak kata bahawa pandangan-pandangan yang dikemukakan oleh bekas-bekas pemimpin kita itu tidak betul. Apa yang betul tentu kerajaan akan ambil pertimbangan dan melakukannya demi kepentingan rakyat. Sekali lagi, sama juga Yang Berhormat Pokok Sena, dia pandai sahaja nasihat orang. Presiden

dia sendiri pun dia tidak pernah ikut. Kadang-kadang Presiden dia cakap lain, dia cakap lain. So, pandangan dia pun tidak sama.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yang Berhormat Lenggong, bagi laluan, sedikit. 1 minit.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Jadi yang Berhormat, saya nak masuk tajuk saya dulu.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yang Berhormat Lenggong, satu minit.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Yang Berhormat...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang mana satu ini Yang Berhormat Lenggong?

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Bintulu.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Yang Berhormat Lenggong. Kita ini kalau pandangan yang baik, memang kita akan pertimbangkan. Setuju atau tidak, macam Yang Berhormat Pokok Sena kalau pandangan yang baik, kita pun pertimbangkan. Akan tetapi dia selalu, kita punya pandangan baik, dia tidak mahu setuju. Dia tidak mahu ikut pertimbangan. Setuju tidak?

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yang Berhormat Lenggong, bagi dulu.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Yang Berhormat Batu lagi teruk.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Dia kata kerajaan ini tidak baik, kepimpinan ini tidak baik, Tun Mahathir, Tun Daim, Yang Berhormat Gua Musang, jadi hormatlah mereka.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Tuan Pengerusi, saya cukup kesal dengan Yang Berhormat Pokok Sena, tidak ikut peraturan.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Yang Berhormat Lenggong tidak menghormati *senior* politik, tidak menghormati bekas-bekas pemimpin besar negara kita. Sepatutnya hormati mereka.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Pokok Sena bukan sahaja tidak menghormati pandangan, peraturan pun tidak ikut.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Jangan menempelak begitu sahaja. Kita sebagai anak muda ini seharusnya hormati orang-orang ini yang banyak berjasa kepada negara.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Pokok Sena, duduk. Ini peraturan apa ini?

■1150

Sebab itu Yang Berhormat Pokok Sena ini dia bukan sahaja tak mahu dengar nasihat dan pandangan orang lain, peraturan pun dia tak ikut. Ha, Yang Berhormat Batu, sila.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila Yang Berhormat Batu.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Saya berterima kasih kepada Tuan Pengerusi. Saya nak dapat pandangan dari Yang Berhormat Lenggong, adakah ini bermaksud sepatutnya kalau Yang Berhormat Pekan telah lakukan perkara yang baik, kita setuju sahaja. Sekarang ini, bekas Menteri Kewangan kah bekas Perdana Menteri sekarang ini kritik bermaksud mereka ini cemburu. Mereka cemburu kepada pencapaian yang ada oleh Perdana Menteri kita sekarang.

Dulu Perdana Menteri yang lain telah menjadikan negara kita ekonomi teruk, jadikan kita sudah hampir mampus. Sekarang Yang Berhormat Pekan sudah menaikkan prestasi negara ini, tak perlulah peduli kepada kritikan-kritikan yang lama. Kalau betul, ikutlah, kita terus beritahu orang-orang tua ini janganlah campur tangan lagi. Bagilah laluan kepada pemimpin kita sekarang dan suruh mereka bersara dan berdiam diri.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Cukup, cukup. Ini pendek sahaja, masa saya 10 minit sahaja.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Saya nak dapatkan pandangan betul tak? Kalau ini betul, kita sepakat di dalam Dewan ini dan kita beritahu mereka *shut up*, jangan kritik sebab Yang Berhormat Pekan sudah buat satu kerja yang sangat baik. Betul tak?

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Okey, duduk. Cukup, cukup. Itu pandangan Yang Berhormat Batu, tak apalah biar dia hidup dalam pandangan dia.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Bukan, saya nak setuju ini. Nak dapatkan persetujuan daripada Yang Berhormat Lenggong supaya kita bersama-sama.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Tak, tak. Itu pandangan Yang Berhormat Batu, tak semestinya saya bersetuju tapi saya nak sebut bahawa...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Kalau begini, Yang Berhormat Pokok Sena pun tak setuju, saya pun tak setuju, apa pendirian Yang Berhormat Lenggong?

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Dengar, dengar ini. Saya nak sebutkan bahawa dalam Kerajaan Barisan Nasional, kita menghormati dan meraikan pandangan-pandangan sesiapa juga. Jika pandangan itu baik, tentulah kita ikuti. Kita tak sama...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Ya lah, maksudnya tak baik, mereka cemburu.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: ...Nanti dulu, nanti dulu. Kita tak sama macam Pakatan Rakyat. Tengok di Pulau Pinang, ada pimpinan PAS bercakap dah kena pecat, dah digantung jawatan daripada Majlis Perbandaran Pulau Pinang.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Siapa kena pecat? Siapa kena gantung?

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat jangan tanyalah, Yang Berhormat sendiri tahu.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Eh, jangan fitnah kalau tak betul.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Maknanya... [*Dewan riuh*]

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Tak ada orang kena pecat, tak ada orang kena gantung.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: ...itu Penang, kemudian PAS bercakap dalam Muktamar di Johor, bagaimana hala Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yang Berhormat Lenggong, maksud saya, kalau yang betul, jalan sahajalah. Tidak perlulah kita peduli tentang mereka.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Tak, sebab itulah saya sebut tadi mana-mana pandangan rakyat, diraikan oleh kerajaan. Jika ia betul, akan dilaksanakan. Itu amalan yang kerajaan buat sejak dulu lagi, tidak ada masalah. Dia berbeza dengan kerajaan yang di Pulau Pinang dan sebagainya yang tidak meraikan pandangan pimpinan dia sendiri sebagaimana pimpinan PAS bercakap di Muktamar di Johor, akhirnya jawatannya di Majlis Perbandaran Pulau Pinang digantung dan sebagainya. Itu bezanya antara Kerajaan Pakatan Rakyat dengan Kerajaan Barisan Nasional. Yang Berhormat, saya nak merujuk kepada perihal kastam ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, lagi satu minit.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Ha itu dia. Saya harap usaha bersungguh-sungguh dilakukan untuk memberi penerangan sejelas-jelasnya soal GST ini. Pada pandangan saya dan pelbagai pihak, saya lihat bahawa ia masih lagi belum lagi menyeluruh. Banyak lagi kumpulan-kumpulan sasar yang belum dapat dilakukan. Kita ada tempoh lima bulan daripada sekarang. Saya nak tahu dalam tempoh sehingga hari ini, berapa peratus pencapaian yang kita telah pun capai dalam soal penerangan dan penjelasan, itu pertama.

Keduanya, berapa peratus juga kumpulan sasar yang telah kita dapat lakukan kerana saya lihat bahawa kumpulan-kumpulan yang sepatutnya kita dekati terutama sekali di kawasan-kawasan luar bandar masih lagi belum dapat benar-benar dilakukan kerana kita kena ingat bahawa daripada segi bahasa, daripada segi pendekatan mesti berbeza antara tempat, antara kumpulan dan sebagainya. Yang ini saya lihat ada sedikit kelemahan daripada Jabatan Kastam, minta diperbetulkan segera kerana kita hanya ada tempoh tidak sampai lima bulan daripada sekarang untuk pelaksanaan pada 1 April.

Yang keduanya, UTC. Ini UTC dan RTC ini cukup baik sekali. Saya harap pihak kerajaan mempertimbangkan supaya di kawasan saya di Lenggong ada pusat pemprosesan industri perikanan di Lenggong yang di bawah Jabatan Perikanan. Saya lihat tidak produktif, tidak begitu mencapai matlamatnya. Apa salahnya kementerian mengkaji untuk menjadikan kawasan berkenaan sebagai pusat mini RTC di Lenggong bagi membolehkan perkhidmatan-perkhidmatan dapat dilaksanakan di peringkat bawah.

Yang terakhir Tuan Pengerusi, 07000 – Keselamatan Jalan Raya, B.28. Kita telah banyak lakukan kempen. Kita banyak lakukan pelbagai usaha tapi kita dapati bahawa isu keselamatan jalan raya, kemalangan jalan raya masih lagi tidak berkesudahan. Sebab itu saya ingin bertanya apakah kerajaan mengkaji modul yang kita laksanakan hari ini sesuai atau tidak lagi.

Bagaimana usaha dilakukan di peringkat sekolah-sekolah. Saya rasa dalam usaha kita nak meningkatkan kesedaran keselamatan jalan raya ini, usaha dan penekanan mesti dilakukan

di peringkat awal persekolahan lagi. Biar anak-anak kita di bangku sekolah faham tentang keselamatan jalan raya. Jalan elok, dia tak bawa motor laju dan sebagainya, dia tak bawa kenderaan dan sebagainya. Kalau didikan ini dilakukan di peringkat awal lagi, kalau boleh tak dijadikan kurikulum pun tapi dipertingkatkan dan ditambah nilai untuk dimasukkan ke dalam *syllabus* kita di peringkat sekolah.

Yang ini boleh dilakukan oleh Kementerian Pengangkutan bersama dengan Kementerian Pendidikan untuk melihat perkara ini. Ini amat serius sekali, kita bimbang tiap-tiap kali waktu puncak, hari perayaan dan sebagainya, isu-isu ini tidak pernah berkesudahan. Itu sahaja Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Petaling Jaya Utara.

11.56 tgh.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Sebelum saya bermula, saya ingin merakamkan rasa sedikit *disappointment* bahawa kita ada dua Menteri Kewangan, kita ada dua Timbalan Menteri Kewangan, perbincangan peringkat Jawatankuasa bagi Kementerian Kewangan hanya satu pagi, setengah hari sahaja dalam jangka masa dua minggu. Empat orang tapi satu orang pun tidak hadir hari ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Petaling Jaya Utara, seorang Timbalan Menteri berada...

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Ingin saya merakamkan saya punya perasaan sahaja. Saya ingin meneruskan perbincangan saya mengenai isu 1MDB, perkara 95000. Timbalan Menteri Kementerian Kewangan dalam penggulungan yang dibuat pada hari Khamis yang lalu telah pun menjawab saya semasa penjelasan bahawa tidak ada surat menyokong ataupun *letter of support* yang telah pun diberikan kepada 1MDB Global Investment. Saya ingin *quote* apa yang disebut dalam *Hansard*.

Ini kata Menteri, “*Saya ingin menegaskan sekali lagi bahawa kerajaan hanya beri jaminan kepada sukuk sebanyak RM5.8 bilion sahaja sedangkan semua hutang 1MDB iaitu RM36.25 bilion hanya RM5.8 bilion. Tidak ada perkara-perkara yang disebut oleh Yang Berhormat tadi iaitu perkara-perkara mengenai letter of support. Tidak ada surat apa semua, yang ini sahaja boleh jawab, RM5.8 bilion. Itu sahaja yang dijamin oleh kerajaan, tidak ada lebih daripada itu. Selain daripada itu, 1MDB tidak menerima jaminan daripada kerajaan bagi pinjaman-pinjaman yang lain. Satu lagi yang disebut mengenai letter of support itu sebenarnya tidak ada*”.

Ini dirakamkan dalam *Hansard*. Saya dicabar untuk membawa *info* memo yang mempunyai *letter of support* itu. Saya bawa hari ini, Yang Berhormat Titiwangsa, dia tahu, rakan baik dekat sana. Saya bawa di sini, surat *letter of support* empat muka surat dan Timbalan Menteri Kewangan tak jawab dengan betul di Dewan, dia buat *correction* atau pembetulan luar Dewan. Hari ini, *The Edge Financial Daily* pada muka depan, “*Ahmad Maslan admits there is*

letter of support but insist it is not a guarantee". So ini telah pun menyebabkan pelabur-pelabur antarabangsa keliru, takut dengan Malaysia sebab jawapan yang diberikan oleh Timbalan Menteri Kewangan dalam Parlimen sendiri pun tak tepat macam jawab syok sendiri sahaja, macam-macam dan hari ini sudah ada laporan.

Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titawangsa]: Boleh Yang Berhormat Petaling Jaya Utara?

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Okey, Yang Berhormat Titawangsa saya bagi. Yang lain saya tak bagi sebab memang masa singkat.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Titawangsa.

Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titawangsa]: Terima kasih. Saya berpeluang untuk melihat prospektus. Dalam prospektus ini, dalam *page 19*, *stated very clear* dengan begitu nyata kalau boleh saya bacakan *page 19* ini. Dalam *heading*, "*Risk relating to letter of support. The notes are not general or direct obligation of the Government of Malaysia and the letter of support does not constitute a guarantee by The Government of Malaysia*". *How do you explain that?*

■1200

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Saya akan jawab, sebelum itu saya hendak beritahu bahawa jawapan yang telah pun diberikan oleh Timbalan Menteri Kewangan telah pun mengakibatkan *investment bank* di luar negeri hilang keyakinan kepada bon-bon yang dikeluarkan oleh 1MDB. Hari ini laporan oleh **Dwidivaka Vijayawada** di bawah *Royal Bank of Scotland* yang menasihatkan pihak pelabur, "*Investors should stay away from the North because of the lack of clarity and the lack of financial and investment details*". Akibat daripada jawapan Timbalan Menteri Kewangan dalam Parlimen. Sekarang Menteri kata ada surat sokongan tetapi bukan *guarantee*.

Saya tidak mahu bahaskan sama ada ini *guarantee* atau bukan *guarantee*. Saya hanya hendak sebut apa yang disebut dalam surat sokongan tersebut. Memang surat sokongan ada sebut, "*This does not imply a guarantee, this is not explicit or imply guarantee...*" saya setuju memang ada sebut. Akan tetapi ia juga sebut *I quote*, "*In that event 1MDB as shareholder of the issuer failed to provide the required funds. Malaysia shall then starting to inject the necessary capital into the issuer or made payments to ensure the issuer's obligations are fully made*". Sama ada *guarantee* atau tidak ada *guarantee*, klausa ini telah pun masuk dalam surat sokongan iaitu kalau 1MDB tidak mampu bayar hutang, kerajaan akan masuk bayar hutang tersebut.

Saya hendak Timbalan Menteri Kewangan jawab dan jawab dengan betul-betul, jangan jawab macam minggu lalu. Sama ada kalau 1MDB tidak mampu bayar hutang tersebut, adakah kerajaan akan membantu mengeluarkan untuk membayar bon tersebut? Itu soalan sahaja. Saya tidak mahu soal sama ada *guarantee* atau tidak ada *guarantee*, 1MDB tidak mampu bayar, adakah kerajaan akan bayar? Itu penting sebab perkara ini tidak dipertimbangkan di mahkamah Malaysia...

Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]: Yang Berhormat.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Ia akan dipertimbangkan di mahkamah London. Itu merupakan apa yang disebut dalam surat sokongan, *'This will not be adjudicated in Malaysia, it is adjudicated in London'* kerana pelabur asing tidak ada keyakinan dengan mahkamah di Malaysia. Mereka hanya ada keyakinan di mahkamah di London. Ya, Yang Berhormat Titiwangsa.

Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]: Jadi saya minta penerangan, sekarang Yang Berhormat Petaling Jaya Utara mengatakan bahawa kita telah bersetuju bahawa *letter of support* itu adalah bukan *guarantee*.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Saya tidak setuju tetapi saya tidak bangkitkan isu ini, saya hanya bangkitkan sama ada kerajaan akan bayar jika 1MDB tidak mampu bayar.

Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]: Saya terpaksa hendak buat *clarification* dengan Yang Berhormat Petaling Jaya Utara kerana *statement* ini tercatat begitu *clear* dalam prospektus. Jadi kalau Yang Berhormat Petaling Jaya Utara tidak setuju bahawa *letter of support* itu adalah bukan *guarantee*, adakah Yang Berhormat mengatakan bahawa itu *guarantee*?

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Saya hanya mengatakan bahawa sama ada *guarantee* atau bukan *guarantee* bukan persoalannya. *[Dewan riuh]* Dengar, dengar! Okey, soalnya kalau 1MDB tidak bayar, adakah kerajaan akan bayar? Itu yang paling penting, *that is the essence*. Yang Berhormat Shah Alam.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Shah Alam.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Petaling Jaya Utara. Saya ingat masalah ini adalah persoalan semantik. Soal istilah sama ada digunakan istilah *guarantee* ataupun tidak menggunakan istilah *guarantee*, persoalannya ialah adakah apabila 1MDB tidak mampu bayar, maka kerajaan akan bayar? Kalau dia tidak gunakan perkataan *guarantee* sekalipun, apa yang terpenting ialah kerajaan terdedah kepada tanggungjawab membayar hutang 1MDB.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Tambah sedikit.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Okey, saya dah dapat soalan, saya harap bagi *chance* saya habiskan, sepuluh minit sahaja ya. Okey kita bagi Menteri jawab. Saya hendak tegaskan di sini pernah dulu PKFZ, Yang Berhormat Bintulu tidak ada. Okey, Menteri pun bagi *letter of support*, Menteri kata bukan *guarantee* tetapi bila tidak mampu bayar, siapa yang bayar? Kerajaan yang bayar. *[Disampuk]* Kerajaan kata perlu bayar.

Attorney General dalam Mesyuarat PAC beritahu kepada Ahli-ahli PAC bahawa walaupun bukan *guarantee* tetapi dalam surat tersebut kerajaan terpaksa memenuhi apa yang tertulis dalam surat tersebut iaitu kalau syarikat tersebut tidak bayar, kerajaan akan bayar. *The word of the government is gold*, ini *quotation* daripada AG, itu disebut. Jadi ini RM0.6 bilion, jawapan penting kerana pelabur-pelabur antarabangsa semua tunggu mendengar jawapan

daripada Kementerian Kewangan sama ada kalau 1MDB tidak mampu bayar, adakah kerajaan akan masuk untuk bayar.

Kedua, Timbalan Menteri Kewangan juga ada berkata bahawa 1MDB tidak pernah terlepas daripada memenuhi obligasi jadual pembiayaan kewangannya. Kedudukan kewangan 1MDB tetap kukuh disokong oleh aset-aset strategik yang mempunyai rekod prestasi yang terbukti di samping mempunyai peluang-peluang pertumbuhan yang utuh. Ini *quotation* daripada *Hansard* tetapi Timbalan Menteri hari itu tidak jawab bahawa pinjaman sebanyak RM6.17 bilion yang sepatutnya dibayar pada November 2013, 1MDB tidak mampu bayar terpaksa menangguhkan jangka masa pembayaran sepanjang enam bulan. Selepas enam bulan, datangnya Mei, masih hanya mampu bayar RM670 juta sahaja. Yang *balance* terpaksa *refinance*, *refinance* kalau dengan murah tidak apa, *refinance* dengan penalti *interest*, tambahan 2.5%. Ini dilaporkan dalam *Singapore Business Times*, ini isu antarabangsa.

Yuran yang dibayar, caj yang dibayar, *fees* yang dibayar, RM20 juta sehingga RM30 juta, cukup mahal kerana 1MDB *desperate*. Sekarang ada laporan lagi hari ini dalam *The Edge* yang dikatakan bahawa pembelian tanah daripada Tadmax sebanyak RM317 juta. 1MDB tidak mampu bayar, tarikh untuk *completion*, untuk membuat bayaran penuh ditangguhkan beberapa kali. Bermula 20 Ogos ditangguhkan sehingga 30 September, ditangguhkan sehingga 10 Oktober dan baru-baru ini ditangguhkan kepada 31 Oktober, masih tidak mampu bayar. Sudah bayar 10%, RM31 juta tetapi kalau tidak bayar lagi, RM31 juta ini akan diambil alih oleh pihak...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Petaling Jaya Utara boleh gulung.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Okey, saya akan gulung dengan perkara yang terakhir. 1MDB akhirnya telah pun menyerahkan akaun mereka kepada pihak Suruhanjaya Syarikat pada hari Khamis lalu. Itu hanya ibu syarikat, anak-anak syarikat yang penting, yang berbilion-bilion ringgit hutang seperti *1MDB Real Estate* yang memiliki bandar Malaysia dan juga TRX yang mempunyai hutang pada peringkat Mac 2012 sebanyak RM5.9 bilion, cukup besar, belum hantar akaun. Dua tahun lebih tidak hantar akaun. Anak syarikat kerajaan, *chairman of board of advisors*, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri, dua tahun lebih tidak hantar akaun, macam mana ini? 1MDB Energy Langkat sama, Powertek Investment Holding sama, yang lain Farlim Properties, Gerak Indera, Jimah Energy Ventures tidak menyerahkan akaun sejak Disember 2012.

Ada syarikat lain yang saya telah *check*, 1MDB Hotel and Resorts, 1MDB Energy Holdings, 1MDB Synergy, Bandar Malaysia Sdn. Bhd., Mastika Legenda Sdn. Bhd., Powertek Berhad, semuanya belum menyerahkan akaun sejak Mac 2013. Kenapa?

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Petaling Jaya Utara.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: *What is there to hide?* So, Menteri mesti jawab kenapa hanya ibu syarikat yang hantar akaun, yang lain, yang besar-besar semua belum? Ini hanya syarikat yang saya *check* sahaja, *inspect* sahaja. Saya tidak mampu setiap kali

saya *check* RM15, mahal. Sebanyak 30 hingga 40 buah anak syarikat ada dalam 1MDB, Menteri mesti jawab kenapa anak syarikat tidak hantar akaun.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Saya hendak tanya. Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya sila, masa dah cukup sebenarnya ya.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Sedikit sahaja hendak tanya tambahan soalan kalau boleh Yang Berhormat Petaling Jaya Utara jawab. Siapa sebenarnya yang di sebalik 1MDB ini sehingga mendapat layanan yang begitu istimewa daripada kerajaan? Kita mahu tahu, kalau tidak minta Menteri jawab.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Syarikat 1MDB merupakan satu syarikat yang dimiliki penuh oleh Kementerian Kewangan, yang *Board of Advisor* dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Pekan sendiri. So, saya rasa mereka memberikan satu contoh, *bad example for all the rest of the government subsidiaries*.

■1210

Kalau syarikat yang dimiliki oleh MOF syarikat yang diketuai oleh Perdana Menteri sendiri pun tidak ikut undang-undang dalam negara kita, tidak hairanlah semua Laporan Ketua Audit Negara macam-macam punya penyelewengan, macam-macam punya ketidakpatuhan undang-undang, *bad example*. So kita tidak boleh salahkan pegawai-pegawai ini di mana anak syarikat Kementerian Kewangan sendiri yang cukup besar, yang cukup penting pun tidak ikut undang-undang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Jerlun.

12.10 tgh.

Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]: Terima kasih Tuan Pengerusi, *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Terima kasih kerana diberi peluang untuk saya sama-sama berbahas dalam peringkat jawatankuasa bagi Kementerian Kewangan. Pertama sekali saya hendak sentuh tentang P.10 – 70102 iaitu Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Kedah (PKENK) ataupun PKE Kedah yang diberikan peruntukan sebanyak RM17 juta. Cumanya kita tahu bahawa selama ini PKENK ataupun Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri-negeri memainkan peranan yang cukup penting dalam pembangunan ekonomi sesebuah negeri. Termasuk dalam usaha untuk membuka tanah ataupun kawasan industri baru, kalau di Kedah termasuk juga di Kulim Hi-Tech Park.

Begitu juga dari sudut pembangunan usahawan serta juga membuka kawasan-kawasan perniagaan baru. Jadi soalan kita adalah selama ini kita tengok peruntukan yang diberikan kepada Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Kedah (PKENK) makin mengurang. Apakah kerajaan melihat bahawa peranan PKEN-PKEN ataupun Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri-negeri ini sudah makin mengurang? Ataupun mereka sudah pun *self-sustain* ataupun mampu untuk menjana pendapatan sendiri?

Tajuk yang kedua ialah P.10 – 96000. Terdapat satu tajuk berkaitan dengan peruntukan RM9.5 juta kepada pembangunan padang bola sepak tiruan. Saya mohon sekadar pencerahan. Di manakah padang ini akan diwujudkan? Kenapakah ia tidak diletakkan di bawah Kementerian Belia dan Sukan?

Kemudian juga ada satu lagi B.12 – 090000 iaitu Kumpulan Wang Amanah Sukan Negara berjumlah RM150 juta. Jadi kita juga hendakkan pencerahan apakah bentuk peruntukan yang diberikan dalam Kumpulan Wang Amanah ini? Siapakah kumpulan sasar bagi tabung ini?

Seterusnya berkaitan dengan *one-off*, 091300 – B.10 iaitu pelaksanaan UTC dan RTC berjumlah RM139 juta. Kita tahu bahawa RTC yang baru diperkenalkan memainkan peranan yang agak unik ketika ini. Ia merupakan satu *stop centre* di mana diberikan kemudahan kepada rakyat untuk lebih mendapat kemudahan baik dari segi pelbagai agensi yang diwujudkan di situ. Saya kira UTC ini memang nampak kesan dan cukup berjaya. Manakala untuk RTC pula ialah satu program untuk menggalakkan satu *collection centre*, *stop centre* untuk barangan-barangan keluaran baik barangan pertanian dan juga industri asas tani yang diletakkan di banyak negeri-negeri. Wujud juga mini-mini RTC di bawah Kementerian Luar Bandar dan Wilayah. Cumanya kita hendak pastikan bahawa perwujudan RTC ini dan juga perwujudan UTC ini tidak *redundant* ataupun tidak *duplicate* dengan peranan-peranan, dengan pejabat-pejabat, agensi-agensi yang sedia ada terutama sekali di bandar-bandar besar.

Keempat dan terakhir adalah berkaitan dengan Langkawi Development Authority (LADA) di mana kita lihat perkara-perkara yang berkaitan dengan B.10 – 090700 dan juga P.10 – 02400, B.10 – 050100. Dalam peruntukan di bawah Jabatan Perdana Menteri pun terdapat peruntukan iaitu P.6 – 001140 untuk pembangunan Langkawi. Jadi kita sedar bahawa Langkawi memang kerajaan berhasrat untuk menjadikan satu destinasi pelancongan antarabangsa dan memang kita melihat bahawa Langkawi mendapat sambutan yang makin menggalakkan daripada pelancong-pelancong antarabangsa dan juga pelancong tempatan.

Cumanya kita tahu bahawa dalam kesibukan kita hendak membangunkan Langkawi kita masih menghadapi masalah-masalah yang berkaitan terutama sekali di Jeti Kuah yang kini sedang dalam fasa pembesaran. Kita tahu bahawa *traffic jammed*, trafik yang begitu banyak sambutannya menjadikan *congested* di Pekan Kuah dan juga menuju ke Jeti di Pekan Kuah itu.

Langkawi ini memang telah pun juga menghadapi masalah berkaitan dengan sistem pembetulan di Pantai Cenang. Kita hendakkan kita harapkan melalui peruntukan yang diberikan ini akan dapat menyelesaikan masalah yang dihadapi di Langkawi tersebut. Termasuk juga berkaitan dengan *incinerator* ataupun kita hendak menguruskan masalah sampah yang ada di Langkawi. Selain daripada itu juga, terdapat konflik dari segi *tagline* mungkin ini masuk dalam Kementerian Pelancongan. Kini kita mendengar Langkawi disebut dalam pelbagai bentuk Naturally Langkawi, kemudian Langkawi Geopark, kemudian Langkawi Magical Islands dan juga ada juga Langkawi Permata Kedah. Jadi yang mana satukah *tagline* yang paling sesuai yang patut dikekalkan dan menjadi satu bahan promosi ataupun jenama yang mesti dibawa, *dicarry*

oleh semua pihak sama ada daripada pihak Kementerian Pelancongan ataupun industri *players* dan sebagainya?

Seterusnya kita juga mempunyai beberapa tempat ataupun bangunan-bangunan lama di Langkawi. Adakah kerajaan berhasrat untuk hendak *preserve* bangunan ini dijadikan bangunan yang diiktiraf sebagai pembangunan yang disebut sebagai tempat-tempat lama? Jadi itu sahaja Tuan Pengerusi. Terima kasih di atas peluang yang diberikan. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Permatang Pauh.

12.17 tgh.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]: Terima kasih Tuan Pengerusi. B.20600 – Pengurusan Audit Dalam, Tuan Pengerusi menyentuh tentang tunggakan bayaran balik pinjaman yang tertunggak. Pada 31 Disember 2013 sebanyak 43 atau 62.3% daripada 69 pinjaman yang disalurkan kepada 25 syarikat kerajaan dan bukan kerajaan. Mempunyai tunggakan bayaran balik dalam tempoh tunggakan antara satu hingga sembilan tahun. Selain daripada bayaran balik anuiti tahun 2013, pengiraan tunggakan mengambil kira perkara berikut.

Satu, pelarasan pengiraan faedah lewat bayar, *default interest* tahun 2012 bagi Cyberview Sdn. Bhd., Malaysia Venture Capital Management Berhad, Kumpulan Modal Perdana, JKP, Lebuhraya Shapadu, Perwaja Steel, Equal Concept, Airport Limo, SME Ordinance, Columbia Aircraft dan sebagainya. Tunggakan faedah lewat bayar *default interest* tahun 2013 Cyberview, Malaysia Venture Capital Management, JKP, Lebuhraya Shapadu, Perwaja Steel, Equal Concept, Airport Limo, SME Ordinance, Perbadanan Usahawan PUNB. Hapus kiraan anuiti 2011 bagi pinjaman JKP sahaja RM3.68 juta. Bayaran balik NFC RM0.34 juta.

Saya tekankan perkara ini Tuan Pengerusi ialah kerana pertama tidak ikut jadual, keduanya tidak bayar hutang kemudian hadapi masalah kewangan. Ini prestasi kerajaan yang harus dipantau oleh Kementerian Kewangan. Akan tetapi sikap kerajaan terhadap syarikat-syarikat ini termasuk pemodal-pemodal besar begitu lunak sekali, boleh tangguh, boleh tidak bayar, boleh diberikan kelonggaran. Akan tetapi bila pelajar dalam PTPTN berhutang tindakan disenaraihitamkan oleh imigresen dan juga CCRIS. Jadi nampak *double standard*. Kita beri kelonggaran kepada golongan kaya tetapi menekan anak-anak yang baru keluar universiti dan belum mendapat pekerjaan dengan tekanan yang kita tahu PTPTN. Kita mahu penjelasan tegas, kalau kelonggaran diberikan kepada yang kaya, sebab ia begitu keras terhadap golongan miskin.

■1220

Di Bawah B.11, Butiran 020500 - Subsidi Gas Cecair (LPG) Diesel dan Petrol serta Bantuan Tunai. Ini perkara besar kerana subsidi gas, diesel, petrol, bantuan tunai hampai RM19.43 bilion. Peruntukan begitu tinggi dinaikkan.

Akan tetapi soalnya RM19.43 bilion ini adalah peruntukan atas terma subsidi untuk rakyat, tetapi memberi catatan keuntungan sangat tinggi kepada syarikat-syarikat IPP, yang

sekarang ini ada setengah jual dengan harga yang agak lumayan, diambil oleh Khazanah dan sebagainya. Kita telah minta bertahun-tahun Tuan Pengerusi, minta dikaji semula, diperhatikan perjanjian IPP memang kita sahkan adalah tempang, berat sebelah memihak kepada syarikat kroni yang kaya, dan ini terbukti dengan catatan keuntungan yang cukup tinggi, mengapa rakyat dibebankan dengan kos meningkat, kerajaan menggunakan dana untuk menambah subsidi untuk syarikat-syarikat ini.

Saya tidak mahu ulang Tuan Pengerusi kerana perkara ini disebut termasuk kenyataan bekas Pengerusi PNB, Tan Sri Ani Arop yang mempertahankan kenyataannya tentang proses mengadakan perjanjian yang ditentukan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, yang memihak dan memberi keuntungan yang tidak munasabah kepada syarikat besar dan dia sebut antara lain ialah kepada YTL.

Butiran 021200 – Subsidi Kadar Faedah kepada Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB). Peruntukan RM60 juta, dibaca sekali dengan Butiran 021600 – Pemberian Kemudahan Projek Khas - RM617 juta. Ini adalah peruntukan daripada tabung-tabung atas nama Projek Khas Bank Pembangunan Malaysia Berhad. Kita hendak tahu kerana ada- mengikut pengalaman dan kenyataan, siapa yang peroleh kemudahan besar, senarai nama syarikat, dan kita minta dalam jawapan, Menteri menjelaskan nama syarikat, berapa jumlah diluluskan dan apa rasional ia diluluskan, dan mengapa tidak dipindahkan sebahagian besar kepada golongan pendapatan sederhana iaitu syarikat-syarikat kecil terutama di kalangan bumiputera.

Di bawah B.10, Butiran 040000 –Perkhidmatan Kastam. Peruntukan 2015 berjumlah RM838 juta. Daripada jumlah ini, RM310 juta telah diperuntukkan untuk GST. Apa keperluan-soalannya untuk kita tekankan peruntukan kepada GST, apabila pengurangan ketirisan perbelanjaan boleh menjana pendapatan yang lebih? Kita telah jelaskan dalam ucapan Belanjawan bahawa mengikut kajian yang dibuat oleh Pakatan Rakyat, yang dibentangkan dalam Belanjawan 2015, empat komponen perbelanjaan Kerajaan Persekutuan yang terdedah besar kepada amalan rasuah akibat tata kelola yang lemah. Komponen khidmat dan bekalan, aset bayaran kenaaan tetap dan belanja pembangunan.

Jika diandaikan 15% sebagai kadar ketirisan dan rasuah, ini agak konservatif kerana kalau ikut Laporan Ketua Audit Negara yang sedang kita teliti sekarang ini, jumlah perbelanjaan, kalau kadar 15% ketirisan, rasuah, bocor dan sebagainya, maka kita anggarkan penjimatan boleh mencecah di antara RM18 bilion hingga RM20 bilion. Ini boleh kurangkan defisit dan boleh mengelakkan kita daripada mengenakan kadar tinggi baik elektrik ataupun kenaikan harga petrol 0.40 sen dalam tempoh satu tahun yang memang rekod- membebankan rakyat.

Dalam kajian belanjawan juga, dalam menyentuh soal GST, kita tahu pendapatan tambahan oleh kerajaan hanya RM8 bilion. Kalau kita ambil angka yang saya sebutkan tadi tentulah rasional, dan ini tidak boleh dipertahankan.

Butiran 091000 - Cawangan *World Bank* di Malaysia. Peruntukan RM10 juta, saya telah pun bangkitkan sebelum ini, dan saya masih anggap ini satu keanehan, kerana satu bank besar dunia yang kerjanya adalah untuk memberi peruntukan kepada negara, Malaysia ini bersikap

dengan begitu sombong untuk memberikan RM10 juta kepada Bank Dunia, hendak letakkan pejabat di sini yang tidak dilakukan oleh mana-mana negara membangun.

Jadi saya tekankan bahawa hal yang sebegini hanya menunjukkan bahawa kita tidak memberikan keutamaan kepada keperluan rakyat, kerana tidak ada bagi saya rasional untuk hebohkan. Ada keupayaan Bank Negara yang mampu menyempurnakan tugas ini, dan kalau Bank Dunia merasakan tertarik dengan cadangan Malaysia, dia patut kendalikan sendiri. Tidak perlu kita beri dana untuk membawa mesej Bank Dunia di Kuala Lumpur.

Butiran 090900 – Kepengerusian ASEAN 2015. Peruntukan RM12 juta. Ini antara tugas besar bagi kerajaan dalam tugas sebagai Pengerusi ASEAN, tetapi ada satu hal yang saya harus sentuh di sini kerana banyak yang diperkatakan dan laporan daripada soal hak asasi, malah kerajaan Turki mengirim pasukan, tetapi ASEAN agak membisu. Baru-baru ini dalam *Forum for Muslim Democrates*, Doktor Surin Pitsuwan bekas Setiuasaha Agung ASEAN dan bekas Menteri Luar Thailand juga menyebut tentang jenayah kezaliman dilakukan kepada masyarakat Muslim Rohingya di Myanmar yang tidak disuarakan oleh negara-negara ASEAN.

Ini satu tragedi yang menimpa masyarakat Islam di negara jiran, dan Malaysia sampai hari ini belum- jadi kalau kita teliti umpamanya ada satu kajian dan video yang diterbitkan oleh Nicholas Kristoff dari *New York Times*, Tuan Pengerusi ini memaparkan satu bentuk kezaliman dengan pembunuhan, dengan cara mereka mengepong dan memenjarakan orang-orang Islam Rohingya ini, cara yang paling keji dan zalim sekali dan kita- sungguh mengaibkan bukan Kerajaan Myanmar tetapi keengganan kita menyatakan pendirian yang tegas.

Saya faham Pakatan Rakyat- Keadilan dan PAS terutama telah suarakan, tetapi kalau di kalangan pimpinan kerajaan, ada keengganan luar biasa dan saya tidak faham. Kita boleh bicara soal kezaliman di banyak negara lain, tetapi mengapa kita enggan menyuarakan, apakah ada kepentingan perniagaan, apakah ada kepentingan pelaburan, ataupun adakah kepentingan syarikat-syarikat yang melibatkan orang-orang tertentu dalam kerajaan yang menyebabkan tidak boleh bersuara sama sekali.

Jadi kalau kita ambil tugas sebagai Pengerusi ASEAN 2015, dan tidak mengambil kira teguran termasuk daripada bekas Setiausaha Agung ASEAN, Doktor Surin Pitsuwan yang menyuarakan dengan cukup keras di antara tragedi ASEAN yang paling parah selepas yang berlaku di Kemboja oleh Khmer Rouge. Ini tidak disuarakan oleh mana-mana negara, dan apatah lagi yang paling kita kesalkan keengganan pimpinan UMNO-Barisan Nasional untuk bersuara menentang kezaliman penganiayaan, pembunuhan keji ke atas masyarakat Muslim Rohingya. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kuala Selangor.

■1230

Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Butiran 090900 - Kepengerusian ASEAN 2015. Malaysia telah mengenal pasti perwujudan ASEAN berpaksikan rakyat atau dengan izin, *people centered* ASEAN sebagai elemen utama atau tema Kepengerusian ASEAN 2015. Sehubungan dengan itu, saya juga ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan supaya satu Jawatankuasa Pemandu Kebangsaan, dengan izin, *National Steering Committee* untuk Kepengerusian ASEAN Malaysia dalam ASEAN 2015 untuk meneliti segala agenda kesederhanaan atau wasatiyyah juga ditonjolkan atau diperkembangkan memandangkan elemen ini jika dijadikan pegangan, maka membolehkan kita tidak hilang apa yang sudah diwarisi malahan boleh diperteguhkan dengan fitrah untuk saling kenal-mengenal dengan lebih baik lagi.

Tuan Pengerusi, pemimpin Parti Kebebasan Mesir, Dr. Abdul Majid Dar Darryl, memuji konsep wasatiyyah yang telah diterapkan dalam sistem pentadbiran Kerajaan Malaysia. Tambah beliau lagi, konflik melanda negara ini juga boleh dielakkan jika konsep demokrasi dan wasatiyyah yang diamalkan di Malaysia turut diamalkan di negara berkenaan. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menggariskan usaha untuk memperkembangkan agenda kesederhanaan ini atau wasatiyyah ke peringkat global sebagai salah satu dari lima keutamaan yang akan dilaksanakan oleh Malaysia sebaik menduduki kerusi Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu mulai tahun hadapan.

Lantas, saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan adalah bertepatan dengan kehendak masa kini adalah wajar diberi perhatian apatah lagi tahun 2015 adalah sangat penting dan signifikan pada hujung tahun negara anggota ASEAN bersetuju menubuhkan komuniti ASEAN. Ini satu lagi perkara yang amat bersejarah yang harus kita perembangkan agenda kesederhanaan atau wasatiyyah bersama-sama dengan elemen lain sewaktu Malaysia mempengerusikan ASEAN nanti.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin merujuk kepada butiran 040200 - Pengkastaman atau GST. GST merupakan cukai penggunaan yang menyeluruh yang menjadi mekanisme terbaik kerajaan di seluruh dunia untuk mengutip hasil selain menangani masalah defisit bajet. Selaras dengan saranan kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju, menjadi satu tanggungjawab kerajaan untuk membuat penambahbaikan ke atas sistem cukai sedia ada supaya menjadi lebih telus, cekap, dan meningkatkan hasil serta menggerakkan pertumbuhan ekonomi.

Tuan Pengerusi, tidak dinafikan pelaksanaan GST mulai 1 April 2015 akan meningkatkan Indeks Harga Pengguna (IHP) sebanyak 1.8% tetapi hanya untuk suatu jangka masa yang pendek dan akan menurun kembali seperti yang berlaku di negara ASEAN yang memperkenalkan GST. Sehubungan dengan itu, saya juga ingin mengesyorkan supaya pihak kerajaan menyediakan mekanisme mengawal pelaksanaan GST yang cukup efektif dan tersusun untuk memantau harga dan memastikan peniaga mengikut peraturan yang ditetapkan.

Pihak kerajaan mesti memastikan bahawa hanya peniaga yang berdaftar di bawah Akta GST akan dibenarkan menggunakan cukai ke atas jualan mereka. Bagi peniaga yang cuba menyeleweng GST, maka mereka harus diambil tindakan undang-undang seperti di bawah Akta Kawalan dan Anti Pencatutan 2010. Saya juga ingin mencadangkan kepada kerajaan melalui Jawatankuasa Pemantauan GST untuk memantau segala pelosok bagi memastikan kelancaran pelaksanaannya yang akan bermula pada 1 April 2015 dengan memastikan peniaga tidak mengambil kesempatan daripada pelaksanaan GST untuk menaikkan harga atau mengambil keuntungan secara berlebihan.

Selain dari itu, kerajaan juga harus mempercepatkan penerbitan, dengan izin, *shoppers guide* yang akan memaparkan perbandingan harga barang dan perkhidmatan untuk rujukan orang ramai.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: *[Bangun]*

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ada dua orang yang bangun. Yang Berhormat Shah Alam dan Yang Berhormat Bagan serai. Mana satu?

Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: Yang Berhormat Bagan Serai dahulu.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Bagan serai. Sila.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Macam mana dia berubah-ubah ini?

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Tidak, dia berubah. Dia tengok sini tadi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Selangor. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Kuala Selangor. Kalau GST ini telah diamalkan atau dilaksanakan lebih dari 160 buah negara di dunia ini dan tidak ada kita dengar satu-satu negara yang merudum ekonominya, yang inflasinya sampai tidak boleh dikawal lagi. Kita tidak pernah dengar huru-hara ekonomi berlaku. Jadi bermakna pada logiknya sahaja, adakah GST ini bagus untuk diamalkan? Itu yang pertama.

Kedua Yang Berhormat Kuala Selangor, saya ingin bertanya, masalah kenaikan harga akan berlaku sedikit, masalah inflasi akan berlaku pada seketika tetapi...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tuan Pengerusi, dia tidak pandang Tuan Pengerusi. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, ya ikut peraturan.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Yang Berhormat Shah Alam, ini bagus. Dia beri nasihat, dia bagus.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Terima kasih Yang Berhormat Shah Alam. Ikut contoh Ketua Pembangkang.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Kuala Selangor. Ada dua golongan. Satu, golongan yang mengambil kesempatan

atas GST ini - perubahan sistem cukai ini untuk meningkatkan harga. Ini golongan yang eksploit dan ada satu golongan lagi yang suka sangat keluar untuk mengelirukan rakyat, untuk menakutkan rakyat...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Bagan serai...

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: ...Supaya semua orang takut dengan GST. Jadi apa pendapat Yang Berhormat Kuala Selangor? Ini dua golongan apa kita hendak buat dengan dia?

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kuala Selangor, tinggal empat minit lagi.

Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: Terima kasih, Yang Berhormat Shah Alam.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya pandang Tuan Pengerusi sahaja. Tadi saya dengar Yang Berhormat Kuala Selangor ada sebut bahawa apabila GST itu dilaksanakan, maka untuk tahun pertama inflasinya akan naik tetapi seterusnya ia akan turun. Apa yang saya hendak Yang Berhormat Kuala Selangor jelaskan adakah yang turun itu kadar inflasi ataupun harga barang? Bila sudah berlaku inflasi untuk tahun yang pertama, maka harga barang sudah naik, sudah tinggi. Tahun yang kedua, harga barang itu tidak turun, hanya kadar kenaikannya adalah sedikit berbanding dengan tahun yang pertama.

Maknanya, sekiranya saya faham betul - maknanya harga barang itu tetap tinggi. Ia tidak turun. Apa yang turun hanya kadar inflasi. Bagaimana Tuan Pengerusi? Boleh minta Yang Berhormat Kuala Selangor jelaskan? Saya pun hendak tengok dia faham atau tidak.

Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Sebagaimana yang telah disebutkan tadi, mulai 1 April 2015 Indeks Harga Pengguna (IHP) akan meningkat sebanyak 1.08% dan dalam satu jangka masa yang pendek ia juga akan menurun kembali seperti yang berlaku pada negara-negara yang memperkenalkan GST. Sebagaimana yang disebut oleh kedua-dua Ahli Parlimen sebentar tadi, sudah tentunya bila ia dilakukan sesuatu mekanisme pemantauan yang akan digerakkan oleh kementerian untuk memastikan pelaksanaan yang dicadangkan oleh kerajaan ini menepati sasaran dan objektif falsafahnya. Oleh sebab itu, saya memikirkan dan saya ingin mencadangkan bahawa kerajaan haruslah mempunyai mekanisme yang seketat-ketatnya untuk memastikan falsafah ini dapat digerakkan untuk kepentingan rakyat.

Tuan Pengerusi, sedikit lagi untuk saya menyentuh kepada Butiran 060100 - Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN). Saya melihat Bantuan Rakyat 1Malaysia yang telah diperkenalkan bertujuan untuk mengurangkan kesan perubahan ekonomi yang mencabar atau dengan izin, *cushion the effects of a transforming economy*, di mana perubahan ekonomi yang pesat dapat memberi tekanan khususnya kepada rakyat berpendapatan rendah dalam proses penyesuaian yang harus berdepan dengan peningkatan kos sara hidup.

Saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan supaya kerajaan dapat mengkaji kaedah pengagihan BR1M ini dalam bentuk kupon atau baucar yang boleh ditebus untuk barangan tertentu untuk memastikan wang yang diterima oleh penerima bantuan dapat dibelanjakan untuk tujuan yang sepatutnya di mana mekanisme ini menyerupai Program Bantuan Khasiat Tambahan atau SNAP yang dilaksanakan di Amerika Syarikat sejak lebih 50 tahun lalu untuk memastikan bantuan sampai ke golongan sasaran. Saya fikir ini juga adalah untuk memastikan langkah-langkah yang efektif dan berkesan untuk mengelakkan sebarang bentuk ketirisan dan kebocoran dalam kelesuan pengagihan BR1M memandangkan Bajet 2015 telah menggariskan sebanyak RM4.9 bilion atau 87.5% dari hasil kutipan GST pada tahun 2015 akan disalurkan kembali kepada rakyat melalui pakej-pakej bantuan seperti BR1M.

Tuan Pengerusi, terakhir, saya juga ingin bertanya kepada pihak kementerian tentang cadangan adakah kementerian khususnya Kementerian Kewangan ada bercadang untuk mewujudkan satu *one stop centre* di Parlimen Kuala Selangor untuk memastikan bahawa setiap cadangan ataupun penambahbaikan yang telah diutarakan oleh pihak kementerian khususnya dalam memberikan segala bentuk bantuan pinjaman perniagaan dapat diterangkan dan juga diterjemahkan ke peringkat akar umbi dalam Parlimen Kuala Selangor. Terima kasih.

■1240

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, PAS belum ada lagi. Yang Berhormat Temerloh.

12.40 tgh.

Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]: *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Tuan Pengerusi. Rujukan saya kepada Butiran 010500 – Pengurusan Pinjaman Perumahan. Saya menimbulkan satu isu yang berkait dengan desas desus penswastaan Bahagian Pinjaman Perumahan di bawah Kementerian Kewangan Malaysia.

Isu ini telah pun berbangkit sejak tahun 2012 yang lalu. Namun, ia semakin hari semakin berbangkit dan makin kedengaran pada bulan September 2014 yang lalu iaitu untuk menswastakan Bahagian Pinjaman Perumahan di bawah seliaan Kementerian Kewangan kepada institusi perbankan iaitu CIMB. Jadi, saya melihat kira-kira 1.5 juta penjawat awam dengan ini berkemungkinan akan kehilangan keistimewaannya, kehilangan keistimewaan pembiayaan ini yang akan merangkumi kadar pembiayaan yang paling rendah pada kadar 4% berbanding bank-bank komersial yang lain sekitar BLR-nya -2.0% hingga -2.4% dalam tempoh pembayaran semula yang saya kira lebih panjang termasuk pembayaran potongan pencen.

Di samping itu, saya ingin mendapatkan penjelasan daripada pihak kementerian berhubung dengan jumlah lelongan awam daripada tahun 2010 hingga 2013 yang melibatkan peminjam daripada kakitangan kerajaan yang juga memohon di bawah skim yang disediakan oleh kerajaan ini.

Kemudian yang kedua Tuan Pengerusi, rujukan saya kepada Butiran 030300 - Pusat Maklumat Harta Tanah Negara. Isu yang dibangkitkan berkait dengan lebih penawaran sektor pembinaan kediaman, pejabat dan juga kompleks membeli belah mewah di bandar-bandar dalam negara kita Malaysia. Berdasarkan kepada konsep bajet berasaskan hasil dan juga prinsip prioriti perbelanjaan dan juga amalan kewangan yang berhemah, saya lihat beberapa projek kediaman dan juga projek pejabat dan kompleks membeli belah mewah dalam negara kita ini harus dinilai semula. Ini kerana ia dianggap sebagai satu tindakan pemborosan serta tidak relevan berdasarkan kepada bajet yang ada pada kita.

Dalam satu laporan kajian syarikat CH Williams Talhar & Wong Sdn Bhd (WTW), kawasan lembah Klang menghadapi masalah lebih penawaran ini. Di mana segmen kediaman kondominium mewah telah merekodkan lebih paling tinggi iaitu sekitar 32% daripada 27,000 unit yang ditawarkan tidak termasuk ini jangkakan lebih kurang 5,204 unit baru pada tahun 2014.

Selain daripada kondominium mewah, kadar kekosongan unit pejabat mencapai 14% daripada 90 juta kaki persegi yang ditawarkan. Begitu juga dengan kekosongan ruang pusat membeli belah adalah 10% daripada 44 juta kaki persegi yang disediakan pada tahun lepas iaitu tahun 2013.

Tuan Pengerusi, menurut beberapa liputan berita ekonomi dan *business* dalam tabloid mingguan negara kita ini, Iskandar Malaysia turut berhadapan dengan lebih penawaran yang saya maksudkan tadi. Syarikat-syarikat pembinaan gergasi daripada China seperti Guangzhou RNF dan juga Hao Yuan Investment telah membeli 116 ekar tanah di Iskandar Malaysia untuk pembinaan fasa pertama yang meliputi segmen hartanah-hartanah mewah yang telah saya sebutkan sebentar tadi.

Lebih penawaran ini akan berlaku disebabkan beberapa polisi kerajaan yang telah mengekang permintaan pasaran bagi meredakan lambungan harga hartanah dan juga hutang isi rumah. Malah Tuan Pengerusi, lebih menakutkan lagi ialah berdasarkan kepada persekitaran ekonomi antarabangsa yang mana ekonomi negara kita juga banyak bergantung kepada pasaran luaran. Seperti mana yang saya baca, yang ditulis oleh Yang Berhormat Gua Musang dalam surat yang diedarkan kepada Ahli-ahli Parlimen pada 31 Oktober yang lalu. Jadi, saya sarankan supaya kerajaan berhati-hati dan mengambil pengajaran daripada krisis kewangan global 2008 yang merencatkan ekonomi Dubai yang sarat dengan pelaburan pembinaan hartanah mewah satu ketika dahulu.

Saya juga turut ingin memohon penjelasan berhubung dengan projek hartanah Medini yang berkeluasan 902.44 hektar di Nusa Jaya Iskandar Malaysia. Daripada maklumat yang saya fahami, projek ini tidak mempunyai apa-apa limitasi terhadap pemilikan warga asing. Ini persoalannya. Ia telah mendapat pengecualian daripada *Real Property Gain Tax* (RPGT) dan saya juga melihat tiada had harga minimum pembelian hartanah bagi warga asing dan juga mana-mana syarikat maju.

Badan pengurusan yang diluluskan beroperasi di Medini layak mendapat pengecualian cukai pendapatan sehingga tahun 2020 di bawah *incentive and support package* ini. Jadi, ini jelas

bercanggah dengan polisi yang telah ditetapkan oleh kerajaan dalam Bajet 2014 yang telah dibentangkan pada tahun yang lalu. Jadi, ini saya mohon penjelasan daripada pihak kementerian.

Yang akhirnya Tuan Pengerusi, rujukan saya kepada 090300 dan 091500 berkait dengan isu langkah penjimatan. Butiran yang saya bangkitkan ini perlu diberikan penjelasan memandangkan pada bulan Disember tahun 2013, Kerajaan Persekutuan telah mengumumkan sebelas langkah penjimatan dalam usaha untuk mengurangkan perbelanjaan sektor awam. Jadi, antara langkah yang diumumkan oleh Perdana Menteri sebelum ini ialah soal pembekuan permohonan bagi pengubahsuaian ruang pejabat kementerian yang membabitkan ruang pejabat kementerian, jabatan agensi dan juga premis kerajaan, termasuk mengetatkan pelantikan juru perunding untuk projek fizikal kerajaan dan mengoptimumkan penggunaan ruang pejabat sedia ada bagi mengurangkan kadar sewaan premis, bagi menjimatkan kos.

Jadi, saya merujuk pada Butiran 090300 bagi ubah suai pejabat, telah dicatatkan anggaran belanja yang disebut sebanyak RM1.23 juta. Itu yang pertama. Kemudian, yang kedua ialah Butiran 090500 bagi bayaran perkhidmatan perunding yang mana telah dianggar sebanyak dicatat di situ ialah RM11 juta.

Ketiga, untuk Butiran 091900, bayaran telah dianggar sebanyak RM8 juta. Jadi, oleh yang demikian, saya mohon daripada pihak kerajaan. Justifikasinya kerajaan dalam ketiga-tiga butiran yang telah saya sebutkan tadi kerana pada saya dilihat ia sangat bercanggah dengan langkah penjimatan yang telah diumumkan oleh pihak kerajaan pada tahun yang lalu.

Jadi, saya kira tidak sampai setahun angka itu telah dinyatakan pada kadar yang begitu besar sedangkan sebelum daripada ini, Perdana Menteri telah menyatakan langkah penjimatannya untuk mengekang pembekuan permohonan untuk pengubahsuaian yang melibatkan ruang pejabat kementerian dan lainnya.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Temerloh.

Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]: Jadi, saya mengingatkan akhirnya Tuan Pengerusi, firman Allah... *[Membaca sepotong ayat al-Quran] "Sesungguhnya orang-orang yang membazir dalam perbelanjaannya termasuklah kerajaan dalam mengurus dana negara ini adalah merupakan saudara-saudara syaitan. Dan adalah syaitan itu bagi Tuhannya sangat derhaka"*. Jadi, mudah-mudahan kita bebas daripada amalan-amalan pembaziran setelah kita sendiri menetapkan langkah penjimatan, maka sewajarnya ia dapat dipatuhi. Sekian, terima kasih.

■1250

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Parit Sulong.

12.50 tgh.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih Tuan Pengerusi bagi saya peluang untuk sama-sama. Saya terus merujuk kepada Maksud Bekalan 10 di bawah Butiran

091400 iaitu Pusat Inovasi dan Kreativiti Global Malaysia ataupun MaGIC. Peruntukan RM50 *million*. Ini adalah satu *one-stop centre* untuk usahawan muda termasuklah mengenai latihan, bimbingan, pemantauan dan juga kewangan.

Cuma saya hendak bertanya kepada pihak kementerian, apakah bezanya antara MaGIC ini dengan agensi-agensi lain yang berkaitan dengan usahawan kreatif dan inovasi? Ada juga program bawah SME Corps yang berkaitan dengan usahawan muda yang kreatif. Selepas itu kita pun ada juga Yayasan Inovasi Malaysia. Jadi, apakah perbezaan antara MaGIC ini dengan agensi-agensi lain di bawah kementerian yang lain?

Keduanya, saya juga hendak tahu sejak penubuhannya apakah jenis-jenis program yang telah dilaksanakan di bawah MaGIC ini sebab MaGIC ada menganjurkan beberapa program tetapi saya tengok programnya kurang dimaklumkan kepada orang ramai. Macam baru-baru ini ada program yang dinamakan GREAT. GREAT ini satu program yang sangat bagus. Mungkin boleh kementerian nyatakan apakah signifikannya dan daripada penganjuran program seperti GREAT ini saya juga hendak tahu berapakah ramai kah usahawan yang telah dilahirkan sejak penubuhannya melalui program lain dan juga program GREAT ini?

Selepas itu, seterusnya saya juga hendak supaya kementerian nyatakan dari segi perbandingan antara pencapaian MaGIC ini setahun yang lepas dengan agensi-agensi lain yang mempunyai peranan lebih kurang sama? Adakah MaGIC juga berusaha untuk- ada atau tidak perancangan untuk mengumpul data mengenai usahawan terutamanya mengenai *big data program*, dengan izin. Seterusnya saya juga hendak bertanya kepada pihak kementerian apakah yang telah dilakukan oleh MaGIC dalam memperkasakan agenda ekonomi bumiputera? Apakah yang telah dilakukan dan dilaksanakan di bawah MaGIC ini untuk memperkasakan perkara ini?

Saya harap dapatlah dimaklumkan juga kepada kita di dalam Dewan ini, apakah jenis-jenis program yang telah dirancang untuk tahun 2015 dalam usaha untuk memperkasakan usahawan muda yang kreatif dan berinovasi. Terima kasih banyak Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, ini giliran Yang Berhormat Beruas.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Allah. Saya tidak sambung esok. Saya tidak sambung kalau petang.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Beruas boleh mengalah? Sedikit sahaja. Sila. Terima kasih Yang Berhormat Beruas.

12.53 tgh.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Pengerusi sebab saya hendak menghadiri petang ini satu perasmian pelancaran buku *Dr. Mohd Khalid* oleh Bekas Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin pada petang ini yang telah pun mencadangkan supaya Perdana Menteri melepaskan jawatan Menteri Kewangan... [*Dewan riuh*]

Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Bekalan 10, Butiran 010000 – Perkhidmatan Kewangan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak Menteri, sejauh mana pihak Kementerian Kewangan memantau perbelanjaan yang dilaksanakan oleh kerajaan-kerajaan negeri terhadap pemberian-pemberian tertentu yang diberikan oleh Kerajaan Pusat. Sama ada dalam bentuk geran per kapita dan sebagainya, pulangan wang itu yang digunakan sebaiknya untuk memastikan akhirnya limpahan nikmat itu akan dapat dirasai oleh rakyat dalam negeri tersebut.

Ini saya merujuk kepada apa yang berlaku di negeri Kedah sekarang ini yang saya fikir suatu yang menunjukkan bahawa tidak ada satu pemantauan yang baik daripada pihak Kementerian Kewangan apabila banyak kita lihat Kerajaan Negeri Kedah umpamanya. Saya tidak tahulah sumber kewangan yang telah disatukan akhirnya dibelanjakan untuk perkara-perkara yang tidak memberikan manfaat yang besar kepada rakyat.

Umpamanya iaitu pengubahsuaian Kediaman Rasmi Menteri Besar RM1.7 juta. Sedangkan tahun 2013 sudah pun diubahsuai dengan kadar yang sama iaitu RM1.4 juta. Tahun 2013 diubahsuai untuk bagi dijadikan Istana Tetamu untuk menyambut Ke Bawah Duli Tuanku Yang di-Pertuan Agong pada waktu itu, Sultan Terengganu Sultan Mizan dan juga ke bawah Duli Tuanku Sultan Brunei untuk datang melawat ke negeri Kedah, sudah pun diubahsuai.

Sekarang apabila Menteri Besar baru masuk, hendak tinggal sendiri di kediaman rasmi itu lalu diubahsuai sekali lagi pada kadar RM1.4 juta. Apakah ini merupakan satu keperluan yang diperlukan ataupun sepatutnya perbelanjaan tersebut kalau dipantau secara yang terbaik oleh Kementerian Kewangan, maka wang itu boleh dimanfaatkan untuk kepentingan masyarakat dan rakyat di negeri Kedah. Begitu juga untuk ubahsuai dalaman yang saya maksudkan tadi. Kemudian, dibuatkan pula landskap luaran dengan belanja RM2.9 juta untuk rumah Menteri Besar, landskap rumah Menteri Besar RM2.9 juta hanya sekadar tanam pokok kurma. Saya tidak persoalkan hendak tanam pokok kurma tetapi apa keperluan sampai tanam pokok kurma RM2.9 juta? Ini saya fikir satu yang tidak ada keperluan kepada masyarakat dan rakyat di negeri Kedah.

Jadi, saya bimbang bahawa peruntukan-peruntukan pembiayaan yang diberikan oleh Kerajaan Pusat melalui Kementerian Kewangan ini tidak akan dirasai oleh masyarakat dan rakyat di negeri Kedah. Jadi sebab itu...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Butiran berapa ini?

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ya, perkhidmatan kewangan.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Keluar tajuk itu.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila, sila.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tidak. Tidak keluar tajuk. Kementerian Kewangan memang ada beri perkhidmatan kewangan.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Ini sudah sesat. Tajuk mana dia masuk ini? Dia faham kah, tidak faham...?

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Yang Berhormat Lenggong sudah takut [*Ketawa*]

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Bila jadi Speaker Yang Berhormat Lenggong?

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Dia ingat dia ADUN negeri Kedah kot? ADUN kah ini?

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Kementerian Kewangan memang beri peruntukan per kapita, peruntukan pelbagai tetapi saya hendak tanya Yang Berhormat Lenggong. Patut kah buat rumah, ubahsuai rumah RM1.4 juta?

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Keluar tajuk. Tajuk...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tak kan hendak tanam pokok kurma sampai RM2.9 juta tanam pokok kurma? Baik tanam pokok keriang ataupun pokok gajus.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Butiran mana satu? Butiran mana?

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Lah, saya beritahu B.10, Butiran 010000 – Perkhidmatan Kewangan.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: B.10 tidak ada kena-mengena. Janganlah. Tidak ada kena-mengena Yang Berhormat. Menteri pun tidak boleh hendak jawab.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Jadi saya minta supaya isu pokoknya ialah pemantauan supaya peruntukan-peruntukan pembangunan yang diberikan, yang disalurkan, yang dikembalikan kepada kerajaan negeri itu dapat dimanfaatkan secara yang betul. Kita tidak mahu ia menjadikan suatu masalah sebab hari ini kita lihat bahawa Kerajaan Negeri Kedah menghadapi masalah sehingga isu-isu yang timbul dalam Kolej Universiti Insaniah (KUIN), kemudian timbul dalam isu piket baru-baru ini, pemberhentian pekerja-pekerja. Jadi, seolah-olah macam tidak dapat hendak memikirkan bagaimana pengendalian kepada sebuah kerajaan negeri yang sepatutnya lebih cekap.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Jauh benar tajuknya Yang Berhormat Pokok Sena.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Sehingga kalau kita lihat prestasi kutipan hasil negeri sehingga Julai amat lemah, baru capai 37%. Jadi, bagi saya bahawa ini suatu yang sangat malang apabila hasil negeri lemah. Kemudian peruntukan pembangunan diberikan oleh Kerajaan Pusat juga tidak digunakan secara yang sebaik-baiknya. Kemudian akhir sekali yang saya hendak bangkitkan berkaitan dengan GST, Butiran 040200. Jadi, saya hendak minta sekali lagi, tadi Yang Berhormat Gua Musang ada di sini.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Ini baru betul, baru kena tajuk.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Yang disarankan oleh Yang Berhormat Gua Musang tadi sepatutnya diambil perhatian untuk ditangguhkan pelaksanaan tersebut demi untuk mencari jalan bagaimana supaya lonjakan ekonomi yang lebih baik terlebih dahulu dengan taraf kehidupan rakyat yang lebih meningkat. Tahap pendapatan yang lebih tinggi, barulah kalau hendak dilaksanakan kata Yang Berhormat Gua Musang.

Jadi, isunya ialah soal penangguhan kepada GST itu dan ini pendapat dan pandangan yang diberikan oleh orang yang sangat berpengalaman seperti mana Yang Berhormat Gua Musang. Saya minta penjelasan daripada pihak Kementerian Kewangan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Majlis dalam Majlis Mesyuarat.

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Baiklah Yang Berhormat. Kita tangguhkan persidangan kita sehingga jam 2.30 petang.

[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.]

■1430

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.]

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, saya melihat sembilan orang berucap setakat ini. Saya memaklumkan bahawa kita akan panjangkan lebih kurang satu jam sebelum Yang Berhormat Menteri menjawab, sebelum 3.30 petang, sebelum jam 4 nanti, Yang Berhormat Menteri akan menjawab.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang ini bangun berucap ini? Yang Berhormat Jasin.

2.32 ptg.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana bagi saya peluang untuk mengambil bahagian di peringkat Jawatankuasa iaitu Kementerian Kewangan daripada B.10 sehingga B.12 iaitu perbelanjaan sebanyak RM38.3 bilion yang merupakan sebanyak 17% daripada jumlah anggaran perbelanjaan mengurus tahun 2015.

Saya terus kepada B.11 iaitu berkenaan dengan isu subsidi LPG diesel dan juga petrol sebanyak RM19.43 bilion termasuk bantuan tunai. Kalau pada tahun lepas kita terpaksa menanggung subsidi sebanyak lebih kurang RM24 bilion ataupun RM2 bilion pada setiap tahun tetapi nampak ada pengurangan yang cukup ketara kerana ini setelah kita, kerajaan telah

memutuskan untuk menjalankan rasionalisasi petrol dan jangkaan harga minyak yang rendah pada ketika ini.

Kalau kita ikut trend ialah trend menurun tetapi soalan saya kepada pihak kerajaan, setakat manakah penurunan *brand* sama ada petrol ataupun diesel ini yang boleh ditanggung oleh kerajaan dan adakah kerajaan nanti akan tidak menanggung apa-apa subsidi kalau sekiranya harga minyak *brand* ini akan turun pada satu tahap.

Dalam masa yang sama kita dapat melihat kalau penurunan harga minyak di pasaran antarabangsa akibatnya ialah kita juga akan menanggung kerana Petronas juga akan dapat pengurangan keuntungannya. Ini kerana sebahagian besar daripada keuntungan besar daripada Petronas adalah sebenarnya membantu kepada kerajaan. Jadi saya hendak tanya kepada pihak kerajaan, setakat manakah kebergantungan kerajaan kepada hasil petroleum?

Keduanya, sekiranya harga minyak akan menurun dan juga keuntungan Petronas akan merosot, apakah akibat daripada pulangan kepada pihak kerajaan. Sekarang pada ketika ini kita boleh berbangga bahawa kita bukan sahaja dapat mengurangkan subsidi kepada 3% jangkaan kita untuk tahun 2015. Akan tetapi kalau ia berlaku, apakah akibatnya?

Tuan Yang di-Pertua, soalan saya seterusnya, sudahkah kerajaan sebenarnya mengambil kira dan meneliti tentang mekanisme untuk kita merasionalisasikan petrol dan diesel yang kita jangkakan pada 1 Mei tahun 2015. Dilaporkan bahawa jika sistem subsidi kepada rakyat berdasarkan daripada pendapatan bulanan, adakah kita akan menggunakan daripada MyKad ataupun menggunakan kupon. Dilaporkan juga jika berdasarkan daripada pendapatan bulanan di mana golongan pendapatan tinggi perlu membayar pada harga pasaran dan juga pendapatan rendah yang akan menikmati harga subsidi. Jadi kita dapat jangkakan sekurang-kurangnya adalah tujuh juta orang akan menikmati BR1M pada ketika ini dan 60% nya adalah daripada penghuni bandar iaitu penghuni rakyat miskin bandar.

Berdasarkan fakta-fakta ini, andaian paling konvensional sekali ialah lebih kurang hampir 80% rakyat Malaysia tergolong daripada kelompok berpendapatan rendah dan juga sederhana. Jadi soalan saya, adakah berbaloi bagi kerajaan pada ketika ini untuk menjalankan rasionalisasi subsidi petrol dan juga diesel? Ini kerana kalau 80% daripada rakyat diberikan subsidi tetapi yang kita kenakan harga pasarnya sebanyak 20% sahaja. Apa akibatnya kemudian apabila kita memperkenalkan rasionalisasi nanti kita akan lihat panjang nanti *queue* hendak menunggu giliran masing-masing dan juga kita hendak memeriksa sama ada mereka layak ataupun sebaliknya? Apakah mekanisme yang akan digunakan pihak kerajaan bagi memastikan perkara ini berjalan dengan lebih lancar lagi?

Seterusnya saya pergi kepada isu BR1M. Adakah BR1M sebanyak *one-off payment* ini bakal kita tamatkan apabila negara kita mencapai tahap negara maju berpendapatan tinggi? Kerajaan sebenarnya telah mempunyai matlamat untuk memberikan bayaran BR1M sebanyak RM1,200 kepada penerima-penerima sampai masa nanti. Walaupun banyak negara di dunia ini masih lagi mengamalkan pemberian kepada rakyatnya pada tiap-tiap tahun dan bahkan negara maju pun mengamalkannya, bahkan Singapura pun mengamalkannya. Akan tetapi apabila kita

memperkenalkan BR1M kita dapat lihat ada kalangan mereka yang memperlekehkan usaha kerajaan ini yang sebenarnya memberikan sedikit kelegaan terutamanya kepada mereka yang berpendapatan rendah. Bahkan kerajaan tidak menanggung apa-apa kerugian walaupun kita bayar RM4 bilion setahun tetapi duit ini telah kita berjaya *offsetkan* daripada berbagai-bagai cara yang telah dijalankan oleh kerajaan.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua saya pergi kepada perkara B.10 iaitu Jabatan Kastam Diraja. Jabatan Kastam ialah jabatan yang telah diberikan pertanggungjawaban untuk melaksanakan GST ini. Kita mahu melihat bahawa jabatan ini dapat menggerakkan usaha, dapat memberikan maklumat dan penerangan kepada semua peringkat supaya mereka benar-benar memahami apa itu GST yang sebenarnya ialah memberikan keuntungan bukan sahaja kepada kerajaan bahkan kepada rakyat.

Kepada mereka yang tidak bertanggungjawab, hanya memusingkan fakta seolah-olah ini satu jalan untuk memberikan penyeksaan bahkan inilah cara yang paling terbaik untuk kita meningkatkan pendapatan dan memastikan supaya mereka-mereka yang kaya, tauke-tauke yang kaya selama ini menipu kerajaan, jadi kita mahu pastikan supaya perkiraan sebenar dapat dibuat. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sebut mereka yang banyak memperlekehkan usaha kerajaan ini seolah-olah kalau pepatah Melayu ada menyebutlah...

■1440

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Hendak beri jalan Yang Berhormat?

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Tidak payah. Saya tidak ada masa, lagipun masa sedikit ini. Yakni, *"Kerbau yang penat membajak di sawah..."*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak beri, duduklah Yang Berhormat.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: *"...Kucing yang kenyang makan nasi di rumah"*.

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Yang Berhormat.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Kita seolah-olah menjadi perkakas kepada orang kaya.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Rasah, duduk Yang Berhormat Rasah.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Tauke-tauke kaya yang selama ini mendapat keuntungan hasil daripada penipuan mereka untuk mendapatkan pelabur yang cukup besar. Seterusnya, saya pergi kepada Butiran P.7 - Simpanan Luar Jangka. Saya belum habis daripada GST Tuan Pengerusi. Apabila ada *interruption*, ada kurang sedikit dan ada kacau sedikit- iaitu simpanan luar jangka sebanyak RM2 bilion ini. Jadi saya hendak tanya kepada kerajaanlah, kita dapat tahu kalau simpanan luar jangka ini adalah berfungsi dan untuk mempunyai matlamat, kita wujudkan dana ini untuk satu-satu keperluan yang mendadak.

Sebenarnya, kalau misal kata kita ada bencana alam. Jadi saya hendak tahu daripada pihak kerajaan, adakah duit RM2 bilion ini boleh digunakan untuk keperluan-keperluan seperti banjir, keperluan-keperluan lain ataupun apa juga bencana alam yang lain? Ini kerana kita mahu melihat supaya duit kerajaan yang telah diperuntukkan ini dapat dipergunakan dengan sebaik mungkin. Jadi saya pergi balik kepada GST tadi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Balik kepada GST Yang Berhormat, ya.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Ya, boleh Tuan Pengerusi, ya. Saya hendak tanya kepada pihak kerajaan, dalam bajet kita yang lalu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada mengumumkan tambahan barang-barang yang tidak dikenakan cukai GST yang dikeluarkan iaitu sebanyak 900 lebih barangan. Jadi kita hendak tahu dari pihak kerajaan kenapa kerajaan mengambil langkah ini? Adakah semata-mata untuk memberikan kelegaan kepada rakyat bahkan kita sudah boleh dapat banyak keuntungan dan menambahkan pulangan kerajaan? Akan tetapi kita dengan cara ini ialah membuktikan bahawa kerajaan kita sentiasa mengambil berat masalah rakyat.

Kedua soalan saya Tuan Pengerusi, pada bulan September yang lalu, Kementerian Kewangan telah pun menganjurkan satu seminar antarabangsa di mana kita dapat lihat ramai daripada pembentang-pembentang kertas kerja yang datang dari luar negara. Jadi saya hendak tahu daripada pihak kerajaan apakah sebenarnya rumusan yang telah kita dapati hasil daripada seminar dan juga pembentangan kertas kerja dari pakar-pakar yang kita datangkan dari luar negara? Saya yakin rumusan ini cukup penting bagi kita supaya kita dapat menangkis apa juga cemuhan dan apa juga yang disampaikan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab ini seolah-olah mereka sebenarnya kononnya dianaktirikan.

Rakyat kita sebenarnya konon didera tetapi dalam masa yang sama, kita juga bercakap, mana duit kerajaan? Kita mahu melihat supaya kita punya pihak pengurusan kewangan pada tahap yang terbaik sekali. Seterusnya soalan saya, kita dapat lihat kawan-kawan saya dari pihak pembangkang yang pasti tidak bersetuju dengan pelaksanaan GST dan mencadangkan kononnya supaya kita memperkenalkan *Capital Gain Tax* dan *Inherited Tax* (IT). Saya berpendapat, langkah tersebut sebenarnya kawan-kawan akan mengakibatkan kita punya DDI dan FDI kita akan berkurangan kerana ialah memberi kesan kepada ekonomi negara.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Shah Alam bangun, Yang Berhormat.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Berapa ratus buah negara mengamalkan CGT dan IT? Sila kemukakan.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Bolehkah pihak kerajaan menjelaskan secara terperinci apakah sebenarnya kesan negatif kepada CGT dan juga IT?

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, boleh habiskan Yang Berhormat, ya.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Itu sebab saya tidak dapat beri kawan-kawan sebab masa suntuk. Saya banyak lagi hendak sebut di sini. Akhirnya, boleh sedikit lagi, Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, seminit.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Jadi Kementerian Kewangan ada memaklumkan sebelum ini bahawa kesan kepada indeks harga pengguna ataupun CPI ialah sebanyak 1.8% apabila GST diperkenalkan. Kita tahu daripada simulasi banyak negara yang telah dipertontonkan kepada kita bahawa tahun yang pertama apabila GST diperkenalkan akan ada kenaikan tetapi selepas itu ianya akan mendatar dan kembali semula kepada peringkat asal. Akan tetapi saya hendak tanya di sini, apakah langkah kerajaan untuk tidak mengenakan GST kepada barang-barang tambahan termasuk kepada produk-produk petroleum? Ini kerana ia ada kesan kepada CPI kita yang terkini dan begitu juga kepada pengguna.

Terdapat juga cadangan agar GST tidak dilaksanakan atau ditangguhkan. Akan tetapi Tuan Pengerusi, saya ingin mencadangkan supaya kalau boleh bulan 1 ini kita mulakan Tuan Pengerusi. Kita negara yang terakhir sekali Tuan Pengerusi. Di Asia ini yang terakhir sekali kita dengan negara Myanmar. Janganlah masukkan negara Brunei. Jadi, adakah kita setaraf dengan negara Myanmar bahkan kita jauh lebih maju lagi dan seharusnya GST diperkenalkan. Ini kerana ini bukan satu perkara yang membebankan bahkan sebenarnya ialah perkara yang cukup bertepatan kerana kita, *do away*, kita hendak buang SST ini yang cukup membebankan, memperkenalkan satu sistem percukaian yang lebih efisien sekali. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Beruas.

2.46 ptg.

Tuan Ngeh Koo Ham [Beruas]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi kebenaran kepada saya bangun untuk membahaskan peruntukan di bawah bajet untuk Kementerian Kewangan. Saya bangun untuk membahaskan dua butiran iaitu satu, di bawah B.10, Butiran 10000 - Perkhidmatan Kewangan dan juga di bawah B.11, Butiran 21000 - Bantuan kepada Bayaran Pindahan dan Pemberian kepada Indah Water Konsortium.

Tuan Pengerusi, hari ini saya telah membaca dalam surat khabar bahawa ada rancangan untuk menubuhkan sebuah bank mega bank, *Islamic Bank*, dengan izin, kemungkinan pada permulaan tahun depan. Oleh kerana perbankan Islam ini ada nama agama yang terkandung dalam perbankan ini, haruslah kita berjaga-jaga agar nama baik Islam ini tidak tercemar.

Dari pengalaman yang lepas, di mana Bank Islam telah mengalami satu kerugian yang banyak- beberapa tahun yang lepas kerana pentadbiran yang tidak baik, ia telah membawa satu akibat yang tidak begitu baik kepada nama Islam ini. Oleh sebab itu saya pada petang ini ingin merayu kepada kerajaan supaya mengkaji dengan baik-baik perbankan Islam yang akan dilaksanakan. Kerajaan mesti mengkaji semula dan menyelesaikan masalah-masalah yang

timbul dengan produk-produk kemudahan kewangan yang ditawarkan sekarang. Ini adalah kerana dokumen-dokumen kemudahan kewangan yang ditawarkan pada masa ini adalah satu transaksi yang direka-reka, dengan izin, *imaginary* dan tidak mencerminkan keadaan hakikat sesuatu transaksi itu.

Tuan Pengerusi, saya memberi dua misalan perbankan Islam sebagai contoh. Misalan pertama, dengan izin, dalam bahasa Inggeris, *Commodity Murabahah Term Financing-i* dan contoh yang kedua, *Cash Line Financing-i* atau *Islamic Banking* yang dengan singkatnya *it's a form of third party financing*. Produk pertama *Commodity Murabahah Term Financing-i* dan juga *Cash Line Financing-i* ini niatnya untuk memberi pinjaman tetapi di bawah pinjaman *Commodity Murabahah Term Financing-i* dikatakan satu transaksi komoditi yang sebenarnya tidak wujud dan di bawah *Cash Line Financing-i*, dikatakan satu transaksi jual beli tanah dan juga pemberian harta yang sememangnya tidak wujud ataupun direka-reka untuk membolehkan pinjaman tersebut dibuat.

Isunya untuk perbankan Islam ini, dalam semua transaksi ini, adakah ia satu transaksi jual beli, adakah ia satu transaksi pemberian harta ataupun sebenarnya ini satu pinjaman wang? Oleh kerana dokumen-dokumen menunjukkan jual beli tetapi hakikatnya, niatnya ialah untuk memberi satu pinjaman. Mahkamah perlu membuat satu keputusan sama ada ia sememangnya satu jual beli ataupun satu pinjaman.

■1450

Kalau ianya satu jual beli, adakah cukai GST yang akan terpakai ini dikenakan ke atas komoditi yang dibeli dan dijual dan siapakah yang patut menanggung cukai sedemikian? Dalam dokumen-dokumen yang biasa akan bank sediakan, biasanya peminjamlah yang mesti membayar semua cukai ini. Untuk pinjaman jenis kedua tadi iaitu *third party loan*, Tuan Pengerusi, kalau dalam sistem konvensional, *third party loan* merupakan satu transaksi yang amat ringkas. Tuan punya tanah mencagar tanah kepada bank, bank pula memberikan pinjaman kepada orang ketiga. Ini satu dokumen yang boleh dibuat dengan senang tetapi di bawah sistem perbankan Islam ini, kita diminta untuk menjalankan, dengan izin, *13 steps for eight transactions*.

Ini mendatangkan banyak masalah, saya memohon agar Bank Negara dan juga pihak kementerian dapat menjelaskan ataupun menyelesaikan isu-isu yang timbul ini. Dalam transaksi perbankan Islam *third party loan* ini, sebenarnya dari segi undang-undang, dokumen-dokumen yang ditandatangani boleh dikategorikan sebagai dokumen palsu dari segi undang-undang.

Saya ingin bagi contoh Tuan Pengerusi, *third party financing*, dengan izin.

Langkah pertama, *bank issue letter of offer for purchase*. Dikatakan bagi tarikh 4 Februari 2014.

Kemudian *step* kedua, *customer accept letter of offer for purchase and time stamp should be* kemudian, katakan 19 Februari 2014 iaitu lebih kurang 15 hari kemudian.

Third step, co-owner atau *third party owner execute letter of hibah*. Hibah ini satu pemberian. *To allow customer to have full ownership of asset, then to stamp it* 19 Februari 2014, jam 10.25.

Step keempat, *customer execute accept purchase agreement* dan tarikh 19 Februari 2014 dan mesti beberapa minit kemudian, katakan 10.30 am.

Step kelima, bank *endorses or except purchase agreement*, ia diberikan tarikh beberapa hari kemudian, 22 Februari 2014.

Kemudian *step* keenam, bank *issue letter of offer for sale*, surat untuk menjual harta dan diberikan tarikh 22.02.2014, jam empat petang.

Kemudian langkah kelapan, *step number 8*, bank *execute asset sales agreement* dan diberikan tarikh, katakan tiga hari kemudian, 25 Februari 2014 dan diberikan masa 10.35 am.

Step 9, *customer endorses asset sales agreement* dan diberikan tarikh 26 Februari 2014.

Langkah 10, *customer execute master facility agreement* dan diberi tarikh dua hari kemudian, 26 Februari 2013.

Step ke 11, bank *endorses or accept master facility agreement* dan ditarikhkan dua hari kemudian, 28 Februari 2014, jam 11.40 pagi.

Langkah ke-12, *customer execute the second letter of hibah* atau *second letter* untuk memberikan harta pada 1 Mac 2014 dan akhir sekali, *charger execute* atau *charge document* dan diberikan tarikh 4 Mac 2014.

Dalam semua langkah ini kita dapati ada lapan transaksi. *Letter of offer* diberikan, kemudian *letter of hibah*, *the first gift*, *the asset purchase agreement*, kemudian *second round of letter of offer for sale*, kemudian *asset sales agreement*, kemudian ada tandatangan *master facility agreement* dan *second round of letter of gift*, *letter hibah* kedua dan akhir sekali kelapan, *charge document* ditandatangani.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Boleh gulung Yang Berhormat.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Tuan Pengerusi, maksud saya ini ialah dalam transaksi ini memang sangat-sangat mengelirukan. Memang dalam *very simple third party loan*, tiada niat pemberian oleh mana-mana orang kepada sesiapa. Tiada hendak jual tanah kepada mana-mana pihak. Tiada niat hendak beli balik, semua transaksi ini menimbulkan banyak sangat keraguan. Apakah transaksi ini sebenarnya? Kalau ada cukai keuntungan tanah, kita beri milik, kemudian jual milik dalam lima tahun, banyak cukai.

Contohnya, dikenakan dalam dokumen bank dikatakan kalau ada cukai keuntungan tanah yang berlaku, peminjam mesti membayarnya dan jumlahnya boleh jadi kalau satu transaksi lima tahun, *first three years*, transaksinya 30%. *You transfer back another 30%*. Hanguslah harta peminjam ini. Masalahnya ialah dengan transaksi ini kita tidak tahu akhirnya tanah ini kepunyaan siapa? Jadi, kalau ianya satu pembelian, satu jualan, macam mana mahkamah hendak tetapkan? Jadi, kekeliruan ini timbul, saya harap isu-isu ini mesti ditangani supaya tidak ada kekeliruan yang akan menjadi masalah besar kerana perbankan Islam dikatakan hendak diperluaskan.

Akhir sekali Tuan Pengerusi, secara ringkas B.11, Butiran 021000 - Bantuan Kewangan kepada Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. (IWK), RM200 juta. Memandangkan isu ini sudah berlarutan berdekad-dekad, sebenarnya pada permulaannya niat kerajaan hendak gunakan satu syarikat untuk menolong beberapa orang menjadi *billionaire*, akhirnya sudah tidak berjaya.

Rakyat pun sudah membayar cukai pintu yang juga merangkumi, dengan izin, kerja-kerja membersih atau menjaga *sewerage* ini, kumbahan ini.

Saya memohon kepada kerajaan, naikkan peruntukan 100% kepada keperluan Indah Water yang diperlukan dan kita hapuskan kutipan Indah Water Konsortium. Ini kerana sekarang ada lebih kurang sesetengah yang bayar dan sesetengah yang tidak bayar dan kerajaan memberikan RM200 juta, akhirnya tidak berlaku adil. Kita mesti ada satu sistem yang akan dipakai untuk semua. Cadangan saya, minta kerajaan hapuskan Indah Water Konsortium *collection* dan berikan bajet yang secukupnya untuk syarikat ini. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Putatan.

2.58 ptg.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Datuk Dr. Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sama-sama Dr. ya.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Saya ingin memaklumkan dalam Dewan yang mulia ini atas kehadiran pemimpin-pemimpin akar umbi dari Beluran, kawasan Yang Berhormat Datuk Seri Pengerusi. Saya menjemput Ahli-ahli Yang Berhormat untuk memberi aluan.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak payahlah jemput Yang Berhormat.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Ini tidak termasuk.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Boleh masuk pada ucapan terus Yang Berhormat.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Tuan Pengerusi, saya juga ingin turut sama berbahas di dalam Kementerian Kewangan bagi B.10 dan P.10. Akan tetapi saya singkat sahaja kepada butiran tertentu. Oleh kerana butiran-butiran yang saya ingin sentuh telah pun dibawa oleh sahabat saya Yang Berhormat Jasin, maka saya tidak akan ulang apa yang disentuh oleh Yang Berhormat Jasin tadi. Walau bagaimanapun, saya akan mengutamakan Butiran 091400 – Pusat Inovasi dan Kreativiti Global Malaysia (MaGIC) yang diperuntukkan sebanyak RM50 juta dan Butiran 091500 – *National Entrepreneur Development Office* (NEDO).

■1500

Keduanya, *National Entrepreneur Development Office* iaitu NEDO yang hanya diperuntukkan RM8 juta. Tuan Pengerusi, pada 29 Mac 2013, mantan Menteri Pendidikan dulu telah pun melancarkan Program *Blue Dot* di Universiti Teknikal Malaysia di Melaka pada ketika itu. Jadi, saya mengambil kembali apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan juga telah melancarkan MaGIC yang dilancarkan secara rasmi iaitu *Malaysian Global Innovation & Creativity Centre*, yang saya keliru sedikit. Dana ini digunakan untuk inkubator tetapi apabila kita melihat semua lembaga, agensi-agensi kerajaan pun buat sedemikian terutama sekali MARDI pun buat begitu juga.

Jadi universiti-universiti dan keseluruhan universiti kita pun buat program yang sama. Saya mahu tanya bagaimanakah sekiranya kalau persatuan-persatuan atau NGO-NGO yang memohon dana ini boleh tak, saya mahu tanya dengan Menteri sebab ada juga koperasi-koperasi yang berkeinginan membuat satu program inovasi dan program kreativiti di peringkat-peringkat luar bandar misalnya. Banyak perkara yang kita mahu buat secara persendirian dengan orang pemainnya sendiri atau *player* terutama sekali di kawasan perladangan. Kadang-kadang universiti tidak buat penyelidikan soal bagaimana kita mahu angkat benda-benda hasil pertanian kita dengan tidak menggunakan belakang kita ataupun memikul barang-barang itu.

Jadi ini satu inovasi yang patut kita galakkan untuk memperkasakan industri-industri tani kita terutama sekali memperkasakan usahawan bumiputera. Tuan Pengerusi, saya rasa di Beluran pun perlu ini sebab banyak tanah di sana belum ada lagi jalan-jalan ladang. Jadi kalau sekiranya ada terdapat menyeberangi sungai memakai kabel misalnya ataupun memakai enjin-enjin pemotong rumput diinovasi untuk kegunaan yang saya sentuh tadi. Jadi inilah satu-satunya patut kita melihat mengikut kementerian masing-masing. Kalau saya tidak silap, simpanan luar jangka di bawah P.70 itu ada RM2 bilion. Saya tidak tahu kalau boleh kita gunakan simpanan luar jangka ini untuk program-program di luar bandar kerana kalau kita mahu maju dalam tahun 2020 dan menjadikan rakyat penduduk kita di luar bandar ini menambahkan pendapatan isi rumah, sepatutnya kita boleh rancang program seperti ini Tuan Pengerusi.

Jadi, itulah mohon supaya kementerian untuk memperjelaskan lagi jenis-jenis program yang ada dalam butiran di sini di bawah Kementerian Kewangan. Selain daripada program-program yang dilaksanakan dan dijalankan di universiti-universiti dan di badan-badan berkanun kerajaan. Jadi, saya harap ini dapat diperjelaskan terutama sekali Kementerian Pendidikan. Mungkin juga di bangku-bangku sekolah, budak-budak kita yang masih duduk di sekolah mungkin ada *good idea*, dengan izin. Dengan ini kita boleh *develop* inovasi-inovasi dan kreativiti pada anak-anak muda kita ini.

Tuan Pengerusi, *National Entrepreneur Development Office* (NEDO) saya sentuh di sini sebab kita telah pun mendengar seruan, pesanan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memperkasakan usahawan belia, usahawan tani, usahawan wanita dan usahawan apa lagi? Banyaklah usahawan-usahawan ini. Jadi, saya harap dalam butiran ini dengan hanya diberi peruntukan RM8 juta, saya harap dapat dijalankan terutama sekali yang saya sentuh tadi, usahawan bumiputera dan memperkasakan aktiviti-aktiviti pertanian ataupun ekonomi pertanian, ekopertanian di luar-luar bandar. Jadi, ini saya rasa kalau boleh secara langsung diberi peruntukan kepada koperasi, digalakkan menubuhkan koperasi-koperasi ataupun persatuan-persatuan tani di kawasan-kawasan luar bandar.

Tuan Pengerusi, ini sedikit sahaja, berkenaan dengan P.10 Butiran 70112 – Perbadanan Pembangunan Ekonomi Negeri Sabah iaitu SEDCO diperuntukkan hanya RM3.4 juta. Sabah ini termasuk kawasan Beluran juga, kawasan Tuan Pengerusi, kalau sekiranya terdapat permasalahan seperti banjir misalnya, bencana alam misalnya, kadang-kadang kita memerlukan kerana jalan kita rosak, gelongsor tanah atau tanah runtuh misalnya, kita memerlukan kerja-kerja

yang kecil-kecil. Jadi kalau peruntukan RM3.4 juta itu tidak mencukupi Tuan Pengerusi, setuju Tuan Pengerusi? Sepertinya setuju ya?

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Ya. Sebab musim sekarang...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Akan tetapi mungkin ada sumber yang lain Yang Berhormat. Ada sumber butiran yang lain untuk keperluan itu ya.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Akan tetapi ini spesifik kepada SEDCO Sabah, sebab ini kita memerlukan *urgency*, dengan kecemasan. Kadang-kadang jalan itu tertutup, jadi kita tidak mahu orang kampung tidak dapat lalu jalan itu. Kita mahu jalan yang runtuh, jalan yang kena tutup oleh tanah runtuh itu dilaksanakan dengan cepat yang mungkin, dalam masa dua jam ke tiga jam supaya orang boleh keluar pergi kerja. Jadi itu yang maksud saya, Tuan Pengerusi. Kadang-kadang ini perlu. Jadi, saya mohonlah kepada pihak Kementerian Kewangan supaya melihat perkara ini terutama sekali di Sabah dan Sarawak. Saya sentuh Sarawak juga sebab ada juga jalan-jalan di sana. Yang Berhormat Seputeh, nanti saya sentuh pasal Seputeh.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Nak sentuh Yang Berhormat Seputeh, Yang Berhormat?

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Ya? *[Ketawa]* Okey, satu lagi Tuan Pengerusi. Ha! Ini minat Yang Berhormat Seputeh ini. Butiran 96000 – Padang Bola Sepak Tiruan. Jadi padang bola sepak tiruan ini saya lihat ada yang dilaksanakan hanya di Negeri Sembilan sahaja. Dia punya peruntukan tidak banyak, RM9.5 juta sahaja. Jadi saya mohonlah kalau pihak Kementerian Kewangan juga melihat keperluan ini di negeri Sabah terutama sekali di Likas Sport Complex, kalau bolehlah dinaiktarafkan kepada rumput yang baik, *synthetic turf*. Saya rasa ini akan membelanjakan peruntukan yang lebih besar daripada peruntukan itu dan saya tidak tahu di mana duit ini atau dana ini dibelanjakan dan saya mengharapkan negeri Sabah dan Sarawak bagilah sedikit-sedikit serpihan daripada peruntukan yang mana ada ya? Bukan kawasan Rasah sahaja.

Jadi, kadang-kadang kita juga memerlukan rumput tiruan. Ini kerana dia lebih cantik, lebih cantik ya Yang Berhormat Kapar. Kalau orang botak itu macam Yang Berhormat Beruas itu kadang-kadang dia memerlukan juga rambut sintetik. Yang Berhormat Seputeh pun kalau dia mahu rumput sintetik pun boleh juga *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Putatan pun perlu rambut sintetik.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: *[Ketawa]* Jadi, lebih lawa. Jadi Yang Berhormat Shah Alam itu dia punya sintetik sudah lain, dia original. Jadi itu sahaja Tuan Pengerusi, terima kasih.

Datuk Rozman bin Isli [Labuan]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Lembah Pantai.

3.08 ptg.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih Tuan Pengerusi beri peluang. Saya tidak lama, hanya menyentuh butiran di bawah Bekalan B.11 khususnya Butiran 022500. Semalam saya telah bangkitkan sumbangan kementerian khususnya Kementerian Kewangan bernilai RM30 juta kepada NGO. Maka saya ingin bertanya di sini dan pohon pihak kementerian menyenaraikan NGO-NGO yang akan mendapat dana tersebut khususnya berkait dengan dua NGO. Satu ialah ISMA dan satu lagi Perkasa. NGO ISMA, saya ingin kepastian adakah akan mendapat sebahagian dana RM30 juta ini kerana pengerusinya tersenarai di antara mereka yang disiasat di bawah Akta Hasutan.

Maka sekiranya kerajaan memutuskan untuk terus mendukung aktiviti ISMA yang hari ini sedang mengadakan forum dihadiri oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad maka harus jelas ya, maksudnya kerajaan mendukung salah seorang yang didapati menghasut hubungan antara kaum. Tuan Pengerusi, saya juga pergi kepada butiran di bawah B.10, Butiran 040200 berkait dengan GST.

■1510

Kedudukan atau pendirian Pakatan Rakyat jelas dalam hal ini dan tentunya kita harus memberi peringatan kepada warga Malaysia bahawa akan berlaku peningkatan kos-kos barangan dan perkhidmatan. Ini tentunya akan meningkatkan lagi kos sara hidup menyebabkan kehidupan menjadi lebih sukar. Maka secara khusus, saya ingin membawakan kepada perhatian kementerian bila masa kita meneliti senarai barangan di bawah pembekalan berkadar sifat yang dikeluarkan oleh kerajaan, *zero rated*, dengan izin, dalam bahasa Inggeris. Ia juga disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam Belanjawan 2015, saya dapati tidak memadai berkait dengan bahan pembacaan buku-buku.

Senarai yang dikeluarkan cuma menyenaraikan pengecualian ataupun di bawah pembekalan berkadar sifar iaitu *zero rated* yang melibatkan buku latihan, kamus, buku teks, buku bergambar kanak-kanak dan buku-buku agama tetapi tidak semua buku. Ini juga disahkan menerusi jawapan bertulis yang diberi hari ini, jawapan nombor 14, jawapan semalam- maaf, kepada Yang Berhormat Taiping bahawa skop barangan yang tidak dikenakan cukai GST antaranya hanyalah surat khabar dan bahan bacaan seperti buku mewarna kanak-kanak, buku latihan, buku rujukan, buku teks, kamus dan kitab agama. Ia tidak menyeluruh.

Saya ingin membawakan di sini, kenapakah kerajaan mengambil kira keperluan mencukai pencarian ilmu dan pembelajaran? Terdapat berjuta lagi Tuan Pengerusi, buku-buku fiksyen atau *non fiction* yang mencakupi pelbagai topik termasuk sains, matematik, ekonomi, sejarah, sastera dan politik. Rakyat akan terpaksa membayar lebih apabila buku-buku ini pada April 2015, seraya menjauhkan lagi. Sudahlah kadar membaca kita ini amat rendah di Malaysia, lebih ramailah orang yang merasakan bebanan kalau hendak membeli buku.

Kedua, gratifikasi diperlukan dalam hal ini kerana ia terlalu luas. Saya tertanya-tanya apakah sebenarnya yang termasuk dalam senarai ini? Saya membuat panggilan dan beberapa kajian terhadap sama ada *publishers*, penerbit dan juga pihak kastam sendiri. Mereka tidak boleh

memberikan jawapan yang jelas dan saya dimaklumkan bahawa Jabatan Kastam dan para penerbit juga keliru dalam isu ini.

Ketiga Tuan Pengerusi, harga buku-buku tetap akan naik kerana penerbit dan pengedar akan berhadapan dengan kos administratif yang bertambah dalam melaksanakan GST. Tugas mereka bertambah rumit dengan senarai barang pembekalan berkadar sifar yang boleh dituntut semula cukai inputnya dari kerajaan. Sebagai latar belakang atau memuatkan konteks, sebuah kajian *Pew Research Center Spring 2014, Global Attitudes Survey*. Antara sebab utama kesenjangan pendapatan di Malaysia ini, 34% disebabkan oleh gaji pekerja dan keduanya kos pendidikan. Kita tersenarai sebagai memiliki kos pendidikan yang amat tinggi.

Saya juga ingin bawakan di sini dalam kajian *International Publishers Association 2013* berbanding dengan negara lain, dari 51 buah negara yang dikaji, 47 buah negara mempunyai diskaun atau pengecualian terhadap buku-buku yang dicetak. Walaupun dalam keadaan ekonomi yang berada dalam keadaan gawat, buku secara konsisten telah berada dalam senarai barangan yang perlu diberikan kadar GST yang rendah ataupun dikecualikan terus.

Tuan Pengerusi, saya akhiri dengan menyatakan ilmu pengetahuan bukanlah satu keistimewaan. Kalau kerajaan boleh dan mampu memberi pengecualian kepada udang kara dalam projek yang diluluskan oleh Yayasan Sabah yang hendak membuka restoran *Red Lobster* di *The Intermark*, tersenarai dalam *National Key Action Initiatives* (NKAI) punya aktiviti. Jadi pada saya kalau dikecualikan projek berkait dengan kroni, maka kerajaan harus jawab kenapa tidak boleh mengutamakan keperluan rakyat khusus dalam hal ini memastikan kesemua buku tanpa mengira kategori sebagai barangan pembekalan berkadar sifar di bawah GST. Terima kasih.

3.11 ptg.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga hendak membahaskan Bajet Kementerian Kewangan dalam B.10 iaitu Peruntukan Penguatkuasaan Kastam. Kita minta Kementerian Kewangan melalui Jabatan Kastam agar membuat penguatkuasaan yang lebih kerana kalau kita lihat bawah Butiran 040300, disediakan anggaran RM178,334,100, bermakna kalaulah dapat dikuatkuasakan pengawalan di sempadan-sempadan terutamanya penyeludupan rokok, penyeludupan alkohol dan lain-lain.

Kalau selama ini kita tidak peka kepada penyeludupan, saya sering teringat waktu kecil-kecil dahulu bila tengok cerita Hindustan ataupun cerita Tamil, India selalu menyangkan cerita tentang penyeludupan ialah satu kesalahan yang paling besar untuk negara tersebut. Rupa-rupanya bila sampai ke masa ini, penyeludupan ini sebenarnya memberi kerosakan kepada negara. Maka kalau dibuat pengawalan betul-betul, saya yakin ketirisan tadi dapat menampung tambahan peruntukan kepadanya. Sedangkan strategi kerajaan menaikkan harga rokok sebenarnya membebaskan ramai rakyat termasuk saya juga, hisap rokok, bukan? Ini kerana rakyat akan memilih untuk membeli rokok seludup.

Contoh, rokok yang seludup baru berharga RM3 sekotak sedangkan rokok yang tidak seludup RM13. Jadi oleh sebab itu, kerajaan carilah jalan supaya penguatkuasaan ini dapat dibuat. Kita berhadapan dengan satu isu yang paling besar dalam negara di mana macam-macam undang-undang kita buat tetapi bagaimana penguatkuasaannya? Bila ada isu, barulah kita cerita soal undang-undang, barulah hendak tengok dari segi penguatkuasaan.

Saya percaya, kalau penguatkuasaan ini dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya, mungkin pihak pembangkang pun tidak ada *complaint*. Kalau di Singapura negara yang kecil kita boleh selalu sebut, orang Malaysia masuk ke Singapura tidak berani bawa kereta laju kerana dia terus akan bayar saman dan kita tidak boleh keluar dari Singapura selagi tidak selesai saman. Bermakna di sinilah isunya penguatkuasaan ini mesti dilakukan sama ada di mana-mana jabatan ataupun kementerian. Itu yang pertama.

Kedua, saya juga hendak membincangkan dalam Kepala 091300 iaitu UTC dan RTC. Saya berterima kasih kepada pihak kerajaan kerana mendirikan UTC dan RTC di tiap-tiap negeri. Saya rasa dengan peruntukan anggaran RM139,055,000 ini yang dianggarkan pada tahun hadapan, bagaimana kalau kerajaan memperkasakan dengan menyediakan mobil, bas-bas bergerak di tiap-tiap negeri? Secara tidak langsung, RTC dan UTC cuma berfokus di pekan-pekan besar. Kalau kita ada mobil bas tadi yang dibawa segala kemudahan, bawa ke kawasan luar bandar di mana kawasan luar bandar inilah yang memenangkan Kerajaan Barisan Nasional dan rakyat luar bandar berhak mendapat pelbagai kemudahan tetapi inilah saya cadangkan supaya bas-bas bergerak tadi disediakan di tiap-tiap negeri.

Saya yakin kalau kita buat program di kawasan luar bandar seperti tempat saya dalam Parlimen Gerik, ia memberi manfaat dan keuntungan kepada rakyat di bawah. Ini kerana pernah sekali di Gerik dibuat cara bas tadi, satu kaunter yang pada mulanya rakyat tidak nampak iaitu hidup lesen kewangan ataupun membuat lesen kewangan, pada mula tidak nampak sambutan, kemudian mendapat sambutan daripada rakyat secara *online* yang disediakan tersebut.

■1520

Saya beralih pula kepada P.10, Butiran 95000, 1MDB anggaran disediakan RM31 juta. Saya tidak tahu macam mana kaedah tetapi saya percaya, 1MDB satu yang dibuat di bawah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Saya ada keyakinan penuh syarikat ini sebenarnya memberi keuntungan kepada negara dan memberi keuntungan kepada rakyat di bawah. Di mana?... [*Disampuk*] Tony Blairkah atau apa kita tidak tahu, pembangkang cerita apa benda pun tetap mereka tidak katakan untung.

Akan tetapi kita tengok, buatlah macam mana sekalipun 1MDB supaya membantu rakyat di peringkat luar bandar. Tambahkan lagi mereka yang dapat pergi haji, beri bantuan kepada anak-anak yang susah. Memanglah pembangkang mereka tidak dapat peruntukan tersebut, dia boleh kata apa sahaja kerana seolah-olah ini- kalau berjaya 1MDB inilah menandakan mercu tanda Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang memimpin parti Barisan Nasional.

Saya teruskan kepada perkara B.11 – 020500 - Subsidi Cecair Diesel, Petrol dan Bantuan Tunai yang kerajaan peruntukan sebanyak RM19,340 juta yang banyak. Cumanya

bagaimana kaedah subsidi baru yang hendak disusun? Saya agak tidak berapa setuju bila kerajaan ataupun ada beberapa Menteri dan Timbalan Menteri mencadangkan subsidi ini dikenakan kepada pendapatan RM5,000 dan RM10,000 ke bawah. Seolah-olah kita membuat kasta dalam negara di mana yang paling teruk akan kena ialah kakitangan kerajaan yang mempunyai penyata pendapatan, mereka tidak boleh tipu. Bagaimana orang di bawah yang mungkin tauke-tauke besar tetapi tidak menyatakan pendapatan RM10,000 sebulan?

Jadi minta kerajaan tengok-tengokkan supaya subsidi yang hendak disusun semula ini tidak rasa terbeban kepada golongan pertengahan. Maka, ini perlu dilihat sebaik mungkin dan janganlah - saya minta tolong supaya janganlah Menteri-menteri buat kenyataan-kenyataan yang boleh mengelirukan pemikiran rakyat di bawah. Ekoran daripada kenyataan yang sebenar tidak dibuat tadi, cuma cadangan menyebabkan satu polemik baru di peringkat bawah dibahaskan oleh rakyat.

Jadi kalau kita tengok satu contoh, negara Brunei, bagaimana mereka membuat subsidi minyak? Kita lihat di sempadan-sempadan didirikan petrol pam untuk rakyat asing. Di tempat lain tidak boleh di mana rakyat tempatan dapat subsidi. Manakala di negara Brunei tadi untuk di *border* kalau kata datangnya dari Sarawak atau Sabah, mereka terpaksa mengisi pam stesen tadi yang mana harga ikut di Malaysia. Mungkin modal itu tidak sebaik tetapi kita boleh tengok bagaimana boleh memberi keadilan kepada rakyat seluruhnya.

Seterusnya, perkara B.12 iaitu 040000 - Tabung Bantuan Bencana Negara. Saya amat mengharap Kementerian Kewangan betul-betul mengagihkan peruntukan pada tahun hadapan tentang Tabung Bantuan Negara kerana hari ini bencana yang kita alami di peringkat kampung satu, banjir; dua, banjir kilat; tiga, ribut di mana ribut tadi menyebabkan kemusnahan di kampung-kampung. Satu lagi yang saya melihat- ini menjadi nasib malang kepada penduduk luar bandar iaitu kebakaran. Kebakaran cuma yang pihak kerajaan perhatikan kalau rumah individu terbakar. Bagaimana kebun getah terbakar? Bagaimana kelapa sawit terbakar? Hutan simpan dan hutan kebun-kebun lain yang terbakar?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh Yang Berhormat?

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Ya, Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Hendak daftarkah ini, Yang Berhormat?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya terpanggil sebetulnya Yang Berhormat, bukan hanya kebun dan sebagainya tetapi yang selalu terbakar ialah rumah. Apabila rumah terbakar, kerajaan tidak ada peruntukan untuk membina rumah itu. Jadi apakah Yang Berhormat ingin mencadangkan supaya satu dana khas untuk tujuan-tujuan begini supaya kita betul-betul nampak membela orang yang ada masalah? Orang yang terbakar rumah ini, orang yang teraniaya, orang yang tidak ada apa-apa dan papa kedana. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Masukkan ke dalam ucapan saya. Saya cukup bersetuju.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, masa Yang Berhormat pun sudah habis Yang Berhormat.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Sedikit sahaja kerana RM70 juta ini dianggarkan pada tahun hadapan. Saya amat bersetuju. Satu perkara lagi yang saya hendak sebut ialah Kepala 021600 - Pemberian Peruntukan Khas. Biasanya ini Kementerian Kewangan. Di dalam Dewan yang mulia ini, saya memohon RM2 juta supaya boleh diberi peruntukan kepada satu kampung yang masjidnya sudah hendak runtuh di Gerik, Kampung Bersia. Sebanyak RM2 juta saya harap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh luluskan kerana di sini saya lihat peruntukan khas di bawah kepala tadi ialah RM617 juta. Jadi, apa salahnya RM2 juta itu campak dalam Parlimen Gerik juga. Jadi masa tidak mengizinkan. Dengan ini, saya sokong peruntukan di bawah Kementerian Kewangan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuala Terengganu.

3.26 ptg.

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]: Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Kita akan hentikan sebelum jam 4 perbahasan, kemudian Menteri menjawab, ya supaya *standby*. Selepas ini Kementerian Pengangkutan. Ya, sila Yang Berhormat.

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]: Tuan Pengerusi, Butiran 90900 - Kepengerusian ASEAN 2015. Kerajaan Malaysia telah memperuntukkan lebih kurang RM12 juta untuk tujuan tersebut. Sebaik-baiknyalah kita menggunakan sekretariat ASEAN ini untuk mengeratkan lagi kerjasama di antara negeri-negeri ASEAN di dalam usaha mengatasi masalah serantau. Maksudnya beberapa jiran kita perlulah memberi kerjasama yang lebih erat terutamanya dalam situasi yang terdapat di antara Filipina dengan Sabah dengan banyaknya berlaku penculikan dan juga pencerobohan di perairan dan darat Malaysia, khususnya Sabah. Pada hari ini kebetulannya pula seorang wanita awam di mana suaminya telah diculik telah datang ke Parlimen dan kami telah bertemu dengan beliau juga telah menerima aduan yang amat menyedihkan tentang apa yang beliau lalui.

Dalam masa yang sama juga seorang juga polis kita telah terbunuh baru-baru ini. Ini menunjukkan kita tidak mempunyai satu sistem yang berkesan dan efektif walaupun dengan adanya penubuhan ESSCOM yang tidak menerima peruntukan sepenuhnya. Kami difahamkan ESSCOM hanya menerima lebih kurang 10% daripada apa yang dijanjikan untuk peralatan dan juga kemudahan mereka. Ini perlulah diberi *priority* supaya hal-hal ini boleh diatasi. Ini saya rasa memakan masa dan perlu juga kerjasama dari negara yang *originating country*, dengan izin, di mana pencerobohan ini datang. Di mana pulangan lanun atau penceroboh ini perlulah diberi perhatian oleh pihak Filipina.

Kedua tentang kerjasama juga penting kalau kita dapat komitmen dari Kerajaan Vietnam dalam menangani masalah nelayan yang banyak dialami oleh nelayan-nelayan Pantai Timur Semenanjung khususnya di mana pendapatan mereka makin berkurangan kerana kepupusan dan kekurangan ikan yang dapat ditangkap oleh kerana *over fishing* oleh nelayan-nelayan asing terutamanya dari Vietnam.

Ini juga perlu kerjasama dari pihak berkuasa Vietnam untuk kita cuba mengatasi masalah nelayan kita. Ada satu kajian baru-baru ini yang telah dilakukan seorang individu yang terkenal di Terengganu. Didapati walaupun sepuluh tahun telah berlalu di mana sepuluh tahun dahulu pendapatan nelayan di Terengganu ialah RM400 sebulan. Selepas sepuluh tahun, peningkatannya ialah kepada RM414 sahaja. Sepuluh tahun, RM14. Ini adalah *research* yang paling terkini. Ini menunjukkan kita perlu melakukan sesuatu yang serius dalam menangani masalah ini dengan mengurangkan pencerobohan dari nelayan-nelayan luar.

■1530

Kedua Tuan Pengerusi, Butiran 95000 seperti rakan saya sebut tadi 1MDB. Pada Jun tahun ini 2014, Dewan ini telah berbincang tentang dengan izin, *Amendment Anti-Money Laundering Act* di mana kita berpendapat adalah baik untuk kita mengadakan satu *act* yang menambahkan lagi *sentencing* atau hukuman yang dikenakan atas pesalah-pesalah atas akta ini.

Akan tetapi ia perlu juga disertai dengan orang kata contoh yang munasabah daripada kerajaan. Dalam masa yang sama kita berbincang dan meluluskan *Amendment Anti-Money Laundering Act*, kerajaan telah memindahkan dana 1MDB lebih kurang lebih kepada RM7 juta kepada *Cayman Island* dan kita tahu *Cayman Island* ini merupakan pusat...

Seorang Ahli: Lebih RM7 juta, RM7 bilion...

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]: *Sorry*, RM7 bilion maaf ya. Lebih banyak apa yang dikatakan dan ini menunjukkan bahawasanya kita tidak serius di dalam apa yang kita berbincang di dalam Dewan yang mulia ini. Kita adakah satu undang-undang yang lebih ketat, lebih serius, dalam masa yang sama kerajaan sendiri memindahkan wang di luar kawalan Bank Negara dan juga Audit Negara dan sebagainya. Jadi bagaimanakah rakyat tempatan dan Komuniti Antarabangsa Kewangan akan dapat mempercayai sistem kita yang akan jadi telus dan boleh dipercayai?

Ini adalah satu perkara yang patut diberi satu perhatian yang amat serius di mana kebelakangan ini pula beberapa hari, beberapa minggu lepas 1MDB telah dilanda begitu banyak kontroversi dengan *statement* dan penemuan-penemuan daripada *whistleblower* dan sebagainya. Salah satunya ialah tentang *investment* kita yang lebih awal 1MDB dengan PetroSaudi dengarnya amat lumayan, amat menggerunkan.

PetroSaudi yang selalunya kita *associate* dengan kewangan yang tinggi dan sebagainya tetapi sebenarnya telah dibongkar bahawasanya sebahagian daripada dana PetroSaudi telah digunakan seperti disebut awal tadi oleh pihak tertentu untuk membayar komisen dan sebagainya kepada pelobi-pelobi Tony Blair. Seperti Tony Blair yang mungkin bertentangan dengan kepentingan dan *interest* negara dan rakyat Malaysia.

Jadi inilah perkara-perkara yang kita perlu beri perhatian dan pada sesi Jun tahun ini soalan saya kepada Menteri Kewangan tentang kenapa wang itu dipindahkan ke *Cayman Island*. Jawapannya adalah *short term* tetapi sehingga hari ini wang itu masih lagi di *Cayman Island* dan saya difahamkan hanya lebih kurang 50% sahaja sudah dikembalikan. Itu pun kita tidak dapat kepastian dan pelbagai lagi masalah tentang akaun yang lambat pada tahun lepas, lambat dan tukar *auditor* dan sebagainya, tahun ini berulang lagi. Sepatutnya akaun itu telah dikemukakan kepada *auditor* pada bulan Oktober tetapi lambat sekali lagi dan ini adalah banyak masalah yang kita mesti tunjukkan kesungguhan untuk mengatasi. Sekian, terima kasih.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Masih ada masa lagi untuk saya mencelah?

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, ada.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Oleh kerana masih ada masa lagi saya hendak minta izinkan daripada Yang Berhormat Kuala Terengganu mengenai persoalan GST ini. Tadi Ahli Parlimen-Ahli Parlimen daripada Barisan Nasional telah menyatakan bahawa ia dilaksanakan oleh kerana hendak menentukan penipuan yang dilakukan daripada tauke-tauke dan sebagainya dapat dikenal pasti, dapat dihalang dan mereka yang lari daripada cukai akhirnya kena akan bayar cukai.

Saya agak pelik sekiranya ia merupakan penipuan-penipuan yang tidak dapat dikenal pasti maka bagaimana kita boleh buat anggaran bahawa kita boleh dapat jumlah yang seperti mana yang dianggarkan apabila kita dikenakan GST. Ini merupakan satu bukti bahawa sebenarnya benda ini kita tahu bahawa ia tidak dibayar. Oleh kerana itu, bila dikenakan GST kita rasa kita boleh dapat cukai-cukai itu dan untuk mengatasi masalah ini kita membelanjakan hampir RM400,000 juta dalam soal hendak meletakkan sistem pelaksanaan GST itu supaya kita dapat kononnya kutip cukai-cukai yang lari sedangkan cukai-cukai yang lari ini kita sudah ada andaian ataupun anggaran dari mana, jumlahnya berapa bila kita kenakan GST kita dapat. Maknanya ia bukanlah satu benda yang tidak dikenal pasti dan tidak boleh dikenakan tindakan untuk mengatasi masalahnya.

Kedua, saya hendak tanya kepada pihak Menteri sama ada GST itu akan dikenakan juga *maintenance services* yang diberikan kepada kondominium, *apartment* dan sebagainya kerana sekiranya ia akan dikenakan kepada *maintenance services* dan sebagainya maka ia juga akan dijadikan satu penambahan. Akhirnya oleh kerana masa tinggal beberapa minit Tuan Pengerusi, ada seminit lagi?

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat mencelah Yang Berhormat. Celahan yang panjang.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Saya hendak tanya tentang Butiran 020000 di bawah bayaran dan pindahan dan pemberian di bawah Bekalan 11 iaitu 021100 iaitu bayaran untuk sektor strategik yang sebanyak RM1.145 bilion. Saya hendak minta Menteri menjelaskan sama ada sektor strategik ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, minta tumpang itu?

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Ya, minta tumpang dengan Yang Berhormat Kuala Terengganu. Bolehkan, minta Yang Berhormat Kuala Terengganu sampaikan ataupun terima dalam ucapan dia. Sama ada sektor strategik ini termasuk Malaysian Airline System dan kita hendak tahu apa sebenarnya sikap kerajaan terhadap *Malaysian Airline System* (MAS). Adakah kerajaan ingin lepaskan dan benarkan ia bankrap dengan begitu sahaja kerana saya sebagai Ahli Parlimen dekat Shah Alam telah didatangi mereka-mereka, kakitangan MAS daripada...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sebenarnya ada seorang lagi yang berucap selepas ini Yang Berhormat?

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Ya, tidak apa sekejap sahaja poin hendak habis ini. MAS Engineering Unit di mana di Subang, MAS ada perkhidmatan penyelenggaraan di antara yang terbaik di dunia tetapi sekarang ini ianya bagaikan diabaikan dan selepas berlakunya *collaboration* di antara MAS dan AirAsia bila ia dihentikan kakitangan AirAsia masih ada di sana, dalam MAS dan akhirnya kapal terbang AirAsia diberikan keutamaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sudah cukuplah itu.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Maka *servicing* untuk kapal terbang MAS ia hantar pergi ke Hyderabad, *servicing* untuk kapal terbang AirAsia dia buat dekat Subang. Kita hendak dapatkan satu penjelasan sama ada pelaburan bayaran untuk sektor strategik ini termasuk MAS.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Setuju tidak Yang Berhormat Kuala Terengganu?

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Ya, setuju tidak Yang Berhormat Kuala Terengganu? Terima kasih.

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]: Saya amat bersetuju dan saya masukkan dalam sebahagian daripada ucapan saya.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Yang Berhormat Kuala Terengganu boleh tumpang sedikit?

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, saya jemput Yang Berhormat Labuan. Selepas itu Yang Berhormat Pandan dan selepas itu Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

3.57 ptg.

Datuk Rozman bin Isli [Labuan]: Terima kasih Datuk Seri Dr. Pengerusi. Saya mohon izin untuk mengalu-alukan kedatangan rombongan wanita daripada Kuala Kangsar [*Tepuk*] Saya terus ke Butiran B.10 – 091300 – Pelaksanaan UTC/RTC. Tahniah saya ucapkan kepada kerajaan yang telah mengadakan satu program yang sangat baik dan diterima dan disambut baik oleh rakyat di mana di Labuan, di sebuah pasar yang baru sahaja siap, yang cukup besar, tiga

tingkat. Kami di Labuan sudah menyediakan satu ruang khas untuk mini UTC diadakan jadi mohon daripada RM139 juta bajet yang diperuntukkan untuk disalurkan ke Labuan untuk rakyat Labuan.

Seterusnya ke butiran B.11 – 020800 – Pemberian Khas kepada Wilayah Persekutuan. Saya jangkakan daripada bajet ini juga program subsidi khas untuk mengawal kos sara hidup yang begitu tinggi di Labuan iaitu di antara yang tertinggi di Malaysia dan telah pun disalurkan sebelum ini sebanyak RM17 juta setiap tahun.

Saya mohon walaupun program sebelum ini tidak begitu memberikan impak yang ketara dari segi penurunan harga barang di Labuan supaya ia diteruskan di mana mekanismenya akan kita sama-sama fikirkan untuk kita perkasakan supaya kos sara hidup di Labuan yang terus meningkat itu akan dapat terkawal di mana dalam keadaan ekonomi yang rancak, ramai orang yang datang bekerja di Labuan mendapat bayaran gaji yang tinggi, *purchasing power* yang tinggi. Akan tetapi ramai juga kelompok penduduk yang masih bergantung hidup daripada aktiviti-aktiviti nelayan dan kerja-kerja yang tidak begitu lumayan akan terasa terhimpit sekiranya program mengawal kos sara hidup itu tidak diteruskan.

■1540

Begitu juga ada tanah runtuh yang berlaku di Labuan di Kampung Patau-Patau, Sungai Keling di mana penduduknya telah pun dipindahkan sementara. Sudah pun setahun dan JKR menunggu RM400,000 untuk membuat *soil investigation*, dengan izin, dan nampaknya ia tidak dibajetkan di mana-mana. Jadi saya memohon daripada dana khas supaya dapat diberikan untuk tujuan tersebut sebanyak RM400,000.

Labuan sebagai sebuah pusat kewangan pesisir pantai ataupun *Labuan International Offshore Financial and Business Centre*, dengan izin, *alhamdulillah*, telah menunjukkan peningkatan yang baik. Walau bagaimanapun, dilihat daripada bajet yang tertera dalam buku bajet itu, tidak ada diperuntukkan khas untuk program-program memasarkan ataupun mempertingkatkan lagi kedudukan Labuan sebagai pusat kewangan dan perniagaan antarabangsa.

Pada masa ini, sebenarnya kita sudah mula melihat bahawa Labuan sebagai pusat kewangan sudah mempunyai kesinambungan ataupun *synergy*, dengan izin, dengan industri minyak dan gas yang tengah berkembang pesat. Jadi dilihat Labuan adalah sangat sesuai untuk kita *promote* dan untuk kita jadikan sebagai *commodities trading exchange centre*, dengan izin, yang mana produk komoditi yang diutamakan adalah komoditi-komoditi yang berbentuk *energy* seperti minyak dan gas di mana Labuan juga sekali gus sepatutnya mempunyai satu pelabuhan yang sesuai, pelabuhan baru di mana pelabuhan sekarang pun memang sudah *congested* dan 80% daripadanya digunakan oleh industri minyak dan gas.

Jadi patut sekali gus dijadikan sebagai *energy international logistic port project* di mana Labuan sebagai *commodity exchange centre on energy* boleh memainkan peranan untuk *trading of oil* walaupun ia secara fizikal mungkin berlaku di Pengerang dan di kawasan-kawasan lain di

Malaysia tetapi biarlah *exchange centre*nya berada di Labuan sebagai sebuah pusat pesisir pantai.

Saya juga lihat ia mempunyai daya maju apabila kita mengambil peluang ataupun kesempatan dengan perkembangan ekonomi ataupun permintaan yang begitu tinggi terutamanya dari negara China untuk *energy* pada masa ini kalau ia dibuat satu formula ataupun kerjasama yang baik dengan negara tersebut. Pada masa hari ini pun sebenarnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita berada di China untuk APEC dan saya lihat ini adalah peluang untuk kita terus mengeratkan lagi kerjasama perdagangan di mana Labuan sebagai port yang mempunyai kedalaman ataupun *deep harbor*, dengan izin, yang natural akan dapat diambil peluang.

Begitu juga dengan lokasinya yang memang begitu strategik di mana bekalan-bekalan minyak dan gas ataupun *crude oil*, dengan izin, adalah berada di sekitar Labuan di mana banyak telaga baru telah dijumpai di laut di persekitaran Sabah terutamanya dan begitu juga dengan telaga-telaga minyak yang masih banyak...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Batu bangun.

Tuan Rozman bin Isli [Labuan]: ...Mengeluarkan minyak dan gas di Sarawak dan di Brunei.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Sedikit.

Tuan Rozman bin Isli [Labuan]: Sedikit, silakan.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak dapat pandangan dari Yang Berhormat Labuan dalam keadaan di sini Labuan akan maju. Saya ingin dapat pandangan- apa pandangan Yang Berhormat tentang pengecualian pembangunan ekonomi di Labuan ini dikecualikan daripada GST? Saya jangka akan menimbulkan pelbagai kekeliruan kerana bahan-bahan yang dibeli dari *mainland* yang diimport ke Labuan, Labuan terpaksa bayar GST sama ada itu di *exempted* atau tidak. Kalau betul GST ini *transparent* dan untuk mengurangkan pelbagai *corruption* dan juga penyelewengan, adakah tidak lebih sesuai dari sekarang Labuan juga ikut trend yang sama untuk melaksanakan GST? Adakah pengecualian ini membantu Labuan atau ia menghalang kemajuan pembangunan ekonomi di Labuan? Saya hendak dapat pandangan daripada Yang Berhormat Labuan.

Tuan Rozman bin Isli [Labuan]: Mungkin dengan lebih *detail* atau teknikal boleh dijawab oleh pihak kementerian tetapi sebenarnya pengecualian GST kepada Labuan, Langkawi dan juga Tioman adalah memberikan kelebihan kepada Labuan terutamanya dari segi pelancongan dan juga menurunkan kos sara hidup di Labuan. Labuan sebenarnya walaupun dikatakan tadi *tax*nya sudah dikenakan kalau barang itu datang dari negeri Sabah atau kawasan lain, tapi sebenarnya tidak sepatutnya sebab dalam GST ini kita mempunyai sistem di mana setiap peringkat itu mereka akan layak untuk *claim credit* kepada kerajaan kembali apabila mereka menjual ataupun *transfer* barang mereka kepada yang tidak perlu dikenakan *tax*.

Tax free di Labuan, memang inilah sebenarnya yang telah membuatkan Labuan begitu melonjak maju terutamanya dalam bidang minyak dan gas pada masa ini di mana pemain-pemain minyak dan gas telah menjadikan Labuan sebagai pusat *fabrication storage* dan

sebagainya apabila mereka mendapati barang yang dibawa ke Labuan tidak perlu dikenakan cukai dan daripada sana mereka terus juga membuat perkhidmatan ke laut-laut yang sebenarnya lebih daripada laut Labuan, setengahnya pergi ke Australia, Vietnam dan sebagainya. *Tax free* yang diberikan kepada Labuan ini adalah penyumbang besar kepada kemajuan yang berlaku di Labuan.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, masa habis Yang Berhormat.

Tuan Rozman bin Isli [Labuan]: *Last* sekali, dalam keadaan sibuk perkembangan baru di Labuan, jadi diperlukan di Labuan ini untuk melihat kembali dia punya *master plan* di mana kita perlu merancang dan menyesuaikan keadaan yang baru ini, maka memang kita perlu untuk melantik juru perunding dan sebagainya untuk membuat *blueprint* baru. Dengan itu, kami memohon supaya daripada bekalan B.10 Butiran 090500 – Bayaran Perkhidmatan Perunding, untuk memberikan ataupun membajetkan RM2 juta sekurang-kurangnya kepada Labuan untuk tujuan ini supaya pembangunan Labuan di masa hadapan akan menjadi lebih teratur dan terancang. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pandan.

3. 49 ptg.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya mulakan dengan Perkara P.10 Butiran 95000 – 1MDB, yang cukup popular pada hari ini. Kerajaan memperuntukkan bagi tahun 2015 sebanyak RM31 juta untuk diberikan kepada 1MDB ini. Itu adalah sebahagian daripada RM1.12 bilion yang telah dan akan diberikan kepada 1MDB dalam tempoh lima tahun. Kalau mengikut Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, 1MDB ditubuhkan sebagai satu tabung kekayaan negara.

■1550

Tabung yang kaya, tidak mengambil wang daripada kerajaan. Tabung yang kaya, memberikan wang kepada kerajaan untuk dibelanjakan. Sebab itu saya percaya seluruh Dewan bersetuju pada hari ini dengan mantan Perdana Menteri yang mempersoalkan tentang 1MDB ini. Bukan sahaja Ahli-ahli Dewan baik dari sebelah sana ataupun sini tetapi mantan Perdana Menteri sendiri yang sudah tentu sangat dihormati oleh rakan-rakan daripada Barisan Nasional. Mantan Perdana Menteri hari ini ditanya mengenai 1MDB baru lebih kurang dua jam yang lepas dalam satu temu ramah selepas melancarkan satu program. Ini saya baca bulat-bulat yang disebut ini. Wartawan tanya mantan Perdana Menteri, Tun Mahathir Mohamad, boleh atau tidak Malaysia ini, apa pandangan beliau tentang 1MDB? Jawapan Tun Mahathir Mohamad ialah, ini saya baca bulat-bulat verbatim, “...*Saya fikir 1MDB tak dak pun tak pa...*”, dia kata.

Dia juga mempersoalkan, dia kata satu tabung yang disebut sebagai tabung kekayaan negara sepatutnya tidak meminjam wang. Akan tetapi 1MDB sekarang ini menjadi peminjam wang nombor dua paling besar dalam negara ini selepas Kerajaan Persekutuan di bawah Yang Amat Berhormat Pekan. Selepas Kerajaan Persekutuan, 1MDB lah nombor dua, RM42 bilion setahun. Jadi, sebab itu saya minta supaya Yang Berhormat Menteri memberi penerangan

dengan jelas, apakah perlu untuk kita terus berpura-pura bahawa 1MDB ini perlu dipertahankan. Ini adalah soal tentang satu risiko besar kepada negara.

Kalau mana-mana hutang yang telah pun dibuktikan sebenarnya dijamin oleh Kerajaan Malaysia, mana-mana daripada RM42 bilion hutang itu gagal dibayar, maka sudah tentu yang akan menanggungnya adalah rakyat. Kita di sini, setiap seorang daripada Ahli dalam Dewan ini bertanggungjawab kerana menyusahkan rakyat dengan 1MDB ini.

Saya seterusnya ingin beralih kepada perkara B.11, Butiran 020500 - Subsidi Gas Cecair (LPG), Diesel dan Petrol serta Bantuan Tunai. Tahun depan, sebanyak RM19 bilion akan diperuntukkan. Saya mohon supaya Yang Berhormat Menteri dan juga barisan Kabinet selepas ini apabila bercakap dengan rakyat supaya berterus terang. Cukup mengulangi bahawa seolah-olah subsidi ini sebanyak RM41 bilion seperti yang selalu disebut, tidak betul. Subsidi yang diperuntukkan di dalam belanjawan tahun depan hanyalah RM19 bilion. Itu pun pada harga minyak mentah dunia yang tinggi. Jadi, soalan saya dan juga yang saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri selepas ini ialah dalam keadaan...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Gopeng bangun Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Ya, Yang Berhormat Gopeng, ya.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Pandan. Ini khususnya kepada subsidi gas dan minyak. Setakat ini, kita kurang pasti apakah mekanisme kerajaan, formula apa yang digunakan untuk subsidi minyak dan gas. Sama ada formula USD84 setong, kah ataupun USD70 setong? Di mana kita akan dapat *breakeven point* untuk subsidi tersebut? Jadi, saya harap Yang Berhormat boleh dapatkan maklumat ini berkenaan dengan mekanisme formula tersebut. Sekian.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Terima kasih Yang Berhormat Gopeng. Sebenarnya kita boleh buat perkiraan mudah. Kalaulah harga minyak dikira pada harga pasaran dunia, minyak mentah harga sekarang iaitu lebih kurang USD82 ke USD85 se tong dengan harga RM2.30 satu liter untuk petrol dan RM2.20 satu liter untuk diesel. Subsidiya tahun depan hanyalah RM3 bilion. Yang itu saya telah kira. Maknanya, kalau RM19 bilion diperuntukkan untuk tahun depan, kalau ditolak BR1M sebanyak RM3 bilion – RM4 bilion, tinggal RM16 bilion. Kemudian ditolak lagi LPG lebih kurang RM3-4 bilion. Maknanya, pada anggaran RM13 bilion peruntukan subsidi itu ia dikira pada harga minyak mentah sekitar USD90-95 se tong iaitu anggaran saya yang saya buat.

Jadi maknanya, sebab itu susulan daripada celahan Yang Berhormat Gopeng tadi, soalan yang perlu dijawab oleh barisan Kabinet ialah apa jawapan kepada rakyat ini apabila rakyat semua tahu, satu dunia tahu, harga minyak mentah telah jatuh dan kerajaan telah meningkatkan harga petrol dan diesel sebanyak 40 sen dalam tempoh satu tahun. September 2013 ke September 2014. Peningkatan 40 sen ini telah menyebabkan jika harga minyak mentah di pasaran dunia kekal pada USD80-85 se tong seperti ini tahun depan, maka sebenarnya

subsidi yang bakal ditanggung oleh kerajaan tahun depan hanyalah RM3 bilion. Lebih kurang sama dengan kerugian yang telah ditanggung oleh 1MDB pun.

Jadi sebab itu, bukankah sudah sampai masanya dan saya berkali-kali tanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, bukankah sudah sampai masanya kerajaan paling kurang beri sedikit gambaran bahawa kerajaan akan menurunkan harga minyak petrol dan diesel. Ini kerana penjimatanya sahaja bagi tiga bulan ini sudah mencapai RM1.5 bilion. Apatah lagi mengambil kira tahun depan, peruntukannya itu jauh lebih rendah daripada RM19 bilion yang diperuntukkan di dalam belanjawan ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuala Kangsar bangun, Yang Berhormat.

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Kuala Kangsar mencelah sedikit.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Ya, Yang Berhormat Kuala Kangsar.

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Saya akuiilah kerana harga minyak sekarang ini memang rendah iaitu USD80 hingga USD86 *per barrel*. Akan tetapi tidakkah Yang Berhormat Pandan mengetahui bahawa mengikut analisis terkini bahawa harga minyak akan naik. Mungkin akan mencecah lebih daripada USD100 dan hingga ke USD150. So, bermakna ini mengambil kira perancangan yang lebih jauh.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Kangsar. Harga minyak ini memang tidak menentu. Sebelum tahun 2006, harga minyak kekal pada USD30 se tong selama 10 hingga 15 tahun. Hanya daripada 2006 ia mula naik dan memuncak pada 2008 kemudian dia jatuh balik. Maknanya begini, kalau kita, kalau kerajaanlah hendak gunakan alasan ini satu perancangan jangka panjang, dalam keadaan kerajaan tidak tahu bagaimana pasaran dunia itu akan berubah, itu tidak adil kepada rakyat.

Ini kerana setiap kali harga minyak mentah dunia naik, kerajaan naikkan harga petrol dan diesel. Jadi, sudah tentu oleh kerana kita tidak tahu pun sama ada Yang Berhormat Kuala Kangsar sebut ada satu analisa menyebut harga akan naik. Saya juga ada baca analisa yang cukup kuat mengatakan harga minyak mentah akan kekal pada paras USD75 ke USD85 bagi beberapa tahun yang akan datang kerana Kerajaan Saudi mahu mendapatkan balik, dengan izin, market *sharenya*.

Jadi sebab itu, ada pelbagai gambaran dan tafsiran bagaimana pasaran harga minyak mentah ini akan berubah. Pengalaman saya sebagai kakitangan syarikat minyak sendiri, tidak ada orang yang boleh menduga turun naik ini kecuali kita kena bersedia. Sebab itu untuk adil kepada rakyat, kita tidak boleh beritahu kita rasa satu tahun lagi harga begini, begini, jadi tidak payah turun. Kalau begitu, kalau naik lain kali, jangan naikkan harga petrol dan diesel.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, boleh gulung Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Saya hendak gulung yang terakhir sekali. Saya rujuk kepada Perkara B.11, Butiran 040300 - Hapuskira Pinjaman, yang mana kerajaan akan memperuntukkan RM400 juta untuk di bawah perkara hapus kira pinjaman ini. Saya mohon

supaya Yang Berhormat Menteri dapat memperincikan apakah ini bermakna ini tanggungan kerajaan terhadap pinjaman-pinjaman yang akan dihapuskan. Adakah ini, dengan izin, satu *write-off*. Kalau betul ini satu dengan *write-off*, maka perlulah Yang Berhormat Menteri nyatakan syarikat mana, siapa yang telah mendapat laba daripada *write-off* sebanyak RM400 juta ini. Ini kerana kita baru-baru ini dikejutkan dengan tindakan kerajaan melalui PTPTN untuk menyenaraikan hitamkan peminjam-peminjam di bawah CCRIS.

■1600

Kalau peminjam yang tidak bayar RM20,000, RM15,000 ini disenaraihitamkan, pasportnya itu digam, tidak boleh keluar negara dan lain-lain. Apa rasional dan penjelasan kerajaan dalam setahun kerajaan memperuntukkan RM400,000 juta untuk menghapuskan pinjaman? Siapa yang dapat, perniagaan mana dan syarikat mana? Saya minta supaya Yang Berhormat Menteri dapat jelaskan dengan terperinci. Cukup setakat itu. Tuan Pengerusi pun tidak bertukar. Jadi terima kasih kepada Tuan Pengerusi yang lama dan selamat datang kepada Tuan Pengerusi baru. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) **mempengerusikan Jawatankuasa]***

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: *Walaikumussalam*. Terima kasih. Sila Yang Berhormat Menteri.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Satu lagi. Boleh celah lagi?

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Satu minit.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Boleh mencelah Tuan Pengerusi nanti.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Mencelah? Sila, sila. Boleh.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Boleh, boleh. Siapa yang hendak mencelah? Yang Berhormat Ampang atau Yang Berhormat Gopeng?

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Menumpang satu minit.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Menteri, sila. Yang Berhormat Menteri menjawab.

4.02 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Chua Tee Yong]: Terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah turut dalam membahaskan butiran-butiran yang telah dikemukakan. Kalau tidak salah dalam rekod saya ada 17 orang Ahli Parlimen yang turut terlibat dalam membangkitkan isu-isu di bawah Kementerian Kewangan. Daripada segi Ahli Parlimen Kluang, terdapat beberapa soalan yang telah dikemukakan.

Pertama, daripada segi kenapa GST diuruskan oleh Jabatan Kastam dan bukannya oleh LHDN dan adakah kebarangkalian GST ditangguhkan? Cadangan yang dikemukakan oleh pihak tertentu untuk menangguhkan pelaksanaan GST bukanlah pilihan terbaik. Tujuan utama pelaksanaan GST ialah untuk menambahbaikkan sistem percukaian sedia ada iaitu cukai jualan dan cukai perkhidmatan. GST juga akan mengurangkan jurang cukai atau *tax gap* dan secara langsung hasil negara akan meningkat.

Mengenai masa pelaksanaan GST iaitu 1 April 2015 adalah masa yang sesuai dilaksanakan berdasarkan kepada keadaan ekonomi semasa di mana kadar inflasi pada tahun 2014 adalah pada tahap yang rendah. Pada tahun hadapan GDP juga akan berkembang diramalkan pada kadar 5% hingga 6%. Kadar 6% yang dipilih adalah berdasarkan faktor bahawa GST ini adalah untuk menukar atau menggantikan cukai jualan dan cukai perkhidmatan. Kalau kita melihat daripada 160 buah negara yang telah melaksanakan GST, kadar kita adalah salah satu kadar yang rendah dan di negara ASEAN juga adalah kadar yang terendah.

Di samping itu sekiranya GST tidak dilaksanakan seperti yang diumumkan, ia akan menjejaskan penarafan kredit negara kerana pelaksanaan GST merupakan salah satu inisiatif utama dalam Program Konsolidasi Fizikal. Kerajaan juga telah mengambil langkah-langkah proaktif bagi memastikan impak yang minimum kepada segala lapisan masyarakat dan perniagaan melalui pakej bantuan serta juga melalui pelbagai inisiatif seperti pengurangan cukai pendapatan dan juga cukai persendirian dan syarikat. Daripada segi untuk impak penurunan harga minyak antarabangsa sebenarnya anggaran purata...

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Yang Berhormat Menteri...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Petaling Jaya Utara bangun, boleh?

Datuk Chua Tee Yong: Banyak. *Let me finish first.* Banyak sangat.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Tidak mengapa, pendek sahaja. *GST, before you move to something else.*

Datuk Chua Tee Yong: *Later. There will be other GST also later.* Anggaran purata harga minyak mentah pada tahun 2014 adalah sebanyak USD110 setong. Harga purata minyak mentah tapis dari Januari sehingga Oktober 2014 pada masa sekarang adalah sekitar USD109.70 setong. Sekiranya harga minyak mentah terus menurun bagi bulan November dan Disember secara relatifnya purata harga minyak mentah bagi tahun 2014 tidak akan jauh dari anggaran asal tahun 2014.

Sehubungan dengan itu, ia tidak akan memberi impak yang begitu besar daripada segi paras defisit untuk tahun 2014 memandangkan penurunan hasil yang kecil juga diimbangi dengan bayaran subsidi yang rendah. Pada tahun 2015, sekiranya harga minyak dunia terus berkurang, kita meramalkan defisit negara kita akan juga tidak mendapat impak yang terlalu besar kerana pengurangan tanggungan subsidi juga akan dilihat apabila harga minyak mentah terus menurun. Kerajaan sentiasa dan sedang mengkaji langkah terbaik yang perlu dilaksanakan sekiranya harga mentah ini terus berkurangan pada tahun 2014 dan tahun 2015.

Mengenai isu yang dibangkitkan, mengenai sektor strategik dan juga syarikat-syarikat yang dibayar. Daripada segi sektor strategik ia sebenarnya ia adalah untuk sektor sosial seperti perumahan rakyat dan pembangunan ekonomi termasuklah dalam peruntukan yang ada ini dalam butiran sektor strategik juga adalah peruntukan bagi penyelenggaraan jalan persekutuan yang diletak sementara memandangkan Kementerian Kerja Raya belum menghantar senarai khusus perbelanjaan ini.

Dari segi isu yang dibangkitkan mengenai KL Airport masih menerima peruntukan dari kerajaan pada tahun 2015 sebanyak RM2.5 bilion. Sebenarnya mulai 5 Mei 1998, kerajaan telah mengambil alih segala aset tetap dan hutang jangka panjang KLIAB dan kerajaan perlu menyediakan peruntukan selama 20 tahun. Maka sebenarnya bayaran akan dibuat sehingga tahun 2019. Peruntukan untuk tahun 2015 adalah sebanyak RM2.5 bilion.

Saya juga bergerak ke isu-isu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Lenggong. Yang Berhormat Lenggong telah mengatakan beberapa inisiatif di mana beliau melihat bahawa daripada segi yang pertama, program kesedaran GST. Program kesedaran GST masih dipergiatkan dan masih diteruskan. Kerajaan juga akan bekerjasama dengan pihak NGO untuk menganjurkan lebih banyak taklimat kesedaran GST untuk manfaat orang ramai dan juga ahli-ahli perniagaan. Selain itu kerajaan juga telah mengadakan *Program Hand-Holding* di mana sebanyak 30,000 buah syarikat yang telah berdaftar sebenarnya telah menjalani latihan tersebut untuk memberi lebih banyak kesedaran dan juga memberitahu lebih banyak maklumat dari segi sistem pelaksanaan GST.

Selain itu juga terdapat dibangkitkan mengenai perkhidmatan UTC dan RTC di mana ia merupakan salah satu sistem penyampaian kerajaan yang baru di mana tujuannya adalah untuk memastikan perkhidmatan-perkhidmatan kerajaan dapat disampaikan sama ada melalui UTC atau RTC. Ia mendapat sambutan yang baik di mana kita melihat terdapat permintaan terutamanya mengenai UTC kerana daripada segi UTC ini mereka mempunyai waktu operasi yang berlainan, di mana kalau kita melihat di Semenanjung Malaysia waktu operasinya 8.30 pagi hingga 10 malam. Maka ia beroperasi lebih dari waktu bekerja. Di Sabah, 8 pagi hingga 9 malam dan di Sarawak pukul 8 pagi hingga 9 malam. Maka ia merupakan suatu inisiatif yang baru di mana UTC dibuka juga pada setiap hari termasuk hujung minggu kecuali cuti umum. Selepas itu, Yang Berhormat...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Timbalan Menteri. Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya sila, sila.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Saya dengar tadi dari luar di mana Timbalan Menteri menjawab bahawa sektor strategik itu hanya melibatkan persoalan perumahan dan juga jalan persekutuan lebih kurang. Bererti ia tidak melibatkan persoalan usaha untuk menyelamatkan Malaysian Airlines System seperti mana yang saya sebut pada penghujung perbincangan tadi kerana saya hendak tahu apa perancangan dan bagaimana, adakah bajet? Di mana bajet yang terletak berhubung dengan soal usaha hendak menyelamatkan MAS dan khususnya

berhubung dengan *MAS Engineering Unit* di Subang kerana ia merupakan satu kelengkapan yang diiktiraf di antara yang terbaik di dunia.

■1610

Sekiranya kita tidak ada satu usaha untuk hendak cuba selamatkan *Malaysia Airlines System*, maka akhirnya kelengkapan itu akan diambil alih dan kita tidak akan mempunyai satu kedudukan untuk memungkinkan sistem ataupun syarikat penerbangan kebangsaan dapat dipulihkan kembali. Boleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tolong respons kepada persoalan ini yang telah saya timbulkan di penghujung tadi? Terima kasih.

Datuk Chua Tee Yong: Saya melihat tadi dari butiran, memang dalam sektor strategik tidak adalah yang dikatakan *Malaysia Airlines* punya. Mungkin ia terdapat di butiran-butiran yang lain. Akan tetapi di Kementerian Kewangan ini masih saya tidak dapat lihat terdapat butiran tersebut yang dikatakan oleh Yang Berhormat. Mungkin yang ia ada adalah di bawah MoT. Akan tetapi yang saya faham dari segi penstrukturan *Khazanah Nasional Berhad*, mereka tentu akan melihat apa yang boleh memberi *value* kepada syarikat MAS ini dan apakah yang perlu dibuat supaya penstrukturan itu akan berjaya. Maka, saya ingin bergerak ke...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *Just* saya hendak pengesahan dari kerajaan. Adakah kerajaan hendak selamatkan MAS ataupun kerajaan hendak benarkan MAS itu bankrap dengan sendirinya? Kalau hendak selamatkan...

Datuk Chua Tee Yong: Sudah diselamatkan dengan penstrukturan..

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Kalau hendak selamatkan...

Datuk Chua Tee Yong: Sudah diselamatkan dengan penstrukturan. Maka ia adalah penting...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Maka semestinya ada satu bajet yang khas kerana ia melibatkan beribu-ribu orang kakitangan.

Datuk Chua Tee Yong: Bukan, itu telah dijawab dari segi kakitangan MAS yang mana terdapat juga yang telah melalui pengurangan. Kerajaan juga telah menempatkan mereka di syarikat-syarikat yang lain di mana pekerjaan mereka tidak terjejas. Kerajaan sentiasa melihat dari segi kebajikan pekerja-pekerja dan juga ingin memastikan dari segi penstrukturan MAS ini dapat menolong MAS dan juga memastikan MAS tidak akan membebankan rakyat. Maka saya ingin bergerak ke isu- dari segi Yang Berhormat Jerlun yang mana Yang Berhormat Jerlun telah mengemukakan beberapa soalan. Nombor satu, mengenai isu Jeti Kuah dan juga dari segi isu sistem pembentangan. Sebenarnya, jeti adalah tidak di bawah MoF tetapi memang saya mendapat tahu bahawa terdapat fasa 1 dan juga fasa 2 dari segi pembesaran terminal jeti.

Maka saya yakin dengan adanya projek tersebut, ia tentu akan menolong dari segi penampungan jumlah pelancong yang datang dan juga sistem pembetulan masih diteruskan dan dijalankan. Dari segi isu yang dibangkitkan mengenai Kumpulan Wang Amanah Sukan Negara, sebenarnya terdapat dua butiran yang telah dibangkitkan.

Nombor satu ialah Butiran 090100 - Kumpulan Wang Amanah Sukan Negara dan Butiran 020100 - Kumpulan Wang Tabung Biasiswa Sukan. Peruntukan Tabung Biasiswa Sukan

adalah bagi menanggung tanggungan pelajar sedia ada dan juga penawaran baru belajar. Kalau kita melihat dari segi anggaran perbelanjaan bagi tahun 2015 untuk Kumpulan Wang Amanah Sukan Negara, ia adalah merangkumi pelbagai program.

Nombor satu, program seperti penganjuran *Le Tour de Langkawi*, Liga Sukan untuk semua *sports recreation community*, penyediaan atlet untuk Majlis Sukan Negara, penyediaan atlet oleh Institut Sukan Negara, dan juga program-program anjuran yang di mana adalah melalui Kementerian Belia dan Sukan. Kita juga terdapat pertanyaan mengenai padang bola sepak tiruan.

Sebenarnya kita tidak mengambil alih peranan daripada Kementerian Belia dan Sukan. Kerajaan sedang membina lebih banyak padang bola tiruan. Sebenarnya KBS atau Kementerian Belia dan Sukan dipertanggungjawabkan dengan 18 buah padang dan memandangkan penggunaan adalah mendapat sambutan yang baik daripada maklum balas Kementerian Belia dan Sukan, maka Kementerian Kewangan telah membantu dalam mempercepatkan pelaksanaan projek tersebut. Maka di Kementerian Kewangan, terdapat tujuh buah padang yang telah dibina dan tiga buah padang yang akan dibina pada tahun 2015 di kawasan Labuan, Kuantan dan Putrajaya. Ia dijangka akan siap pada tahun 2015.

Terdapat juga pertanyaan mengenai UTC dari Yang Berhormat Jerlun yang sama ada peranan UTC ini bertindih dengan agensi berkaitan kerana lokasinya yang strategik. Sebenarnya, UTC ini adalah sebagai *complement* di mana ia membantu menampung permintaan rakyat. Ia juga dapat dilihat dalam statistik pengunjung ke semua UTC di mana antara Januari hingga Oktober 2014, seramai 6.6 juta orang telah mendapat perkhidmatan UTC. Seperti yang tadi saya hendak ulangi, waktu operasi UTC adalah *beyond office hours* iaitu sehingga 10 malam, juga membantu dalam perkara ini.

Saya juga ingin membangkitkan beberapa isu yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Permatang Pauh mengenai projek khas di mana ia adalah Butiran 021600. Peruntukan yang disediakan di bawah projek khas adalah untuk membiayai atau melaksanakan program-program baru yang telah dikenal pasti dan diumumkan dalam Bajet 2015.

Sebagai contoh, dari segi membangun dan menyediakan *facilities* pendidikan untuk sekolah jenis kebangsaan dan juga untuk menggantikan mesin dialisis, mempertingkatkan sistem pengangkutan awam dari segi ada 1Malaysia *Youth City*, Skim Perumahan Belia, juga untuk rondaan bermotosikal bagi PDRM dan sebagainya. Maka inisiatif ini adalah untuk menolong dan juga melihat program-program baru yang telah dikenal pasti dan diumumkan dalam Bajet 2015.

Terdapat juga pertanyaan mengenai *World Bank* mengikut Butiran 091000. Mengenai tujuan *World Bank* ditubuhkan di Kuala Lumpur, Malaysia, sebenarnya pejabat ini akan berfungsi sebagai *hub* yang akan menempatkan pakar tempatan dan pakar dari *World Bank* bagi menjalankan penyelidikan dan menyediakan bantuan teknikal dalam bidang-bidang terpilih di samping berfungsi sebagai pusat bagi pengumpulan data dan analisa negara di rantau Asia Timur dan Selatan bagi tujuan *World Bank Doing Business Report*. Penubuhan pejabat serantau ini dijangka dapat memberikan faedah kepada negara seperti berikut:

- (i) pengalaman Malaysia dalam berkongsi kepakaran dan pengetahuan dalam isu pembangunan dan akan mempertingkatkan imej negara sebagai rakan kongsi pembangunan global;
- (ii) memperluaskan rangkaian hubungan Malaysia dengan institusi antarabangsa dan agensi luar;
- (iii) memperkukuhkan hubungan kerjasama di antara Malaysia dan *World Bank*; dan
- (iv) penggabungan pakar tempatan dan global juga akan dapat mempertingkatkan kapasiti pakar tempatan dalam bidang pembangunan.

Terdapat juga pertanyaan yang dibangkitkan mengenai Butiran 040200 di mana peruntukan sebanyak RM310 juta adalah perbelanjaan di bawah Pengkastaman dan GST. Sebenarnya ia ini bukan sesuatu dasar yang baru. Ia adalah dasar yang sedia ada di mana aktiviti Kastam yang pada tahun lepas ialah untuk memungut cukai dalam negeri termasuk eksais dan sebagainya adalah berterusan.

■1620

Cuma dari segi nama sahaja terdapat GST di dalam. Perbelanjaan di bawah aktiviti ini adalah juga untuk emolumen dan perkhidmatan bekalan bagi keperluan perbelanjaan operasi mengutip hasil bukan sahaja untuk cukai jualan, juga untuk duti import, duti eksais dan cukai perkhidmatan. Walau bagaimanapun, mulai April 2015 kutipan adalah termasuk cukai barang dan perkhidmatan.

Dari segi isu berkaitan subsidi kadar faedah kepada bank pembangunan 021200, peruntukan RM60 juta adalah bagi subsidi kadar faedah pinjaman projek ERL sahaja. Subsidi bagi projek lain telah selesai sepenuhnya. Dari segi isu ASEAN, mempengerusikan ASEAN pada tahun 2015 di bawah 090900 pada tahun 2015, Malaysia akan mengambil alih tugas sebagai Pengerusi ASEAN daripada Myanmar yang merupakan Pengerusi ASEAN pada tahun 2014 dan seterusnya menjadi tuan rumah kepada mesyuarat peringkat ASEAN bagi tahun 2015. Faedah kepada negara komuniti ASEAN, ekonomi ASEAN akan direalisasikan pada tahun 2015.

Dengan adanya penubuhan komuniti ASEAN, ia akan mengukuhkan integrasi dan kerjasama serantau yang mencerminkan kesediaan ASEAN untuk menyumbang secara positif kepada hal ehwal global iaitu melalui peningkatan kesedaran awam. ASEAN *Economic Committee* juga terbahagi kepada tiga tunggak utama iaitu komuniti politik keselamatan, komuniti ekonomi dan komuniti sosial budaya.

Kita juga melihat dari segi faedah kepada Kementerian Kewangan. Dengan adanya, kita dapat melihat penganjuran Mesyuarat Menteri-menteri Kewangan ASEAN ke-19 akan bertukar pandangan dengan wakil-wakil institusi kewangan antarabangsa iaitu IMF, *World Bank* dan AMRO mengenai perkembangan ekonomi global, risiko dan cabaran-cabaran bagi kestabilan ekonomi global.

Usaha ini juga akan dapat mempromosikan Malaysia khususnya dan ASEAN amnya sebagai pusat kewangan perdagangan dan pelaburan terunggul. ASEAN juga berperanan

menjadi pentas bagi komuniti perbankan dan perniagaan untuk terlibat secara aktif dalam aktiviti ekonomi serantau demi kemakmuran rakyat serantau.

Dari segi isu PTPTN, mengikut Butiran 021300. Sebenarnya PTPTN membuat pinjaman dari institusi kewangan dan pasaran kewangan tempatan dengan jaminan kerajaan untuk memberi pinjaman kepada pelajar. Ini adalah kerana prestasi bayaran balik adalah rendah iaitu kurang daripada 50%. Tunggakan bayaran balik perlu dikutip dari pinjaman PTPTN bagi memastikan kesinambungan pembiayaan kepada pelajar baru di samping keperluan membuat bayaran balik hutangnya kepada pemberi pinjaman dibuat tepat pada waktunya.

Pada tahun 2015, dianggarkan untuk PTPTN dari segi untuk penjelasan dari segi *interest* dia adalah sebanyak RM1.7 bilion yang akan dibayar oleh kerajaan. Saya juga ingin membangkitkan isu yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Jasin di mana adakah mekanisme bantuan BR1M dapat menjana penduduk berpendapatan tinggi. Untuk makluman pemberian Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) adalah bantuan jangka pendek bermatlamat untuk membantu meringankan beban sara hidup rakyat berpendapatan rendah. Bantuan ini telah membantu meringankan beban rakyat dalam kehidupan harian. Bagi menjana pendapatan rakyat, kerajaan turut memberi peluang kepada golongan berpendapatan rendah untuk mendapatkan sumber kewangan pinjaman bagi melibatkan diri dalam industri kecil-kecilan dan usahawan seperti sumber melalui TEKUN, AIM, dana PKS atau mikro kredit.

Ada pertanyaan, sejauh manakah penurunan BR1M akan menyebabkan kerajaan tidak lagi menanggung subsidi? Kerajaan dijangka tidak menanggung subsidi apabila harga minyak turun dalam lingkungan USD75 hingga USD85 setong. Setakat mana kebergantungan negara terhadap hasil petroleum? Adakah penurunan harga minyak akan menjejaskan pendapatan negara? Pada 2015, hasil berasaskan petroleum dijangka menyumbang kira-kira 30% daripada jumlah keseluruhan hasil persekutuan.

Dari segi mekanisme, rasionalisasi petrol dan subsidi berdasarkan pendapatan bulanan. Secara amnya sehingga sekarang kerajaan belum membuat keputusan muktamad mengenai mekanisme rasionalisasi subsidi dan diesel. Kerajaan masih dalam tahap perbincangan untuk melihat dan juga memantau trend dari segi harga minyak sebelum membuat keputusan yang sewajarnya.

Selain itu juga ada terdapat pertanyaan...

Tuan Mohd Rafizi bin Ramli [Pandan]: Yang Berhormat Menteri.

Datuk Chua Tee Yong [Labis]: Okeylah.

Tuan Mohd Rafizi bin Ramli [Pandan]: Yang Berhormat Menteri sebut tadi bahawa kalau harga minyak sekitar USD75 ke USD85, kerajaan tidak lagi perlu menanggung subsidi. Jadi, dalam keadaan sekarang dan seterusnya Yang Berhormat Menteri berkata bahawa kerajaan akan terus memantau. Tidakkah harga minyak sekarang sudah berada dalam lingkungan itu? Sehingga sekarang Yang Berhormat Menteri masih lagi mengelak walaupun mahu memantau, paling kurang beri sedikit gambaran. Dua minggu lagi, sebulan lagi, dua bulan

lagi. Sama ada harga minyak akan diturunkan kalau ia terus kekal dalam harga minyak mentah yang rendah seperti ini.

Datuk Chua Tee Yong [Labis]: Saya tidak dapat memberi masa kerana saya tidak mengetahui sama ada dari segi harga minyak akan terus menurun atau kekal pada hari ini. Kita melihat terdapat trend di mana ia menurun dan meningkat dan kita sedang memantau kerana kita memang hendak melihat dari segi harga minyak ini apakah impak terhadap pendapatan negara kita. Jikalau terdapat pengurangan dari segi harga minyak, ia juga akan menjejaskan pendapatan negara kita. Maka, ia perlu diseimbangkan supaya kita dapat mencapai matlamat atau *target* dari segi *financial position* negara kita.

Tadi ada pertanyaan daripada Yang Berhormat Lembah Pantai mengenai NGO-NGO yang mendapat peruntukan daripada kerajaan bagi tahun 2015. Semua NGO yang mematuhi syarat yang telah ditetapkan oleh kerajaan kebanyakan adalah berdaftar dengan ROS. Nombor satu. Nombor dua, aktiviti kebajikan dan kemasyarakatan akan dipertimbangkan untuk diberi peruntukan. Sehingga sekarang sebenarnya dia tidak ada *list* yang mengatakan siapa yang dapat dan siapa yang tidak dapat.

Dari segi isu GST pada kadar sifar untuk buku. Sebenarnya langkah...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Menteri, sekejap. Soalan daripada Yang Berhormat Lembah Pantai tadi tak kan Yang Berhormat Menteri tidak boleh *confirm*? Timbalan Menteri Kewangan Malaysia. Adakah PAS, ISMA dengan Perkasa, dapat atau tidak? Kalau dapat berapa? Takkan dekat dalam Parlimen ini Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak boleh jawab. Tak kan hendak suruh Ketua UMNO cawangan mana-mana itu jawab atau pun Ketua MCA? Terima kasih.

Datuk Chua Tee Yong [Labis]: Ini adalah bajet di mana orang boleh memohon untuk tahun depan. Maka, kalau mereka memenuhi syarat seperti berdaftar dengan ROS, membuat aktiviti kebajikan dan kemasyarakatan, maka dia boleh dipertimbangkan untuk kelulusan kerana dalam sini...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Walaupun- bukan...

Datuk Chua Tee Yong [Labis]: Dalam sini tidak ada butiran yang mengatakan siapa yang dapat sekarang.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Okey, berdasarkan yang lepas semua tahu Perkasa dapat. Soalan saya apakah kriteria yang diberikan? Adakah Perkasa yang terkenal dengan memainkan isu perkauman itu wajar diberi bantuan oleh kerajaan? Itu isunya.

Datuk Chua Tee Yong [Labis]: Bukan, yang ini, yang soalan ditanya tahun depan. Tahun ini saya tidak ada *list* lagi.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tidak, soalan saya ialah apakah kriteria?

Datuk Chua Tee Yong [Labis]: Kriteria adalah berdaftar dengan ROS, membuat aktiviti kebajikan dan kemasyarakatan.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Itu sahaja?

Datuk Chua Tee Yong: Saya sudah jawab.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Itu sahaja?

Datuk Chua Tee Yong: Ya.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Maknanya kalau Perkasa ikut syarat itu boleh dapat?

Datuk Chua Tee Yong: Tidak tahu dia buat program apa. Kalau dia buat program yang tidak mengukuhkan perpaduan, tidak patut diberilah kalau mengikut daftar ini, kalau mengikut syarat inilah.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: [Ketawa] Habis kenapa lepas diberi?

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya. Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Menteri, kita ada peraturan. Saya ada di hadapan dalam Dewan ini.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Minta maaf Tuan Pengerusi.

Datuk Chua Tee Yong: Dari segi isu GST untuk buku, sebenarnya langkah kerajaan dengan tidak mengenakan GST ke atas buku adalah bagi memastikan golongan berpendapatan rendah tidak terbeban apabila membeli buku dan juga dari segi budaya membaca dapat ditingkatkan. Jenis buku yang dikenakan GST pada kadar sifar adalah merupakan buku-buku yang selalu digunakan atau dibaca oleh pelajar dan juga merupakan buku atau boleh dikatakan buku rujukan.

Dari segi *guideline* untuk buku-buku, kerana tadi dibangkitkan oleh Yang Berhormat Lembah Pantai yang mengatakan bahawa juga terdapat penerbit dan juga terdapat orang yang keliru adalah kerana apabila pengumuman dibuat, maka terdapat *guideline* yang baru yang perlu diisukan atau dikemukakan supaya memberi penjelasan yang lebih telus dan meningkatkan kefahaman dari segi jenis buku yang akan dikenakan dan jenis buku yang tidak akan dikenakan GST.

Yang Berhormat Shah Alam juga membangkitkan mengenai isu GST dikenakan atas *maintenance* di dalam pengurusan *apartment*. Ia akan membebaskan penghuni dan penduduk. Sebenarnya secara asas, pihak pengurusan, *management corporation* atau *joint management body* perlu mendaftar jika nilai jualan melebihi *threshold* yang ditetapkan kerana entiti ini terlibat dalam perniagaan. Walau bagaimanapun, di dalam Perintah Cukai Barangan dan Perkhidmatan (Pembekalan Dikecualikan) 2014, perkhidmatan yang dikenakan kepada *apartment* kos rendah dan sederhana rendah adalah dikecualikan dari GST. Maka ia bermakna tiada GST yang akan dikenakan oleh *joint management (JMB)* jikalau mereka adalah *apartment* kos rendah dan juga sederhana rendah.

Juga terdapat pertanyaan mengenai bagaimana GST dapat mengurangkan bilangan peniaga yang tidak berdaftar atau yang berada di dalam *black economy*. GST mempunyai satu *feature* yang boleh menjadi insentif kepada peniaga untuk keluar dari *black economy* dan berdaftar dengan pihak berkuasa kerana kebanyakan mereka ingin mendapat balik atau *claim input tax credit*, dengan izin. Dengan kemudahan ini, maka banyak peniaga yang akan mendaftar. Ini bukan sesuatu yang kita lihat di Malaysia sahaja, tetapi pelaksanaan GST di

kebanyakan negara telah berjaya sebenarnya mengurangkan *black economy* dan meningkatkan dari segi *compliances*.

Juga terdapat isu yang dibangkitkan Yang Berhormat Temerloh. Untuk makluman, sebenarnya projek-projek yang didorong oleh *market force*, ia adalah sebenarnya kebanyakan projek-projek yang dikemukakan juga adalah secanggih projek swasta yang diluluskan oleh pihak berkuasa tempatan. Maka seharusnya pihak yang terlibat perlu menjalankan *market study* dahulu. Akan tetapi dari segi Bank Negara dan juga kerajaan, kita juga ingin menangani *overheating* dari segi sektor perumahan, maka juga terdapatlah langkah-langkah seperti menaikkan kadar cukai keuntungan, menaikkan harga minimum hartanah dan juga memansuhkan *developer interest bearing scheme* dan juga mengenakan syarat *loan to value ratio* yang lebih ketat untuk mengurangkan, boleh dikatakan *overheating* di dalam ekonomi.

Kita juga melihat terdapat isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Gerik yang mengharapkan kita meningkatkan dari segi kawalan penguat kuasa bagi mencegah penyeludupan rokok di bawah butiran penguatkuasaan. Melalui aktiviti harian penguatkuasaan termasuk rondaan darat dan pemeriksaan rapi kenderaan terutamanya yang disyaki membawa barangan belum lulus dari kastam, kita juga melakukan pemantauan rapi dengan menggunakan mesin pengimbas, melaksanakan operasi khas bersepadu dan juga menubuhkan *Customs Borders Management* di Johor bagi membendung penyeludupan dengan lebih cekap dan berkesan. Terdapat juga cadangan supaya...

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Minta laluan.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Gopeng, sila.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Berkenaan dengan kastam ini, kebetulan saya ingin membangkitkan soal kalau kita lihat berkenaan dengan hasil daripada duti import melalui tembakau untuk tahun 2013 adalah sebanyak RM105.6 juta. Anggaran hasil untuk tahun 2014 adalah RM130.8 juta. Akan tetapi selepas disemak, hasil yang kebetulan dapat untuk tahun 2014 adalah sekadar RM17 juta dan ini merupakan satu kehilangan hasil sebanyak RM114 juta dari segi kehilangan duti import tembakau melalui Kastam.

Dalam satu serbuan SPRM, tindakan terhadap kastam yang diadakan dua bulan yang lalu, bulan September di mana dikatakan bahawa kehilangan daripada Kastam RM2.6 bilion dan kebanyakan berlaku di PKFZ. Apakah setakat ini tindakan-tindakan oleh kementerian untuk mengelakkan perkara ini berulang? Kedua, apakah peranan PKFZ dalam perkara tersebut? Sekian.

Datuk Chua Tee Yong: Terima kasih atas soalan tambahan. Dari segi isu penyeludupan, semua sudah tahu dari segi pihak media yang melalui operasi SPRM. Mengenai isu-isu yang perlu ditambah baik dari segi langkah-langkah untuk memastikan isu penyeludupan ini dapat dikurangkan, maka dari segi pihak Kastam saya mendapat tahu bahawa mereka sedang bekerjasama dengan pihak SPRM juga untuk melihat dari segi prosedur-prosedur mereka

supaya boleh menambah baik prosedur dari segi langkah-langkah untuk mengelakkan atau mengurangkan trend atau mengurangkan apa yang berlaku ini supaya kita boleh memastikan pendapatan negara kita dapat bertambah.

Maka dari segi isu ini, saya yakin pihak Kastam telah juga mengeluarkan kenyataan media di mana mereka akan mengendalikannya prosedur-prosedur baru seperti penukaran pegawai-pegawai dan tidak ditempatkan pada jawatan yang sama terlalu lama untuk mengurangkan kemungkinan *collusion* dan sebagainya. Maka ini merupakan sesuatu yang kita memandang secara serius dan akan kita teruskan usaha untuk membendung isu atau mengurangkan isu penyeludupan dan sebagainya.

Dari segi kes-kes diharapkan daripada Yang Berhormat Gerik, supaya harga rokok boleh diturunkan. Sebenarnya itu saya ingat Kementerian Kesihatan tentu akan membantah kerana salah satu yang cuba kita tidak galakkan adalah harga rokok yang terlalu murah sehingga membolehkan orang membeli secara senang.

Dari segi Yang Berhormat Parit Sulong dan Yang Berhormat Putatan juga ada isu mengenai nombor satu, apakah peranan yang dimainkan oleh MaGIC. Sebenarnya MaGIC merupakan salah satu inisiatif di bawah inisiatif *1Malaysia Entrepreneur* bagi menyemarakkan keusahawanan khususnya di kalangan belia. Perbezaan ketara dengan agensi lain yang juga melaksanakan program keusahawanan ialah tumpuan MaGIC adalah kepada belia yang belum ada sebarang bentuk perniagaan. Agensi keusahawanan lain tertumpu kepada pembangunan syarikat yang telah wujud. MaGIC tertumpu kepada *startup* dan membuat promosi atau aktiviti dan mengadakan portal khas di samping iklan media dan cetak dan elektronik supaya menggalakkan orang untuk menghadiri program-program yang...

■1640

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh minta penjelasan Yang Berhormat? Yang Berhormat...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Adakah MaGIC ini diinterpretasikan daripada *from nothing to something*? Sebab, ia dipanggil *magic*. *Magic* ini kalau saya ingat, ia *turn impossible to possible*. Jadi, apakah inilah programnya yang dilakukan oleh kementerian, melakukan semua serba boleh, meyakinkan bahawa janji pun tidak apalah, yang penting ada komitmen, ada *magic*, ada *types of magic* di situ? Minta penjelasan.

Datuk Chua Tee Yong: MaGIC sebenarnya ia *short form* untuk yang mana ia ditubuhkan dari tahun...

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: [Bangun]

Datuk Chua Tee Yong: Dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bersama dengan Presiden Barack Obama pada 27 Mei 2014. Mereka...

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, boleh?

Datuk Chua Tee Yong: Belum *start* lagi.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat Seputeh kenapa ini?

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila [Ketawa]

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Dia boleh lalu sana, dia lalu sini. Tuan Pengerusi, ini Yang Berhormat Seputeh kacaulah [Ketawa] Dia mungkin minta rumput sintetik.

Tuan Pengerusi, ini soal MaGIC yang dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bersama dengan Presiden Barack Obama dan bekerjasama dengan institusi pengajian tinggi di United States. Jadi saya punya perbincangan tadi soal kepada *basic*, bukan semestinya MaGIC sepertimana sahabat saya, Yang Berhormat Kinabatangan sentuhkan tadi. Itu boleh jugalah tetapi apa yang maksud saya, ini memperkasakan usahawan bumiputera di luar-luar bandar.

Misalnya, kadangkala kita terdapat benda-benda yang boleh dijadikan satu produk pengunjungan ataupun produk-produk pelancongan seperti gua-gua, ini kita boleh *recreate*. Seperti macam di Sri Aman misalnya, apabila Bung Kah Cok buat satu tandatangan pengamanan di Sri Aman, boleh macam *dicreate, recreation of history*. Itu maksud saya. Ini mewujudkan satu produk yang mana *the interest of the people will come into being. So, those are the thing that I am seeing*, dengan izin. Lagipun, kita ada banyak gua di sini. Mungkin kita *recreate something* macam benda-benda yang kita akan laksanakan, kita akan reka bentuk rupa, macam Lubok Antu misalnya, ada lubang, ada hantu... [Ketawa] Macam itu. Jadi ini *creating* usahawan bumiputera di luar-luar bandar...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini sangkaan jahat, Tuan Pengerusi.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Bukan maksud jahat [Ketawa] Macam Yang Berhormat Kinabatangan, 'binatang'. So, mungkin satu benda yang kita boleh buat di Kinabatangan. [Disampuk] Di Putatan itu saya tahulah apa yang boleh dibuat. Ini maksud saya. *The players have to do some creativities and initiative* dalam kawasan masing-masing. Boleh atau tidak peruntukan ini disalurkan kepada Ahli-ahli Parlimen yang membuat satu kreativiti? Yang Berhormat Seputeh dia sintetik rambut, boleh? [Ketawa]

Datuk Chua Tee Yong: Terima kasih atas soalan tambahan. Sebenarnya MaGIC ini adalah sebagai pusat pembangunan usahawan permulaan, *startup*, yang mana tadi soalan yang ditanyakan oleh Yang Berhormat, sebenarnya mungkin kalau terdapat mereka yang mempunyai idea daripada parlimen-parlimen yang tersendiri yang ingin menceburi daripada segi keusahawanan, memang mereka boleh mendaftar untuk menghadiri program-program yang dijalankan oleh MaGIC untuk mereka menilai sama ada- sebagai contoh, mereka telah mengadakan ceramah atau *MaGIC Startup Academy* yang dianjurkan selama lima hari yang mana penceramah dan jurulatih dari luar dan dalam negeri dijemput untuk memberi pendedahan untuk bidang keusahawanan kepada 1,000 usahawan *startup*. Maka, dia juga memberi juga nasihat-nasihat daripada segi untuk membuat *startup* bagaimana, apakah yang perlu dilihat supaya boleh melihat daripada segi idea-idea boleh mencapai kejayaan. Maka, ia adalah terkumpul di kawasan...

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Sekijang bangun. Yang Berhormat Sekijang.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Belakang, belakang.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya cuma hendak bertanya dengan Timbalan Menteri tentang program MaGIC ini. Adakah pemilihan peserta itu kalau dapat kita buat konsep *seperti The Apprentice*? Maksudnya kita cari peserta-peserta yang memang tidak pernah menjalankan perniagaan ini, seperti cadangan daripada Yang Berhormat Putatan tadi di kawasan luar bandar dan sebagainya ini, kita ambil mereka ini dan kita buat seperti program *The Apprentice*.

Maksudnya kita tengok cadangan yang mereka kemukakan tentang perniagaan ini, adakah ia boleh benar-benar mencerminkan kekreativitan ataupun kreativiti mereka yang hendak menjalankan perniagaan ini. Kita tidak hendak nanti, kalau kita buat MaGIC ini nanti, lahirkan usahawan, usahawan itu pun buat perkara yang sama seperti usahawan-usahawan yang lain. Kita hendak tengok juga orang muda yang ada dalam negara kita ini, mereka boleh mengeluarkan idea-idea baru terutamanya berkaitan dengan dalam keusahawanan ini sendiri.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Yang Berhormat...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Pengerang bangun.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya hendak mengucapkan tahniah kepada Jabatan Perdana Menteri. Jadi soalan saya, kenapa mesti MaGIC ini di bawah JPM dan tidak di bawah Kementerian Belia dan Sukan memandangkan kita ada kementerian yang relevan menjaga isu-isu belia? Kenapa mesti dikhususkan kewujudannya di bawah agensi yang bukan disebut sebagai Kementerian Belia dan Sukan? Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Salah kementerianlah...

Datuk Chua Tee Yong: Daripada segi Kementerian Kewangan, kita juga telah memberi contoh yang mana padang tiruan juga kita bekerjasama dengan Kementerian Belia dan Sukan. Maka daripada segi inisiatif ini yang dijalankan, mereka tentu akan menghubungi Kementerian Belia dan Sukan.

Juga daripada segi soalan yang telah ditanya oleh Yang Berhormat Sekijang yang mengatakan bahawa untuk menilai dan mengkaji idea-idea sama ada kreativiti itu adalah realiti kerana kadang-kadang idea-idea yang terdapat, mungkin tidak dapat dikomersialkan. Maka daripada segi MaGIC, ia memang sebagai pusat bagi membantu usahawan permulaan, memantau perkembangan dan juga prestasi usahawan dan juga mempunyai pangkalan data bersepadu, memberi khidmat nasihat bagi mendapat sumber kewangan juga daripada institusi perbankan dan juga *venture capitalist*. Maka, ia merupakan salah satu inisiatif untuk menyemarakkan keusahawanan dalam kalangan rakyat Malaysia terutamanya golongan belia.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Parit Sulong.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Okey, terima kasih Tuan Pengerusi dan juga terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya faham MaGIC ini adalah untuk *foremost startup*, dengan izin. Itu saya faham tetapi persoalan yang saya bawakan adalah ia banyak bertindih. Dengan jumlah *RM50 million*, itu adalah satu jumlah yang sangat besar terutamanya kepada satu agensi yang baru dan kita tidak nampak keberkesannya lagi.

Baru-baru ini ada program- saya tengok programnya pun bermusim. Sebelum ini, *last year* ada satu program dan baru-baru ini ada *Go Great*. *Go Great* saya dimaklumkan memakan satu jumlah yang sangat besar tetapi saya hendak tahu, macam mana ia punya keberkesannya kepada masyarakat terutamanya kepada usahawan-usahawan muda ini? Sebab dia kata di sini, kewangan, latihan, bimbingan dan pemantauan. Jadi pemantauan itu, apa jenis pemantauan yang kementerian buat?

Saya bersetuju juga tadi dengan apa daripada Yang Berhormat Pengerang katakan, sebab kita ada agensi lain. Agensi itu sudah banyak, merata-rata. Ada 15 agensi lain yang *in charge* kepada keusahawanan. Kenapa ada lagi satu iaitu MaGIC? Kalau boleh diterangkan kepada kita.

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Kuala Kangsar.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Terima kasih Timbalan Menteri. Saya hendak tahu tentang MaGIC ini. Bagaimanakah terdapatnya panel penilaian- apakah kriteria, siapakah panel penilaian untuk mengenal pasti atau mengiktiraf bahawa sesuatu perkara itu benar-benar mencapai tahap inovasi ataupun kreativiti? Kita tahu kerana perkara ini adalah begitu subjektif. Jadi saya mohon pencerahan daripada Timbalan Menteri tentang panel-panel ataupun orang-orang yang boleh menilai sesuatu perkara itu, satu produk ataupun satu usaha yang boleh diiktiraf sebagai ini adalah satu perkara yang inovatif dan juga kreatif.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Timbalan Menteri, panjang lagi?

■1650

Datuk Chua Tee Yong: Tidak panjang lagi. Daripada segi panel penilaian, bila saya dapat maklumat secara bertulis, saya akan beri.

Dari segi tadi isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Parit Sulong, memang terdapat banyak agensi-agensi yang melaksanakan aktiviti-aktiviti keusahawanan, mungkin dari segi belia dan juga sebagainya. Maka, baru-baru ini dalam perbincangan yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bersama juga dengan Kementerian Belia dan Sukan, mereka sedang mengadakan satu, boleh dikatakan *blueprint*, terutamanya untuk Kementerian Belia dan Sukan mengadakan portal dan juga menyenaraikan sama ada dari segi bantuan-bantuan dari agensi-agensi yang lain digabungkan. Supaya dari segi penyampaian maklumat itu

dapat disampaikan kepada beliau dan mempunyai satu *one-stop* punya *area*. Itu adalah masih dalam perbincangan.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Boleh tak tanya sedikit, adakah ini yang satu dana itu akan dimasukkan semua dalam satu 1Dana yang katakan *one-stop centre where you put everything* dalam satu dana itu, minta maaf.

Datuk Chua Tee Yong: Okey, terima kasih Yang Berhormat Parit Sulong. Sebenarnya...

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Tuan Pengerusi.

Datuk Chua Tee Yong: Sebenarnya, ia tidak dapat digabungkan kerana terdapat beberapa kementerian yang akan menjalankan aktiviti-aktiviti persendirian. Sebagai contoh, di bawah Kementerian Pertanian masih ada TEKUN dan juga melalui AIM ia ada peruntukan atau pinjamannya yang tersendiri mengikut keperluan-keperluan keusahawanan. Saya juga ingin menyentuh mengenai isu Butiran 095000 – 1MDB sebanyak RM31 juta.

Sebenarnya, peruntukan RM31 juta ini adalah untuk sebahagian kos dari segi penempatan semula Pangkalan Udara Sungai Besi, di mana kos ini akan ditanggung oleh kerajaan dan juga oleh 1MDB. Di mana ia merupakan satu *relocation agreement* di mana terdapat lapan tapak yang telah dibuat:

- (i) Subang;
- (ii) Ipoh, Perak;
- (iii) Kuantan, Pahang;
- (iv) Sendayan, Negeri Sembilan;
- (v) Kajang, Selangor; dan
- (vi) Subang, Selangor, satu di *airway*, satu di RMAF;
- (vii) Butterworth, Pulau Pinang; dan
- (viii) Gong Kedak, Terengganu.

Maka, projek ini pada masa sekarang kita tengah memantau dari segi pelaksanaan dan kerja-kerja yang dijalankan adalah masih di tahap permulaan. Nombor 1, pembelian tanah dan juga kerja-kerja infrastruktur yang perlu dijalankan. Kita melihat dari segi pelaksanaan ini adalah masih memuaskan. Dengan kata-kata ini, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih di atas...

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Menteri, minta sedikit pencelahan.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Nombor satu, mengenai isu soalan yang baru dijawab tadi. Peruntukan untuk pemindahan fasiliti Tentera Udara ke tempat lain dengan kos RM2.7 bilion, kalau tidak salah. Saya ingin bertanya kepada menteri, kenapa tanah dijual kepada 1MDB dengan harga RM1.6 bilion tetapi kos pemindahan RM2.7 bilion. Macam mana kos pemindahan jauh lebih tinggi dari kos tanah tersebut. Saya rasa itu isu tidak masuk akal. Akan tetapi Yang Berhormat Menteri, saya minta dan saya rayu di sini dalam Dewan, banyak soalan yang telah dibangkitkan di

sebelah sini mengenai isu 1MDB yang langsung tidak dijawab, termasuk isu sama ada, adalah tak *support*.

Sebab dalam *Hansard* sekarang kata tidak ada. Luar kata adalah tapi di dalam *Hansard* di dalam Parlimen yang mulia ini tidak ada. So, menteri kena jawab sama ada, ada dan menteri kena beritahu kepada semua pelabur antarabangsa sama ada dengan *letter of support* ini kalau 1MDB tidak mampu bayar, adakah kerajaan akan bantu 1MDB bayar hutang mereka sebanyak RM9.6 bilion.

Datuk Chua Tee Yong: Kos pemindahan ini akan melihat dari segi per *square feet* akan meningkat sebanyak tiga kali ganda. Sebenarnya kos untuk *relocation* ini seperti yang telah dikatakan adalah sebanyak RM2.7 bilion kerana ia ditempatkan kepada 8 tempat yang saya katakan. Maka, bukan kos RM2.7 bilion ini semua untuk membeli tanah. Ia juga termasuk untuk pembangunan dan juga bagi penempatan semula. Dari segi isu-isu lain yang telah diketengahkan, saya tidak ingin memberi penjelasan yang lanjut kerana banyak andaian yang telah diberi. Maka, saya akhiri...

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Andaian itu perlu ada jawapan daripada menteri, apa kerajaan ini!

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Kerajaan yang tak mampu beri jawapan, apa kerajaan ini? *Half past six Cabinet! Half past six Barisan Nasional Government...* [*Dewan riuh*]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat Petaling Jaya Utara. Saya hendak tanya, yang lain duduk, yang lain duduk. Yang Berhormat Petaling Jaya Utara, Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Petaling Jaya Utara. Yang Berhormat Menteri, sudah habis?... [*Dewan riuh*]

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Cari soalan, jawab lagi. Saya ada soalan lain yang tak dijawab lagi.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Yang Berhormat Menteri tidak bertanggungjawab!

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Tentang GST semua tidak dijawab.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Dah la letak dalam mazhab.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Yang Berhormat Titiwangsa, Yang Berhormat Batu, Yang Berhormat Petaling Jaya Utara, duduk.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Ini yang menunjukkan bahawa apa yang disebut di sini semuanya benar! Dengan 1MDB, mereka hendak selindung dengan 1MDB, hendak menyembunyikan semua masalah yang ada dalam 1MDB.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM3,427,324,900 untuk Maksud B.10;

RM32,815,826,300 untuk Maksud B.11 dan RM2,053,800,100 untuk Maksud B.12 di bawah Kementerian Kewangan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM3,427,324,900 untuk Maksud B.10; RM32,815,826,300 untuk Maksud B.11 dan RM2,053,800,100 untuk Maksud B.12 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Tuan Pengerusi, kita minta berbelah bahagi. Minta berbelah bahagi. 15 orang tolong bangun.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Ha, jangan marah.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Setiausaha, bilang cukup 15.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Lawan-lawan.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Malu kerajaan ini! Malu!... *[Dewan riuh]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat! Sila duduk, duduk, duduk. Yang Berhormat...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Ini bukan...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat sekalian, sila duduk... *[Dewan riuh]*

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Menteri duduk ketawa, ketawa sahaja. Apa ini!

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila duduk!

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Eh, balik ini...

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Malu!

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat sila duduk! Yang Berhormat, Yang Berhormat. Yang Berhormat sekalian, sila duduk!

Seorang Ahli: Kepala batu.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Tidak boleh macam inilah Yang Berhormat. Yang Berhormat Kapar, Yang Berhormat Kapar. Yang lain duduk, yang lain duduk. Yang lain duduk. Yang Berhormat, saya hendak buat keputusan. Yang Berhormat sebelah kiri saya minta berbelah bahagi. Saya hendak buat keputusan. Kenapa hendak bisin-bising?... *[Dewan riuh]* Baiklah Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh sebab lebih daripada 15 orang bangun meminta diadakan berbelah bahagian, maka mengikut Peraturan Mesyuarat 46(4) saya memerintahkan supaya suatu belah bahagian diadakan sekarang.

Setiausaha, sila bunyikan loceng selama 2 minit.

[Loceng dibunyikan]

[Dewan berbelah bahagi]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ahli-ahli Yang Berhormat yang menjadi penghitung undi sila ambil tempat masing-masing di hadapan blok Yang Berhormat. Undian dijalankan sekarang. Yang lain duduk, yang lain duduk. Penghitung undi sahaja. Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat lain duduk.

[Pengundian dijalankan]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Duduk Yang Berhormat. Sila duduk, sila duduk. Baiklah Ahli-ahli Yang Berhormat setelah undian belah bahagi dilakukan bahawa:

Ahli-ahli yang bersetuju berjumlah 57 orang *[Tepuk]*

Ahli-ahli yang tidak bersetuju 34 orang *[Tepuk]*

Lebih 2/3 undi majoriti yang bersetuju.

■1710

Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM949,515,900 untuk Maksud P.10 dan RM2,000,000,000 untuk Maksud P.70 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2015 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM949,515,900 untuk Maksud P.10 dan RM2,000,000,000 untuk Maksud P.70 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2015]

Maksud B.28 [Jadual] -

Maksud P.28 [Anggaran Pembangunan 2015] –

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Kepala Bekalan B.28 dan Kepala Pembangunan P.28 di bawah Kementerian Pengangkutan terbuka untuk dibahaskan. Ya, Yang Berhormat Kinabatangan.

5.16 ptg.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Tuan Pengerusi, ada *point of order*.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Apa lagi Yang Berhormat Batu?

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, peraturan berapa?

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: *Point of order* di bawah Peraturan Mesyuarat 80(A), 36(12) dan 23(4). Pertama sekali, dengan tadi soalan-soalan daripada perbahasan dengan Menteri dalam seksyen 23(4) telah menyatakan seseorang Menteri boleh tidak menjawab soalan atas kepentingan... *[Dewan riuh]* Semua mohon maaf kerajaan tidak boleh di- / kena check, I have the English version.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang lain tolong diam ya.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Tuan Yang di-Pertua, *can I read the English version?* Okey, 23(4) telah menyatakan bahawa *notwithstanding any here and therefore a minister to home a question is address may with approval of Tuan Yang di-Pertua refuse to answer such question on the ground that public interest or such refuses cannot be debated or question.*

Tadi kita telah banyak membahaskan GST dan juga soalan-soalan mengenai dengan *1Malaysia Development Corporation* yang tidak langsung dijawab. Saya ingin tahu kalau mengikut peraturan, hanya soalan dengan ada kepentingan *public interest* tidak dijawab. Akan tetapi kita telah mengemukakan soalan-soalan ini atas *public interest* dan tidak dijawab.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Batu.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Itu jelasnya melanggar peraturan. Oleh itu saya juga ingin bawa balik kepada apa yang dibawa oleh PJ Utara soalan yang ...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, saya faham. Saya faham.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Nanti, saya habiskan. Soalan yang telah dibawa, dijawab kepada Yang Berhormat PJ Utara jelas mengelirukan Dewan, oleh itu melanggar 36(12). Kita telah menunggu supaya dapat penjelasan daripada Timbalan Menteri tadi dalam perbahasan tetapi jawapan tidak dijelaskan. Oleh itu jelas menteri telah melakukan satu kesalahan, Yang Berhormat Pontian telah melanggar peraturan dan saya cadangkan supaya Menteri dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Keistimewaan di bawah 80(A). Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Batu, terima kasih. Yang Berhormat Batu telah merujuk ke Peraturan Mesyuarat 23(4). Memang jelas 23(4) ini Yang di-Pertua pun tidak boleh memaksa menteri menjawab dan terpulang kepada Menteri untuk menjawab sesuatu perkara yang ditimbulkan. Jadi saya kira cukup. Sila Yang Berhormat Kinabatangan.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Isu Yang Berhormat Pontian telah memberi satu jawapan yang tidak tepat dan mengelirukan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Pengerusi, saya ingin memulakan perbahasan saya...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Kita tunggu penjelasan daripada Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kinabatangan sekejap.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Kalau Menteri tidak ada penjelasan, maksudnya ...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Batu, Yang Berhormat Kinabatangan, sekejap. Yang Berhormat Batu, oleh kerana Yang Berhormat Pontian tiada dalam Dewan, kita tunggu penjelasan Yang Berhormat Pontian ya. Sila Yang Berhormat Kinabatangan. Kita akan tunggu ya.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: [*Bercakap tanpa penjelasan*] Maksudnya Tuan Pengerusi akan bagi Yang Berhormat Pontian menjelaskan.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Okey, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih. Butiran 050000, 0503000 iaitu Pengangkutan Udara dan termasuk Pengangkutan Udara Wilayah Sabah. Apabila menyentuh pengangkutan udara, sudah tentu kita melibatkan lapangan terbang. Apabila melibatkan lapangan terbang, kita bersyukur sebab lapangan terbang kita KLIA1, KLIA2 boleh dikira *first class facilities* dalam antara lapangan-lapangan terbang dalam dunia.

Akan tetapi yang mengecewakan saya, apabila sampai kepada servis kita, perkhidmatan kita mungkin Tuan Pengerusi sedar saya ini suka berjalan. Saya melihat lapangan terbang negara yang mundur seperti Cambodia, seperti Laos, seperti Thailand, Myanmar, Filipina. Negara yang masih menggunakan khidmat polis lapangan terbang apabila kita masuk pintu berlepas, *departure* ada *security* menunggu, polis. Apabila kita lalu, skrin bunyi, dia punya kerja, orang Sabah bilang “meramas”, orang Semenanjung bilang “raba”.

Dia raba sini, raba sana. Saya gelilah kena raba. Saya tak tahu kalau perempuan yang raba mungkin lain sikit, lelaki sama lelaki kadang-kadang tempat *part secret* kita pun dia raba. Yang negara meraba ini cuma dua, Malaysia dengan Filipina. *Cambodia* dia tidak raba orang, dia pakai *detector machine*. Lalu, tali pinggang tak buka pun. Singapura tak buka *belt* pun, di KL ini domestik pun buka tali pinggang, dia kata. Hoi bukan alang-alang garang. Apalah ada dalam tali pinggang kecil-kecil, kalau tali pinggang itu besar, itu but yang tinggi dia wajib dibuka. Jadi saya mahu minta MAB atau Malaysia Airport Berhad dengan khidmat nasihat Kementerian Pengangkutan cuba kita belajar daripada kesilapan. Kesilapan ini boleh melemahkan kita punya masa depan.

Kalau negara-negara mundur dari Malaysia boleh dapat membeli alat *detector*, mesin pengimbas badan seluruh badan. Kalau di Australia kasut tak buka, apa tak buka dia skrin sahaja ada apa tidak. Akan tetapi tempat kita, domestik pun dia punya lapangan terbang hui bukan alang-alang. Ini sebab apa? Pasal sebab kita kehilangan. Tak ada kena mengena MH370, MH17 dengan main raba-raba ini.

Main raba-raba ini bahaya Tuan Pengerusi, ada lagu raba sana raba sini lama-lama naikkan nafsu syahwat, jadi susah dan berapa kos dia nak mengajar MAB guna pakai untuk mengajar kita punya polis lapangan terbang ini meraba. Berapa kos latihan meraba ini sebab cara meraba pun saya tengok lain, berbeza-beza cara meraba dia. Ada yang raba keras, ada yang lembut tapi yang ada meraba ini dua negara sahaja iaitu Malaysia dengan Filipina. Lain-lain negara tidak ada.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kinabatangan, jangan panjang-panjang meraba-raba ini.

■1720

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: [Ketawa] Sebetulnya Tuan Pengerusi, saya tidak mahu panjangkan cuma saya mahu perhatian sebab tidak boleh, ini kalau tidak boleh dibenarkan sebetulnya. Kalau ada mesin pengimbas, tidak perlulah. Jadi gunalah peruntukan yang ada, belilah mesin pengimbas supaya kita selaku *passenger*, penumpang pun boleh lalu dan imbaslah, mesin *check* lah.

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: Yang Berhormat Kinabatangan.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Bintulu, sila.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Kamu ini Yang Berhormat Shah Alam, kena paw satu dunia tidak cukup lagikah. Minta penjelasan dan juga Yang Berhormat Kinabatangan setuju atau tidak atas perkara ini tadi mengenai isu *security check*.

Bila kita melalui mesin *scan* beg-beg itu semua tidak cukup, *wallet* kena keluar, *belt* mahu buka, kunci pun kena keluar semua, biasalah, okey kunci keluar, telefon keluar semua boleh. Tadi banyak kali saya ada bertanya pegawai kalau *belt* ini boleh letak pisaukah atau boleh letak dadah kah? Saya kata mana punya kita *scanner*, *scanner* tangan pergi mana. Dulu saya ada nampak, sekarang saya tidak nampak lagi, kemungkinan semua sudah rosak, kedua-dua terminal pun tidak ada.

Akan tetapi Yang Berhormat Kinabatangan, ada lihat atau tidak sekarang mereka keluar laporan kata lapangan terbang kita sekarang *is a transit point for* dadah. Kalau kata *belt* pun kena buka *check* habis-habis, macam mana dadah tidak dapat *check*. Kenapa negara kita menjadi satu laporan daripada banyak negara kata *our country is a transit point for the* dadah. Kenapa ini boleh berlaku? Jadi ramai rakyat tanya perkara ini. Kenapa dadah begitu hebat di negara kita. Saya hendak tanya pandangan sikit Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya terima kasih rakan saya Yang Berhormat Bintulu. Jadi sebab itu kementerian perlu mencadangkan kepada agensi yang berwajib, belilah alat-alat pengimbas yang canggih ini. Kita ikut negara yang maju yang menjurus ke arah yang lebih baik. Kita tidak mahu, saya terus terang, saya suka melawat mana-mana negara tetapi dua negara yang mengamalkan pegang sana dan sini ini, negara Malaysia sama negara Filipina, lain-lain tidak ada.

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: Yang Berhormat Kinabatangan, boleh sedikit sahaja. Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Saya ada dua isu, saya mahu dengar pandangan Yang Berhormat Kinabatangan. Sekarang kita tahu yang MAS memberi *luggage weight* yang 30 kg yang biasa punya. Akan tetapi MAS yang beri satu syarat, beg ini tidak boleh lebih dari dua *luggage*. Jadi bermakna yang 30 kg itu perlu diberi dua *luggage* sahaja. Jadi saya tidak faham bagaimana ada satu syarat

begitu. Jadi kalau dia tambah tiga beg pun tidak boleh, bermakna kalau orang tua, warga emas atau lemah, bagaimana dua beg yang 15 kg, banyak beratlah.

Satu lagi, sekarang KL Sentral tidak ada troli yang tersedia untuk penumpang. Saya tidak faham, kita yang menubuhkan KL Sentral yang bertujuan untuk memberi khidmat yang lebih baik kepada penumpang, tetapi tidak ada troli yang disediakan, nanti ada satu troli yang dikawal oleh porter. Porter itu seramai mana pun bukan orang tempatan. Jadi *porter* yang kawal troli itu yang sesiapa mahu pakai troli itu kena bayar tip. Jadi bagaimana pandangan Yang Berhormat, apa syarat-syarat Yang Berhormat munasabah atau tidak.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat, saya pun kebetulan timbalan menteri ada tetapi soal porter ini mana-mana lapangan terbang pun ada porter. Saya suka kalau ada *porter* ini sebetulnya sebab kadang-kadang kita terbeli banyak barang, dia tolong kita angkat tetapi mintalah sebab soalan Yang Berhormat itu timbalan menteri pun ada, kita masuk dalam ucapan sayalah.

Tuan Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]: Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Satu perkara lagi Yang Berhormat Tuan Pengerusi iaitu *hidden chargers* daripada AirAsia.

Tuan Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]: *Hidden, Hidden.*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *Hidden chargers* ini amat mengerikan, ia banyak membunuh rakyat biasa. Ini yang buat AirAsia ini untung, dia goyang kaki, dia untung banyak.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: *[Bangun]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sekejap Yang Berhormat Bintulu, isu ini sudah lama saya mahu cakap.

Tuan Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]: Hulu Rajang, Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sekejap, nanti saya bagi. Ia sebab kadang-kadang dia suruh beli *online*, orang kampung Tuan Pengerusi mana ada *online*. AirAsia ini sasarannya orang kampung, mana ada beli *online*, dia pergi lapangan terbang, dia beli, satu kilo RM30, untung Tony Fernandez di atas penderitaan orang ramai. Yang saya paling sakit hati, tengok kalau Tuan Pengerusi pergi lapangan terbang.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ada dua yang bangun.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sekejap, sekejap belum lagi. Ada *kiosk* untuk *check in without luggage*. Kita pergi *kiosk*, kalau di Kuala Lumpur ini dia kata *temporary out of service*. Akan tetapi, saya selalu tengok dia punya *temporary* itu jadi *permanent* sebab apabila ia *out of service*, kita kena pergi ke kaunter, dia caj kita RM10 satu *passenger*. Kalau satu hari sepuluh ribu, duit ini dia joli sana dia joli sini, dia beli kelab bola sepak, dia jual kelab *car racing* dia, duit rakyat.

Bayangkan tetapi tidak ada teguran. *Queen Park Rangers* sudah teruk, QPR yang terbawah sekali, ini sebab rakyat murka, rakyat marah dan doakan dia supaya dia susah. Jadi ini

masalah, rakyat dia pungut, kalau di Sandakan bukan lagi *temporary*, dia punya *kiosk* 24 jam, 100 jam tidak boleh diperbaiki lagi. Sebab dia sengaja, apabila diperbaiki dia tidak ada *income* RM10 satu *passenger*. Jadi saya minta penjelasan kementerian kalau boleh tegurlah AirAsia ini sebab ini keterlaluan, membunuh rakyat biasa.

Tuan Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]: Yang Berhormat Kinabatangan. Kasi Hulu Rajang.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ada dua yang bangun.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya Yang Berhormat Hulu Rajang.

Tuan Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]: Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan dan terima kasih Tuan Pengerusi. Tahukah Yang Berhormat Kinabatangan sekarang, kalau hendak bawa pistol balik pergi Kuching, Bintulu dan Miri, satu orang caj satu pistol RM200 sekarang. Kalau ada *bodyguard* macam Yang Berhormat Bintulu, RM400. Kalau saya pergi ke Kuching, Kuching-Sibu, balik mahu pergi ke Kuala Lumpur, mahu RM800 ulang balik. Jadi saya hendak tanya dengan Yang Berhormat Kinabatangan, sebelum ini berpuluh tahun tidak pernah kena caj, kenapa?

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Itu Timbalan Menteri pun kasi caj.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya Yang Berhormat, sebetulnya pendirian kita tentang soal ini berbeza sebab sebetulnya MAS melihat, MAB melihat dia perlu buat inovasi, dia perlu menjaga mungkin. Jadi apabila berniaga, biasanya yang bawa pistol ini orang yang ada-ada. Kalau tidak ada, tidak ada pistol. Jadi saya setuju juga sebetulnya dia caj itu sebab saya tidak bawa pistol, saya yakin dengan diri saya, saya tidak bawa. Jadi saya tidak kena, yang kena ini orang yang bawa pistol, dia mampu bayar. Saya ingat saya setuju sebab ini perlu juga. Ya sila.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Saya rasa caj pistol itu kena dua kali ganda lebih tinggilah. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat mengenai isu tambang kapal terbang yang dikatakan kena tambah RM30 untuk beli *luggage* dan lain-lain. Saya tidak sokong mana-mana *airlines*, siapa murah saya pakai penerbangan itu. Malindo murah saya pakai Malindo, AirAsia murah saya pakai AirAsia, Firefly murah saya pakai Firefly, itu pendapat saya. Akan tetapi, bila kita lihat penerbangan katakan ke Kota Kinabalu sepuluh tahun dulu sebelum AirAsia datang, MAS caj lebih kurang RM1,200 pergi balik. Sekarang pergi balik Kota Kinabalu kita boleh dapat kalau *lucky* RM300, kalau tidak *lucky* pun RM500 atau RM600. Bukankah ini merupakan satu penambahbaikan kepada *aviation* industri di Malaysia. Minta pandangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya setuju sebetulnya lebih-lebih lagi kalau kita mengamalkan langit terbuka.

■1730

Cuma pada pendapat saya kementerian perlulah memantau perkara-perkara sebegini. Ini sebab orang kampung ini sebetulnya bukan macam kita. Kita boleh tengok mana satu penerbangan yang kita boleh ikut, mana tidak. Ada yang mahal, ada yang murah. Orang

kampung kadang-kadang *emergency* keluarga dia sakit, dia terus ke lapangan terbang. Itulah dia kenalah, masuklah dia perangkap dia.

Satu lagi yang terakhir Tuan Pengerusi apabila dia lambat, orang kampung lambat. Pernah saya terserempak balik, kebetulan orang daripada Sabah menangis-menangis dia kata, “*Saya lambat dua minit Datuk tetapi ini kaunter tidak boleh terima saya, dia suruh beli tiket baru.*” Beli tiket, baru boleh terbang, tiket lama tidak boleh. Dia *no mercy*. AirAsia ini *no mercy*. Betul-betul sengsarakan rakyatlah. Cubalah tengok, Menteri tegurlah. Sudah lama, saya tidak ada *nothing personal* sama Tony Fernandez tetapi dia terlampau, dia picit orang kampung, dia makan duit orang kampung daripada titik peluk orang, tidak boleh. Ada Timbalan Menteri, dia ada...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, masa cukup Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Jadi...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. *[Disampuk]* Ada dia sudah bagi.

Seorang Ahli: Yang Berhormat Kapar dia kongkalikunglah.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Memang dia kongkalikung. Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Tadi Yang Berhormat Kinabatangan ada lihatkah kita sekarang, saya terima banyak aduan daripada rakyat. Contoh macam pergi Bintulu pukul 10.00 lebih punya *flight* 10.30 punya kalau lebih *flight*. Dua jam patut itu tengah hari. Patut kita MAS mahu *provide* ada *meal*. Dahulu kata itu semua *meal* ada. Sekarang macam *business class* dari Bintulu pulang balik dekat RM2,500 tahu. Kadang-kadang sampai RM3,000 tetapi dia bagi makan kripap sahaja. *[Ketawa]* *Business class* tidak usah lagi kata belakang punya *economy class* langsung apa makan? Tinggal lagi nasi langsung tidak ada. Ini lagi kita sudah potong sini potong sana. Saya mahu tanya Yang Berhormat Kinabatangan macam mana MAS boleh rugi lagi begitu besar?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sebetulnya Yang Berhormat Bintulu saya pun, saya baru balik kelmarin dahulu *flight* 5.30 petang. Biasanya 5.30 petang, begitu begini jam 6.00 dia hidanglah makanan. Saya tanya apa ada? Kariaplah sama *sandwich*. Jadi inilah saya pun tidak tahulah. Menteri tolonglah maklum beri kita penjelasan kenapa jadi begini. Saya minta kalau boleh jadual penerbangan Kuala Lumpur – Sandakan, MAS perlu distruktur semula kembalikan penerbangan asal satu hari dua kali.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat Kinabatangan boleh?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini sebab kita banyak penumpang-penumpang daripada Sandakan ke Kuala Lumpur hendak berulang alik.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, masa cukup.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Pengerusi...

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Dato' Seri Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Belum ‘Seri’ lagi.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Kelak 'Seri'. Lain kali ikut peraturan. Yang Berhormat Kinabatangan yang disentuh soal permasalahan pengurusan MAS ini, ramai orang yang bertanya-tanya kenapa masih rugi? Satu kes yang, Yang Berhormat Kinabatangan dengar atau tidak? *[Ketawa]* Kes yang *connectivity*nya antara Bimiaga ini. Saya baru melawat kunjungan hormat kepada Gabenor Dr. Fransisca di Pulau Pahlawan dengan *Mayor* dia dengan hati dia kecewa apabila penerbangan MASwings ini dihentikan begitu sahaja. Apa kata Yang Berhormat Kinabatangan kalau betul-betul MAS penerbangan Dr. Fransisca ini rugi, kenapa dihentikan? Boleh dikurangkan jumlah penerbangan. Jadi ini saya...

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) **mempengerusikan Jawatankuasa]***

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya Yang Berhormat Kinabatangan masa sudah habis Yang Berhormat.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Dia ada *injury time* Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak ada, tidak ada *injury time*.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Jadi saya minta pandangan daripada Yang Berhormat Kinabatangan, apakah sebenarnya masalah pengurusan MAS ini.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Minta maaf Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Putatan saya pun sebetulnya dahulu penerbangan dari Kota Kinabalu ke Manila, MAS ada tetapi dia berhenti dia bagi dengan laluan dengan AirAsia. AirAsia berhenti, dia bagi AirAsia Philippine satu hari tiga kali. Kalau rugi, tidakkah penerbangan itu penuh. Jadi saya hairan MAS ini seolah-olah dia ada '*kawtim*' dengan AirAsia dari segi penerbangan. Mana yang untung dia bagi AirAsia...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: *Kawtim* apa Yang Berhormat?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *Kawtim* ini cakap Cina Sabah dia bilang rundingan, ada runding tepi, kolaborasi secara luaran. Jadi cuba Menteri periksa betul-betul sebab orang-orang Sabah ini dia berulang-alik macam juga Indonesia. Ke Philippine ini penerbangan dia satu jam empat puluh minit ke Kuala Lumpur, dua jam tiga puluh minit. Jadi tidak ada, tidak ada kemudahan sedemikian. Jadi itu sahajalah Tuan Pengerusi. Terima kasih, saya menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Tumpat. Kita bagi yang tidak berucap tadi.

5.36 ptg.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi peluang untuk saya bercakap dalam Kementerian Pengangkutan. Saya ingin menyentuh kepada dua perkara dalam Kementerian Pengangkutan ini iaitu pertamanya berkaitan dengan KTMB

Butiran 00900 dan 01600 iaitu projek KTMB. Keduanya kalau ada masa ialah Butiran 40000 – menaik taraf dan pembangunan sistem kawalan pengangkutan udara Semenanjung.

Tuan Pengerusi, pertamanya berkaitan dengan KTMB ini saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri berkaitan dengan kes di mana pemimpin-pemimpin dan Ahli-ahli kesatuan sekerja kereta api iaitu Kesatuan Pekerja-pekerja Keretapi Tanah Melayu Berhad ataupun dalam bahasa Inggeris asalnya *The Railwaymen's Union of Malaysia (RUM)*. Mereka ini pemimpin-pemimpin dipecat dan lebih daripada 100 ahli-ahli kepada kesatuan sekerja ini telah digantung dan entah-entah telah dipecat sekarang ini.

Kenapakah tindakan ini diambil oleh pengurusan KTMB memandangkan bahawa saya yakin dan percaya adalah satu daripada tugas penting Ahli-ahli Kesatuan Sekerja mana-mana kesatuan sekerja sekalipun ialah untuk memperjuangkan hak-hak dan kedudukan pekerja-pekerja, kebajikan pekerja-pekerja. Di masa yang sama untuk memperjuangkan supaya syarikat mereka itu berjalan dengan baik, pengurusan syarikat itu berjalan dengan baik.

Sudah tentu antara yang terkena kritikan daripada kesatuan ini mungkin melibatkan dan agak biasanya melibatkan pengurusan syarikat itu sendiri. Dalam kes ini mengikut apa yang saya baca, mereka anggota kesatuan ini mengkritik pengurusan tertinggi termasuklah Presiden KTMB itu iaitu Datuk Elias Kadir. Jadi oleh kerana itu sahaja nampaknya dan tanpa sebab-sebab yang kukuh dan munasabah pimpinan KTMB ini kesatuan sekerja ini iaitulah Presiden RUM, Razak Hassan dan Timbalan Presidennya R. Subramaniam telah antara merupakan pimpinan-pimpinan dan pekerja-pekerja yang dipecat kedudukan mereka dan lebih daripada 100 ahli telah digantung pekerjaan mereka. Jadi saya minta supaya Menteri menjelaskan dan seboleh-bolehnya Menteri memulihkan balik pekerjaan orang-orang yang telah dianiayai oleh pimpinan syarikat itu sendiri.

Keduanya Tuan Pengerusi berkaitan dengan kereta api juga. Saya ingin sekali lagi berkaitan dengan meningkatkan keupayaan dan sebagainya menanya kepada kementerian tentang masa depan laluan kereta api ke Pantai Timur dari Kuala Lumpur turun ke Gemas naik balik sehinggalah ke Tumpat. Saya telah membangkitkan isu ini beberapa kali saya tahu Kementerian Pengangkutan dan juga Menteri di Jabatan Perdana Menteri ada jawapannya. Akan tetapi saya ingin menyatakan bahawa setakat yang saya lihat perkembangan kepada pembangunan laluan dan perkhidmatan kereta api khususnya yang membawa ke Pantai Timur ini adalah amat lemah sekali.

Jadi saya ingin bertanya sekali lagi adakah kementerian masih berpegang kepada dasar-dasar yang pernah diumumkan seperti laluan baru ke Pantai Timur melalui pesisir pantai naik ke Kuala Terengganu dan sebagainya.

■1740

Adakah kementerian masih lagi berpegang kepada dasar ini dan adakah kementerian berhasrat untuk meningkatkan lagi kadar kemajuan pembangunan laluan yang sedia ada ini? Ini kerana sebagaimana yang saya sebut dalam perbahasan peringkat dasar, kita masih lagi

mengguna pakai laluan yang dimulakan oleh penjajah British dahulu lagi tanpa apa-apa pembangunan, perubahan yang signifikan kepada perkhidmatan kereta api dan laluan kereta api itu.

Perkara kedua Tuan Pengerusi ialah berkaitan dengan pengangkutan udara. Sekali lagi, sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kelantan khususnya yang lain, ingin membawa sekali lagi kepada perhatian Yang Berhormat Menteri tentang kedudukan daif dan kedudukan yang tidak mencukupi untuk memberi perkhidmatan yang sepenuhnya kepada penumpang-penumpang pengangkutan udara yang menggunakan lapangan terbang di Pengkalan Chepa, Kelantan. Ini adalah kerana perkembangan pesat kadar penerbangan yang melibatkan bukan sahaja MAS, bukan sahaja AirAsia, tetapi juga Malindo, tetapi juga FireFly dan satu lagi syarikat kapal terbang yang baru yang memperkenalkan perkhidmatannya ke Kota Bharu. Di samping itu, di Lapangan Terbang Kota Bharu itu ada juga sekolah latihan pemandu kapal terbang, ada juga perkhidmatan-perkhidmatan udara untuk melalui helikopter mungkin untuk membawa pekerja-pekerja ke pelantar-pelantar minyak yang sudah tentu kita tahu kepunyaan negeri Kelantan royalti yang sepatutnya.

Akan tetapi lapangan terbang itu sendiri, terminal itu sendiri, landasan itu sendiri sudah jelas tidak mencukupi. Apa lagi dalam masa di mana pada masa yang sama kapal terbang MAS ada, di masa yang sama FireFly ada, di masa yang sama AirAsia ada, tempat duduk untuk penumpang menunggu pun tidak cukup. Ini ditambah lagi perkhidmatan yang ditambah ke Singapura yang mana sebahagian dari tempat lapangan terbang untuk penumpang itu dipisahkan untuk penumpang-penumpang antarabangsa. Ini ditambah lagi kalau berlaku kelewatan, *delay flight-flight* tertentu. Meningkatkan lagi jumlah penumpang dan tidak cukup tempatnya.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bukit Katil bangun.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Jadi saya mendesak supaya lapangan terbang itu diperbesarkan terminalnya dan landasannya dipanjangkan untuk memudahkan perkhidmatan yang menguntungkan mana-mana syarikat sekali pun yang berkhidmat kepada lapangan terbang tersebut.

Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sudah habis? Yang Berhormat Bukit Katil bangun, Yang Berhormat.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Oh! Tak perasan saya. Okey, okey.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Boleh? Terima kasih Tuan Pengerusi.

Saya hendak tanya Yang Berhormat Tumpat tentang isu berkaitan lapangan terbang di Kelantan ini kerana saya juga mengikuti perbahasan di peringkat dasar tentang cadangan ramai

anggota Parlimen dari Kelantan tentang status lapangan terbang di Kelantan yang diminta untuk diperbesar dan kemudiannya dinaik taraf sebagai lapangan terbang antarabangsa.

Saya ingin tarik perhatian Yang Berhormat Tumpat kepada Lapangan Terbang Antarabangsa Melaka yang baru-baru ini sahaja baru ada penerbangan yang agak ingin dimulakan dari Pekan Baru ke Melaka dan Melaka ke Pulau Pinang. Walaupun dibelanjakan RM300 juta tetapi telah pun diisytiharkan sebagai lapangan terbang antarabangsa yang saya fikir dari segi kapasiti atau dari segi keperluan lapangan terbang itu jauh kalau hendak dibandingkan dengan Kelantan. Jadi saya cadangkan Yang Berhormat Tumpat setuju tidak dengan pandangan ini supaya kita segerakan segala permintaan untuk memenuhi keperluan di Kelantan tersebut? Terima kasih.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Terima kasih Yang Berhormat Bukit Katil. Ini satu keadaan yang amat aneh. Yang Berhormat Menteri saya tidak berapa ingat, tetapi ada di kalangan yang menjawab tentang status Lapangan Terbang Pengkalan Chepa ini...

Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]: Laluan sedikit.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Sekejap. Nak jawab ini dulu. Yang mengatakan bahawa kita tidak boleh menaikkan tarafnya kepada lapangan terbang antarabangsa kerana ianya melibatkan kos, kena letak pegawai dan sebagainya.

Akan tetapi Tuan Pengerusi, tidak dapat dinafikan, dengan izin, *effectively*, Lapangan Terbang Kota Bharu itu sudah menjadi lapangan terbang antarabangsa. Sudah ada perkhidmatan ke Singapura dan sebagainya. Akan tetapi hanya kerana polisi politik Kerajaan Pusat di Kuala Lumpur ini termasuk Menteri di Jabatan Perdana Menteri ini yang tidak mahu mengiktiraf bahawa sebenarnya Lapangan Terbang Kota Bharu itu sudah pun memainkan peranan dan *in reality*, dengan izin, lapangan terbang antarabangsa. Jadi sudah begitu, iktiraf sahajalah dan perbaiki sahajalah keadaan yang ada di Lapangan Terbang Pengkalan Chepa itu sebagai lapangan terbang antarabangsa juga.

Ya, Yang Berhormat Pasir Puteh.

Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Tumpat. Saya baru pulang dari Kota Bharu bersama dengan pemangku Sultan hari ini dan hari ini saya mendengar pemangku Sultan sendiri berucap meminta supaya Kerajaan Persekutuan menaiktarafkan Lapangan Terbang Kota Bharu dan memanjangkan *runway*nya dan juga menjadikan ia sebagai lapangan terbang antarabangsa. Ini perintah Sultan. Adakah ia suatu yang...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Peraturan Mesyuarat, jangan libatkan Sultan dalam perbahasan.

Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]: Akan tetapi, itulah ucapan Sultan sendiri. Jadi adakah pihak kerajaan boleh mendengar titah Sultan itu? Terima kasih.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Puteh. Oleh kerana disebut tadi titah Tuanku, di hari keputeraan Baginda pada hari ini menyentuh sekali lagi pentingnya infrastruktur untuk Kelantan dan pentingnya dinaikkan taraf segera lapangan

tersebut. Saya yakin dan percaya Yang Berhormat Menteri akan ambil perhatian terhadap Titah tersebut yang sudah tentu kita sokong sepenuhnya.

Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Bagan Serai.

5.46 ptg.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Saya merujuk kepada P.28 Butiran 40000 – Pengangkutan Udara Semenanjung.

Tuan Pengerusi, Bagan Serai khususnya dan Perak amnya berharap Kerajaan Pusat melihat kembali cadangan memohon projek lapangan terbang di Lembah Beriah. Kerajaan Negeri Perak sebenarnya ialah kerajaan negeri yang pertama mengemukakan permohonan pembinaan lapangan terbang di utara Malaysia ini pada tahun 2010. Dengan kata, inilah lapangan terbang untuk Utara Malaysia, *Utara Malaysia Airport Terminal* ataupun UMAT. Jadi Perak telah mengemukakan kepada pihak EPU untuk memohon pertimbangan dan pada ketika itu, Perak telah pun bersedia dengan pelan pembangunan dan juga reka cipta dan juga telah berunding dengan Sime Darby yang memiliki tanah di kawasan itu dan juga telah berunding dengan pihak swasta yang meminati projek ini.

Tuan Pengerusi, Perak telah mengambil kira keadaan Lapangan Terbang Pulau Pinang yang telah padat dan telah pun dinaik taraf baru-baru ini tetapi sudah tentu tidak dapat menampung pertambahan penumpang di masa akan datang. Jadi jika pelan untuk satu lagi lapangan terbang antarabangsa di utara Malaysia ini berjaya, maka ini akan sudah pastinya meningkatkan pertumbuhan ekonomi, pelancongan, pendidikan, perindustrian yang bakal mengubah kehidupan khususnya rakyat di Parlimen Bagan Serai. Wujudnya lapangan terbang ini akan memberi manfaat yang banyak kepada negeri-negeri di utara Semenanjung. Jarak 80 kilometer lebih di antara Lembah Beriah dengan Lapangan Terbang Pulau Pinang adalah tidak terlalu dekat untuk mewujudkan satu lagi lapangan terbang di utara.

Tuan Pengerusi, terkini, kewujudan rangkaian perhubungan yang baik yang memudahkan pergerakan dengan pergerakan yang lebih cepat. Pertamanya, adanya jambatan kedua Pulau Pinang dan juga akan siapnya *interchange*, dengan izin, ataupun persimpangan bertingkat di Alor Pongsu, *exit* di *highway* Alor Pongsu dan juga pembinaan landasan berkembar kereta api yang melalui kawasan Parlimen Bagan Serai. Semua ini memudahkan dan mempercepatkan perjalanan. Hari ini perjalanan dari kawasan Parlimen Bagan Serai ke Pulau Pinang hanya lebih kurang 30 minit.

Jadi dengan adanya lapangan terbang di kawasan Lembah Beriah ini, boleh lagi merencanakan lagi perkembangan ekonomi dan juga pelancongan di kawasan yang agak terpinggir dan tertinggal. Kalau kita lihat negara hendak pergi negara maju, Pulau Pinang sudah

maju, Ipoh sudah maju, Taiping pun sudah bagus, tetapi kawasan di Daerah Kerian masih lagi tertinggal dan banyak lagi rakyat yang tidak dapat menikmati kebaikan negara ini.

Jadi maksud saya hari ini, di Parlimen Bagan Serai ada taman tema di Bukit Merah Resort dan ada Pusat Konservasi Orang Utan di Pulau Orang Utan di Bukit Merah. Yang ketiganya, ada hutan paya bakau di Kuala Gula dengan habitat marin, habitat yang cukup unik dan ada beribu-ribu burung hijrah yang datang setiap tahun untuk orang mengalami satu pengalaman yang hebat.

■1750

Di sini juga ada penternakan ikan arowana yang mana pelancong boleh datang untuk melihat dan mengalami sendiri bagaimana ikan ini ditenak dan kesihatannya. Sehingga kini, Perak tidak ada lagi lapangan terbang antarabangsa yang boleh mendaratkan pesawat yang besar dan ini juga akan menjadi laluan pelancong ke daerah-daerah lain di negeri Perak. Contohnya, ke Lenggong ataupun ke Gerik ataupun ke Manjong, Pulau Pangkor dan akan menggamit pelabur-pelabur untuk berani datang ke Daerah Perak Utara.

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]: Minta laluan.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Hendak bagi Yang Berhormat? Yang Berhormat Tanjong.

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]: Saya ingin bertanyakan pendapat Yang Berhormat Bagan Serai. Ini kerana saya memandangkan isu pembinaan lapangan terbang yang baru ini. Ada permintaan dari Kedah supaya lapangan terbang yang baru dibina di Kedah, ada permintaan di utara negeri Perak. Jadi, mengikut pandangan, mana lokasi yang lebih sesuai untuk permintaan lapangan terbang yang baru.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Yang Berhormat Tanjong. Saya melihat faktor-faktor yang mana kita boleh katakan di kawasan Lembah Beriah adalah kawasan yang paling strategik dan sesuai sebenarnya. Terkini akan ada pembangunan di Lembah Beriah iaitu universiti industri yang mana ialah kerjasama di Universiti Kebangsaan dan juga MK Development dan juga pada bulan 11 ini akan diwujudkan kampus cawangan untuk universiti ini. Banyak lagi universiti di tanah air akan boleh datang untuk mengadakan kajian dan sebagainya tentang contohnya, habitat di hutan paya bakau dan juga di Pulau Orang Utan.

Tuan Pengerusi, Lembah Beriah di utara Perak ialah kawasan yang sangat strategik dengan dataran yang luas, tidak ada gunung-ganang contohnya dan kedudukan di tengah dengan penduduk yang ramai. Kemudahan perhubungan akan memberi impak yang besar dalam usaha negara menuju ke arah kemajuan. Jadi, saya berharap kalau kerajaan boleh memberi perhatian kepada permintaan negeri-negeri yang di sekeliling di utara, saya merayu supaya pihak kerajaan juga memberi perhatian semula kepada permintaan Kerajaan Negeri Perak. Pada tahun 2010, dengan persiapan yang rapi yang kita adakan untuk mewujudkan satu lagi lapangan terbang antarabangsa di utara Malaysia. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Petaling Jaya Utara.

5.52 ptg.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya tidak panjang. Saya hanya menyebut tiga perkara sahaja. Perkara nombor satu, 050000 – Pengangkutan Udara. Pada minggu yang lalu, semasa pengumuman Menteri Pengangkutan, Yang Berhormat Bentong, bila saya bertanya sama ada *airport tax* ataupun *passenger service charge* akan dinaikkan untuk MAHB di KLIA2 akibat kerugian ataupun penurunan keuntungan MAHB yang cukup serius dalam Laporan Penyata Kewangan MAHB yang terkini bagi suku yang terkini, keuntungan MAHB telah pun menurun sebanyak 98.6% daripada RM112 juta sehingga hanya RM1.6 juta sahaja. Sebab yang diberikan oleh pihak MAHB adalah kerana kos KLIA yang besar yang mengakibatkan *depreciation* yang diperlukan itu besar. Sejak KLIA2 telah mula beroperasi dan juga oleh kerana kos KLIA itu cukup besar, hutang MAHB cukup tinggi. Oleh kerana sebab itu, pembiayaan faedah untuk hutang tersebut amat tinggi dan oleh sebab itu keuntungan MAHB banyak menurun.

Saya telah pun menanyakan kepada pihak Yang Berhormat Menteri sama ada kementerian sekarang akan meluluskan cadangan daripada MAHB untuk menaikkan *passenger service charge* bila kita melihat keuntungan MAHB telah pun menurun secara banyak. Beliau tidak menjawab soalan itu dalam Dewan ini tetapi beliau telah pun menyebut perkara ini kepada wartawan di luar. Saya hanya memetik satu laporan daripada *The Star*. *The Star* tentu benar, yang bertajuk, “*Government will not agree to any increase in taxes and fees at KLIA, says Minister*”. Ini laporan daripada *The Star*. Beliau juga menyatakan bahawa, ‘*I have no such request or proposal*’, iaitu bahawa Yang Berhormat Menteri langsung tidak mendapat sebarang cadangan ataupun *proposal* daripada MAHB untuk menaikkan *passenger service charge* ataupun *airport tax* di KLIA2.

Saya telah pun menasihatkan supaya pihak Yang Berhormat Menteri berunding terlebih dahulu dengan pihak pegawai mengenai perkara ini. Oleh sebab bila saya duduk dalam PAC (Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara), pegawai daripada Kementerian Pengangkutan bersama dengan MAHB yang datang berjumpa dengan PAC telah pun menjelaskan dan mengaku bahawa cadangan untuk menaikkan tarif ataupun *airport tax* di lapangan terbang KLIA telah pun diberikan kepada kementerian. Di media juga, CFO daripada MAHB, 25 April, CFO - Encik Faizal Mansor telah berkata, ‘*We have proposed an increase of RM3 to RM35 from the current RM32 for international passengers and RM6 to RM7 for domestic passengers*’. Itu pun untuk LCCT sahaja. Itu bukan untuk KLIA2. So, memang ada cadangan untuk menaikkan *airport tax*.

Sekarang soalnya sama ada kerajaan akan membantu MAHB kerana MAHB sekarang akan menimpa kesusahan dari segi kewangan mereka. So, kita minta pendapat ataupun *explanation* daripada pihak kementerian.

Perkara nombor dua. Saya telah membaca dalam *The Edge, Financial Daily* dua hari lalu, November 10 bahawa kerajaan dalam proses untuk menubuhkan satu suruhanjaya bebas yang baru untuk industri penerbangan di Malaysia. Saya amat menyokong cadangan tersebut untuk menubuhkan satu suruhanjaya bebas untuk mengawal dan melaksanakan dasar-dasar secara

bebas kepada semua pihak yang terlibat dalam industri penerbangan di Malaysia. Termasuk pihak *airport operator*, pihak penerbangan dan lain-lain syarikat yang berkaitan.

Apa yang membimbangkan adalah bila laporan menyebutkan bahawa, '*...The government is considering appointing Malaysian Airlines System Chairman, Tan Sri Mohd. Noh Yusof, Malaysian Airport Holdings Berhad Advisor, Tan Sri Bashir Ahmad dan Transport Ministry Secretary General, Datuk Seri Long See Wool...*', sebagai ahli-ahli suruhanjaya tersebut. Saya rasa pelantikan ini tidak akan membawa sebarang kebebasan kepada suruhanjaya tersebut. *Their views* akan mendorong kepada pihak-pihak yang terlibat dalam industri iaitu mereka mungkin akan membantu memihak lebih kepada MAHB ataupun memihak lebih kepada Malaysia Airlines ataupun memihak kepada pihak-pihak yang mereka pernah terlibat.

Bila kita menubuhkan satu suruhanjaya adalah penting supaya ahli-ahli yang ada dalam suruhanjaya ini tidak terlibat secara langsung dalam industri sebelum ini. Kita tahu antara masalah yang berlaku sebelum suruhanjaya ini ditubuhkan adalah bila ketua setiausaha dalam kementerian, Datuk Seri Long See Wool juga merupakan ahli dalam Lembaga MAHB. Sebagai *regulator*, dia duduk dalam Ahli Lembaga MAHB. So, bila MAHB minta naikkan *airport tax*, sebagai Ahli Lembaga MAHB sepatutnya saya menyokong sebab ia akan meningkatkan keuntungan bagi MAHB. Akan tetapi sebagai kerajaan, sepatutnya mereka melihat perkara ini dari segi adakah kita hendak Malaysia menjadi satu *airport hub* yang lebih kompetitif.

■1800

Kita tidak boleh naikkan *airport taxes* semata-mata dan kita harap kalau kos boleh dikekalkan rendah kita mungkin akan menjadi satu hab penerbangan yang paling besar di serantau Asia Pasifik. So, pihak seperti Tan Sri Bashir, Tan Sri Md Nor dan Tan Sri Loh merupakan ahli-ahli yang ada dalam industri sekarang. Kita risau kalau suruhanjaya ini ditubuhkan dengan keahlian mereka, pendirian yang diambil oleh suruhanjaya itu tidak akan merupakan satu pendirian yang bebas yang akan menjadikan Malaysia sebagai satu *aviation hub* yang cukup kukuh dan akhir sekali saya ingin membangkitkan isu lama, isu PKFZ. Ramai orang saya agak sudah lupa tentang isu PKFZ, pengangkutan laut, Butiran 020000. Saya ingin mendapatkan satu *update* daripada pihak Yang Berhormat Menteri, apakah status pinjaman PKFZ RM4.6 bilion yang belum dibayar kepada pihak kerajaan.

Yang saya tahu dua tahun lalu perjanjian masih belum dicapai, pembayaran balik masih belum bermula. Apa telah terjadi dengan RM4.6 bilion ini? RM4.6 bilion ini adalah akibat daripada *letter of support* yang Menteri Pengangkutan berikan kepada pihak pemegang bon. Akibat *letter of support* itu kerajaan berasa bahawa mereka terpaksa untuk membiayai segala pinjaman yang telah pun diambil oleh pihak PKFZ untuk membina projek tersebut, RM4.6 bilion. Nombor dua, apakah status operasi PKFZ? Adakah ia telah mula mempunyai *cash flow* positif, beruntung dan apakah tahap penggunaan PKFZ buat masa ini? Pada masa dulu memang rendah, 14%, 20% tetapi kita minta apakah status *operation* di PKFZ dan apakah *rental rate* dan **four space** di PKFZ buat masa ini? So, dengan itu saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee] Yang Berhormat Tanah Merah.

6.02 ptg.

Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga ingin menyentuh Butiran 060500 berkenaan dengan penguatkuasaan undang-undang. Saya juga ingin membangkitkan isu kehadiran tonto yang diupah oleh syarikat-syarikat khususnya lori-lori. Kumpulan tonto ini kita lihat seolah-olah tidak takut dengan undang-undang. Setiap kali anggota JPJ kita melakukan operasi atau menahan mana-mana lori pasti tonto akan datang. Walaupun tidak mengganggu tugas JPJ tetapi mereka cuba memberi isyarat kepada anggota penguatkuasaan supaya jangan mengganggu lori-lori mereka. Persoalannya, apakah tonto ini begitu hebat sekali sehinggakan tidak ada undang-undang boleh menghalang perbuatan mereka?

Saya berpendapat sudah tiba masanya Kementerian Pengangkutan mencari kaedah terbaik untuk mengatasi masalah tonto ini. Kita tidak mahu tonto ini bermaharajalela. Kewujudan tonto ini telah menyebabkan pemandu-pemandu lori yang berada di bawah pengawasan mereka seolah-olah tidak takut dengan undang-undang. Kita tidak boleh membiarkan mana-mana kelompok dalam negara ini merasakan boleh melakukan apa sahaja sehingga penguatkuasaan undang-undang pun mahu dicabar. Isu tonto bukanlah isu baru tetapi ia sudah berlaku sekian lama. Oleh itu sudah tiba masanya kerajaan melalui Kementerian Pengangkutan perlu mencari kaedah bagi membanteras kelompok ini kerana mereka juga bertanggungjawab membocorkan sesuatu operasi oleh pihak yang berkuasa.

Tuan Pengerusi, kita masih lagi dihadang dengan berita kemalangan-kemalangan maut yang melibatkan bas ekspres dan kenderaan berat. Apa yang mendukacitakan kita apabila berlaku sesuatu tragedi, barulah semua pihak kelam-kabut untuk mengambil tindakan. Apa yang menghairankan kita ialah ada dalam kalangan pemandu kenderaan berat ini mempunyai rekod kesalahan trafik yang belum diselesaikan dan juga mempunyai rekod jenayah tetapi masih dibenarkan memandu. Oleh itu kita ingin mengetahui apakah langkah kementerian dalam mengatasi masalah ini. Kita tidak boleh membiarkan pemandu-pemandu seumpama itu terus bermaharajalela di lebuh raya dan jalan raya sehingga mengancam nyawa pengguna jalan raya yang lain.

Sebab itulah saya berpendapat, agensi di bawah kementerian ini tidak boleh melakukan sesuatu langkah itu ibarat hangat-hangat tahi ayam sahaja. Sebagai contoh, ketika berlaku kemalangan bas ekspres tidak lama dulu, satu peraturan ditetapkan di mana semua pemandu harus menjalani pemeriksaan air kencing secara rambang untuk mengesan penggunaan dadah dalam kalangan mereka. Akan tetapi apa jadi sekarang? Sekarang proses itu saya nampak tidak berlaku lagi. Malah kita juga tidak melihat tindakan yang betul-betul tegas dikenakan kepada syarikat-syarikat pengangkutan yang bersedia menggaji pemandu yang bersalah ini.

Justeru itu, saya berpendapat kementerian perlu memandang serius masalah ini kerana kita tidak boleh membiarkan syarikat-syarikat seumpama itu mengaut keuntungan tanpa mempedulikan keselamatan pengguna dan penumpang.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Seremban bangun Yang Berhormat.

Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Okey, boleh.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat. Saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat berkenaan dengan penguatkuasaan JPJ. Baru-baru ini kecoh satu Malaysia berkenaan dengan penguatkuasaan nombor plat kereta yang banyak operasi-operasi dijalankan. Saya hendak tanya bagaimanakah operasi penguatkuasaan nombor plat yang baru ini dapat mengurangkan kemalangan nyawa dan untuk mengurangkan kematian di jalan raya. Saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat supaya di tanya kepada kementerian. Yang kedua saya hendak tanya juga, semalam dilaporkan bahawa Ketua Pengarah JPJ telah mengatakan bahawa JPJ dan Kementerian Pengangkutan ada satu KPI. KPI menjelang 2020 itu dia hendak rakyat Malaysia hanya mati 5,000 orang.

Saya hendak tanya kalau KPI itu tidak dicapai, apakah akan dilakukan oleh JPJ? Kalau KPI 5,000 orang tidak cukup itu, bagaimanakah JPJ akan mencapai KPI itu? Minta penjelasan. Terima kasih

Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Okey, terima kasih Yang Berhormat Seremban. Isu plat yang *fancy* itu kalau tanya pendapat saya, saya rasa pun ia harus diambil tindakan. Tidak boleh lah setengah orang itu dia letak, kadang-kadang nombor itu dia buat seolah-olah macam nama dia. Kita tahu. Jadi kalaulah pihak polis trafik, pihak undang-undang hendak ambil tindakan, kita tidak boleh baca apakah nombor yang sebenarnya. Jadi plat *fancy* saya rasa perlu diambil tindakan. Soalan yang dibangkitkan, isu yang kedua yang dibangkitkan tentang KPI, saya setuju. Yang itu saya mintalah, kita mintalah pihak kementerian untuk menjawab dan saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat, saya juga ingin mengetahui yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Seremban. Terima kasih Yang Berhormat Seremban.

Tuan Pengerusi, mohon saya sambung. Okey, baru-baru ini dalam akhbar Mingguan Malaysia mendedahkan bagaimana berpuluh-puluh lori simen yang beroperasi di Cameron Highlands sejak bertahun lalu tanpa cukai jalan dan insurans. Betul, baru ini Yang Berhormat Lipis bangkitkan fasal Cameron Highlands. Ramai daripada kita pun bangkitkan Cameron Highlands, isu pendatang haram, isu bencana dan sebagainya. Akan tetapi isu lori simen yang berpuluh-puluh, yang beroperasi sudah bertahun lamanya tanpa cukai jalan dan insurans. Kita berasa hairan bagaimanakah keadaan ini boleh berlaku jika agensi di bawah kementerian khususnya JPJ benar-benar tegas melaksanakan amanah yang diberikan.

Bayangkan Cameron Highlands adalah kawasan pelancongan tetapi di jalan raya akan dipenuhi dengan lori-lori yang tidak mempunyai cukai jalan. Apakah yang akan terjadi jika kemalangan berlaku? Siapakah yang akan dari segi insurans, menuntut dan sebagainya. Apakah kita hanya akan bertindak selepas sesuatu tragedi yang berlaku? Justeru, saya menggesa kementerian mengarahkan JPJ untuk melaksanakan operasi bagi membanteras lori-

lori seumpama itu dan pada masa yang sama juga mengharap tindakan tegas akan diambil kepada mana-mana pegawai atau anggota JPJ jika ada yang bersekongkol dengan puak yang melanggar undang-undang ini.

Kita tidak mahu undang-undang hanya menjadi hiasan sahaja tanpa dikuatkuasakan kerana ia boleh memberi kesan yang buruk kepada rakyat. Tuan Pengerusi, saya mengalu-alukanlah langkah Kementerian Pengangkutan yang akan mengkaji keseluruhan Pelan Struktur Kereta Api termasuk jajaran baru kereta api Pantai Timur untuk memastikan ia lebih sempurna dan efisien pada masa akan datang. Yang Berhormat Tumpat pun ada membangkitkan isu kereta api sebentar tadi. Sememangnya langkah ini tepat memandangkan bagi sesetengah kawasan di Kelantan khusus di Gua Musang dan Kuala Krai, kereta api menjadi pilihan penduduk termasuk ke sekolah. Ini hakikat.

Pelajar-pelajar masih menggunakan perkhidmatan kereta api untuk ke sekolah. Saya tahu ramai dari tempat kita datang dari bandar, mereka tidak pernah melihat keadaan seperti ini tetapi penduduk di Kuala Krai, Gua Musang, mereka menggunakan kereta api untuk ke sekolah. Bagaimanapun saya mengharaplah kajian terperinci dilakukan bagi memastikan usaha menambah baik ini benar-benar menawarkan satu perkhidmatan kereta api yang selesa dan sempurna untuk penduduk. Ini memandangkan, sebagai contoh laluan kereta api yang sedia ada dari Mentakab dan Gua Musang, banyak yang telah rosak akibat penyelenggaraan yang kurang memuaskan menyebabkan kereta api tidak dapat bergerak laju. Terima kasih Tuan Pengerusi.

■1810

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Batu.

6.10 ptg.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin berbahas di bawah Butiran 050000 – Pengangkutan Udara.

Sebelum saya mula, saya juga ingin mengingatkan, tadi sungguhpun kita menyatakan ayat yang sangat kritikal terhadap MAS tetapi jangan kita lupa terhadap kru pengurusan dan penumpang-penumpang dan keluarganya, MAS telah melalui satu pengalaman yang sangat tragik. Sasaran yang kita bahaskan di Dewan ini adalah ditujukan kepada Menteri dan kerajaan. Jangan rasa tersinggung dengan kata-kata yang ada di Dewan ini kerana kita masih ingat dan simpati terhadap tragedi yang dialami oleh MAS.

Beberapa hari yang lalu, Pengarah Perdagangan MAS, Hugh Dunleavy telah memberitahu kepada sebuah surat khabar New Zealand menyatakan bahawa Kerajaan Malaysia dan Australia tengah berusaha dan berunding untuk membuat satu pengumuman secara rasmi MH370 itu hilang. Dijangkakan pengumuman ini akan diumumkan pada hujung tahun ini.

Saya amat keliru sedikit apa maksud pengumuman ini kerana pada 25 Mac 2014, pada hari ke-16 setelah MH370 hilang dari radar, Perdana Menteri sudah menyatakan dengan satu kaedah analisa yang tidak pernah digunakan sebelum ini, kerajaan telah membuat kesimpulan bahawa, dengan izin dalam bahasa Inggeris, *“MH370 ended in Southern Indian Ocean”*.

Maksudnya sudah tamat. Bukankah ini pengumuman bahawa MH370 sudah hilang? Sebenarnya beberapa jam pengumuman itu, daripada pengurusan MAS telah menghantar satu mesej yang menyatakan mereka kesal dengan izin, "*Deeply we regret that we have to assume beyond any reasonable doubt that MH370 has been lost and none survive*". Maksudnya pengumuman ini telah berlaku beberapa kali.

Saya ingin dapat penjelasan, apa maksudnya kalau pada hujung tahun ini kerajaan buat sekali lagi MH370 hilang? Adakah ini bermaksud kita akan hentikan segala usaha mencari dan menyelamatkan? Kalau itu adalah implikasinya, harus menyampaikan secara jelas dari kerajaan dan bukan dari MAS kepada keluarga-keluarga dan kepada orang awam.

Saya juga dari sini saya ingin dapat penjelasan dan satu kronologi dari kerajaan, usaha-usaha yang telah dilakukan terhadap usaha mencari dan menyelamatkan dan kos yang kita telah terpaksa bayar. Selepas katakanlah kita telah *conclude* telah hentikan segala usaha, apa tindakan selanjutnya? Adakah kita hanya akan sibuk untuk bayar pampasan? Apakah pendirian kerajaan dalam perkara ini jika melibatkan kes mahkamah? Adakah kita pergi ke mahkamah untuk cuba *argue* dan menekan supaya penumpang ini dapat pampasan yang paling minimum untuk menjaga kepentingan kewangan kita? Atau kita ambil satu sikap yang bersifat berperikemanusiaan?

Lebih penting ialah apakah pengajaran yang kita boleh belajar? Sehingga sekarang kita belum tahu lagi kenapa radar dan satelit Malaysia dan jiran-jiran kita sampai sekarang tidak dapat mengintip dan mengesan arah tuju MH370. Adakah SOP kita harus dikaji semula supaya meningkatkan keselamatan?

Juga, kerajaan pernah janji bahawa satu *Royal Commission* akan ditubuhkan setelah *black box* dapat dikesan dan dicari. Sekarang kalau kita umumkan hilang tanpa mendapat *black box*, adakah ini juga satu pengumuman bahawa tidak ada *Royal Commission*? Kalau ada *Royal Commission*, saya ingin tahu sampai bila kerajaan akan menunggu supaya untuk mendapatkan satu masa yang sesuai untuk meneruskan siasatan ini?

Berkaitan juga dengan kehilangan ialah MH17, satu lagi tragedi. Saya ingin tahu kenapa ada dua set siasatan yang berbeza? Ini kerana dalam kes MH370, kita telah menyatakan itu adalah hak Malaysia. Oleh itu, kita *lead*, kita mengetuai siasatan. Akan tetapi dalam kes ini, kita serahkan kepada pihak Belanda untuk menyiasat. Saya bukan kata kita tolak, hanya kita ingin tahu sama ada pertimbangan ini dilakukan atas apa syarat, apakah sebab-sebab? Kita ingin tahu dan dapat penjelasan daripada kerajaan.

Saya lebih *concern* terhadap isu akhir sekali, siapa bertanggungjawab atas pembunuhan beramai-ramai dan tindakan *terrorism* ini? Kerajaan Malaysia telah menghantar satu pasukan yang besar dalam siasatan ini dan secara amnya negara-negara barat menuding jari kepada pihak Rusia dan pihak pasukan pemberontak di Ukraine yang bertanggungjawab. Akan tetapi Kerajaan Malaysia sehingga sekarang, saya belum dapat apa-apa pendirian sama ada kita akan ikut negara-negara Barat untuk melakukan pemuluan dan *condemnation*, juga mungkin termasuk membawa ke Mahkamah Dunia terhadap pembunuh ini. Atau dengan hubungan baik

kita, kita seolah-olahnya ada *channel* yang lain, kita dapat *black box* daripada pihak pemberontak dengan saluran yang istimewa. Adakah kita ada pendirian yang berbeza? Adakah kita mempunyai akses maklumat yang boleh memberi kita satu kesimpulan yang lebih objektif, tidak dipermainkan oleh kuasa-kuasa besar di dunia?

Saya juga ingin tanya sama ada pasukan penyiasat dari Malaysia ini akan memberi kita satu laporan yang berbeza atau persendirian kepada sama ada Parlimen kita atau Kerajaan Malaysia?

Dalam perkara ini, saya juga ingin tahu kenapa *black box* yang kita dapat susah payah daripada pihak pemberontak tetapi kita serah kepada pihak British untuk membuat analisa? Adakah kita tidak mempunyai teknologi yang cukup untuk membaca data-data daripada *black box* ini? Kalau itu masalahnya, saya cadangkan supaya kita menaiktarafkan teknologi kita supaya kita boleh baca *black box* kita sendiri.

Saya ingin alih kepada...

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:
[Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Lumut bangun Yang Berhormat tetapi masa Yang Berhormat pun sudah habis.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Sedikit.

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Batu, ada ura-ura Kerajaan Malaysia hendak membawa balik bangkai kapal terbang MH17. Apakah pandangan Yang Berhormat Batu sama ada ia merupakan usaha yang munasabah atau sebaliknya? Oleh sebab kita tidak tahu tujuan dibawa balik sedangkan kita hantar penyiasat pun ke Donestk, siapakah hendak iktiraf penjelasan kita? Oleh sebab kita tidak dilantik untuk menjadi *team* penyiasat. Terima kasih.

■1820

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Saya agak kalau secara prinsipnya, bangkai itu adalah hak negara kita sama ada sekarang atau akhirnya kita kembali ke Malaysia, itu adalah hak kita atau kita tinggalkan bangkai itu di sana. Itu adalah keputusan yang harus dibuat oleh Kerajaan Malaysia. Akan tetapi, sehingga sekarang saya memang tidak dapat nampak ada satu pendirian yang jelas. Saya ingin alih dengan ringkas kepada P.28 Butiran 40000 iaitu isu menaik taraf lapangan kapal terbang.

Saya dan Yang Berhormat Lembah Pantai pada tahun 2012, Julai telah membawa isu bahawa kita perlu satu penyiasatan terhadap insiden sistem radar di Subang itu *break down* selama dua jam pada September 2012.

Pemangku Menteri Pengangkutan yang dahulu telah menyatakan bahawa audit telah dibuat. Sehingga sekarang kita tidak dapati apakah keputusan audit, apakah yang menjadikan radar ini yang *break down* ini dan juga KLIA2, ICAO. Telah dikatakan ICAO telah membuat satu audit keselamatan kepada KLIA2. Saya ingin tanya sama ada kerajaan akan mendedahkan atau mengumumkan keputusan audit ini? Akhir sekali dalam..

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, ringkas.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Sekejap, satu jam, eh satu minit sahaja. [Ketawa] 081100 – Institut Hal Ehwal Maritim (MIMA).

Saya nampak penurunan bajet untuk MIMA dari RM4.5 juta kepada RM3.8 juta. Saya ingin tanya dalam keadaan senario geopolitik di Laut China Selatan sekarang dengan Sabah, ESSCOM, dengan pelbagai *claim* di *Spratly Island* dan lain-lain lagi.

Sepatutnya, institusi seperti MIMA ini dimanfaatkan dengan pelbagai *research* yang membolehkan kita meletakkan posisi yang lebih *inform*, lebih strategik. Akan tetapi kerana pengurangan bajet, kita nampak seolah-olah kita tidak ada perancangan jangka panjang. Kita hanya *react midget reaction*, dengan izin terhadap dengan pembentukan ESSCOM pun, kita tidak menggunakan hasil daripada penyelidikan daripada MIMA. Saya ingin kerajaan mengambil perhatian dengan cara ini tidak membantu untuk meningkatkan keselamatan daerah. Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Limbang.

6.23 ptg.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Pengerusi. Saya ingin hendak menyentuh perkara pengangkutan darat iaitu 060500 – Penguatkuasaan Undang-undang.

Pertamanya saya ingin hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri ialah apakah tindakan JPJ khususnya tentang berkaitan dengan van-van sapu, kereta-kereta sapu di seluruh negeri Sarawak? Oleh sebab saya banyak menerima aduan daripada pengusaha-pengusaha teksi, bas dan sebagainya bahawa kegiatan ini sama ada sama atau makin berleluasa, saya tidak pasti tetapi itulah aduan yang saya terima. Jadi saya mintalah penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri tentang apa yang telah dibuat oleh JPJ untuk mengatasi masalah ini.

Keduanya ialah tentang berkaitan di kawasan Limbang iaitu pada masa ini di bawah Perjanjian BIMP-EAGA di mana apa-apa juga kalau kenderaan darat yang hendak berniaga di dalam kawasan negara kita, mereka mestilah mengikut undang-undang dalam negara kita. Kalau di Sarawak, kalau daripada negara jiran mestilah ada kelulusan LPKP untuk mereka berniaga seperti mengangkat batu dan sebagainya di dalam kawasan kita.

Jadi untuk makluman Yang Berhormat Menteri, kalau negara jiran yang berdekatan dengan Limbang itu, mereka mempunyai akta timbang yang berbeza dengan kita di mana lori-lori mereka memang jenis besar-besar. Pada masa ini saya difahamkan iaitu pengusaha-pengusaha daripada orang Malaysia di negara jiran tersebut dengan menggunakan lori-lori yang besar-besar ini di bawah plat negara jiran, masuk ke Limbang untuk mengambil batu.

Jadi disebabkan oleh saiz-saiz mereka ini tidak sama dengan kita, maka banyak daripada mereka yang lori yang besar-besar ini tidak mendapat kelulusan LPKP. Akan tetapi saya mendapat aduan mereka masuk juga ke Limbang. Masuk juga tanpa ada kelulusan daripada LPKP yakni untuk berniaga di Limbang.

Jadi saya ingin hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, apa yang telah dibuat sebab kalau lori-lori yang bukan dilesenkan oleh LPKP, pihak LPKP tidak akan dapat bertindak di luar bidangnya. Akan tetapi JPJ ataupun agensi penguasa lain boleh bertindak. Jadi saya mintalah sebab aduan daripada orang awam bahawa lori besar-besar ini mereka mengangkut batu begitu berat sekali sebab sudahlah saiz lori besar tetapi ada *camel back* lagi. Jadi kita boleh bayangkanlah ia begitu berat.

Satu perkara lagi ialah tentang *weighbridge* sebab saya hairan bagaimana kita hendak mengetahui perkara ini mesti adanya *weighbridge*. Dahulu kementerianlah dahulu ada mengatakan tiap-tiap stesen akan dibekalkan dengan *portable weighbridge*. Jadi pernah dahulu saya minta, apa cerita dengan *weighbridge* ini? Satu, saya difahamkan juga ia mestilah *dicalibrate* tiap-tiap enam bulan. Tetapi *calibration* mesti dibuat dihantar balik ke Semenanjung ini.

Jadi itu sudah memakan masa tiga bulan. Jadi ertinya dalam tiap-tiap enam bulan itu hanya tiga bulan sahaja beroperasi. Saya dahulu pernah menyarankan kalau untuk membuat *calibration portable weighbridge* supaya penguatkuasaan lebih berkesan, *why not di Sabah satu, di Sarawak satu untuk calibration weighbridge-weighbridge* ini. Jadi dapatlah *weighbridge* itu sentiasa di kawasan untuk digunakan untuk menimbang lori-lori yang berat-berat ini supaya jalan-jalan kita akan dapat bertahan lama, *life span* jalan akan tahan lama dan juga untuk keselamatan pengguna-pengguna jalan raya yang lain.

Jadi kita minta supaya penguatkuasaan ini dijalankan untuk memastikan lori-lori berat ini tidak beroperasi sewenang-wenangnya di atas jalan-jalan raya kita. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bachok.

6.28 ptg.

Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]: *Bismillahi Rahmani Rahim*. Terima kasih Datuk Seri Dr. Pengerusi. Saya ingin menyinggung beberapa butiran 060500, 060300, 00900 dan 01600, begitu juga 050200. Dalam usaha mencapai objektif meningkatkan tahap keselamatan jalan raya melalui kawal selia kenderaan bermotor, pemandu dan pengguna jalan raya, saya memohon pihak kerajaan menyatakan jumlah kes kecederaan, jenis kecederaan dan kematian akibat kemalangan jalan raya yang melibatkan kes mangsa yang dilanggar oleh pemandu yang tiada lesen memandu, tiada cukai jalan dan kenderaan tiada perlindungan insurans sejak tahun 2000.

Begitu juga apakah langkah kerajaan dalam membela mangsa-mangsa kemalangan ini. Apakah cadangan baru kerajaan dalam meningkatkan keberkesanan operasi dan penguatkuasaan? Adakah kerajaan tidak bercadang memasukkan peruntukan dalam Bajet 2015, bayaran pampasan segera kepada mangsa-mangsa kemalangan jenis ini.

Begitu juga berapakah anggaran jumlah pemandu yang tidak berlesen. Jumlah kenderaan yang tiada cukai jalan dan kenderaan yang tiada perlindungan insurans.

Saya gesa pihak kerajaan bertanggungjawab akibat kecuaiian yang dilakukan oleh pihak kerajaan dalam membela mangsa-mangsa kemalangan ini.

■1830

Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada muka surat 382 buku Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2015. Tahun 2013 dinyatakan jumlah pemeriksaan pusat PUSPAKOM hampir RM3 juta. Anggaran 2015 RM3.3 juta tetapi pada tahun 2014 dilaporkan jumlah pemeriksaan PUSPAKOM hanyalah 93. Mohon pihak kerajaan memberi penjelasan tentang angka-angka ini.

Begitu juga saya ingin menyentuh tentang peruntukan untuk pembinaan jalan kereta api. Saya merujuk kepada sejarah. Pernah satu ketika dahulu di negeri Kelantan ini pada tahun 1900 pegawai polis British yang bernama R.W. Duff menandatangani perjanjian dengan pihak berkuasa Kelantan bagi memperoleh konsesi yang meliputi separuh daripada keluasan negeri Kelantan. Selain daripada tugas memburu pejuang-pejuang kemerdekaan, penjajah Duff juga berusaha menjarah hasil bumi Kelantan atas nama pembangunan terutamanya hasil emas dan pembukaan ladang getah di kawasan hulu Kelantan. Saya ingin memperingatkan kerajaan bahawa rakyat negeri Kelantan setelah melalui sejarah sedemikian tidak akan mudah tertipu dengan sebarang peruntukan atas nama pembangunan terutama daripada kerajaan yang banyak menafikan hak untuk rakyat negeri Kelantan.

Jumlah RM150 juta bagi menaik taraf landasan kereta api dari Gemas ke Tumpat perlu diperjelaskan. Apakah jaminan kerajaan bahawa sebarang kontrak perjanjian perniagaan tidak menggadaikan kepentingan rakyat dan mempunyai motif yang tidak baik? Apakah juga jaminan kerajaan bahawa usaha menaik taraf landasan kereta api ini akan merosakkan ekosistem yang ada dan kepakaran dan bahan-bahan binaan yang diguna pakai mengutamakan sumber tempatan atau atas dasar ketamakan ianya sengaja diabaikan bagi mencapai keuntungan maksimum?

Begitu juga saya ingin menyentuh tentang pengangkutan udara. Kita dilanda dengan dua tragedi yang belum lagi kita lupa dan sepatutnya pihak kerajaan melihat perkara ini dengan suasana dan cara yang lebih holistik. Saya ingin memetik sepotong ayat al-Quran. Allah SWT menyebut *[Membaca ayat al-Quran] "Tidaklah kamu melihat kepada burung-burung yang berterbangan di angkasa yang membuka dan mengempiskan sayapnya. Siapakah yang boleh memegang ianya daripada jatuh kecuali Allah yang bersifat dengan maha pemurah"*.

Saya ingin kaitkan dengan apa yang pernah saya menerima jawapan daripada pihak Kementerian Pengangkutan bahawa pakaian pramugari yang bertugas dalam kapal terbang ini sudah dibenarkan untuk berpakaian menutup aurat. Namun yang mendukacitakan apabila saya mencadangkan kepada pihak kementerian supaya menghapuskan minuman beralkohol dalam penerbangan antarabangsa MAS, jawapan yang saya terima dikatakan bahawa kita meraikan kepada kepelbagaian pelanggan dan kehendak pelanggan antarabangsa.

Kalaulah ini sebagai hujahnya, maka apa akan jadi kepada orang yang duduk di sebelah penumpang yang minum minuman keras yang akhirnya mabuk dan mengganggu penumpang sebelah yang tidak minum minuman keras. Saya juga ingin bertanya kepada kerajaan berapakah kes yang melibatkan kejadian mabuk dalam kapal terbang yang akhirnya

mengganggu petugas-petugas di dalam kapal terbang, pramugari ini kerana sebagaimana didakwa ada kes-kes yang berlaku seperti itu.

Saya ingin menambah lagi. Kita bukan hendak menafikan privasi penumpang-penumpang *non Muslim* yang menaiki pesawat-pesawat antarabangsa ini. Akan tetapi kalaulah privasi mereka diutamakan, bagaimana pula dengan privasi kita? Begitu juga dengan peringatan yang disebut dalam hadis Nabi SAW. Ada 10 golongan yang akan dilaknat oleh Allah SWT yang berkaitan dengan arak ini, minuman keras ini. Termasuklah orang yang membawanya, yang menghidangkannya walaupun dia tidak minum. Jadi, ramai di kalangan kakitangan pesawat itu terdiri daripada orang Islam. Sepatutnya ini menjadi keutamaan.

Dalam suasana sebuah kapal terbang itu terbang di angkasa, ia mengharapkan untuk tidak jatuh melainkan dengan kuasa Allah. Maka sudah tentu mesti menjauhi perkara-perkara yang menjadi tegahan dalam agama yang dikira sebagai dosa besar yang sampai ke tahap disebut dalam hadis Nabi SAW dilaknat golongan-golongan, 10 golongan yang saya nyatakan sebahagiannya tadi. Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya Yang Berhormat Labuan.

6.35 ptg.

Tuan Rozman bin Isli [Labuan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Butiran B.28 09900 dilihat ada dalam RM46,850,000 untuk 2015. Pada tahun lepas dan juga di tahun ini saya ada mengutarakan soalan lisan mengenai keperluan untuk membina terminal kargo di Lapangan Terbang Labuan. Untuk soalan pada tahun ini jawapannya adalah positif yang mengatakan bahawa memang kita perlu membina kargo terminal di Lapangan Terbang Labuan dan cuma tinggal menunggu kelulusan bajet daripada APU.

Jadi, soalan saya adakah kita dapat bajet itu daripada APU untuk 2015 ini sebab ia memang satu keperluan. Saya tidak perlu cerita panjang tetapi memang sudah diketahui dan saya pun ada mengatakan beberapa kali di perbahasan yang sebelum ini. Logistik ini memanglah industri utama Labuan sehinggalah Labuan semasa dia masih belum dibangunkan beratus-ratus tahun dahulu pun namanya sudah Labuan iaitu tempat kapal berlabuh.

Pada masa ini pelabuhan Labuan memang sudah *congested* dan beberapa belas tahun yang lepas sebenarnya peruntukan telah diluluskan untuk menimbus guna tanah di satu kawasan yang untuk dibangunkan atau pun dibina *Labuan Integrated Port* tetapi disebabkan oleh permintaan *probably* belum tinggi pada waktu itu, maka kawasan yang ditimbus itu telah pun pada masa ini digunakan untuk tujuan lain iaitu untuk kawasan-kawasan perindustrian, *fabrications* dan sebagainya untuk minyak dan gas dan juga difahamkan kelulusan sudah pun diberi lagi untuk *Ministry of Transport* (MOT) menimbus guna lagi di satu kawasan di sebelah yang sudah ditimbus dahulu itu.

Jadi, adakah bajet sudah diperuntukkan untuk penimbunan dimulakan secepat mungkin. Kalau sekiranya belum bila untuk kita dapat penimbunan itu atau pun adakah kita perlu membuat *private fund initiative* punya pembiayaan untuk membuat *port* yang baru yang mana memang

sangat diperlukan. Di Labuan kita memang mempunyai *volume* yang begitu besar saya difahamkan. Malah, kalau dicampurkan semua dermaga yang ada di Labuan, Labuan Liberty Port, Petronas, Labuan Shipyard, Asian Supply Base dan kesemuanya mempunyai jeti-jeti tersendiri dan semuanya pada masa ini mempunyai transaksi aktiviti pelabuhan yang begitu besar kalau dicampurkan dan tidak ada *port authority* yang mengawal atau pun menjadi *regulator*.

Jadi, saya ingin bertanya bolehkah kita adakah *port authority* ini secepat mungkin dan Labuan mencadangkan supaya *port authority* ini diadakan dan ditubuhkan di bawah Perbadanan Labuan sebagai Kerajaan Tempatan atau pun Kerajaan Wilayah Labuan supaya aktiviti pelabuhan dapat dikawal termasuklah dari segi kawalan caj atau pun *fees* yang dikenakan kepada pengguna-pengguna pelabuhan.

■1840

Satu lagi untuk Butiran 60000 iaitu NKRA 4 - Pengangkutan Awam Bandar yang diperuntukkan RM98 juta. Labuan sebagai sebuah pulau yang kecil dengan pendaftaran tahunan kenderaan baru melebihi 5,000 setahun *for the past few years*, dengan izin, telah menjadikan pulau kecil ini menjadi begitu sesak semasa *peak time*. Jadi sebelum ia terlambat ataupun sebelum ia menjadi lebih susah, kami lihat sistem pengangkutan awam yang baik dan teratur perlu dirancang dan dibuat.

Saya ingin bertanya, adakah MOT bersedia untuk memperuntukkan bajet untuk membolehkan sistem pengangkutan awam yang lebih baik di Labuan supaya orang Labuan, walaupun keretanya murah di sana daripada kawasan lain, tidak perlu sangat *drive* kereta ke bandar dan kita mula menggunakan pengangkutan awam seperti yang lumrah di negara-negara yang membangun, memandangkan kita juga akan menjadi negara yang membangun tidak lama lagi.

Selain daripada itu, ada lagi satu. Di Labuan ini juga dilaporkan disebabkan Labuan dahulu adalah di bawah wilayah Sabah dan sekarang telah ditadbir di bawah Kerajaan Persekutuan, maka berlaku juga sebenarnya *overlapping* ataupun *misruling authority* di laut di mana di Labuan sekarang ini kita di bawah Jabatan Laut Semenanjung Malaysia walaupun kita berada di perairan Sabah dan Sarawak. Jadi, saya lihat ini adalah satu isu yang perlu dilihat dan diselaraskan.

Begitu juga dengan apa yang telah berlaku baru-baru ini di mana feri yang bertolak dari Labuan yang telah diberikan kelulusan oleh Jabatan Laut Persekutuan tetapi tidak berjaya ataupun tidak dibenarkan untuk mendarat di Sabah disebabkan tidak mendapat kelulusan daripada autoriti Sabah. Saya harap perkara-perkara begini kita dapat kita dihalusi supaya di masa hadapan ia tidak akan menyusahkan rakyat.

Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak boleh panggil semualah, Yang Berhormat ya. Kita akan berhenti, minta Menteri jawab sebelum pukul 7.30 malam nanti.

Sekarang ini saya hendak panggil Yang Berhormat Kota Kinabalu. Akan tetapi saya ingatkan Yang Berhormat Kota Kinabalu, batu dan sumpah tidak masuk ini, Yang Berhormat ya.

6.44 ptg.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya ingin menyentuh perkara mengenai pengangkutan laut Sabah di bawah Maksud P.28, Butiran 030000. Sudah tentu kita mengambil maklum bahawa dasar kabotaj polisi telah dikutuk oleh seluruh masyarakat perdagangan Sabah termasuk wakil dari Barisan Nasional Sabah. Ia telah dianggap sebagai faktor yang menyebabkan harga barangan di Sabah lebih tinggi berbanding dengan Semenanjung Malaysia... *[Disampuk]* Orang gila memang orang tidak mahu tahulah. Saya memang tahu ia bukan faktor yang satu-satunya mengakibatkan harga barangan yang tinggi dan persaingan yang kurang upaya kita di rantau Asia Tenggara. Terdapat juga banyak faktor yang lain seperti infrastruktur yang ketinggalan dan kekurangan sumber manusia yang mahir.

Walau bagaimanapun, seperti yang disebut dalam Pelan Koridor Pembangunan Sabah atau *Sabah Development Corridor Plan*, *shipping cost* ataupun kos perkapalan adalah salah satu faktor yang penting mengakibatkan sektor industri kita tidak maju. Ini termasuk juga *low cost shipping handling charge* yang dikutip terlalu tinggi, prestasi **TEO** di pelabuhan kita adalah kurang memuaskan hati dan juga sistem sentralisasi yang tertumpu di pembangunan Pelabuhan Klang telah menyebabkan Sabah kurang berupaya bersaing dengan Pelabuhan Klang, malahan juga pelabuhan antarabangsa.

Untuk mengatasi masalah dan serta cabaran tersebut, *Sabah Development Corridor Plan* telah menggariskan beberapa cadangan, dan izinkan saya membacanya iaitu:

- (i) *Cycle time reduction for port processes at federal, state and local authority;*
- (ii) *progressive liberalization of the Cabotage Policy for market forces to determine best shipping tariffs;*
- (iii) *review a port handling charges to make Sabah port competitive in the region; and*
- (iv) *review of haulage charges with association of haulage operators to eliminate non-competitive pricing;*

Tuan Pengerusi, apa yang tadi saya baca telah dicadangkan oleh Unit SDC dan kerajaan negeri adalah betul. Akan tetapi, mengapa seperti *low cost shipping handling charges* sampai kini masih tidak dikaji semula, malah dinaikkan dan menyebabkan kesusahan pekapal di Sabah? Nilai di belakang cadangan itu adalah *liberalization* atau kebebasan berniaga. Jika kerajaan betul-betul prihatin untuk membantu pasaran Sabah dan memelihara kepentingan rakyat Sabah, bukan main wayang tetapi berniat membuat sesuatu, **kepayahan** dan kesusahan pengangkutan laut Sabah dengan mengembalikan, desentralisasikan hak pelabuhan Sabah kepada Kerajaan Sabah.

Tuan Pengerusi, kita tahu oleh sebab sektor pembuatan di Sabah masih jauh ketinggalan dan amat berkurangan, maka *volume* eksport kita tentu tidak banyak berbanding dengan Pelabuhan Klang. Tambahan pula, banyak kos yang **mengehadkan** pelabuhan Sabah. Kapal asing memilih tidak berhenti di pelabuhan Sabah dan terus pergi ke Klang. Ini saya mesti faham. Akan tetapi Tuan Pengerusi, sampai ke Klang, barang yang dihantar ke Klang itu adalah dikendalikan dan diurus oleh beberapa syarikat yang tertentu dan caj-caj mereka adalah lebih tinggi yang tentu akan menyebabkan harga barangan di Sabah yang lebih tinggi. **...** yang memelihara kepentingan syarikat tertentu ini adalah masalah yang paling asas kita hadapi.

Oleh yang demikian Tuan Pengerusi, saya ingin tahu apakah pandangan kerajaan untuk menghadapi masalah-masalah tersebut. Adakah Kerajaan Persekutuan bersetuju dengan cadangan SDC itu? Saya berpendapat bahawa tanpa liberalisasi seluruh pengangkutan laut negara dan liberalisasi kuasa kepada Sabah untuk bersaing dengan adil, maka ia tentu tidak akan berjaya. *[Disampuk]*

■1850

Tuan Pengerusi, beri mereka ketawa dahulu. Selain itu, saya juga ingin mencadangkan kerajaan membangunkan Port Klang— Eh! Port Klang pula. *[Ketawa]* Port Sabah, Port Sabah. *[Disampuk]* Bukan Port Klang. Itu terlampau membangun sudah. Port Sabah, khususnya Port Sepanggar, menjadikan satu hab perkapalan antarabangsa yang bebas dan juga diberi tahap dan peluang...

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: *[Bangun]*

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: ...yang sama rata seperti yang dinikmati oleh Pelabuhan Klang. Untuk mencapai matlamat tersebut, saya menyeru kerajaan melaksanakan projek mendalamkan laut pelabuhan-pelabuhan di Sabah termasuk Sepanggar, Sandakan dan Tawau, kalau boleh pilihlah juga.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Beluran tidak ada *port* Yang Berhormat.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Okey, terima kasih. Ada cadang juga. *[Dewan riuh]* Saya diberitahu bahawa ada projek tersebut telah dilancarkan tetapi ia tidak konsisten. Oleh kerana peruntukan yang berkurangan, ia tidak berapa membantu menaik taraf kemudahan, perubahan pelabuhan tersebut untuk menangani perhentian kapal besar. Saya minta kerajaan menjelaskan rancangan kerajaan terhadap projek ini dan adakah kerajaan bersedia menaik taraf pelabuhan Sabah? Saya yakin bahawa Yang Berhormat Menteri yang baharu sahaja melawat ke Sabah telah sedia maklum isu ini. Cadangan ini telah pun juga disokong oleh pembantu Menteri Jabatan Ketua Menteri Sabah. Saya ingin mengingatkan, Menteri bukan sahaja berjalan-jalan dan buat buaian di Sabah tetapi... *[Disampuk]* ...dengar. Ya, goyang.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tidak patuh peraturan mesyuarat. Apa...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, ya.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Akan tetapi harus menunjukkan MCA...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Peraturan mesyuarat ini.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Menteri, banyak monyetlah.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Banyak monyetlah. Akan tetapi haruslah menunjukkan...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Minta...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak apalah Yang Berhormat.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Akan tetapi harus menunjukkan MCA...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, pasal Yang Berhormat Kuala Langat dia diam hari ini.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: ...MCA yang begitu...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Baling yang ada masalah... [*Dewan riuh*]

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Tidak apa, jangan kacau. MCA yang begitu berhasrat untuk masuk Kabinet memang boleh membuat sesuatu yang memanfaatkan rakyat, khususnya rakyat Sabah. Jika kerajaan boleh melaburkan begitu banyak wang untuk membangunkan Pelabuhan Klang sebagai *port* antarabangsa, dalam masa 30 tahun, kenapa tidak memberikan peluang yang sama rata kepada *Port Sabah*.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, boleh gulung Yang Berhormat.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Walaupun *Port Sabah* kini masih jauh ketinggalan tetapi mempunyai potensi yang paling tinggi Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, masa habis Yang Berhormat. Habiskan.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Saya yakin— belum lagi itu.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Habiskan. [*Ketawa*]

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Jika kerajaan berhasrat membangunkan *Port Sabah* dan memperuntukkan peruntukan yang besar untuk pembangunan ini dalam jangka masa yang panjang, ia tentu akan secara keseluruhan membantu industri dan pembangunan Sabah. Sabah mempunyai sumber asli yang kaya dan mempunyai lokasi yang strategik, terletak di tengah Asia Tenggara. Kita lebih dekat kepada negara berbanding seperti China, Hong Kong, Jepun, Korea, Filipina dan sebagainya. Jika pelabuhan kita dibangunkan, ia bukan sahaja kebaikan orang Sabah, ia akan membantu seluruh rantau Malaysia!

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Huh! Dahsyat.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Saya harap kementerian akan mengambil sikap yang serius terhadap isu yang telah saya bangkitkan. Tuan Pengerusi, selain daripada itu— sedikit lagi ya. Ini poin penting.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Masa habis Yang Berhormat.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Selain daripada itu, isu itu, saya juga ingin menyentuh sedikit mengenai pengangkutan udara Sabah. Saya merujuk kepada KPA, Kepala P.28 di bawah Butiran 09900 - Pembangunan Lapangan Terbang Labuan/Kota Kinabalu, yang mendapat peruntukan sebanyak RM46 juta. Saya tidak panjangkan isu ini. Saya ingin mendapat tahu apakah rancangan kerajaan untuk memindahkan AirAsia dari Terminal 2 di Tanjung Aru ke Terminal 1? Kedua, kenapa keputusan perpindahan itu telah dibuat dengan berpisah. Apakah rancangan kerajaan mengendalikan bangunan Terminal 2 selepas perpindahan AirAsia? Seperti yang dimaklumkan dalam Laporan PAC, sebab-sebab AirAsia enggan berpindah ke Terminal 1 adalah kos pengurusan yang lebih tinggi dan juga pembinaan dua *taxi Mike* dan *taxi Charlie* serta *radar landing instrument system* itu belum lagi dipasang. Saya ingin tahu apakah status tersebut?

Di samping itu, jika semua pelancong dan pesawat tertumpu di Terminal 1 sahaja, maka tempat itu akan menjadi sangat sesak dengan tambahan sebanyak 4 juta pengguna. Saya ingin tahu apakah rancangan kerajaan untuk mengatasi masalah trafik di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu. Saya ingin mengingatkan bahawa lapangan-lapangan terbang kita tidak semacam KLIA yang mempunyai...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: ...liputan pengangkutan awam yang mudah dan senang...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Masa habis Yang Berhormat.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Satu minit lagi. Dan senang seperti bas dan ERL *train*. Akan tetapi perkhidmatan bas di KKIA hanya dibekalkan satu jam satu bas. Ini tentu tidak efisien dan menyebabkan kebanyakan pengguna terpaksa menggunakan kereta. Kalau tidak ada pengangkutan awam yang mudah dan efisien, maka sudah tentu jalan di depan KKIA...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: ...yang kini telah pun sangat sibuk tentu akan menjadi lebih sibuk dan sesak. *Havoc!*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, masa habis Yang Berhormat.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Apakah rancangan kerajaan terhadap masalah ini yang akan timbul? Adakah kerajaan bersedia membina pengangkutan awam untuk menggabungkan lapangan terbang dengan bandar raya Kota Kinabalu? Saya harap masalah yang telah saya bangkitkan tadi dijawab dan diberi penjelasan. Tuan Pengerusi, saya sangat sayang, betul-betul sayangi. Sekian, terima kasih. Itu dia.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pengerang.

6.58 ptg.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Terima kasih Timbalan Speaker Yang Berhormat Datuk Dr. Saya merujuk pada Butiran 020000 – Pengangkutan Laut Semenanjung, 081100 – Institut Hal Ehwal Maritim (MIMA), 090000 – Dasar Baru. Ini berkenaan dengan dasar, berkenaan dengan pengangkutan laut. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, kalau kita tengok negara kita, kita tidak boleh lari daripada pentingnya lautan dalam aspek pengangkutan. Kalau kita tengok sendiri, saya di kawasan Pengerang sebagai contoh, yang mana kita berhadapan cabaran dari Indonesia melalui Batam dan juga Singapura. Saya selalu menimbulkan soalan dalam Parlimen berkenaan dengan pendatang asing melalui kapal-kapal ataupun bot-bot haram yang berlaku, yang selalu kita menimbulkan isu berkenaan dengan agensi maritim.

Jadi, saya memohon kepada Yang Berhormat Menteri jika boleh untuk melihat, kalaulah dalam aspek pengangkutan jalan kita ada badan penguat kuasa iaitu penguat kuasa daripada JPJ, kenapa dalam agensi maritim ini mesti di bawah Jabatan Perdana Menteri, ia tidak di bawah Kementerian Pengangkutan. Sepatutnya dalam perkara ini, bila kita tengok kepada belanjawan berkenaan dengan contohnya, 081100 – Institut Hal Ehwal Maritim, sebagai contoh. Banyak perkara yang ditimbulkan dalam Kementerian Pengangkutan dalam aspek pengangkutan laut ini...

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: *[Bangun]*

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: ...menimbulkan tentang perbelanjaan yang melihat tentang perkembangannya isu-isu berkenaan dengan hal ehwal pengangkutan laut yang mana bagi saya penguat kuasa ini perlu dibawa balik di bawah Kementerian Pengangkutan.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Petaling Jaya Utara bangun.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Silakan.

■1900

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Saya ingin mendapat pandangan daripada Yang Berhormat tadi sebab saya tertarik dengan permintaan supaya tugas-tugas pengangkutan awam, *maritime* semua dibawa balik kepada Kementerian Pengangkutan. Akan tetapi adakah sebab semua ini yang penting kereta api, pengangkutan awam, *maritime*, semua ini ada di bawah di Jabatan Perdana Menteri kerana dalam sistem Barisan Nasional kuasa Menteri MCA perlu dikesilkan supaya dijaga kapal terbang dan kapal biasa sahaja. *[Disampuk]* Yang lain semua kena bagi kepada Jabatan Perdana Menteri. Adakah itu menjadi faktor sebab perkara itu berlaku.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Terima kasih Yang Berhormat Petaling Jaya Utara. Saya rasa mungkin Yang Berhormat Petaling Jaya Utara tanya soalan ini sebab itu mungkin dasar Pakatan Rakyat ya. Akan tetapi di dalam Barisan Nasional apa yang berlaku yang mana saya kata itu adalah keputusan kerajaan. Soalan saya ini lebih kepada aspek

penguat kuasa di mana penguatkuasaan kalau dalam aspek undang-undang laut adalah lebih efektif jikalau penguat kuasa itu di bawah bidang kuasa Kementerian Pengangkutan.

Maksudnya, daripada dikeluarkan daripada kementerian dalam agensi yang lain. Yang mana kalau kita tengok dari segi perbelanjaan, ini perlu diadakan di bawah bumbung yang sama kerana cabaran-cabaran yang kita lihat dalam aspek industri laut sebagai contohnya, cabaran yang lebih berkembang. Saya hendak menimbulkan perkara yang kedua iaitu dalam program yang ketujuh iaitu keselamatan jalan raya tentang apa yang disebut di dalam Butiran 070000, Butiran 070100 dan Butiran 080900. Saya hendak merujuk kepada perkara ini pada Yang Berhormat Menteri tentang kempen multimedia dalam keselamatan jalan raya.

Saya hendak tanya pada Yang Berhormat Menteri, kalau kita tengok kepada penyebab kemalangan atau kematian jalan raya, kita tahu kalau kita hendak tunjuk bukti orang mengambil dadah kita boleh membuat ujian dadah. Kalau kita hendak menunjuk bukti tentang mereka yang mabuk kita boleh buat ujian minuman alkohol. Jadi soalan saya, bagaimana sekarang dengan cabarannya, cabaran *handphone telco handphone*, yang mana kalau kita tengok di serata dunia terdapatnya bukti bahawa kemalangan boleh berlaku kerana kecuaiannya pemandu yang begitu asyik hendak menjawab mesej SMS atau *WhatsApp* ataupun dia hendak tengok *Instagram* bila dia hendak bawa kereta kah, hendak bawa bas, hendak bawa lori, sebagai contoh.

Jadi, macam mana kita hendak tengok boleh kita mengatakan bahawa kalau keselamatan jalan raya diganggu sebab oleh teknologi yang baru ini macam mana bila berlakunya kematian dan pelanggaran itu kita hendak membuktikan. Oleh sebab itu saya kata kalau dadah dengan arak itu kita mungkin ada bukti yang kukuh tetapi dari segi keselamatan dalam aspek cabaran berlakunya disebabkan oleh kecanggihan teknologi. Itu sebabnya bagi saya kita hendak buktikan ini memang susah, kecuali kita tengok dari segi *breakdown*, dari segi telefon itu mungkin dia dapat SMS masuk bila pelanggaran kah atau di jawab *handphone call* dan sebagainya.

Jadi cadangan saya dalam multimedia, saya tengok daripada anggaran perbelanjaan 2014 itu dengan 2015, penurunan daripada 8.2 kepada 2. Jadi, saya hendak minta pada Yang Berhormat Menteri, untuk menerima hakikat bahawa kempen multimedia ini iaitu *prevention is better than cure* dengan izin, adalah amat penting terutama sekali kepada anak-anak muda. Generasi muda kita yang bawa kereta, kadang-kadang begitu *excited* bila mendapat mesej ataupun katakan bila masuknya *WhatsApp*, sebagaimana *Telegram*, sebagai contoh. Mereka *response* secara *direct* dia hendak jawab kah dia hendak tengok.

Ini boleh menyebabkan kepada kemalangan terbukti, kalau kita tengok di Amerika Syarikat mereka kata kemalangan yang berlaku tahun lepas 1.6 juta ada kaitannya dengan kata orang dalam bahasa orang putih itu ialah *phone related accidents*. Maknanya dia *respond* kepada panggilan, *respond* kepada mesej. Jadi di dalam perkara ini saya mintalah kepada Yang Berhormat Menteri kempen multimedia mesti diperbanyakkan untuk mengingatkan generasi muda khususnya tentang bahayanya *respond* kepada mesej, telefon ataupun tengok mesej, *Instagram* masa hendak pandu kereta.

Sama juga kalau dia bawa lori, dia bawa bas, dia ambil *handphone* dan dia baca. Macam mana kita hendak menghalang? Ini boleh menjadi kepada penyebab. Jadi dengan itu saya minta kepada Yang Berhormat Menteri supaya lebih peka di dalam isu ini dan kita tidak boleh kata orang dengan izin *thinking not outside the box* sebab kita tahu multimedia, dengan cabaran baru. Anak-anak muda yang banyak ada lesen, beli kereta dengan anggapan dia sendiri pergi dengan kereta ke kolej dan sebagainya, inilah yang boleh menyebabkan kepada kematian dan pelanggaran itu sahaja. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuala Langat.

7.05 mlm.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terus kepada Butiran 080600 – Subsidi Tren Tidak Ekonomik (KTMB). Sepertimana dalam rujukan Butiran 00900 – Meningkatkan Keupayaan KTM. Tuan Pengerusi, saya melihat daripada permasalahan bangkitan daripada apa yang berlaku dalam KTM. Memohon supaya Menteri campur tangan ataupun disegerakan penyelesaian yang berbangkit apabila sejumlah 41 orang pekerja yang telah pun dibuang kerja dan 27 di *suspended* kan dalam usaha untuk mengetatkan ataupun menekan pihak pekerja dalam protes mereka yang menuju kepada ‘kemeruduman’ pendapatan Kereta Api Tanah Melayu termasuk dengan presidennya sekali iaitu saudara Abdul Razak Md Hassan dan juga Timbalan Presiden R. Subramaniam.

Ini ialah kerana saya melihat bahawa perlu ada kerjasama yang baik di antara pekerja dengan pengurusan dan ini boleh memberikan sedikit mengangkat keuntungan hasil kerjasama yang baik supaya menumpukan atas kejayaan KTM itu sendiri. Sekiranya kita biarkan ia berlalu begitu dikhuatiri kepincangan itu akan memudaratkan organisasi ataupun syarikat KTM yang mana yang menjurus kepada kerugian yang berlaku. Jadi, saya memohon supaya Menteri campur tangan supaya ianya tidak ada sikap pembuangan itu akan mengeruhkan keadaan yang berlaku termasuk pengkerusinya Langkawi untuk ke depan dalam memastikan bahawa 41 orang ini dan yang telah dibuang dan yang telah di *suspended* 27 itu dapat kerja semula. Untuk menyelamatkan pentadbiran urus tadbir yang berlaku di KTMB. Keduanya, saya ingin merujuk kepada Butiran...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Kuala Langat.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Sepang bangun Yang Berhormat.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Ya, Butiran 090300 bersamaan dengan Butiran 050000 – Pengangkutan Udara...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sepang.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Oh! Yang Berhormat Sepang.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Takkan satu...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Dia laju macam kereta api.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Dia kena bagi sebab jiran. Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Kuala Langat. Yang Berhormat Kuala Langat, saya hendak minta sedikit sahaja pertanyaan berkaitan dengan isu pekerja-pekerja KTMB ya. Saya hendak tanyalah bukannya antara tahun 1961 dengan 1963 pernah berlaku satu piket yang berlangsung selama 23 hari yang menyebabkan yang boleh katakan hampir lumpuh KTM itu tetapi tidak ada seorang pun yang dipecat, tidak seorang pun digantung, apa lagi tunjuk sebab.

Kenapakah tiba-tiba di dalam kes ini hanya kerana mereka berpiket yang mana hak itu adalah hak yang dijamin oleh undang-undang, tiba-tiba mereka dikenakan tindakan apatah lagi piket itu berkaitan dengan kerugian KTMB. Jadi saya minta pandangan daripada Yang Berhormat Kuala Langat. Terima kasih.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Saya setuju ketika itu pentadbirannya lebih menjurus kepada untuk memperbaiki, penambahbaikan. Akan tetapi sekarang ini untuk menindas dan menekan pekerja. Jadi, saya setuju dengan pihak ini, bergantung kepada pihak urus tadbir. Keduanya, apabila kita melihat daripada butiran yang saya sebutkan tadi, saya ulangi sekali lagi disebabkan oleh banyak isu yang dibangkitkan atas kerugian MAS yang dimaklumkan akan membuang pekerja yang saya diberitahu ribuan orang Tuan Pengerusi. Yang menjadi kesan, ialah apakah langkah yang diambil oleh Kementerian Pengangkutan untuk menyelamatkan pekerja ini daripada proses pembuangan yang akan mereka lakukan.

Sepertimana saya dimaklumkan awal dulu, begini keadaan kaedah pentadbirannya yang mula dulu, kunci permasalahannya. Pertama, ini sebab kerugian yang punca asalnya itu. Sengaja menggagalkan Audit Keselamatan oleh pihak EASA, hampir menyebabkan semua pesawat MAS tidak boleh terbang di Eropah dengan pembuangan akauntabiliti *management* SVP itu adalah kerja Azhari Dahlan. Kedua, *cut cost*, hingganakan penerbangan antarabangsa dan tidak mengambil kira keselamatan pesawat dan penumpang. Itu pun kerja Azhari juga. Siapa Azhari ini? Ketiganya, Azaharah, ini semua *management*, bertindak sebagai *union*... kerjanya menghasut, dia tidak mahu menyelesaikan masalah perjanjian bersama.

■1910

Yang keempatnya ialah Azhari Dahlan ini juga yang dikatakan CEO, *engineer* MAS ini yang datang dari AirAsia, Azahari Dahlan menghasut para pekerja seterusnya untuk menyertai Syarikat MAE, Malaysia Aerospace Engineering yang membawa kepada kemasukan kakitangan dibawa masuk ke MAS khasnya untuk menggagalkan perniagaan MAS. Ini saya minta Kementerian Pengangkutan menyiasat siapa ini Azahari Dahlan dan termasuk juga Ahmad Johari yang disambung kontraknya. Oleh sebab itu, apabila kita lihat daripada kes pembuangan kerja Presiden NUFAM atas kritik dia pada CEO perlu perbaiki prosedur ataupun sistem pentadbiran – penambahbaikan. Dibuang kerja kerana mengkritik, kata dia, dan tidak menyalahi daripada kod etika kerja. Ini juga harus diberikan siasatan dan kajian semula. Begitu juga dengan *management-management* yang lain yang mengambil pekerja secara *direct* yang dipanggil *crony family*, ini berlaku. Buktinya ialah, satu, **Norazalina Ahmad** dilantik tanpa *interview*, **Dian Jacko**

tanpa *interview*, **Protectman Siguta** juga tanpa *interview*. Ini saya minta menteri supaya siasat benda ini.

Di samping itu juga, Azahari ini juga, polisi minama alat ganti kapal terbang menyebabkan kelewatan masa baik pulih pesawat dari 35 hari ke 50 hari yakni 9M-MRD *dicheck* peningkatan MR2 dari 200 pada tahun 2012 ke 350 pada tahun 2014 kerana ketiadaan alat ganti kapal terbang. Ketujuh, pesawat kapal terbang dengan *MEL list*, contohnya MH066. Nombor lapan, sistem ERP bernilai RM300 juta juga ditamatkan oleh Azahari dan sanggup membayar denda dan digantikan dengan sistem Ramco. Nombor sembilan, penamatan SBP Engineering, Mohd Nasir Abdullah tanpa alasan yang munasabah oleh Azahari Dahlan, contohnya NC6597 muka surat 10 ada butirannya. Dia buang orang yang *qualified*, dia itu *qualified* kah tidak? Sebab itu **peruduman** *engineering* MAS ini begitu minimum pendapatannya sejak dia masuk. Dia dari Air Asia.

Saya hendak bagi tahu dengan Yang Berhormat Menteri kalau ini merupakan punca kemuruduman pendapatan MAS, dia perlu dipecat. Buat siasatan. Ini perlu kerana untuk menjaga memastikan bahawa persepsi rakyat tidak mengatakan MAS itu Tuan Pengerusi, asyik bankrap, bankrap, bankrap. Kita ini pun duk bantu-bantu tanpa kita melakukan tindakan drastik yang boleh membantu pendapatan ataupun menyelamatkan kemuruduman pendapatan MAS.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: [*Bangun*]

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Ya Yang Berhormat Bayan Baru, sekejap lagi.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Terima kasih, saya hendak minta tumpang sedikit untuk *time* Yang Berhormat Kuala Langat. Saya hendak bangkitkan isu juga pengangkutan udara Butiran 050000 iaitu Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang yang selalu banjir. Tahun ini sahaja banjir tiga kali. Memalukan satu Malaysia dan satu dunia. Kita mahu tahu berapa peruntukan yang akan dibelanjakan di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang untuk memperbaiki keadaan banjir dan kita hendak tahu rancangan terperinci.

Kedua adalah isu tentang MH370. Satu badan namanya Voice 370, sekarang mereka ingin Kerajaan Pusat dan juga Kementerian Pengangkutan untuk mengumumkan *cargo manifest* yang berada dalam ini, kerana selama ini sampai sekarang masih belum diumumkan. Akan tetapi kalau MH17, dalam tiga hari sahaja *cargo manifest* telah diumumkan, tetapi sampai sekarang MH370 masih disembunyikan. Kita pun tidak tahu mengapa. Saya rasa itu adalah satu keadilan yang patut harus diberitahu kepada mangsa-mangsa. *We owe them an explanation*, dengan izin.

Ada isu tentang pengangkutan darat iaitu Butiran 060000 iaitu JPJ. Kita hendak tahu bahawa plat BMW yang telah *ditender* tetapi disenaraikan sebagai anggota pentadbiran kerajaan. Kita hendak tahu siapa mereka ini? Kalau menteri-menteri, dahulu menteri sendiri, iaitu Menteri Yang Berhormat Bentong dia pun mengumumkan namanya, dia pun umum berapa dia bayar untuk plat WWW, kenapa sekarang anggota pentadbiran kerajaan itu disembunyikan? Kita pun tidak tahu siapa? Kalau Yang Berhormat Menteri boleh *transparent*, kenapa yang lain tidak boleh? Jadi kita hendak tahu itu BMW 1, BMW 2, dan BMW 3 siapa di sebalik itu.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuala Langat sudah risau Yang Berhormat.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Akhir sekali adalah Butiran 081300 untuk MIROS. Negara kita, kita ada enam tragedi yang teruk melibatkan bas tahun 2014 sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat...

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Yang paling serius adalah pada 21 Ogos. Kita hendak tahu laporan. Setiap kali laporan kita ada kemalangan nahas yang serius, kata ada jawatankuasa, tetapi sampai sekarang kita tidak nampak apa-apa laporan daripada kementerian. Boleh tolong Menteri jawab apa laporan daripada jawatankuasa-jawatankuasa yang ditubuhkan? Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Saya boleh bagi *advantage*, tetapi jangan ambil *advantage* Yang Berhormat.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Ya, ya. Masukkan sebagai sebahagian dalam ucapan saya, bagi Menteri menjawab. Saya tidak habis tadi itu.

Saya mohon kementerian supaya melihat kembali Mohd Nasir Abdullah punya kewibawaan dalam urus tadbir dalam *engineering* MAS ini kerana kebolehan beliau yang berbeza antara pendapatan dahulu sebelum beliau kendalikan dan semasa Azhari Dahlah kendalikan. Kementerian harus serius kerana ini adalah punca pendapatan. Sepertimana yang dimaklumkan bahawa *engineering* inilah punca, nadi kepada pendapatan hasil MAS yang boleh sedikit menyelamatkan kemeruduman ataupun kerugian kepada MAS.

Seterusnya ialah nombor 10, pelan audit untuk 2014 tidak menepati 145 ESA yang boleh menyebabkan penarikan lesen penyelenggaraan dan seterusnya penerbangan ke Eropah. Ini adalah urus tadbir yang wajib dan harus dilaksanakan oleh pentadbiran. Ini maklumat yang saya terima, saya minta Menteri supaya menyiasat dengan serius dan ini adalah punca-punca di samping catering harga yang tinggi dan ini juga mendatangkan kepada kebangkrapan dan kerugian kepada MAS.

Dengan itu Tuan Pengerusi, sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Jerlun, selepas itu Yang Berhormat Pokok Sena, selepas itu Menteri boleh menjawab. Yang lain minta maaf, nanti kementerian lain boleh cuba-cuba ya.

7.17 mlm.

Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada B.28 Butiran 090300 – Dasar Baru Pengangkutan Udara. Kita baru-baru ini Kerajaan Negeri Kedah telah pun memohon merancang untuk membina sebuah lapangan terbang baru di Kulim, di Silam. Cuma, kita sedar bahawa permohonan ini bukanlah mudah untuk diluluskan, memerlukan kajian kemungkinan kebarangkalian keberuntungan *feasibility studies*, kajian berkaitan dengan trafik udara, kajian berkaitan dengan *load factor*, kajian berkaitan dengan *connectivity* dan sebagainya.

Jadi dari segi fizikalnya, dari segi fizikal tempat yang dicadangkan iaitu di antara Sungai Petani dan Kulim, tempatnya *Scarborough Estate* merupakan satu lokasi yang pada kita amat strategik. Bukan hanya dari segi *connectivity* antara bandar-bandar utama di kawasan tersebut. Antaranya Kulim itu sendiri, kemudian Sungai Petani yang agak dekat, Seberang Perai Utara, Seberang Perai Selatan, Seberang Perai Tengah hatta Pulau Pinang itu sendiri kerana dengan adanya ada jambatan Pulau Pinang dan juga jambatan kedua, kemudian di selatan di Bandar Baharu, Parit Buntar, Bangan Serai, di sebelah timur sedikit, Baling, Kuala Ketil dan juga Gerik serta juga Taiping, Selama dan Mahang. Di utara sudah tentulah bandar Alor Star yang ketika ini ada sebuah lapangan terbang dan juga Kangar di Perlis.

Dari segi *business*, Kulim sendiri mempunyai Kulim High Tech Park yang menjadi *anchor* kepada industri di negeri Kedah ketika ini dan juga boleh disokong di kilang-kilang yang ada di Butterworth dan juga Perai serta Sungai Petani.

■1920

Maka sudah tentulah penggunaan kapal terbang untuk kargo pada kita cukup untuk muatannya. Dari segi *highway connectivity* ketika ini kita ada PLUS – Projek Lebuh raya Utara Selatan menghubungkan utara hinggalah ke selatan. Kita ada juga BKE, Butterworth – Kulim *Expressway*. Kita juga sudah tentu ada Penang *Bridge* dan juga Jambatan Kedua Pulau Pinang dan ada cadangan Lebuh raya Kedah – Selatan menghubungkan Sungai Petani sehinggalah ke Kamunting.

Jadi sudah tentulah pada kita, kita melihat bahawa ruang dan peluang untuk pembangunan masa hadapan bandar-bandar baru dan juga kawasan-kawasan perindustrian baru dapat diwujudkan sekiranya kita mendapat kelulusan pembinaan lapangan terbang yang baru ini.

Selain daripada itu kita tahu bahawa Lapangan Terbang Alor Setar ketika ini adalah sebenarnya adalah sebuah Pusat Latihan Tentera Udara di mana diletakkan Kolej Tentera Udara di situ dan mungkin kalau sekiranya wujud lapangan terbang yang baru ini sudah tentu ianya dapat menghubungkan digunakan oleh penduduk Kedah, Pulau Pinang dan juga Perlis itu sendiri.

Jadi kita hendak tahu status di pihak kementerian adakah kementerian melihat dari segi kedudukan terkini status kajian kebarangkalian ini dibuat oleh pihak Kementerian Pengangkutan dan juga kementerian-kementerian yang lain termasuk juga Kementerian Kewangan.

Seterusnya yang kedua adalah berkaitan dengan Kuala Kedah.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzi [Kulim-Bandar Baharu]: [*Bangun*].

Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]: Tadi saya berpeluang bercakap tentang pembangunan di Langkawi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu bangun, Yang Berhormat.

Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]: Sila Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzi [Kulim-Bandar Baharu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya cuma hendak tambah sama ada Yang Berhormat setuju atau tidak. Sebelum Yang

Berhormat pergi kepada tajuk yang kedua, selain daripada masalah *airport* sekarang ini ialah *airport* Pulau Pinang ini tidak boleh lagi dikembangkan kerana kalau hendak buat *runway* baru dia mesti kita tambakkan laut. Jadi Kulim itu merupakan satu alternatif yang paling-paling baik mengambil kira kos dengan *connectivity* seperti mana Yang Berhormat kata tadi.

Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]: Saya sebenarnya tidak mahu menyentuh berkaitan dengan *airport* Pulau Pinang ketika ini, Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang. Kita semua tahu Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang terminalnya baru sahaja siap dalam dua tahun yang lalu. tetapi ketika ini sudah pun sampai tahap tepu. Kita pun tahu permintaan terhadap Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang memang tinggi tetapi dari segi fizikal, dari segi tanahnya, dari segi sudut hendak mengembangkan *expansion programme* di situ saya melihat secara peribadi adalah terhad.

Jadi namun kita biarkan pada pihak kementerian untuk menentukan sama ada jauh lebih baik dari segi jangka masa 10, 20 tahun yang akan datang seperti mana suatu ketika dahulu kerajaan telah memutuskan untuk membina KLIA, banyak masa peringkat awal itu banyak *sceptic* ataupun orang-orang yang skeptikal bagaimanakah Sepang dapat dibangunkan sedangkan ianya terlalu jauh daripada Kuala Lumpur.

Namun hari ini kita melihat sendiri bahawa KLIA1 sudah pun tepu dan kita perlukan KLIA2 untuk menampung juga Subang yang sedia ada. Jadi sudah tentulah pada saya untuk jangka panjang untuk pengembangan *airport* yang baru di kawasan utara sudah tentulah Kulim merupakan tempat yang lebih sesuai.

Seterusnya saya ingin merubah sedikit pengangkutan laut, 020000 – Pengangkutan Laut Semenanjung. Tadi saya menyebut, saya menyentuh sedikit tentang Langkawi. Jadi sebelum kita hendak sampai Langkawi melalui jalan darat, tanah besar sudah tentu kita melalui sama ada Kuala Kedah mahupun Kuala Perlis. Jadi kita melihat hari ini terminal feri di Kuala Kedah agak uzur, sudah *congested* dan ianya memerlukan pembesaran dan kita hendak tahu daripada kementerian adakah kementerian mempunyai perancangan dalam tahun 2015 ini untuk membesarkan lagi jeti dan mendalamkan muara sungai yang ada itu kerana masalah *sedimentation* dan sebagainya. Jadi itu sahaja Yang Berhormat Datuk Seri Pengerusi, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Pokok Sena.

7.24 mlm.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih, Datuk Seri Dr. Pengerusi. Saya turut terlibat dalam perbahasan B.28 – Kementerian Pengangkutan, 060200 - Pendaftaran dan Pelesenan Kenderaan dan 060500 - Penguatkuasaan Undang-undang. Saya hendak dapat penjelasan berkaitan dengan pelaksanaan AES.

Baru-baru ini jawapan yang diberikan kepada saya rupanya AES masih lagi dikendalikan di bawah Kementerian Pengangkutan, di bawah JPJ. Padahal sebelum itu telah diumumkan akan

secara automatik bila kita meluluskan pengambilalihan pengendalian AES itu ke atas dua syarikat, oleh syarikat yang ditubuhkan oleh kerajaan akan diletakkan di bawah pelaksanaannya di bawah Kementerian Dalam Negeri iaitu diserahkan kepada pihak polis.

Jadi saya hendak tahu perkembangan tersebut kenapa masih tidak dapat dipindahkan kepada pihak polis khususnya kepada pihak Kementerian Dalam Negeri. Yang keduanya ingin saya mendapatkan penjelasan berkaitan dengan AES ini ialah dia dikendalikan di bawah JPJ lagi, adakah dia dikendalikan operasi dia itu oleh dua syarikat pengendali yang lama ataupun syarikat GLC yang baru ini?

Kalau masih dikendalikan oleh dua syarikat yang lama itu sedangkan dia kata kita sudah hendak ambil alih daripada pengendali yang lama, tidakkan nanti bila kita ambil alih nanti bermaknanya sepenuhnya nanti pampasan yang sepatutnya kita telah *settle* dengan dua pengendali yang lama itu saya difahamkan masih belum selesai.

Jadi saya hendak dapat penjelasan bila penyelesaian itu dan berapa kadar pembayaran pampasan yang telah pun diberikan kepada dua syarikat yang lama. Adakah nanti kalau dua syarikat pengendali itu masih lagi menjalankan pengendalian AES ini di bawah JPJ ini adakah nanti kos pampasan itu akan makin meningkat apabila kita tidak dapat menyelesaikan masalah pampasan ganti rugi kepada kedua-dua syarikat itu.

Yang kedua saya ingin mendapat penjelasan apakah tujuan sebenarnya JPJ yang melakukan operasi nombor plat ini yang kadang-kadang saya pun rasa malu juga apabila kenyataan Ketua Pengarah itu menjadi bahan ketawa. Ramai orang di media maya dan sebagainya mengatakan bahawa operasi nombor plat ini ialah tujuan untuk mengurangkan kadar hendak mengatasi dan mengurangkan kadar kemalangan. Jadi tidak akanlah nombor plat ini merupakan punca kepada kemalangan. Ini memang dirakam kenyataan beliau itu daripada berita *Astro Awani* dan lain-lain.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: [*Bangun*].

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Jadi saya fikir tidak akanlah nombor plat punca kepada kemalangan jalan raya.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bukit Katil, Yang Berhormat.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Oh, boleh sila.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak minta penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat Pokok Sena bahawa dalam video yang *divirakan* itu, dengan izin ada juga menyentuh tentang Ops Cermin Gelap di mana pegawai berkaitan ataupun pengarah kah apa jawatan yang sebenarnya saya pun tidak pasti tetapi beliau menyatakan dengan cermin gelap ini juga boleh membantu mengurangkan kadar kemalangan yang pada saya adalah satu perkara yang tidak masuk akal sama sekali.

Setuju atau tidak Yang Berhormat Pokok Sena kalau kita sama-sama bertanya kepada Menteri apa status tentang Ops Cermin Gelap ini? Ini kerana katanya kalau ikut blog dalam blog

Timbalan Menteri akan dilaksanakan pada 1 Mei tahun hadapan di mana kita merasakan bahawa perlu ada kajian yang menyeluruh apa sebab dan sebenar alasan yang kukuh cermin gelap ini tidak boleh dibenarkan dalam suasana cuaca kita yang begitu panas sekarang ini. Terima kasih.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih sahabat saya daripada Bukit Katil. Memang saya bersetuju bahawa itu sebahagian daripada apa yang perlu diperjelaskan oleh pihak kementerian. Sebab pada saya kalau cermin gelap daripada luar dia boleh nampak apa dia punca kepada kemalangan. Apa dia punca kepada kemalangan sebab dia daripada dalam kita nampak keluar ke jalan raya.

Jadi tidak akanlah kerana cermin gelap yang pemandunya boleh nampak yang menyebabkan dia boleh belah pokok ataupun nombor plat yang tidak memenuhi spesifikasi yang telah pun ditetapkan menjadi punca kepada kemalangan. Jadi saya fikir bahawa ini adalah alasan-alasan yang tidak masuk akal dan alasan itu saya takut nanti ada pula alasan itu dijadikan bahan lawak jenaka dalam Maharaja Lawak. [Ketawa] Jadi permainan masyarakat.

Oleh sebab itu saya minta apa tujuan sebenarnya dan keduanya bahawa memang peraturan ini nombor plat ini dia dilaksanakan di bawah Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor (Pendaftaran Dan Pelesenan) 1959.

■1930

■1930

Tahun 1959 itu lama dah kaedah itu yang saya kira bahawa mungkin pada ketika itu komputer pun tidak berapa banyak, JPJ pun tidak pakai komputer lagi pada waktu itu. Jadi sedangkan sekarang ini dengan teknologi moden, dengan *font* hurufnya pun sudah begitu canggih dan sebagainya, saya kira sepatutnya kaedah-kaedah ini juga harus dibuat pindaan baru sesuai dengan perkembangan-perkembangan kreativiti untuk *design number* dan sebagainya. Akan tetapi soal bagaimana hendak mengesan nombor mereka yang melanggar undang-undang ataupun yang menyebabkan kemalangan lari dan sebagainya, itu boleh dicari jalan ataupun kaedah melalui teknologi yang pelbagai. Jadi sebab itu bagi saya bahawa kaedah ini juga harus dipinda sebab saya katakan kalau mengikut kaedah ini, saya difahamkan oleh pengamal undang-undang, kalau dia mari ke Parlimen ini, ramai Ahli Parlimen termasuk Menteri yang patut disaman. Ia sebab kalau mengikut kaedah ini saya difahamkan oleh pengamal undang-undang...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, itu ada pengecualian daripada JPJ.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ya?

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ada pengecualian cermin gelap itu.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ya tetapi saya hendak sebutkan yang begini. Kalau itu ada pengecualian, bermakna bahawa bukan nombor plat itu merupakan punca kepada kemalangan. Bukan nombor plat itu merupakan punca kepada kemalangan kalau ada pengecualian. Takkanlah kita katakan bahawa Menteri boleh letak satu perkataan, ayat di atas nombor plat padahal kalau ikut kaedah itu, tidak boleh ada apa-apa di atas nombor plat hatta lambang Parlimen itu pun tidak boleh, tidak boleh ada. Walaupun mungkin diberikan

pengecualian kepada Menteri, kepada Perdana Menteri, untuk letak kepada jabatan dan sebagainya tetapi itu menunjukkan bahawa itu bukan punca kepada kemalangan.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

Sama seperti mana AES yang telah diluluskan, dikecualikan kepada orang-orang tertentu. Bermakna bahawa AES ini bukan dapat mengatasi masalah kemalangan. Ada juga polis yang *escort* orang besar dan sebagainya, dia lari laju dan sebagainya tetapi adakah bermakna bahawa kita rela kalau dia belah orang, dia langgar, dia menyebabkan berlakunya kemalangan jalan raya. Jadi saya kira bahawa ini harus di ...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Pokok Sena, panjang lagi?

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Hendak habis dah, sikit, saya faham.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Laluan.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Jadi sebab itu saya minta supaya...

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Yang Berhormat Pokok Sena, minta laluan.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ya, saya kena bagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Lipis, Yang Berhormat Lipis tidak berucap tadi?

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Tidak berucap, jadi dapat peluang minta laluan.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Saya agak bersetuju dengan pandangan daripada Yang Berhormat Pokok Sena yang mengatakan soal nombor plat ini tidak menjadi satu penyebab kemalangan. Kalau kita membuat teori jangan pakai plat langsung, jangan pakai plat kita bawa daripada Kuala Lipis ke Kuala Lumpur, adakah boleh berlaku *accident*? Kemudian dengan sebab cermin gelap, kita hitamkan betul kereta kita daripada Kuala Lipis sampai ke Kuala Lumpur, adakah berlaku kemalangan. Yang saya hendak utarakan kepada Yang Berhormat Pokok Sena, di manakah punca dan bermulanya. Kalau kita katakan kita hendak menjadikan satu standard nombor plat, di kedai-kedai aksesori jangan jual langsung nombor lain, jangan ada yang boleh pasang nombor kecil, *fancy* dan sebagainya. Kita buat penjualan standard sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang itu patut diambil tindakan ya?

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Yang itu patut diambil tindakan. Setuju tidak setuju Yang Berhormat Pokok Sena, sedikit lagi Yang Berhormat. Maknanya kita hendak supaya tidak menyusahkan orang ramai sehinggakan kalau mengikut *viral* daripada video saya

tengok malam semalam, seolah-olah orang yang bercakap itu bisings-bising macam Yang Berhormat Bukit Katil, saya tidak tahu siapa yang bercakap itu. Dia seolah-olah macam Tuhan boleh menentukan RM5,000 menjelang 2020 boleh...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Asalnya 10,000, boleh kurang 5,000.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Asal 10,000 kalau tidak ada cermin gelap, tidak ada nombor plat kecil ini dia boleh kurangkan separuh.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Diskaun 50%.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Maknanya seolah-olah, macam seolah-olah macam Tuhanlah boleh tarik nyawa orang. Jadi saya memang, yang jadi *viral* itu saya memang sedikit hairanlah. Kemudian sepatutnya kita kena buat kajian *under lap* yang menyeluruh apa yang menyebabkan kematian. Cuma saya hendak minta tanya satu daripada Yang Berhormat Pokok Sena, setujukah Yang Berhormat Pokok Sena sekarang ini harga minyak diesel dan petrol hampir sama, setujukah *road tax* diesel itu diturunkan?

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Okey, terima kasih.

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Yang Berhormat Pokok Sena, boleh?

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Sekejap, saya hendak jawab ini dulu. Saya ucapkan terima kasih kepada kawan saya daripada Lipis, memang itu cukup hebatlah, Ahli Parlimen yang cukup hebatlah belah sana. Had lain-lain itu nampak hebat tetapi tidak berapa nak cerdik, yang ini memang nampak cerdik betul. *[Ketawa]*

Saya setuju sangatlah dengan hujah-hujah yang dibawa dan saya fikir kerajaan harus memberikan penjelasan sebab saya katakan bahawa punca-punca kemalangan dan sebagainya bukanlah disebabkan oleh nombor plat. Jadi kalau betul JPJ ataupun kerajaan hendak cari duit, tidak apa, JPJ bukalah satu kaunter, jual nombor plat. Nombor plat yang standard, JPJ meniaga nombor plat pula. Jadi pakat beli nombor plat daripada JPJ, orang lain tidak boleh meniagalalah, jadi senang *habaq* kat orang kata memang kami nak-nak duit, kami nak-nak duit, *habaq* lah betul-betul kan. Jadi macam itulah senang. Kalau dah tidak mahu bagi orang lain meniaga takut orang lain meniaga nanti nombor macam-macam dan sebagainya. Saya bersetuju bahawa sepatutnya bukan kepada pemilik kenderaan tetapi kepada syarikat-syarikat yang buat nombor plat inilah yang diambil tindakan kerana mereka melanggar peraturan dan sebagainya.

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Ya, terima kasih Yang Berhormat Pokok Sena. Setujukah Yang Berhormat bahawa sebenarnya penguatkuasaan khususnya terhadap nombor plat ini sememangnya telah mewujudkan kekeliruan dan juga kesulitan kepada seluruh rakyat Malaysia. Pada masa yang sama, ada satu kenyataan akhbar di mana Menteri Pengangkutan sendiri telah pun memberi keterangan ataupun penjelasan bahawa jikalau nombor tersebut dapat dicam pada masa yang pertama, maksudnya nombor pendaftaran tersebut merupakan nombor pendaftaran yang boleh diterima. Saya ingin memohon pandangan daripada Yang Berhormat Pokok Sena dan adakah sebenarnya penguatkuasaan terhadap nombor plat ini sebenarnya menyusahkan seluruh rakyat Malaysia.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Saya setuju, bagi saya bahawa kalau kerajaan sendiri kalau dia menguatkuasakan nombor yang standard.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ini kes nombor plat lagi ya?

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ya, dah habis.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Boleh sambung tiga minit lagi.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Sepatutnya kalau macam saya katakan tadi bahawa diambil tindakan kepada pekedai-pekedai. Pekedai, siapa yang menjual nombor plat yang tidak ikut standard itu, maka dia akan diambil tindakan tetapi kena tetap, standardlah spesifikasi. Akan tetapi saya katakan bahawa spesifikasi itu mestilah dipinda kaedah-kaedah itu tadi sebab kaedah itu tahun 1959, zaman Tok Nadong. Jadi kena pinda yang itu supaya biarlah bertepatan dengan teknologi kreativiti yang ada pada hari ini. Jadi kita kena meraikan juga hal-hal yang sedemikian rupa.

Kemudian saya bersetuju tadi fasal pengurangan *road tax* tetapi bukan dalam isu diesel dan sebagainya tetapi dengan pelaksanaan GST tahun depan, kerajaan pun dah dapat pendapatan banyak. Jadi apa salahnya kalau kereta 2000cc ke bawah diberikan pengurangan yang munasabah untuk meringankan beban ataupun menghapuskan *road tax* untuk 2000cc ke bawah sebab mereka ini, had yang 2000cc ke bawah ini kebanyakan orang-orang biasa yang pakai ataupun golongan pertengahan ke bawah. Jadi saya fikir bahawa ini yang sepatutnya untuk hendak meringankan beban ...

Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]: Yang Berhormat Pokok Sena, mencelah sedikit.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Sekejap-sekejap. Hendak meringankan beban rakyat sebab saya katakan bahawa tadi sekali lagi Tun Daim saya menghadiri pelancaran buku Dr. Mohd. Khalid di **INSTEK**, Tun Daim yang melancarkan. Dia juga menegur dalam ucapannya kerajaan yang hanya mengejar negara berpendapatan tinggi tetapi keupayaan rakyat, pendapatan rakyat untuk hendak memiliki rumah dan sebagainya tidak dapat. Jadi apa guna dia kata bahawa kita mengejar pendapatan tinggi negara, kerajaan yang dapat duit banyak, GST tetapi kemampuan rakyat itu sangat rendah. Jadi sebab itu saya katakan sesuai apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Lipis tadi, *road tax* khususnya 2000cc ke bawah itu dihapuskan ataupun dikurangkan. Ya.

Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]: Terima kasih Yang Berhormat Pokok Sena. Tuan Pengerusi, mencelah sedikit sahaja. Saya lihat bahawa *road tax* ini tidak berapa mahal sangat tetapi kerajaan sepatutnya melihat dari segi insurans terutamanya insurans motosikal dan juga insurans kereta-kereta yang cc rendah. Apa pandangan Yang Berhormat Pokok Sena?

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Boleh sedikit?

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Saya bersetuju sangat dengan rakan saya daripada Jerlun ini, maknanya pandangan yang perlu ditimbang oleh pihak kerajaan untuk mengkaji balik berkaitan dengan insurans.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Yang Berhormat Pokok Sena.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Kadang-kadang kalau insurans motor ini, insurans mahal daripada *road tax*.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Sikit sahaja.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Kalau motor kapcai itu, itu lagi mahal daripada motosikal. Sila.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Saya sebenarnya sedikit sahaja sebab saya menyebut tadi soal *road tax* diesel sebab *road tax* diesel sebenarnya Yang Berhormat Jerlun ya, saya berpendapat diesel ini kalau lebih kurang 3000cc – 3500cc ini mencecah RM3,500 *road tax* sedangkan harga diesel dan petrol RON dah hampir sama. Jadi sebab itu saya katakan soal kenderaan yang menggunakan enjin diesel.

■1940

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Setuju, setuju. Dua-dua itu perlu dilihat, dipertimbangkan oleh pihak kerajaan. Yang Berhormat Lipis pun perlu dipertimbangkan dan apa yang saya sebutkan tadi pun perlu seharusnya diberikan pertimbangan.

Akhir sekali, saya hendak dapat penjelasan daripada pihak kerajaan berkaitan dengan bida nombor plat ini, tender nombor plat ini. Berapa pendapatan JPJ ini daripada hasil yang dipungut daripada bida nombor plat ini? Sampai RM100 ribu, RM200 ribu ini. Ini saya katakan bahawa kalau sudah yang ini pun sudah dapat banyak sudah, jadi *road tax* itu tidak ada apalah. Jadi, ambillah kepada orang-orang yang hendak beli nombor plat dengan harga yang mahal ini untuk menampung hak motor kapcai ini. Jadi saya hendak dapat penjelasan.

Kedua berkaitan dengan bida ini. Saya hendak dapat penjelasan, baru-baru ini tersebar pembida nombor plat ini – tidak apalah, yang ada nama tidak apalah. Nama antaranya ialah Setiausaha Kerja UMNO. Dia beli sampai RM100 ribu lebih kalau tidak silap saya, RM100 ribu lebih kurang. RM100 ribu nombor plat ini kira hebat ini, Setiausaha Kerja UMNO. Kemudian ada kerabat-kerabat Diraja...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ini yang Pengerusi tidak bagi tambah masa ini.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ya, ya, dah nak habis dah, nak habis. Kemudian kerabat Diraja disebut nama kerabat Diraja ada dua orang tetapi anggota pentadbiran kerajaan ada beberapa orang, dua orang ataupun tiga orang tetapi tidak letakkan nama. Kemudian JPJ kata tidak boleh bubuh nama. Eh! Kerabat Diraja boleh bubuh nama, orang lain boleh bubuh nama, pasal apa anggota pentadbiran kerajaan tidak boleh letakkan nama?

Saya ingat kalau anggota pentadbiran kerajaan RM200 ribu, RM150 ribu begitulah, RM150 ribu ke RM200 ribu, jadi kenapa tidak boleh diberitahu? Beritahulah kepada Parlimen, apa hendak malu? Mungkin anggota pentadbiran kerajaan kita ini memang berkemampuan untuk hendak beli nombor plat. Kita pun hendak tahu siapa dia yang hebat beli nombor plat. Jadi Menteri, beli nombor plat RM150 ribu. Jadi rakyat pun hendak tahu, rakyat pun hendak rasa bangga, Oh! Inilah dia menunjukkan pencapaian negara berpendapatan tinggi. Rakyat yang

cukup hebat. Jadi kami pun hendak tahu siapa dia. Jadi apa masalahnya? Hendak malu apa? Hendak malu apa? Jadi saya mintalah tidak usah malu-malulah. Menteri-menteri ini pun tidak malu, anggota pentadbiran ini pun tidak malu, jadi yang JPJ dok kemut tidak mahu hendak bagi tahu itu pasal apa? Jadi saya minta penjelasan daripada pihak kementerian. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila, sila Yang Berhormat Menteri.

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Tuan Pengerusi, boleh sentuh lima minit sahaja?

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Pengerusi sebelum ini sudah buat keputusan ya, minta maaf.

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Boleh celah?

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Minta celahan. Sila.

7.43 mlm.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi]: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Pengerusi dan juga terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan butiran-butiran peruntukan kementerian dalam Rang Undang-undang Perbekalan 2015.

Pertama, saya ingin menyentuh daripada Ahli Yang Berhormat Kinabatangan mengenai isu *check-in* di *kiosk*. Untuk makluman Yang Berhormat, bayaran *check-in* akan dikenakan apabila penumpang membuat daftar masuk di kaunter sahaja. Kos ini adalah sebagai kos *administrative* tenaga kerja. Tiada bayaran dikenakan apabila daftar masuk dilakukan melalui *web check-in*, *mobile check-in* dan juga *kiosk check-in*. Ini bagi menggalakkan penumpang menggunakan teknologi dan inovasi terkini. Juga, ia dapat mengurangkan kesesakan beratur di kaunter *check-in*. Sistem *check-in* ini banyak diguna pakai oleh syarikat penerbangan lain-lain di dunia.

Seterusnya mengenai mesin pengimbas. Pihak MAHB sedang dalam proses untuk memasang mesin pengimbas ini. Untuk makluman, kita di luar negara pun biasanya kena buka, malah di London, di Eropah kita pun kena buka sepatu, buka tali pinggang, buka jam, apa juga yang kena mengena dengan metal.

Mengenai portal yang juga dibangkitkan, perkhidmatan portal yang disediakan oleh pihak operasi MAS adalah untuk mengendalikan bagasi *oversizes* atau yang melebihi biasa. Bagi penumpang ekonomi, satu bagasi dibenarkan dan satu untuk *hand luggage* sebanyak tujuh kilo. Bagi penumpang kelas perniagaan dan kelas pertama, mereka dibenarkan sehingga 50 kilo.

Seterusnya mengenai pistol yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Hulu Rejang. Pihak kerajaan sedang mengusahakan untuk mengecualikan kepada Ahli-ahli Parlimen.

Seterusnya mengenai apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Putatan perkhidmatan MAS ke Puerto Princesa di Palawan. Ianya telah ditamatkan. Memandangkan

kosnya terlalu tinggi dan tiada mempunyai penumpang yang mencukupi, maka sebab itu ianya ditamatkan.

Seterusnya saya masuk ke soalan daripada Yang Berhormat Tumpat mengenai Lapangan Terbang Kota Bharu dan juga Lapangan Terbang Melaka. Kementerian Pengangkutan tidak pernah mengiktiraf Lapangan Terbang Melaka sebagai lapangan terbang antarabangsa. Bagi Lapangan Terbang Kota Bharu, walaupun ianya adalah lapangan terbang domestik tetapi ianya dibenarkan untuk mengendalikan penerbangan antarabangsa jika ada permintaan. Jadi dalam konteks ini, ianya tidak ada masalah untuk Lapangan Terbang Kota Bharu mengendalikan penerbangan antarabangsa.

Seterusnya mengenai naik taraf Lapangan Terbang Kota Bharu. Kementerian akan berusaha untuk menaikkan taraf dan membesarkan Lapangan Terbang Kota Bharu di mana cadangan projek tersebut akan dipohon di bawah RMKe-11.

Seterusnya mengenai kereta api di Pantai Timur. Ianya juga dibangkitkan oleh beberapa Ahli Parlimen yang lain seperti Yang Berhormat Tanah Merah. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kita kerajaan telah menyediakan RM400 juta untuk menaik taraf landasan kereta api Pantai Timur. Jadi untuk semua penduduk di Pantai Timur tidak perlu bimbang kerana peruntukan RM400 juta telah kita sediakan bagi meningkatkan taraf landasan kereta api di Pantai Timur.

Seterusnya soalan daripada Yang Berhormat Petaling Jaya Utara yang mengaitkan penyata kewangan. Yang Berhormat Petaling Jaya Utara ada tidak? Tidak ada ya. Jadi Yang Berhormat Petaling Jaya Utara saya boleh jawab secara bertulis ya. *[Disampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, terpulang pada Yang Berhormat Menteri.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Okey, mengenai *passenger service charge*. Ianya berkaitan dengan perjanjian di antara kerajaan dengan MAHB. Saya mencadangkan saya akan menjawab secara bertulis.

Seterusnya siasatan mengenai bayaran balik PKFZ. Kementerian Kewangan telah bersetuju dengan permohonan Lembaga Pelabuhan Klang untuk menstruktur semula pinjaman kerajaan di mana kadar faedah dikekalkan pada 4% tetapi tempohnya dipanjangkan sehingga tahun 2036.

■1950

Untuk makluman, sehingga 2013 tahap penggunaan PKFZ telah mencapai 50%. PKFZ Sdn. Bhd telah memperoleh keuntungan operasi mulai tahun 2009 dan untuk 2013, telah memperoleh keuntungan sebanyak RM31 juta. Seterusnya, daripada Yang Berhormat Batu yang membangkitkan mengenai *statement* kehilangan MH370. Isu pengisytiharan MH370, kerajaan masih dalam rundingan dengan pihak Kerajaan China bagi isu untuk mengisytiharkan MH370 hilang. Tidak ada sebarang tarikh yang diputuskan untuk diisytiharkan dalam perkara yang tersebut. Kerjasama erat antara Malaysia, Australia dan China masih terus berjalan dalam kes

MH370. Seterusnya, mengenai apa yang dibangkitkan oleh Ahli Parlimen Batu, penurunan peruntukan MIMA. Untuk makluman,...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Batu bangun. Ya, sila.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Sebelum kita beralih ke MIMA. Saya tidak tahu MH17 ada jawapan atau tidak. Akan tetapi saya sebenarnya bukan sahaja *concern* hanya sama ada kerajaan akan umumkan penamatan mencari dan selamat. Saya ingin tahu apa yang kita kena buat selepas itu. Apa perancangan kementerian, sama ada kita ambil satu pendekatan dalam bayaran pampasan, sama ada kita ambil pendekatan tunggu orang untuk mendakwa kita dalam mahkamah dan juga apakah pengajaran yang kita boleh dapat. Lebih khusus lagi, sama ada kerajaan masih akan mengadakan satu suruhanjaya diraja untuk membuat satu penilaian tragedi ini. Terima kasih.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Tuan Pengerusi, mengenai MH370, ianya memang masih terus dalam pencarian. Dalam konteks itu, pihak Kerajaan Malaysia mengetuai penyiasatan. Penyiasatan ini sekarang berjalan dengan baik dan *progressnya* akan dimaklumkan apabila tiba *anniversary* iaitu cukup satu tahun. Ini akan kita bentangkan penemuan daripada penyiasatan tersebut. Seterusnya, pengajaran yang dipelajari ialah Malaysia telah mengesyorkan kepada pihak ICAO agar pengesanan secara *real time* dapat dilaksanakan oleh semua pengeluar pesawat komersial. Perkara ini dalam perbincangan dan tindakan pihak ICAO. Seterusnya, mengenai yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Batu mengenai *black box* yang diserahkan kepada AIB UK. Untuk makluman, ianya kita memang akui Kerajaan Malaysia tiada mempunyai kepakaran untuk membuat bacaan terhadap *black box*. Dalam sistem peraturan ICAO, Annex 13, apabila terjumpanya *black box*, ianya perlu dihantar ke pusat yang terdekat untuk dibaca dengan seberapa segera. Maka, sebab itu kita hantar ke UK kerana UK merupakan satu pusat yang telah ditauliahkan oleh pihak ICAO. Seterusnya,...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Batu. Sila.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Terima kasih atas jawapan itu bahawa kita tidak ada kepakaran untuk baca *black box*. Itulah sebab saya nak kembali kepada MH370. Kalau kita tidak ada kepakaran untuk baca *black box*, maksudnya suruhanjaya diraja untuk menyiasat kes ini tak ada kena mengena dengan *black box*. Maksudnya, sebelum ini Menteri Pengangkutan janji untuk mengadakan siasatan ini *as soon as the black box is found*, dengan izin, itu adalah *quotation* daripada menteri. Sekarang Kementerian Pengangkutan mengaku kita tidak ada kepakaran. Kalau tidak ada kepakaran, kenapa siasatan itu tidak boleh berlaku lebih awal lagi? Saya masih ingin tanya, berapa lama lagi kita nak tunggu untuk mengadakan *inquiry* secara keseluruhan dalam MH370 ini.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Tuan Pengerusi, kita hanya tidak ada kepakaran untuk membaca *black box* itu sahaja. Akan tetapi daripada penyiasatan, ianya menyeluruh. Dalam penyiasatan yang kita ketuai, ianya melibatkan tujuh *accredited representatives* dari negara-negara yang mempunyai kepakaran. Kita juga telah melantik pakar-pakar yang dalam bidang penerbangan ini. Jadi, ini seperti yang telah diumumkan. Jadi, soal kepakaran ini memang dalam penerbangan, ianya melibatkan banyak pakar baik daripada teknikal dan juga dalam bidang NOK iaitu autopsi mayat. Jadi, dalam konteks ini, ianya menyeluruh. Jadi, tak perlu bimbang, ianya diketuai oleh Bekas Pengarah DCA Negara...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Tuan Pengerusi, saya mohon maaf. Saya agak menteri *confuse* sikit dua perkara. Satu ialah MH370, kerajaan janji untuk adakan *royal commission*. Saya nak tanya bila kita akan adakan *royal commission*? Oleh sebab sebelum ini kata bila *black box* dicari, dapati dari Lautan India Selatan, kita akan adakan. So, saya ingin tahu bila? Kalau *black box* kita tak boleh baca, tak gunalah kita tunggu sampai *black box*. Kita boleh adakan *royal commission* sekarang. Isu kedua ialah MH17, itu kita tidak pertikai kepakaran pasukan yang pergi ke sana.

Soalan saya waktu saya bahas ialah saya ingin tahu sama ada satu laporan yang berasingan daripada laporan yang dibuat oleh negara-negara Barat akan dikemukakan. Ini kerana saya nampak negara-negara Barat sekarang sudah buat satu kesimpulan bahawa Rusia dan pihak pemberontak Rusia bertanggungjawab. Saya ingin tahu, apakah pendirian kerajaan sama ada kita setuju atau tidak? Kalau kita setuju, memanglah kita ikut laporan yang dibuat oleh negara-negara Barat. Kalau kita ada kepakaran untuk mendapatkan kesimpulan yang berbeza, kita ingin tahu bila kita akan dapat kesimpulan itu. Terima kasih.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Pertama Tuan Pengerusi, ialah mengenai MH370. Proses penyiasatan ini masih terus berjalan. Ianya belum kita muktamadkan kerana bangkai MH370 sehingga ini masih belum dijumpai dan masih dalam proses pencarian. Mengenai MH17, apa yang diuar-uarkan mengenai Rusia dan juga pihak pemisah, ianya adalah masih dalam andaian ataupun kita belum mengesahkan daripada segi kesahihan. Pengesahan ini masih dalam siasatan yang telah diketuai oleh pihak negara Belanda. Jadi, oleh kerana Malaysia menjadi salah satu anggota *accredited representative* dalam penyiasatan tersebut, maka ianya masih dalam proses penyiasatan yang belum dimuktamadkan dalam penyiasatan MH370. Seterusnya, untuk makluman tuan-tuan, penyiasatan yang kita dalam MH370 ini...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, dia bukan tuan-tuan ya. Yang Berhormat.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Yang Berhormat, minta maaf.

■2000

Ahli-ahli Yang Berhormat, mengenai *Royal Commission* ini...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ini peraturan.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Setuju. Mengenai siasatan *Royal Commission* ini, ianya apabila penyiasatan yang diketuai oleh Kerajaan Malaysia untuk MH370 ini selesai, barulah perlu

diwujudkan *Royal Commission* ini. Jadi, itu jawapan saya. Seterusnya Yang Berhormat, mengenai apa yang dibangkitkan oleh...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Tanah Merah.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: *Last, last* sekali sebab saya nampak Yang Berhormat Menteri mungkin tidak ada maklumat yang terkini. Semalam sahaja pihak Belanda sudah mengumumkan, sudah *publish preliminary report* tentang siasatan MH17. Dalam pendirian Belanda dan juga penyiasat-penyiasat dalam pasukan siasatan yang diketuai oleh Belanda telah menyatakan pihak Rusia dan pemisah yang disokong oleh Rusia bertanggungjawab terhadap penembakan *missile* yang menjatuhkan MH17.

Saya ingin tahu kerajaan sama ada dengan *participation* pasukan penyiasatan kita, sama ada kita setuju atau tidak dengan *preliminary report* ini? Kalau kita tidak setuju, saya ingin tahu sama ada kita akan buat satu *report* yang berasingan daripada laporan yang telah dibuat oleh pihak Belanda? Itu sahaja, terima kasih.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Mengenai rumusan ataupun dapatan daripada negara Belanda, pihak Malaysia pada dasarnya belum mendapat *black and white* untuk keputusan itu kerana kita akan menyokong sesiapa sahaja yang didapati melakukan jenayah ini untuk dibawa ke muka pengadilan. Jadi, kita akan menyokong apa juga keputusan daripada penyiasatan yang diketuai oleh negara Belanda.

Seterusnya Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh mengenai apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah mengenai tonto. Tonto adalah satu jenayah di mana kumpulan ini sering mengganggu tugas-tugas penguatkuasaan. Daripada segi perundangan, JPJ tidak mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan. Tindakan hanya boleh dibuat oleh pihak polis di bawah Kanun Keseksaan iaitu membuat tangkapan. JPJ telah menjalankan kerjasama dengan PDRM bagi mengatasi perkara tersebut.

Seterusnya, dalam konteks ini kementerian juga melalui JPJ sentiasa melaksanakan operasi di Cameron Highlands dengan mengambil tindakan terhadap kesemua kesalahan lalu lintas meliputi kesalahan tiada lesen cukai dan juga insurans. Seterusnya, mengenai statistik kemalangan akibat daripada ketiadaan lesen ini. Kementerian ini tidak mempunyai maklumat tersebut kerana sumber data daripada PDRM. Kementerian akan mengumpulkan maklumat tersebut secara bertulis.

Seterusnya mengenai PUSPAKOM, jumlah pemeriksaan. Pada tahun 2014 dianggarkan sebanyak 1.2 juta kenderaan komersial diperiksa setahun. Memandangkan kenderaan komersial perlu menjalani pemeriksaan setiap enam bulan menjadikan jumlah pemeriksaan setahun ialah 2.4 juta. Selebihnya ialah pemeriksaan tukar hak milik kenderaan persendirian dan lain-lain sebanyak 0.6 juta, menjadikan jumlah pemeriksaan setahun pada tahun 2014 dianggarkan lebih kurang 3 juta.

Seterusnya, apa yang dibangkitkan oleh Ahli Parlimen daripada Batu juga tadi saya terlepas pandang mengenai insiden radar, *shutdown* pada September 2012. Ini disebabkan litar

pintas dan kerosakan di lapangan terbang dan penambahbaikan telah dibuat dan penggantian juga telah diatasi dan diselenggarakan secara berkala.

Seterusnya mengenai pengumuman... kotak hitam saya sudah jawab. Seterusnya mengenai...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: KLIA2. Audit ICAO KLIA2. Itu dalam soalan saya.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Audit...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Audit keselamatan untuk KLIA2 oleh ICAO.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Ya, ya. Itu masih pada kerajaan dan buat masa ini kerajaan tidak membentangkan dia.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Tuan Pengerusi, saya ingin kemukakan kerana ingin tahu apa alasan kerajaan tidak telus dalam perkara ini kerana mendapat dari pengajaran daripada isu kemalangan yang berlaku sebelum ini, adalah sangat penting ketelusan ini untuk memberi *confident* kepada orang awam. Itulah sebab saya tidak nampak apa alasan kerajaan melambat-lambatkan pengumuman audit keselamatan KLIA2 ini. Terima kasih.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Untuk makluman Tuan Pengerusi, saya akan mengusahakan untuk pembentangan laporan daripada ICAO ini.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Penjelasan. Boleh?

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Pokok Sena.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak tanya sedikit pasal sebut KLIA2 ini yang baru ini saya tengok bila hujan itu nampak dalam gambar mereka tengah timba air. Itu teknologi moden kah pakai timba air ini? Macam belah Pendang cari ikan puyu dengan orang cerut sahaja.

Seorang Ahli: Timba ikan keli.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Timba ikan keli. Saya pun tengok hairan juga. Buat canggih-canggih berapa ratus juta *airport*, tiba-tiba bila main takung air pakai timba. Timba masuk longkang. Jadi, macam duduk belah Tambun Tulang cari sepat benua... macam mana hendak selesai masalah itu kalau hujan lagi, ada takungan lagi? Jadi, saya pun tidak retillah. Buat mahal-mahal, tengok *dok* timba, pakat *dok* lawan timba. Kalau ada ikan keli, ikan puyu, sepat benua, sepat ronggeng tidak apa juga.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Menteri, panjang lagi?

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Panjang lagi. Untuk makluman mengenai KLIA2, ianya...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Menteri, sekejap. Sebenarnya di peringkat dasar Yang Berhormat Menteri sudah jawab soalan Yang Berhormat Pokok Sena ini. Jadi, saya ingat tidak perlu diulang-ulang lagi.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Tidak payah lah pancing Yang Berhormat Timbalan Menteri pula. Ikan puyu tidak ada dekat situ. Yang Berhormat Batu.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Soalan saya belum jawab lagi dan juga Yang Berhormat Menteri juga terpandang dengan MIMA.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Mengenai MIMA.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Sebelum itu KLIA2, keselamatan audit bila boleh diumumkan? Dikemukakan?

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Kita akan usahakan seberapa yang cepat untuk kita usahakan audit daripada ICAO. Mengenai MIMA, kita memang dikurangkan peruntukan kerana MIMA menjalankan program-program kursus, konsultasi. Jadi, MIMA ada menerima *revenue* ataupun pendapatan maka sebab itu pihak kerajaan mengurangkan peruntukan terhadap MIMA.

Seterusnya mengenai apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pengerang iaitu mengenai hal Maritim. Kenapa penguatkuasaan ke atas pendatang asing haram tidak di bawah Kementerian Pengangkutan sebaliknya di bawah Jabatan Perdana Menteri? Untuk makluman Yang Berhormat, aspek kawal selia Jabatan Laut Malaysia adalah aspek keselamatan pelayaran dan pelaut. Sedangkan aspek penguatkuasaan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia di bawah Jabatan Perdana Menteri ini kerana ianya dahulu mengambil alih daripada Polis Marin.

■2010

Jadi oleh sebab itu kita jangan *confuse*. Jabatan Laut Malaysia masih lagi di bawah Kementerian Pengangkutan. Jadi tadi ada yang mengatakan tuduhan Jabatan Laut Malaysia di bawah Jabatan Perdana Menteri adalah tidak tepat. Seterusnya, Yang Berhormat Pengerang juga membangkitkan bagaimana membuktikan akibat kemalangan jalan raya disebabkan oleh penggunaan telefon bimbit. Dari segi saintifik memanglah agak sukar membuktikan kes-kes kemalangan yang disebabkan daripada *driving distraction*, dengan izin seperti penggunaan telefon bimbit. Ia tidak meninggalkan kesan yang jelas seperti faktor-faktor lain seperti memandu laju, gagal mekanikal, dan lain-lain. Walau bagaimanapun, ia mempunyai ciri-ciri yang seumpama dengan faktor kemalangan lain seperti kelesuan pemandu.

Selain itu, peningkatan *Perception of Being Caught* (POBC) ataupun persepsi ditangkap kepada para pemandu melalui langkah-langkah penguatkuasaan yang lebih banyak dapat membantu mengurangkan masalah ini. Begitu juga mengenai apa yang dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat mengenai cermin gelap dan juga *plat number*. Cermin gelap untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, apabila kita mengadakan bengkel, pihak polis tidak setuju untuk menggunakan cermin gelap kerana ianya menyukarkan penguatkuasaan oleh pihak polis. Jadi seperti kesalahan-kesalahan tidak menggunakan tali pinggang keledar dan juga menggunakan telefon.

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: Yang Berhormat, sedikit sahaja Yang Berhormat.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Jadi, maka...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Pendang.

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Timbalan Menteri kata, polis tidak setuju. Ini kenyataan Ketua Penolong Pengarah Risikan Operasi dan Rekod Pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM) Bukit Aman, Datuk Abdul Manaf Abdul Razak kata, penggunaan cermin gelap bukan faktor melonjaknya kadar jenayah, tidak bersangkut pun. Macam mana Yang Berhormat boleh nafi sedangkan polis kata, tidak ada kaitan dengan jenayah? Ini disebar. Boleh? Sila nafikan kalau tidak betul. Ia tidak ada kaitan.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya sudah sebutkan tadi bahawa dalam bengkel tersebut pihak polis mengatakan bahawa dia sukar untuk menguatkuasakan undang-undang tidak menggunakan tali pinggang keledar yang menggunakan telefon. Kalau dia cermin gelap, jadi polis tidak nampak. Jadi bukan soal cerita kemalangan tetapi penguatkuasaan oleh pihak polis itu tidak dapat dijalankan sekiranya cermin gelap.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Menteri, sebenarnya video kenyataan dari JPJ itu telah tersebar dan semua dapat menonton dan membaca. Jadi macam mana itu Yang Berhormat Menteri? Tidak perlu kita sebut nama.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Yang Berhormat Tuan Pengerusi, mengenai apa yang menjadi *viral* ialah sebenarnya pihak Ketua Pengarah menggunakan salah penggunaan bahasa. Sepatutnya dia menggunakan kemalangan maut.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Salah bahasa nanti salah undi.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: *[Ketawa]* Jadi mungkin dia agak - saya pun tidak tahu apa sebabnya, dia tersalah menggunakan bahasa tetapi ianya - itulah daripada sepatutnya kemalangan maut, dia menggunakan perkataan mati.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tidak, isunya kemalangan. Apa pula dia salah guna perkataan, sepatutnya kemalangan maut diguna pula perkataan mati. Ini isunya bukan nombor plat atau bukan cermin gelap itu merupakan punca kepada kemalangan. Bukan isu mati, mati satu hal. Mati itu kerana ia tetap. Dia kata KPI dia 5,000 baru mati. Kita kalau bolehnya tidak mahu mati atas jalan raya. Itu yang sepatutnya.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Pokok Sena. Kesimpulannya Ahli-ahli Yang Berhormat minta tarik balik penguatkuasaan.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Jadi ia menambahkan kekeliruan. Jadi biar Ketua Pengarah sudah, jangan Yang Berhormat Menteri pun buat, jadi keliru.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ini kalau saya setuju, setuju semua, ya?

Beberapa Ahli: Setuju. *[Ketawa]*

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Yang Berhormat Tuan Pengerusi, penguatkuasaan ini ialah satu kaedah untuk kita mendisiplinkan pengguna jalan raya dan kita kena akui bahawa kebelakangan ini masyarakat kita ini suka langgar undang-undang, langgar peraturan. Maka

sebab itu, pihak JPJ mengetatkan peraturan dan undang-undang yang telah sedia ada. Jadi dalam konteks *plat number*, memang dia tidak membawa kepada kemalangan tetapi *plat number* ini ianya susah untuk pihak polis dan juga pihak JPJ mengesan kereta-kereta yang melanggar undang-undang. Ini kerana kalau nombor dia tidak dapat dibaca...

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: *[Bangun]*

Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: Yang Berhormat, *plat number, plat number.*

Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]: Yang Berhormat Menteri. Saya.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, ada lima Ahli Yang Berhormat yang bangun. Mana satu?

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: Mana satu? *Plat number?* Bukan?

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Yang Berhormat Titiwangsa.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Polis setiap kali baca, polis itu mata rabun.

Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sekejap Yang Berhormat Pokok Sena. Sila, Yang Berhormat Titiwangsa.

Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]: Tentang *plat number* ini, saya ingin beri pandangan sedikit. Kalau kita hendak buat penguatkuasaan *plat number* ini, adakah JPJ telah bersedia untuk memastikan bahawa semua kedai yang buat *plat number* ini cuma ada satu jenis sahaja *plat number* yang dia boleh buat? Ini kerana kalau saya lihat hari ini banyak orang beli kereta, dia menjadi mangsa, dia sudah pasang siap. Lesen *plat number* ini tidak diberi *authorization* kepada kedai-kedai yang menjual. Jadi yang menjadi mangsa *consumer*. Kalau kita hendak buat penguatkuasaan tentang *plat number* ini, kita buatlah bas yang asapnya keluar banyak dan hitam. Ini tidak buat lagi. Tayar-tayar yang mana tidak ada bunga yang bawa *public transport*, pun tidak buat lagi. Buatlah yang itu dahulu.

Saya ingat Yang Berhormat Menteri, kena cadang ke JPJ ini. Jangan merapu sangat ini. Jadi orang semua bising.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tidak, Yang Berhormat Menteri. Kalau kita beli kereta di Machang kah, di Tanah Merah kah, memang dia beri nombor siap-siap sudah. *[Ketawa]*

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: Lagi, boleh?

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Di Machang, dia tauke keretakan. Kita beli kereta pada dia, dia letak nombor, kita pun tidak tahu nombor macam mana.

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: Sambung *plat number.*

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Kalau dia letak, kita kata bolehlah.

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: Yang Berhormat sambung *plat number.*

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Ya, Tuan Pengerusi.

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: Saya hendak minta Yang Berhormat Timbalan Menteri, apa sebab yang pihak JPJ hendak menyusahkan rakyat, hendak *check plat number*? Kalau di Australia dia beri standard, badan berkuasa keluar satu *plat number* sahaja. Jadi JPJ pun tidak payah buat kerja siang dan malam. Tidak payah rugi duit kerajaan. Tidak payah hukum. Jadi keluar satu standard, satu tahun tidak payah bayar. Boleh atau tidak?

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Rasah. Ya.

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, sebenarnya saya cuma ada satu cadangan di mana saya memang amat berharap pihak kementerian dan juga JPJ boleh adakan satu kenyataan yang konsisten di mana jangan pula Ketua Pengarah kata satu peraturan, Yang Berhormat Timbalan Menteri satu peraturan tetapi saya lihat, tadi saya telah mengatakan bahawa Yang Berhormat Menteri Pengangkutan telah pun mengeluarkan kenyataan bahawa asalkan nombor pendaftaran tersebut boleh dicam, maksud dia, dia mengikut spesifikasi. Jadi, dalam perkara ini saya memang amat berharaplah JPJ ataupun Kementerian Pengangkutan dapat konsisten agar tidak menyulitkan rakyat jelata. Terima kasih.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Minta laluan.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Untuk makluman Yang Berhormat...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Lipis. Lepas ini tidak ada pencelahan tentang *plat number* lagi.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Ada satu lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Saya sebenarnya setuju dengan Yang Berhormat Tuan Pengerusi dalam keadaan masa terdekat ini, setujukah pihak kerajaan ataupun Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menjawab ini supaya perkara yang berlaku ini ditangguhkan dan yang telah disaman ini supaya ditarik balik saman tersebut dan kita keluarkan satu garis panduan yang standard? Kalau membuat ujian membeli kereta umpamanya, kita letakkan di cermin itu tanda lulus cermin gelap, umpamanya. Maknanya JPJ tidak payah kerja keras. Lulus cermin gelap, sudah ada dari JPJ. Mungkin tanda-tanda yang tertentu.

Jadi kita berharap supaya pihak kementerian fikir sehabis baik dalam hal ini yang menyebabkan saya ingat berjuta-juta rakyat sedang dalam keadaan marah dalam isu cermin gelap dan *plat number* ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Selepas Yang Berhormat Lipis, Yang Berhormat Shah Alam. Selepas itu Yang Berhormat Menteri jawab, ya. Selepas itu beralih pada isu yang lain.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Sebenarnya saya hendak balik kepada kenyataan Ketua Pengarah JPJ itu yang berhubung KPI yang hendakkan 5,000 orang mati itulah.

■2020

Saya rasa mungkin benda ini bukan soal salah guna bahasa atau apa tetapi saya rasa kita hendak kena tentukan bahawa kita punya ketua-ketua pengarah mungkin hendak kena hantar untuk kursus untuk susun ayat yang betul supaya tidak keluar maksud yang tidak seperti mana yang dikehendaki. Kalau kita dengar kata kita hendak kan 5,000 orang mati KPI kita, takut-takut kurang apa yang kita hendak buat, kita hendak tambah kah. Lalu saya minta kalau boleh mungkin hendak kena hantar kursus sedikit, perbetulkan supaya masalah-masalah yang sebegini tidak timbul lagilah.

Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Tanah Merah. Selepas itu Menteri jawab.

Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Terima kasih. Yang Berhormat Menteri, saya hendak sentuh pasal cermin gelap sedikit sahaja. Cermin gelap ini selain daripada apa yang telah diperkatakan oleh Yang Berhormat Pendang sebenarnya cermin gelap juga ia boleh kes-kes jenayah. Contohnya wanita. Kalaulah cermin itu terang, sudah tentulah ia boleh berlaku jenayah. Oleh sebab itu kalau perlu cermin gelap itu. Jadi saya mintalah pihak JPJ dapat mempertimbangkan fokus. Macam juga Yang Berhormat Titiwangsa kata fokus benda lainlah.

Keduanya juga tentang JPJ ini saya pengalaman menunjukkan kalau boleh mereka fokus kepada sistem sebab setiap kali perayaan-perayaan besar, setiap kali itulah sistem *break down*. Apabila sistem *break down*, orang semua berebut. Banyaklah berlaku amalan-amalan rasuah sebab semuanya hendak keluarkan *road tax* sebelum hari perayaan. Saya tidak tahu kenapa. Setiap kali hari perayaan besar, mesti sistem *break down*. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Menteri.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat, pertama cermin gelap untuk makluman memang kita telah tangguhkan penguatkuasaan sehingga 1 Mei. Walau bagaimanapun dari bengkel yang kita telah laksanakan maka dirumuskan kelonggaran untuk cermin gelap untuk cermin bahagian kerusi belakang. Akan tetapi untuk pemandu ia masih dikekalkan kerana seperti tadi permintaan polis untuk membuat penguatkuasaan.

Kita kena faham bahawa undang-undang seperti penggunaan tali pinggang keledar, seperti tidak boleh menggunakan telefon bimbit, itu sudah ada, undang-undang itu sudah ada. Jadi pihak polis memang akan menggunakan cermin terang ini untuk mereka membuat penguatkuasaan.

Seterusnya untuk *plat number* Yang Berhormat, kita hari ini kalau kita perasan banyak kereta telah menukar nombor-nombornya jadi nama. Kalau 8055 sudah jadi bos sebagai contoh. Jadi ini yang menyukarkan untuk pihak polis dan pihak JPJ membuat penguatkuasaan.

Untuk makluman, dalam konteks *plat number* ini saya telah berbincang dengan pihak JPJ, ia hanya mengenakan saman kepada yang ekstrem sahaja, yang tidak boleh dibaca, yang terlalu kecil. Akan tetapi kalau ukurannya *plus minus* 10%, 15%, kalau boleh dibaca diberi kelonggaran.

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya cuma ada satu soalan sahaja mengenai *number plat*.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Cukuplah Yang Berhormat Rasah. Yang Berhormat Rasah...

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Macam mana kita hendak *identify* ia ekstrem atau tidak ekstrem? Memang tidak ada satu standard untuk mengenal pasti.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Kita tidak ada standard, tidak mengikut peraturan mesyuarat. Isu lain.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Tuan Pengerusi, saya katakan tadi pihak JPJ akan menggunakan budi bicara 10% hingga 15% *buffer* supaya ia tidak begitu ketat dalam penguatkuasaan ini. Seterusnya...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *Standard design* sahajalah, *settle. Just do a standard design, settle*. Tidak payah *plus minus*.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Pengguna...

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Memang saya setuju, memang kita hendakkan *standard design* tetapi seperti saya sebutkan tadi pihak JPJ pun ada kena menggunakan budi bicara supaya tidak mencari kesalahan.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Menteri...

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Maknanya kalau kurang 10%, cepat-cepat saman.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Sedikit.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Itu kita tidak mahu kerana kita tidak mahu pihak JPJ sengaja hendak mencari kesalahan rakyat.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tuan Pengerusi, macam mana...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Sedikit, sedikit.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Cukuplah, cukuplah.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tidak, sebab jawapan ini memerlukan...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ia begini Yang Berhormat Pokok Sena. Yang Berhormat Pokok Sena kita sudah faham semua wakil rakyat dan Ahli Yang Berhormat minta ditangguhkan. Jemaah Menteri tidak payah pusing-pusing isu lain.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Menteri apa ini...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila, sila...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Kalau saya bagi pencilahan, sampai 9.30 kita. Sila isu tajuk yang lain.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Akan tetapi jawapan itu perlu...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Jadi fahamlah. Jadi Timbalan Menteri faham? Okey sila.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tuan Pengerusi, jawapan itu memerlukan perbincangan. Sebab dia kata guna budi bicara. Bahaya itu, itu akan menimbulkan respons dan sebagainya. Kalau ada undang-undang jelas, senang.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Tuan Pengerusi, untuk maklumat ia sudah ada standard, ukuran semua sudah ada standard. Ini adalah standard *measurement*. Jadi kalau sedikit kurang, JPJ tidak akan mengambil tindakan. Hanya kalau terlalu kecil dan tidak boleh nampak dan kalau sudah tidak boleh dibaca secara jelas oleh pihak JPJ barulah diambil tindakan.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tidak. Mana kita hendak tahu penguat kuasa JPJ boleh baca atau tidak boleh baca? Mana kita tahu. Kadang-kadang kecil dia mata terang, dia boleh baca.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: [Ketawa]

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Tuan Pengerusi, ada standard.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Jadi macam mana kita hendak tahu seseorang itu dia boleh baca atau tidak boleh baca kecuali kalau JPJ...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Cukuplah Yang Berhormat Pokok Sena, cukup. Yang Berhormat Menteri faham ya maksud saya tadi. Tukar ke tajuk yang lain Yang Berhormat Menteri. Kalau panjang-panjang nanti lagi hebat lagi ada permintaan yang tidak patut pula. Saya faham *queue* ini.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Fahami perasaan Tuan Pengerusi.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Tuan Pengerusi, mengenai tindakan yang dibuat oleh pihak MAS selaku syarikat penerbangan lima bintang yang Ahli Parlimen Bachok bangkitkan tadi. Pihak MAS adalah merupakan syarikat lima bintang menyediakan penerbangan ke empat benua dengan 60 destinasi merangkumi 30 negara.

Penumpang terdiri daripada pelbagai bangsa dan penganut yang berbeza. Golongan penumpang-penumpang ini menjangkakan perkhidmatan yang tertinggi mengenai hidangan yang disediakan. Ia termasuklah hidangan, minuman dan minuman beralkohol. Beberapa syarikat penerbangan daripada negara-negara Teluk juga menghidangkan yang sama. Walau bagaimanapun pihak MAS tidak menggalakkan penumpang-penumpangnya untuk mengambil minuman keras yang tersebut. Seterusnya mengenai...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Penjelasan Timbalan Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Shah Alam.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Saya hanya hendak tanya minuman keras yang dibekalkan di atas pesawat MAS itu kalau tidak silap saya ia diberi secara percuma termasuk minuman yang betul-betul keras. Bukan sekadar *beer* tetapi macam *whisky*, *brandy* dan *wine*.

[Dewan riuh]

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Adakah yang buat bising itu lebih arif. Saya hanya tahu nama tetapi yang buat bising itu lebih arif. Dia syok apabila kita sebut. Adakah benar bahawa minuman-minuman keras ini dibekalkan secara percuma?

Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]: Yang Berhormat Menteri, minta celah.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Tuan Pengerusi, memang apabila kita membeli tiket kapal terbang, maka ia termasuk dengan hidangan yang disediakan dalam kapal terbang.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Jadi maknanya tiket yang saya beli saya subsidikan air arak untuk orang. Ini yang tidak betul ini. Saya rasa kebanyakan daripada syarikat-syarikat penerbangan antarabangsa kalau ada penumpang yang hendak minta arak ini pun kena bayar. Kalau tidak, akhirnya sama ada kita sedar atau tidak, kita bersubahat.

■2030

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Malaysia boleh.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Untuk makluman Tuan Pengerusi, mengenai syarikat penerbangan MAS ini, ia dalam proses penstrukturan semula. Dalam konteks ini, ia akan menggunakan satu *new business model*. Jadi kemungkinan *new business model* yang akan diterajui oleh satu syarikat yang baru ini dan seorang CEO yang baru nanti, ia akan dapat merubah sistem ini seperti mana kehendak harapan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Sikit boleh? Sikit, sikit.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Menteri, ada tiga yang bangun. Yang Berhormat Bachok, Yang Berhormat Lipis dan juga Yang Berhormat Sepang. Yang mana satu?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Sepang ya?

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Sepang.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Okey, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Kesian dekat Yang Berhormat Bachok, lama dah berdiri.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Menteri, saya rasa dari segi isu menghidang arak ini, dia lebih kepada kuasa Menteri. Menteri ada kuasa. Kalau Menteri boleh bagi arahan, saya rasa tidak ada masalah. Saya mendengar jawapan Menteri ini, kita makin takut. Kita ingat selama ini tiket itu tidak ada kena-mengena dengan pembelian arak. Yang Berhormat Menteri menyebabkan orang Islam yang mendengar jawapan itu menjadi takut hendak naik MAS lagi dah. Maknanya kita ada saham pula. Selama ini kita tak jangka benda macam ini berlaku. Itu yang pertama.

Yang keduanya Yang Berhormat Menteri, kalau kita hendak katakan syarikat, banyak juga syarikat penerbangan lain yang tidak hidang arak langsung. Maknanya boleh. Akan tetapi dalam masa yang sama saya tahu Yang Berhormat Menteri mungkin *cater* kepada penumpang yang bukan Islam. Dalam konteks itu, kalau hendak beri pun mestilah ada had dia.

Yang ketiganya Yang Berhormat Menteri, apabila ada hidangan arak ini, yang lebih *concern* ialah pramugari dan pramugara yang beragama Islam. Maknanya mereka *concern*

sebab mereka terpaksa menjalankan tugas itu walaupun dengan tidak reda. Jadi macam mana kita hendak menjaga sensitiviti orang Islam yang bekerja itu? Sudahlah dengan gaji yang rendah, selepas itu terpaksa buat benda itu dalam keadaan kita tahu bagaimana kes ada seorang pramugari apabila mengandung diberhentikan kerja. Ini semua berlaku dalam MAS. Jadi saya harap, benda ini Yang Berhormat Menteri kena ada satu pendirian. Kerajaan ada satu pendirian tentang isu ini. Terima kasih.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Minta laluan.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Bachok dan Yang Berhormat Lipis.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Saya sebenarnya amat bersetuju juga supaya penghidangan arak ini supaya diberhentikan terus. Sebenarnya saya berpendapat apakah rasionalnya sebenarnya? Adakah dengan tak adanya *wine* dan sebagainya macam Yang Berhormat Shah Alam kata tadi, adakah penerbangan kita jadi tak laku pula, jadi orang tak nak naik pula. Sedangkan penerbangan lain pun ada sesetengah penerbangan yang tak hidang pun. Contohnya Brunei Airlines, dia tak ada, tak ada arak sebenarnya Brunei Airlines. Saya sebenarnya amat sedih sekali, terbaru saya naik kapal terbang, saya tengok *steward* itu dahinya bertanda hitam. Maknanya kuat sembahyang. Kuat sembahyang. Dia yang menghidangkan arak itu, dia yang menghidangkan arak itu kerana tugas. Akan tetapi dia sudah jadi hukum subahat.

Saya selalu juga merujuk dengan Tok Pendang ini sebenarnya banyak perkara, dibincang dalam kabin. Jadi kuasa Menteri yang dikatakan tadi gunakanlah kuasa ini. Jangan kita hidangkan lagi. Orang lain bukan Islam hendak buat tak apalah, tetapi kita ini sebagai orang Islam, kita pertahankan sebenarnya dari segi arak ini, kita tak nak. Kesian kepada yang pekerja-pekerja yang saya kata 'bertanda' dahi hitam tadi yang terpaksa menuang arak ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Lipis. Ya Yang Berhormat Bachok, selepas itu Yang Berhormat Menteri jawab. Isu yang lain selepas ini.

Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Sikit sahaja saya hendak penjelasan, saya bangkitkan dalam perbahasan tadi berapa banyak kes yang pernah berlaku gangguan oleh orang yang minum arak kemudian mabuk atas kapal terbang khususnya kepada pramugari-pramugari yang bertugas ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Machang.

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Soal hidangan arak dalam kapal terbang ini, kita minta kerajaan buat satu keputusanlah, tak payah. Saya setuju sangat dengan beberapa pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat ini. Yang Berhormat Bachok terutamanya Yang Berhormat Shah Alam.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Lipis.

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Ya, Yang Berhormat Lipis, saya setuju. Saya rasa tak rugi pun. Kalau rugi pun, rugi atas dunia sikit ini tak apa, jangan rugi teruk di

akhirat nantilah. *[Tepuk]* Ini, memang dalamlah, yang pertama. Yang keduanya Tuan Pengerusi, soal pakaian ini. Soal pakaian ini, mana-mana saya minta kerajaan ambil keputusan jugalah, ketetapan, mana-mana *airlines* yang berpangkalan di Malaysia ini, pakaian itu biarlah mengikut Islamlah. Saya tengok negara-negara lain yang pakaiannya, pakaian yang menutup aurat pun, kapal terbang pun penuh sama juga. Ini kadang-kadang skirt yang singkat, baju yang ketat. Semua satu susuk badan boleh nampaklah.

Sekurang-kurangnya macam Yang Berhormat Parit Sulong kah, ha macam itu. Ini bab pakaian ini pun satu hal juga. Kadang-kadang kita bukan hendak tengok tetapi lalu depan mata, tertengoklah. *[Ketawa]* Itulah pandangan saya, tak payah, tak payah hendak *corner* kiri, *corner* kananlah. Ambil satu keputusan sahaja. Saya rasa Dewan ini pun bersetuju. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi, sikit sahaja, sikit sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Isu yang sama cukup.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Bab pakaian ini, saya lihat bahawa MAS boleh kuat kuasa bila pramugari dia bawa orang menunaikan fardu haji. Semua pakai tudung, semua pakai pakaian menutup auratlah. Jadi selepas itu dia habis buat haji, dia pakai pesawat biasa, penerbangan biasa, dia tak pakai pula. *[Ketawa]* Jadi maknanya pengurusan MAS, sepatutnya kita kuat kuasa sepenuhnya. Kuat kuasa sepenuhnya, tak kiralah dia penerbangan haji ataupun bukan penerbangan haji. Kenapa kita mendidik orang jadi hipokrit? Waktu hendak pergi haji, okey kamu kena layan orang jemaah haji ini pakai pakaian menutup aurat. Selepas itu untuk penerbangan biasa, tak apalah. Kamu tak pakai pakaian menutup aurat pun tak apa. Jadi kita mendidik mereka menjadi hipokrit. Sepatutnya kita mendidik mereka menjadi seorang Muslimah yang sejati.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Menteri cukuplah.

Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Yang Berhormat Menteri, minta laluan, pendek, sikit sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Cukuplah Yang Berhormat Tanah Merah. Yang Berhormat Menteri jawab isu lain selepas ini.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Tuan Pengerusi, apa juga pandangan-pandangan ahli Yang Berhormat mengenai apa yang dibangkitkan mengenai arak dan juga pakaian, saya akan bawa perkara ini kepada pengurusan MAS untuk di...

Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Saya hendak sentuh pasal arak sikit, sahaja, sikit sahaja Tuan Pengerusi. Ini lain sikit, lain sikit.

Yang Berhormat Menteri, pasal arak ini, semua saya tak sentuh pasal arak. Cuma saya hendak sensitiviti, kadang-kadang *stewardess* ini tidak sensitif. Kalau penerbangan luar negara ini. Dia tak kisah Melayukah, Islamkah, semua dia tanya. "*Wine sir?*" Saya rasa patutnya dia tengoklah. Begitu juga waktu bulan puasa. Bila bulan puasa ini, *local* punya penerbangan. Dia

ada tanya, padahal bulan puasa pun dia tanya. Okey, dia tanya fasal minuman. Saya rasa mereka harus jaga sensitiviti. Kadang-kadang pada orang pakai kopiah pun dia *offer wine*.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Okey, Ahli-ahli Yang Berhormat, saya akan mengambil maklum akan perkara-perkara yang dibangkitkan. Tadi mengenai tiket yang siap dengan makanan, ini perkara ini memang dah lama dah. Maka sebab itu saya yakin dengan penstrukturan MAS nanti, ia akan membuat pendekatan *new business model* yang lebih rapi dan lebih Islamik.

Seterusnya Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai apa yang dibangkitkan mengenai KTMB, pekerja-pekerja KTMB yang hari ini ada masalah. Jadi oleh sebab untuk makluman, isu anggota kesatuan pekerja yang dipecat ini, oleh sebab MOT ataupun Kementerian Pengangkutan tidak mempunyai bidang kuasa ke atas tadbir urus ini, ini lebih sesuai dijawab oleh pihak MOF kerana KTMB ini ialah sebuah syarikat di bawah Kementerian Kewangan.

Seterusnya mengenai apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bayan Baru dan juga Yang Berhormat Bagan Serai dan juga Yang Berhormat Jerlun mengenai lapangan terbang dicadangkan, ia masih dalam bidang EPU sedang mengkaji dan insya-Allah perkara ini kita akan dapat rumusan, keputusan sama ada ia *viable* ataupun untuk dibangunkan lapangan terbang di Perak dan juga di Kedah.

■2040

Seterusnya, untuk penambahbaikan Lapangan Terbang Pulau Pinang...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Silam bangun.

Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur [Silam]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan juga terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Baru-baru ini dalam Bajet 2015, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan RM50 juta untuk memanjangkan atau menaiktarafkan Lapangan Terbang Lahad Datu. Pada dasarnya, peruntukan ini adalah untuk kegunaan TUDM sebab masalah timbul pada masa pencerobohan di Lahad Datu di mana pesawat-pesawat tentera yang besar, C130 dan yang lebih besar lagi tidak boleh mendarat di Lapangan terbang Lahad Datu. Oleh sebab itu, tentera yang dihantar ke Lahad Datu terpaksa turun di Tawau dan tiga jam untuk pergi ke kawasan berkenaan. Jadi oleh sebab itu, saya rasa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memikirkan untuk memanjangkan lapangan terbang supaya di bawah tentera untuk kegunaan TUDM.

Lapangan Terbang Lahad Datu ini sebenarnya ialah lapangan terbang yang dipunyai oleh MAHB, Malaysia Airports dan dia hanya dapat menampung pesawat ATR 72-500. Ia memang pendek tetapi tanah yang digunakan oleh MAHB itu hanya separuh daripada keseluruhan tanah. Hanya separuh sahaja digunakan. Jadi maknanya memang ada ruang untuk memanjangkan lapangan terbang ini.

Pertanyaan saya ialah adakah Kementerian Pengangkutan terlibat dalam projek ini sebab peruntukan ini khas untuk TUDM? Jadi saya ingin tahu sama ada projek lapangan terbang ini akan terlibat ataupun Kementerian Pengangkutan dibawa berbincang tentang projek ini dan...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, jangan panjang-panjang.

Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur [Silam]: Ya, satu sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Satu pun jangan panjang.

Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur [Silam]: Sedikit sahaja. Adakah lapangan terbang ini akan dipanjangkan untuk boleh memuatkan pesawat-pesawat besar komersial seperti Boeing 737 dan juga Airbus 320? Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Bagan Serai.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin mendapat penjelasan, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada beritahu tentang keputusan sama ada lapangan terbang ini akan berada di Kedah atau di Perak, menunggu keputusan EPU. Saya *just* hendak ulang yang Perak telah memohon pada tahun 2010 dan telah diberitahu bahawa perkara ini ditangguhkan untuk sementara waktu. Jadi soalan saya, adakah kerajaan telah buat keputusan untuk buat lapangan terbang itu sekarang ini dan bilakah keputusan itu sebenarnya akan diberitahu? Terima kasih.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Berebut dengan Yang Berhormat Jerlun itu. *[Ketawa]*

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Perak tidak ada *international airport*, tidak ada langsung.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Buat di tengah-tengah Parit Buntar dengan Bagan Serai itu.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Tuan Pengerusi, pertama mengenai Lahad Datu. Memang ia di bawah Kementerian Pengangkutan dan saya akan pergi ke Lahad Datu minggu hadapan untuk membuat perbincangan dengan pihak kerajaan tempatan dan juga Kerajaan Negeri Sabah untuk bagaimana *runway* dapat dilebarkan dan dipanjangkan bagi memenuhi pendaratan pesawat yang lebih besar.

Seterusnya mengenai perkara lapangan terbang di Perak. Untuk makluman, Perak pun kita baru sahaja memperbesarkan Lapangan Terbang Ipoh dan hari ini Lapangan Terbang Ipoh telah dapat menampung pesawat Airbus 320, Boeing 373 dan sebab itu pihak EPU akan membuat penilaian bagi menentukan keputusan sama ada ia akan dibina di Kedah atau di Perak. Jadi untuk makluman setakat ini, keputusan daripada EPU belum diperoleh.

Seterusnya Tuan Pengerusi, saya ingin membangkitkan perkara AES yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pokok Sena. Buat masa ini, kerajaan sedang dalam proses untuk mengambil alih pemilikan dan operasi AES daripada kedua-dua syarikat penyedia perkhidmatan. Perkara ini mengambil masa yang agak panjang memandangkan ia melibatkan implikasi

keuangan dan perundangan dan perkara ini perlu dibuat dengan secara baik dan diperhalusi secara berkesan agar ia dapat dilaksanakan secara teratur. Nilai pengambilalihan masih dalam proses rundingan dan belum dimuktamadkan.

Seterusnya daripada apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kota Kinabalu mengenai *Cabotage Policy*. Sebenarnya untuk makluman Tuan Pengerusi, pihak kementerian telah mengadakan perbincangan dengan semua pihak yang terlibat dan telah memaklumkan bahawa *Cabotage Policy* ini tidak menyumbang sepenuhnya kepada harga di Sabah dan Sarawak, dan ini telah diakui oleh semua pihak. Dalam konteks ini, pihak Kerajaan Persekutuan sentiasa memberi kerjasama untuk membantu bagaimana mengurangkan kos di negeri Sabah dan juga Sarawak.

Seterusnya dalam konteks ini juga, soalan adakah kerajaan bersedia menaik taraf pelabuhan-pelabuhan di Sabah. Pelabuhan-pelabuhan di Sabah adalah di bawah kawal selia Kerajaan Negeri Sabah seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, Kementerian Pengangkutan bersedia bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Sabah dalam membangunkan pelabuhan-pelabuhan di Sabah termasuk Pelabuhan Sepanggar. Kerajaan sedia menerima apa juga cadangan-cadangan bagi memastikan pelabuhan-pelabuhan di Sabah ini dapat membantu mengurangkan kos harga di Sabah.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kota Kinabalu.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri bagi laluan untuk saya.

Tadi saya harap saya tak salah faham apa yang kita bagi *answer* sama saya punya *Cabotage Policy*. Jikalau Yang Berhormat Timbalan Menteri tak tahu, mungkin kita tidak akui *Cabotage Policy* yang satu faktor yang menaikkan harga tinggi di Sabah. Jadi saya cadangkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri – betulkan tadi kita cakap bukan satu *serious factor* kan? Akan tetapi kalau kita kata bukan satu faktor yang betul yang kasi naik harga Sabah, saya cadang sama kita, kita tukar kerana kita sudah lebih 30 tahun di Klang. Jadi saya minta ini *shipping hub* pindah pergi Sabah, tunggu 30 tahun, Semenanjung apa macam rasa harganya. Bolehkah?

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Tuan Pengerusi, mungkin Yang Berhormat Kota Kinabalu dia tidak faham sistem perdagangan antarabangsa. Dalam sistem perdagangan antarabangsa, ia *based on volume*. Begitu juga kapal-kapal. Kapal-kapal tidak akan berlabuh di sesuatu pelabuhan sekiranya mereka tidak ada *volume*. Jadi sebab itu hari ini dalam soal *fee shipping line*, semua *shipping line* ini bergantung kepada *commercial decision*, bukan bergantung kepada harga yang ditentukan oleh kerajaan. Kerajaan tidak pernah menentukan harga *shipping* di dalam negara kita.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Tuan Pengerusi, saya tidak puas hati macam ini punya jawapan.

■2050

Saya bagi tahu sama Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya pun sebagai seorang *businessman* juga. Pandai juga, tahu apa itu kos. Jangan hari-hari cakap dengan kami ini tidak cukup kargo dari Sabah. Saya ada cadangan daripada ucapan saya, sebetulnya saya bangga satu tempat strategik untuk satu hab di Sabah kerana kita kata kita cukup kargo dari Sabah ke Semenanjung, betulkan? Kalau kurang, saya ada satu *win-win* formula. Saya cadangkan Sepanggar Bay, Sabah akan satu hab *shipping* di Sabah untuk Japan, China, Philipines, Korea atau Taiwan yang dekat di Sabah, semua kargo ke Sabah. Jadi, dari *western country* Amerika, UK, Europe dan Afrika pergi Klang. Jadi, kapal *internal* dari Klang boleh hantar barang ke Sabah, dari sana ambil balik barang ke Sabah. Jadi, ini satu formula saya fikir yang boleh ada keadilan.

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Tidak faham Tuan Pengerusi, tidak berapa faham.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Siapa mahu cakap lagi? Saya tidak puas hati kerana saya cadangan ini, saya mahu Menteri ini kali mahu ambil cadangan saya serius kerana semua SME perdagangan Chinese campur *commerce* sampai UMNO, UMNO punya MP pun cadang mahu hapuskan *Cabotage Policy*. Saya tidak faham kenapa Yang Berhormat Menteri masih tidak faham. Saya hendak tahu. Cadangan ini satu formula saya boleh ambil langkah-langkah, ambil *study* satu formula, buat satu hab di Sabah, satu di Semenanjung. Apa yang dekat Semenanjung, pergi Semenanjung. Apa yang dekat Sabah, pergi Sabah. *Internal shipping* angkat sana turun sini, sini pergi sana. Adalah kargo. Kenapa tidak cukup? Ini sahaja formula. Minta penjelasan.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Tuan Pengerusi, sebenarnya dalam bidang perkapalan, kargo-kargo dari Thailand pun menggunakan pelabuhan-pelabuhan di Semenanjung Malaysia iaitu di Pulau Pinang dan Port Klang. Ini kerana pelabuhan-pelabuhan di Thailand pun pihak *shipping line* yang besar-besar tidak mahu pergi. Tidak mahu sampai ke Songkhla kah, dekat Narathiwat, dia tidak hendak. Jadi, kargo-kargo Narathiwat, Songkhla semua ini turun bawa ke Malaysia. Ini kerana *shipping-shipping* yang besar-besar ini kalau kita isytiharkan Sepanggar jadi *International Shipping Hub*, kita boleh isytiharkan.

Akan tetapi sama ada *this shipping line* hendak pergi ke sana kah tidak. Ini kerana Yang Berhormat, kena faham konsep *business*. Jadi, untuk makluman Tuan Pengerusi, Kerajaan Malaysia sedia membantu pihak negeri Sabah untuk membangunkan pelabuhan-pelabuhan yang hari ini pelabuhan-pelabuhan di Sabah adalah di bawah kuasa kerajaan negeri. Kerajaan negeri pun boleh isytihar. Kalau dia hendak kata ini hab, silakan. Kita akan bagi *facilitation*. Akan tetapi sama ada kapal-kapal internasional hendak singgah kah tidak. Ini semua adalah bergantung pada keputusan komersial oleh pihak-pihak *shipping line*.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Menteri, isu lain. Cukuplah.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kota Kinabalu, cukup-cukup. Yang Berhormat Menteri, sila.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Seterusnya...

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Tuan Pengerusi, minta sedikit lagi...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Cukuplah.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: ...Mengenai pelabuhan. Bagi sedikit lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kota Kinabalu, cukup.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Ini kerana pelabuhan di Sabah tidak cukup baik. Persekutuan apa yang akui, yang dijamin oleh Persekutuan, peruntukan tidak diberi pada Sabah. Jadi, tanggungjawab wang untuk Sabah bagi membangunkan pelabuhan, bukankah hak Persekutuan? Betulkah?

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Menteri, cukup.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Seterusnya Tuan Pengerusi, yang dibangkitkan oleh...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Panjang lagi Yang Berhormat Menteri?

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Ada lagi. Yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kota Kinabalu mengenai feri, Ro-Ro Kimanis 1. Sekarang telah pun dibenarkan untuk meneruskan perkhidmatannya di Menumbok, Sabah oleh Jabatan Pelabuhan dan Lembaga Sabah mulai 25 Oktober yang lepas.

Juga yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kota Kinabalu, mengenai perpindahan AirAsia di Terminal 1. Jadi, pihak AirAsia telah bersetuju dengan pihak MAHB, akan mula beroperasi di Terminal 1, mulai pada 1 Januari 2015. Memandangkan terminal yang baru ini telah siap, yang boleh memberi kemudahan kepada penumpang-penumpang dengan lebih selesa.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Tuan Pengerusi, minta laluan.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Cukup.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Ini penting kerana *airport* mahu pindah, ada masalah saya nampak Tuan Pengerusi. Saya mahu tanya Yang Berhormat Menteri, kalau AirAsia sudah akui untuk pindah pergi ke KKIA 1, jadi saya mahu tanya Menteri. Bagaimana sekarang belum pindah, sekarang trafik di Kota Kinabalu dari Putatan turun pergi ke Kota Kinabalu sudah jem sangat. Adakah ini masalah trafik jem sudah diselesaikan? Apakah langkah-langkah yang diambil? Adakah cukup pengangkutan awam disediakan? Minta penjelasan. Tambah lagi.

Saya mahu Yang Berhormat Menteri bertanggungjawab juga, jikalau sudah pindah *airport* ini ke KKIA, nanti menjadi *havoc* dalam trafik *jammed*, jadi apa tanggungjawab Yang Berhormat Menteri? Apa macam? Apa macam kau boleh tanggungjawab? Mahukah letak

jawatan? Saya mahu Yang Berhormat Menteri jawab. Kalau ada masalah, mahukah Yang Berhormat Menteri letak jawatan? Ini habis-habis kita.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Tuan Pengerusi, semangat tu, semangat.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Tuan Pengerusi, ianya diurus oleh pihak MAHB dan juga Kerajaan Sabah. Saya pasti pihak berkuasa akan mengurus sebaik-baiknya kerana ianya dibina begitu rupa untuk memberi kemudahan kepada orang ramai.

Seterusnya, mengenai apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Labuan mengenai penubuhan- adakah peruntukan kerajaan untuk menimbus tanah bagi pelabuhan bersepadu. Kementerian Pengangkutan memang merancang untuk membangunkan sebuah pelabuhan bersepadu di Labuan dan ia akan dilaksanakan secara kerjasama awam-swasta. Seterusnya, pihak kerajaan juga sedang mengkaji cadangan penubuhan lembaga pelabuhan untuk Labuan.

Seterusnya, mengenai terminal kargo. Kementerian Pengangkutan akan bersama-sama dengan pihak Perbadanan Labuan untuk menjayakan projek terminal kargo di Lapangan Terbang Labuan. Akhir sekali, mengenai kawalan penjualan nombor pendaftaran. Pihak kementerian melalui JPJ sedang dalam kajian untuk melaksanakan *national plate number* iaitu satu bentuk penyeragaman nombor pendaftaran kenderaan melalui kawalan daripada aspek pengeluaran.

Walau bagaimanapun, perkara ini perlu diperhalusi dan dibincangkan dengan semua *stakeholders* memandangkan ianya akan memberi kesan ekonomi terhadap pihak-pihak yang berkaitan. Seterusnya Tuan Pengerusi, saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Mana-mana soalan yang terlepas pandang, saya akan menjawab secara bertulis. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM1,256,217,900 untuk Maksud B.28 di bawah Kementerian Pengangkutan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM1,256,217,900 untuk Maksud B.28 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM3,346,772,700 untuk Maksud P.28 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2015 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM3,346,772,700 untuk Maksud P.28 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2015]

■2100

**Maksud B.20 [Jadual] -
Maksud P.20 [Anggaran Pembangunan 2015] –**

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Kepala Bekalan B.20 dan Kepala Pembangunan P.20 di bawah Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komuniti terbuka untuk dibahas. Tak ada perbincangan?

Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Jerlun.

9.00 mlm.

Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]: *Bismillahi Rahmani Rahim*. Ingatkan sudah nak balik. Terima kasih kepada Datuk Seri Pengerusi di atas ruang dan peluang yang diberikan...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, terima kasih atas doa, belum 'Seri' lagi.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Banyak kali dah orang sebut 'Seri' ini.

Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]: Di atas ruang diberikan untuk perbincangan Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi. Saya ingin menyentuh sedikit tentang Kepala B.20 030000 – Lembaga Getah Malaysia (LGM) yang diberikan peruntukan sebanyak RM70 juta. Jadi, kita tahu bahawa mengikut laporan ekonomi yang dikeluarkan, eksport getah telah berkurangan daripada 460,000 tan pada tahun 2013 turun kepada 441,000 anggaran pada tahun 2014 iaitu penurunan sebanyak 4.1% kemudian harganya pun telah pun turun daripada – saya ingat ini SMR 20, RM8.76 sen kepada purata RM6.87 sen sekilogram. Menyebabkan hasil ataupun *revenue* keseluruhan telah menurun daripada RM4.024 bilion kepada RM3.03 bilion.

Jadi kita tahu bahawa hari ini kita melihat industri getah telah pun makin lembap di negara kita walaupun dulu satu ketika Malaysia memang terkenal sebagai pengeluar getah terulung di dunia malahan kini kita mungkin berada di tahap ketiga ataupun keempat di belakang Thailand malahan Vietnam dan Indonesia. Apa yang lebih perit adalah mereka yang terlibat dalam sektor pekebun kecil, *small holders* di mana harga ketika ini kalau kita kira harga sekerap mencecah sekitar RM2. Sudah tentulah dalam keadaan persekitaran ekonomi pada hari ini, ia memberi satu tekanan yang cukup perit kepada pekebun-pekebun kecil, tak kira sama ada mereka adalah pemilik individu mahupun peneroka-peneroka FELDA dan juga FELCRA dan sebagainya.

Sudah tentulah dengan keadaan getah yang makin muram ini, kalau dulu kita kaitkan saingan getah asli dengan getah tiruan dan getah tiruan ini katanya berkait rapat dengan harga minyak. Jadi, dengan penurunan harga minyak ketika ini menyebabkan permintaan terhadap getah tiruan itu makin melambung. Jadi, sudah tentulah kerajaan memerlukan satu cara baru untuk mengatasi masalah jangka panjang. Ada orang cadangkan untuk diwujudkan harga lantai mungkin sekurang-kurangnya RM3 tetapi dari sudut ekonomi mungkin ia tak *viable* tetapi

mungkin perlu ada satu *intervention* daripada kerajaan pada ketika harganya turun bawah paras tertentu, mungkin RM3 untuk menjamin supaya pendapatan petani-petani terutama di kampung-kampung akan terjamin.

Apa juga yang menjadi masalah ialah dengan kos pengeluaran, tak kira sama ada di ladang mahupun di kampung-kampung, kos pengeluarannya makin meningkat kerana kita sedar bahawa ketika ini sebetulnya kita memang bergantung terhadap penoreh itu sendiri memang tinggi dengan terpaksa diupah dan ini meningkatkan lagi masalah yang dihadapi oleh pekebun-pekebun. Jadi, kita berharap kepada pihak kerajaan walaupun mungkin dengan tindakan yang dibuat oleh pihak Perdana Menteri sendiri memberi sumbangan RM500 *one-off* kepada pekebun-pekebun. Ini pun juga menimbulkan kekeliruan sama ada nak diberikan kepada pemilik kebun mahupun juga kepada penoreh menjadi satu masalah dan kita sedar bahawa RM500 ini tidak mencukupi untuk membantu petani-petani.

Seterusnya saya nak pergi kepada Butiran 040000 iaitu berkaitan dengan Lembaga Koko Malaysia yang diberikan peruntukan RM46.1 juta dan bersamaan juga dengan P.20 Butiran 00100 yang diberikan peruntukan sebanyak RM33.4 juta. Mengikut laporan, kita juga bangga kerana terdapat pertambahan hasil keluaran koko daripada 21,000 tan pada tahun 2013 menjadi 59,000 tan pada tahun 2014 iaitu satu pertambahan yang cukup besar, 174.7%. Daripada segi harganya pula kita cukup seronok mendengar kerana ketika pada tahun 2013, daripada RM7.87 sen sekilo, saya ingat ini adalah harga purata SMC 1B meningkat kepada purata RM9.95 sen sekilo yang dijangkakan pada tahun 2014 iaitu peningkatan sebanyak 26.4%. Daripada segi nilai jualan juga telah meningkat begitu banyak iaitu RM168 juta ke RM583 juta.

Jadi, kita sedar kalau satu ketika dahulu pada tahun 80-an, Malaysia mempunyai kawasan tanaman koko lebih daripada 150,000 hektar namun ketika ini saya kira mungkin dah tak sampai 20,000 hektar tetapi inilah normanya apabila tawaran perbekalannya kurang maka harganya meningkat. Namun kita sedar dalam industri koko, industri coklat, Malaysia juga diterima daripada segi bekalan kokonya walaupun mungkin daripada segi rasanya lebih *acidic* jika dibandingkan dengan koko daripada Ivory Coast mahupun Ghana tetapi kita perlu *blend*, kita perlu campur resipinya untuk mendapat rasa yang sedap untuk pengeluaran coklat.

Jadi dengan pengurangan tanaman koko ini menyebabkan harga sudah meningkat. Oleh itu, saya nak bertanya kepada pihak kementerian, apakah langkah-langkah yang diberikan insentif kepada petani-petani terutama sekali di luar bandar? Petani-petani yang mungkin memiliki kebun ataupun kawasan tanaman koko yang mungkin kecil di bawah daripada dua hektar, mungkin lima hektar dan sebagainya kerana hari ini kita sedar di negara kita, jarang sekali kita dapat melihat ladang ataupun estet yang menanam koko secara besar-besaran lagi kalau dibandingkan mungkin pada tahun 80-an dulu.

Jadi sudah tentulah kalau kerajaan memberikan insentif untuk menanam koko ini, malahan mungkin kalau kita tengok dengan harga getah yang agak lembap ketika ini, dalam jangka panjang pun mungkin harga getah jauh lebih rendah daripada koko, mungkin ianya menjadikan lebih *attractive*, lebih menarik untuk digalakkan semula tanaman-tanaman koko

terutama sekali di kawasan-kawasan tradisional seperti di kawasan Bagan Datok, di Sabak Bernam, di Tanjong Karang, di Sungai Ruan di Raub, di Lipis dan juga mungkin di setengah-setengah kawasan terutama sekali di Sabah dan juga Sarawak untuk kita tingkatkan kawasan tanaman. Akan tetapi sudah tentulah rakyat terutama sekali orang di luar bandar memerlukan sokongan daripada kerajaan dalam bentuk benih-benih ataupun klon yang dapat meningkatkan dan menghasilkan keluaran yang tinggi.

Jadi kita perlukan juga daripada segi R&Dnya, daripada segi didikan dan bimbingan daripada pegawai-pegawai malahan daripada mungkin kalau dulunya MARDI tetapi hari ini dah ada Lembaga Koko. Pegawai-pegawainya perlu turun ke bawah untuk memberi galakan, didikan serta bimbingan kepada petani-petani tentang bagaimana mereka boleh mendapatkan hasil yang jauh lebih lumayan. Koko ini kita perlu tanam di bawah mungkin pokok-pokok kelapa yang hari ini mungkin dah kurang juga pokok kelapanya. Mungkin kita perlu tanam balik pokok yang menjadi penaung kepada pokok-pokok tersebut.

■2110

Jadi kita mengharapkan mungkin dengan perancangan jangka panjang kementerian, maka Malaysia satu hari nanti juga akan pulih kembali dan dapat menghasilkan satu jumlah kuantiti koko yang jauh lebih besar daripada hari ini 60,000 tan, mungkin mencecah 100,000 tan dan sebagainya. Jadi saya ingat itu sahaja yang saya hendak bercakap. Cuma satu lagi Yang Berhormat Tuan Pengerusi, Butiran 060000 iaitu Lembaga Lada Malaysia yang mendapat peruntukan RM26 juta untuk bekalan dan juga mendapat RM13.8 juta untuk Pembangunan. Jadi kita sedar rata-rata industri lada ini hanya boleh ditanam di negeri Sarawak. Jadi apakah mungkin perancangan R&D, pembangunan dan penyelidikan dari segi tanaman lada ini dapat kita luaskan lagi mungkin di negeri-negeri di Semenanjung yang mungkin ada dari segi *climate*, dari segi suhu dan sebagainya atau dari segi kesesuaian tanah?

Kita jadikan ia sebagai satu industri sampingan kepada masyarakat kampung. Mungkin seperti di negeri Kedah kita boleh tanam, kita galakkan tanaman di belakang-belakang rumah di Sik dan sebagainya, kawasan-kawasan pedalaman Kedah yang saya yakin ia boleh kita jadikan, memperluaskan lagi kawasan tanaman lada ini. Ini kerana saya difahamkan harga lada memang menarik mencecah RM25,000, satu tan.

Akan tetapi bukanlah senang untuk kita hendak mendapatkan satu tan lada ini kerana ia memerlukan satu kawasan yang agak luas. Namun, sebagai pendapatan sampingan, saya rasa R&D boleh dibuat dan menggalakkan lagi tanaman lada di negeri-negeri Semenanjung juga. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi.

9.12 mlm.

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak sentuh Butiran 010100 - Kemajuan Industri Komuniti dan Pengurusan dan juga Butiran 030000 - Lembaga Getah Malaysia. Sekarang kita menghadapi satu masalah harga getah yang begitu rendah yang menjejaskan kehidupan lebih kurang 400,000 orang pekebun kecil getah.

Seperti minggu lalu untuk SMR20, harganya kurang daripada RM5 sekilo. Ini bererti apa yang dapat *farm price* untuk *scrub rubber* adalah lebih kurang RM1.88 sahaja bila harga SMR RM5 ke RM1.88. Ada ramai pekebun kecil yang bahagi dua. Jadi ertinya orang yang menoreh itu bukan pemilik tanah. Dia kena *share* dengan pemilik.

Jadi ini sudah membawa kesusahan kepada ramai orang, satu kumpulan yang besar iaitu 400,000 orang. Isu ini telah dibangkitkan oleh beberapa orang Ahli Parlimen. Umpamanya pada 12 Mac, satu soalan oleh Yang Berhormat Baling di mana dia tanya apakah yang sedang dilakukan oleh kerajaan untuk meningkatkan harga getah? Jawapan yang diberi oleh Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi panjang juga tetapi tidak begitu lengkap. Ini kerana dikatakan di sini, harga getah ini bergantung kepada permintaan dan penawaran di pasaran antarabangsa dan mengatakan bahawa kebangkitan ekonomi di China, Eropah lembap *and all that*. Ini memang betul tetapi kita kena sedar *market* yang kita tengok ini bukan market yang *perfect*.

Satu *perfect market* ialah satu *situation* di mana ada ramai pembekal dan ada ramai yang membeli. Jadi *price* ini bergantung pada *supply* dan *demand*. Akan tetapi dalam getah, 70% daripada getah yang kita keluarkan, dibeli, dan dipakai untuk buat tayar. Pembuat tayar ini bukan seribu *company* yang buat tayar, ada lebih kurang lima, enam atau mungkin lapan buah syarikat tayar yang bertapak di Malaysia, bertapak di Amerika, dan bertapak juga di China. So, mereka ini ada satu oligopoli di mana mereka boleh *control market*, antara mereka boleh *control market*, dia boleh turunkan harga getah ke paras yang rendah. So, ini kita tidak boleh menganggap ini sebagai market yang *perfect* di mana permintaan dan pembekalan ia jadi seimbang.

Jadi saya rasa kerajaan kena tengok itu, *you know?* So ini oligopolistik *market* dan harga ditentukan oleh kumpulan itu. Bila kita tengok permintaan pada tahun 2000, hanya 7.1 juta tan global. Tahun ini, permintaan ialah 11.4 juta tan. Jadi mungkin peningkatan permintaan tidak meningkat, kadarnya tidak naik cepat tetapi ia memang naik, setiap tahun permintaan naik walaupun ada *recession*, orang tidak beli kereta banyak tetapi masih ada orang yang beli kereta. Kereta lama pun kena tukar tayar dari semasa ke semasa so permintaannya tidak pernah turun, ia naik.

Mungkin kadar kenaikannya tidak banyak juga kita tengok harga tayar kita ini, katakan kita ada terlalu banyak getah, harga tayar kena turun, saya tidak nampak itu. Setiap kali saya tukar tayar saya, ia mesti sama ataupun ia naik. Jadi ertinya, apa yang sedang berlaku ialah syarikat-syarikat besar yang buat tayar itu, *they're bullying us*, *they* turunkan harga getah, dia dapat untung lebih besar. So, saya rasa kerajaan kita mesti lawan balik.

Okey lagi satu yang dikatakan oleh Menteri dalam jawapan pada Yang Berhormat Baling adalah berkenaan dengan *International Tripartite Rubber Council (ITRC)*, Malaysia, Thailand dan Indonesia yang ada di *council*. Dikatakan bahawa ITRC telah buat satu *Agreed Export Tonnage Scheme (AETS)* untuk kawal eksport. Ini pada tahun 2012, 12 Oktober hingga Mac 2013 dikatakan hendak kawal eksport sebanyak 300 tan getah asli, okey. Ini dikatakan dalam jawapan. Bila saya *check* dalam net, hanya Thailand yang betul-betul turunkan pengeluaran getahnya

sebanyak 100,000 tetapi Malaysia meningkatkan pengeluarannya jika dibandingkan dengan tahun yang lalu. Jadi kita pun tidak boleh kerjasama dengan negara lain.

So saya mahu Menteri jawab ini, kenapa kita tidak ikut *agreement* kita untuk kurangkan kita punya *supply* untuk menaikkan balik? So saya harap ini kita ambil mesti tindakan, *supply change management* yang lebih berkesan kerana sekarang ini bukan satu yang natural, satu yang semula jadi, *market*. Ini kita ini sedang dibuli oleh syarikat-syarikat besar dan kita mahu kerajaan untuk bantu pekebun kecil kita untuk lawan balik dengan pakai *supply change*.

Saya diberitahu oleh orang dalam industri, satu harga yang adil untuk getah ialah lebih kurang RM8, SMR20, RM8 hingga RM10, itu adillah. Ada satu kali ia naik sampai RM15, RM17 sekali. Mungkin itu tinggi sangat tetapi RM8 hingga RM10, *it is something fair*. Ia juga pernah jatuh ke RM2.80 SMR20 pada tahun 2000. Pada masa itu pun, itulah masa ITRC ditubuhkan. So harap kita boleh kaji semula apakah langkah yang mereka ambil untuk *supply management*, bagaimana mereka dapat meningkatkan balik harga getah?

Saya juga minta Lembaga Getah Malaysia untuk minta RISDA mengadakan mesyuarat. Saya telah pergi ke Sungai Siput kawasan-kawasan penoreh getah, sampai sekarang tidak ada mesyuarat dengan mereka. Mereka tidak dihubungi dan tidak berbincang macam mana hendak kendalikan ini. Saya dengar kerajaan akan buat *price support mechanism*, hendak beri 30 sen satu kilo, itu baguslah. Akan tetapi tolong bincang di akar umbi skim ini. Akan tetapi yang penting sekali saya ingat kita jangan bagi syarikat-syarikat besar oligopoli tayar *manufacturer* ini membuli kita, kita mesti lawan balik. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Lumut. Saya nampak tadi Yang Berhormat Parit Sulong hendak bangun.

9.19 mlm.

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd. Hamid [Lumut]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya sekadar hendak bangkitkan berhubung dengan...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Kalau Yang Berhormat Lumut, lima minit...

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd. Hamid [Lumut]: Tidak sampai lima minit pun.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Tidak sampai, okey. Selepas Yang Berhormat Lumut, Yang Berhormat Serdang.

■2120

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]: Kod 3000 – aset RM134,416,000. Saya hanya ingin mendapat maklumat ke manakah peruntukan ini akan dibayar untuk perolehan aset kementerian ini? Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Parit Sulong. Saya ingat hendak tutup bagi Yang Berhormat Menteri jawab, sila Yang Berhormat Parit Sulong.

9.20 mlm.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Lima minit juga Yang Berhormat Parit Sulong.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Cuma satu sahaja Butiran 070400 iaitu Menangani Kempen Anti Minyak Sawit. Secara pendahuluan, kita tahu Kempen Anti Minyak Sawit ini terus dibangkitkan oleh badan bukan NGO di Eropah. Walau bagaimanapun, kita telah mendapat satu sokongan daripada pengeluar produk terkenal dunia dari Perancis iaitu Kumpulan Ferrero yang memiliki jenama Nutella dalam menyokong penggunaan kelapa sawit sebagai bahan utama dalam pembuatan produknya.

Cuma saya hendak tanya dengan pihak kementerian daripada Yang Berhormat Menteri, bagaimanakah mungkin Yang Berhormat Menteri boleh *share* ataupun kongsi dengan kita, apakah cadangan dalam usaha untuk kita melancarkan lebih banyak lagi kempen untuk meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai sebenarnya faedah-faedah daripada penggunaan minyak kelapa sawit ini. Dalam waktu yang sama, apakah juga usaha yang dilakukan oleh pihak berkenaan dalam usaha untuk Menangani Kempen Anti Minyak Sawit ini memandangkan terdapat antara tuduhan-tuduhannya yang tidak benar terhadap faedah-faedah minyak kelapa sawit itu. Mungkin Yang Berhormat...

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Minta pencilahan.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kapar. Boleh Yang Berhormat Parit Sulong?

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Kata saya ada lima minit sahaja.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih Yang Berhormat Parit Sulong, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya *just* hendak minta penjelasan mengenai Kempen Anti Minyak Sawit ini. Tahun lepas peruntukan adalah sebanyak RM16 juta tetapi kita nampak tekanan daripada negara-negara luar terhadap minyak sawit ini makin berleluasa. Tahun ini pula kita telah mengurangkan kepada RM10 juta so, saya hendak minta pendapat Yang Berhormat bukannya kita kena betul-betul fokus kepada kempen ini supaya minyak sawit dapat diuar-uarkan lebih bagus. Penjelasan.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Okey terima kasih Yang Berhormat Kapar dan Tuan Pengerusi. Saya kira *point* yang dibawa oleh Yang Berhormat Kapar itu mungkin boleh dipertimbangkan oleh pihak Menteri yang boleh menerangkan kepada kita mengenai kempen ini. Dalam waktu yang sama Yang Berhormat Menteri boleh juga nyatakan kepada Dewan ini setengah daripada faedah-faedah penggunaan minyak kelapa sawit ini kalau kita bandingkan dengan minyak soya. Memandangkan kacang minyak soya ini masih mengekalkan satu premium yang sihat atas minyak kelapa sawit. Maknanya dia lebih berpotensi dan ia nampak lebih baik tetapi sedangkan ada juga analisa mengatakan sebaliknya. Jadi kita minta pandangan

daripada pihak Yang Berhormat Menteri mengenai dengan perkara ini. Terima kasih banyak Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Serdang. Boleh lima minit?

9.23 mlm.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Ya, boleh boleh.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Menteri boleh jawab 15 minit, boleh habis?

Dato Sri Douglas Uggah Embas [Betong]: Tidak boleh.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Tidak boleh ya, sambung esok.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Sambung esoklah. Beri saya peluanglah. Terima kasih Tuan Pengerusi kerana beri saya peluang untuk bahas tentang kementerian yang sungguh penting ini. Saya rujuk kepada isu yang sama juga Menangani Kempen Anti Minyak Sawit - 070400. Saya memang bersetuju dengan Yang Berhormat Kapar dan Yang Berhormat Parit Sulong bahawa ini ialah isu yang ada digunakan oleh negara Eropah, setengah-setengah NGO di negara Eropah untuk memburukkan nama syarikat-syarikat di Malaysia. Walaupun saya rasa ada juga kritikan yang perlu diambil kira oleh pihak kementerian.

Jadi soalan saya berkenaan dengan isu ini ialah apakah pendirian kementerian tentang *Roundtable Regarding Sustainable Palm Oil (RSPO)* kerana ini adalah satu inisiatif yang dimulakan oleh Malaysia. Akan tetapi, pada waktu sekarang ini kebanyakan syarikat di Indonesia pun telah pun keluar daripada RSPO. Pada masa yang sama Malaysia juga hendak tubuhkan *Malaysian Sustainable Palm Oil* dengan menggunakan standard sendiri.

Jadi apakah polisi yang akan disetujui ataupun yang akan dicadangkan oleh kementerian untuk memberi jaminan yang lebih baik kepada pengeluar dan pembuat minyak kelapa sawit di Malaysia supaya boleh mendapatkan pasaran yang mencukupi terutamanya di negara-negara maju yang memang mengeluarkan banyak duit untuk membeli kelapa sawit.

Saya juga hendak rujuk kepada Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia – 050100 yang diberikan peruntukan sebanyak RM30,490,000. Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (*Malaysian Timber Industry Board*) merupakan satu lembaga yang memang penting kerana diberikan tanggungjawab untuk menguruskan Forest Plantation Sdn. Bhd. dengan izin. Forest Plantation Sdn. Bhd. ini diberikan tanggungjawab untuk memberikan *soft loan* ataupun jaminan kepada syarikat-syarikat yang ingin menggunakan tanah yang telah *diclear of logging*, balak semua telah diambil. Syarikat-syarikat ini mahu memulihkan tanah-tanah lapang boleh dikatakan tanah-tanah lapang ini dengan *forest replanting* dengan izin.

Saya difahamkan bahawa ada banyak dana telah diberikan kepada Forest Plantation Sdn. Bhd. ini untuk membantu syarikat-syarikat dan juga individu yang hendak menggunakan peluang ini. Jadi soalan saya kepada pihak kementerian ialah pada waktu sekarang apakah hasil

yang dicapai oleh Forest Plantation Sdn. Bhd. untuk menggalakkan syarikat-syarikat membuat, saya rasa satu polisi yang lebih *sustainable* kepada negara, supaya tanah lapang ini boleh dipulihkan dengan *forest replanting*.

Saya rasa juga saya hendak tanya kementerian kerana kebanyakan tempat-tempat seperti ini di mana tanah itu boleh digunakan semula adalah di kawasan di Sabah dan juga di Sarawak. Saya hendak tanya kementerian apakah polisi untuk menggalakkan lebih banyak orang tempatan ataupun syarikat tempatan di Sarawak dan Sabah supaya mereka boleh mendapatkan faedah daripada program Forest Plantation Sdn Bhd ini dan memberi kepastian kepada orang-orang di Sabah dan Sarawak bahawa tanah mereka tidak akan digunakan, kebanyakan tanah itu tidak akan digunakan oleh syarikat luar negara ataupun syarikat dari Semenanjung Malaysia yang pergi ke Sabah dan Sarawak untuk ambil kesempatan.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Serdang.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Okey, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Saya jemput Yang Berhormat Menteri menjawab. Kalau boleh 15 minit saya sambung kalau tidak boleh sambung besok.

9.28 mlm.

Menteri Perusahaan, Perlindungan dan Komoditi [Dato Sri Douglas Uggah Embas]: Tidak boleh. Ada banyak jawapannya.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila jawabannya.

Dato Sri Douglas Uggah Embas: Tuan Pengerusi, yang pertama saya mengucapkan terima kasih kepada semua Yang Berhormat yang telah memberi pandangan dalam peringkat jawatankuasa ini Tuan Pengerusi dan beberapa cadangan. Ia akan membantu kementerian untuk terus memainkan peranan untuk membangunkan industri komoditi kita di negara ini. Beberapa isu telah pun ditimbulkan dan masa pun tidak panjang jadi saya memberi penghormatan kepada MP yang baju merah, *so I reply her question*.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato Sri Douglas Uggah Embas: Oh! Baju hijau. Yang Berhormat daripada Parit Sulong dan Yang Berhormat dari Serdang telah pun menimbulkan perkara mengenai Kempen Anti Minyak Sawit. Memang isu ini telah pun berhadapan dengan industri sawit sepanjang masa. Akan tetapi, kalau kita melihat daripada sejarah bahawa industri sawit telah pun juga berjaya menangkis segala tohmahan, tuduhan dari mana-mana pihak. Oleh sebab itu industri sawit kita telah pun berkembang maju, berjaya dan sehingga sekarang kita ada 51 juta hektar. Kita mengeluarkan hampir 20 juta tan setahun dan ia telah pun memberi pekerjaan yang cukup banyak kepada industri kita. Apa sebab kerana kita berjaya menangani masalah-masalah ini.

Akan tetapi, pesaing-pesaing kita dan NGO-NGO yang tidak bertanggungjawab terus mengadakan kempen-kempen untuk memburukkan minyak sawit ini. Maka oleh itu...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Menteri kita sambung esok ya?

Dato Sri Douglas Uggah Embas: Okey terima kasih.

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Baiklah Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan hingga jam 10 pagi, hari Rabu, 12 November 2014.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 9.30 malam]